PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS
(SUNGAI BURONG)

TAJUK : PETANI / PESAWAH

5. Salah satu strategi untuk menambah pendapatan petani / pesawah ialah dengan pelbagai kegiatan ekonomi mereka.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Apakah strategi dan program mempelbagaikan kegiatan ekonomi yang boleh menambah pendapatan para pesawah?

b) Harga sawit juga mengalami penurunan, apakah program sampingan yang boleh menambah pendapatan petani?

JAWAPAN :

a) Terdapat beberapa strategi atau program yang boleh menambah pendapatan petani/pesawah adalah seperti berikut:

1) Program pengurusan jerami padi di mana petani menjual jerami padi kepada pengusaha 'bale', yang akan menjual 'bale' tersebut untuk digunakan sebagai makanan ternakan.

2) Penghasilan vermikompos di mana penggunaan jerami padi sebagai bahan utama dalam menghasilkan kompos dari proses penguraian oleh cacing. Program ini membantu petani dalam menambah pendapatan hasil penjualan baja organik yang dihasilkan tersebut.

3) Galakan penanaman sayur di keliling rumah di bawah program bumi hijau supaya dapat mengurangkan perbelanjaan isi rumah serta member pendapatan sampingan hasil jualan.

4) Penglibatan dalam industri asas tani di mana menggunakan jerami padi sebagai medium untuk penghasilan kraf tangan, selain itu penggunaan jerami padi sebagai medium untuk mengusahakan tanaman cendawan.

b) Program yang boleh menambah pendapatan petani sawit adalah program bumi hijau seperti yang dinyatakan di atas, program secara integrasi dengan tanaman lain seperti menanam tanaman industri/ tanaman jangka pendek seperti nanas, ubi kayu atau keledek di kawasan sawit . Penanaman cendawan tiram kelabu di kawasan sawit juga sesuai dijalankan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BHARU)

TAJUK : MASALAH PENGUATKUASAAN TEMPATAN

26. Tindakan MBSA hendak menangkap orang ramai atau orang yang kena kompaun, yang gagal bayar kompaun parking kereta.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Adakah ini satu penyelesaian yang terbaik?

b) Adakah ini satu hasil atau bagi mengurangkan bantuan kerajaan perintah Selangor kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ?

JAWAPAN :

a) Tindakan pengeluaran notis untuk mengambil tindakan undang-undang melalui Mahkamah waran tangkap adalah tindakan mengikut saluran undang-undang yang sah. Pengeluaran notis memaklumkan tindakan yang akan diambil adalah sebagai suatu peringatan sebelum tindakan memfailkan tindakan selanjutnya bagi menyedarkan pesalah agar kompaun parking kereta untuk mematuhi undang-undang dengan menjelaskan bayaran kompaun.

b) Kompaun adalah salah satu hasil Majlis tetapi ia bukan hasil utama yang menjadi tempat kebergantungan pendapatan Majlis. Tindakan undang-undang ini bukan dengan tujuan mengurangkan bantuan kerajaan yang memerintah Negeri Selangor kerana 'exercise' ini telah dimulakan sejak tahun 2001 lagi.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN
(SRI SERDANG)

TAJUK : SUMBER KEWANGAN

27. Kerajaan Negeri ada bercadang untuk menubuhkan satu institusi seumpama Baitulmal bagi menjana pendapatan bagi tujuan membiayai pembangunan negeri.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa institusi Baitulmal hanya untuk orang Islam dan hasilnya tidak wajar diguna untuk pembangunan negeri?

b) Jika benar satu institusi baru akan ditubuhkan, apakah rupa bentuk institusi tersebut?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri sedar perkara tersebut. Cadangan Kerajaan Negeri adalah sama ada Baitulmal boleh digunakan bagi mengumpulkan dana bagi projek pembangunan Kerajaan Negeri kerana kita mendapati Kerajaan Persekutuan ada menggunakan saluran lain bagi dana pembangunan.

b) Setakat ini kita masih lagi mencari jalan bagi dana pembangunan Kerajaan Persekutuan disalurkan menerusi Kerajaan Negeri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)

TAJUK : PERUMAHAN (MASALAH PENEMPATAN SETINGGAN)

39. Kita menyambut baik usaha Kerajaan Negeri Selangor menubuhkan Jawatankuasa Khas ke arah menyelesaikan masalah pemindahan setinggan di Bukit Botak, Selayang yang telah berlarutan begitu lama.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Sejauh manakah Kerajaan Negeri dapat menjamin laporan Jawatankuasa Khas ini dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri supaya benar-benar dapat menyelesaikan masalah penduduk.

JAWAPAN :

a) Jawatankuasa Pemutihan Bukit Botak ditubuhkan bertujuan unit menyelaras segala kerja-kerja berkaitan dengan permasalahan penempatan peneroka Bandar Bukit Botak seperti bancian senarai nama penyelewengan dan sebagainya. Antara lain tugas Jawatankuasa ini ialah :

   1) Menyemak senarai nama peneroka

   2) Melakukan siasatan jika terdapat aduan-aduan penyelewengan

   3) Mengenal pasti nama-nama yang tercicir daripada senarai yang telah di banci

   4) Memanggil senarai nama yang tercicir untuk ditemu duga

   Laporan Jawatankuasa Pemutihan ini akan dibentangkan kepada Kerajaan dalam jangka masa terdekat.

b) Ada beberapa langkah yang boleh diambil bagi menyelesaikan masalah Setinggan Bukit Botak. Di antaranya adalah :

   1) Syarikat Kerajaan Negeri PKNS membantu menyiapkan projek rumah yang terbengkalai.

   2) Pengambilan balik keseluruhan tanah di Bukit Botak untuk penyediaan projek perumahan untuk Rakyat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BHARU)

TAJUK : KAMPUNG BARU

40. Antara masalah di Kampung Baru ialah mendapatkan geran-geran tanah.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Sehingga kini, berapakah jumlah Kampung Baru dan kawasan Kampung Bagan yang telah mendapat geran tanah?

b) Bagaimana proses dan tempoh untuk mendapatkan geran-geran tanah tersebut?

b) Apakah program-program khusus yang dilakukan di kampung-kampung baru bagi memastikan penduduknya bersama dengan aspirasi kerajaan?

JAWAPAN :

a) Sehingga 30 September 2009, sebanyak 9,230 lot tanah Kampung Baru telah dikeluarkan hakmilik. Manakala bagi kawasan Kampung Bagan, tiada hakmilik dikeluarkan kerana kawasan penempatan ini terletak di dalam kawasan rizab sungai atau rizab hutan. Penduduk di Kampung Bagan hanya diberikan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) dan hanya melibatkan beberapa daerah seperti Kuala Selangor, Klang dan Sabak Bernam. Perincian mengikut pecahan daerah adalah seperti dilampirkan.

1) Kampung Baru

BIL	DAERAH	KELUASAN	JUMLAH LOT	JUMLAH LOT YANG DIKELUARKAN HAKMILIK
1.	Petaling	819.197 hektar	5,027	1,810
2.	Klang	2,500 ekar	1,391	1,357
3.	Hulu Langat	Lbk. 624	3,320	1,524
4.	Gombak	136.4 Hektar	337	319
5.	Kuala Langat	1,403.64 ekar	2,515	2,151
6.	Kuala Selangor	146.303 ekar	932	932
7.	Hulu Selangor	-	-	138

8.	Sepang	Lbk. 241.4	678	149
9.	Sabak Bernam	146.24 ekar	980	850

2) Kampung Bagan

BIL	DAERAH	KELUASAN	JUMLAH LOT	JUMLAH LOT YANG DIKELUARKAN HAKMILIK
1.	Petaling	Tiada	Tiada	Tiada
2.	Klang	732.7 ekar	125 plot	Hanya dilupuskan secara LPS
3.	Hulu Langat	Tiada	Tiada	Tiada
4.	Gombak	Tiada	Tiada	Tiada
5.	Kuala Langat	Tiada	Tiada	Tiada
6.	Kuala Selangor	149.478 ekar	1,169	TOL sahaja / Tanah rizab hutan
7.	Hulu Selangor	Tiada	Tiada	Tiada
8.	Sepang	Tiada	Tiada	Tiada
9.	Sabak Bernam	45 ekar	461	Dalam Proses Pengeluaran

b) Bagi Kampung Baru, permohonan mendapatkan hak milik yang melibatkan permohonan lanjut tempoh pajakan hendaklah dikemukakan kepada Pentadbir Tanah Daerah. Permohonan hendaklah melalui Borang yang telah ditetapkan di samping menjelaskan bayaran-bayaran yang telah ditentukan.

Pemprosesan permohonan tersebut melibatkan tindakan mendapatkan ulasan-ulasan Jabatan Teknikal berkenaan mengikut merit setiap permohonan bagi penyediaan Kertas Ringkasan. Kertas Ringkasan berkenaan seterusnya akan diangkat kepada pihak berkenaan mengikut tempoh lanjut pajakan seperti berikut: -

i) <u>60 tahun</u>
Permohonan dikemukakan kepada Pentadbir Tanah Daerah untuk pertimbangan dan kelulusan.

ii) <u>99 tahun</u>
Permohonan diangkat kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) melalui Pejabat Tanah dan Galian Selangor.

Tempoh pemprosesan permohonan adalah lapan (8) bulan mengikut piagam pelanggan semasa.

c) Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 22 Oktober 2009 telah menolak soalan ini

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)

TAJUK : AGENDA MERAKYATKAN EKONOMI

48. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Apakah perkembangan, prestasi dan bajet yang diperuntukkan untuk program-program di bawah agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor berikut :

i) Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)
ii) Hadiah Anak Masuk Universiti
iii) Caruman Takaful & Perubatan Percuma kepada Warga Emas
iv) Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC)

JAWAPAN :

a) **i) Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)**

PERKEMBANGAN

Sehingga 5 November 2009, jumlah pendaftaran yang diterima adalah sebanyak 15,696 permohonan di aman sebanyak 12,963 adalah permohonan yang layak, 685 gagal dan 1,009 bagi permohonan yang layak tetapi tidak mempunyai dokumen yang lengkap.

Berikut merupakan status jumlah permohonan TAWAS sehingga 5 November 2009:

Jumlah pendaftaran diterima:			**15656**
Jumlah yang belum disemak:			
Permohonan di kaunter	237		
Permohonan 'online' (menunggu dokumen)	762	**999**	
Jumlah yang telah disemak:			
Permohonan yang layak	12963		
Permohonan yang layak tetapi tidak lengkap dokumen	1009		
Permohonan tidak layak	685	**14657**	
Jumlah Keseluruhan		**15656**	**15656**

PRESTASI

Pada awalnya, TAWAS bermula dengan agak perlahan. Namun begitu, akhir-akhir ini jumlah pendaftaran secara bulanan adalah konsisten dan menggalakkan di mana jumlah permohonan yang diterima adalah di antara 700 hingga 1,000 permohonan sebulan.

BAJET

Keseluruhan jumlah peruntukan termasuk kos operasi adalah sebanyak RM 13.5 juta di mana peruntukan yang diberikan oleh kerajaan Negeri Selangor untuk program TAWAS adalah sebanyak RM 8.5 juta berdasarkan kepada laporan statistik kelahiran tahunan iaitu sebanyak 85,000 kelahiran setahun. Manakala bakinya yang berjumlah RM 5 juta adalah diperuntukkan untuk kos operasi.

ii) Hadiah Anak Masuk Universiti

Program Hadiah Pengajian IPT (Hadiah Anak Masuk Universiti) telah mula dilaksanakan berkuat kuasa pada **1 Julai 2008**. Melalui program ini, pelajar yang berjaya melanjutkan pengajian ke IPT akan diberi **insentif berjumlah RM1,000** berdasarkan **syarat-syarat** yang telah ditetapkan seperti berikut:

(i) Permohonan adalah terbuka kepada **Warganegara Malaysia** sahaja;

(ii) Pemohon juga merupakan **Rakyat D.Y.M.M. Sultan Selangor** yang memenuhi kriteria seperti berikut:
   (a) **Pemohon** lahir di Negeri Selangor; atau
   (b) **Ibu** atau **Bapa** pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
   (c) Pemohon lahir di Kuala Lumpur sebelum **1 Februari 1974**;

(iii) Pemohon telah ditawarkan tempat untuk memasuki **Tahun Pertama** (Semester Pertama) mulai **Julai 2008** sahaja;

(iv) Pemohon telah ditawarkan tempat untuk melanjutkan pengajian secara **sepenuh masa** (*full-time courses*) di IPTA atau IPTS yang diiktiraf oleh Kerajaan bagi pengajian di peringkat **Ijazah Sarjana Muda** dan **Diploma** sahaja;

(v) Pemohon **telah pun mendaftarkan diri** di IPT bagi memulakan sesi pengajian; dan

(vi) Pemohon daripada keluarga berpendapatan **RM1,500 ke bawah**.

Setakat **26 Oktober 2009**, sebanyak **11,560 permohonan** telah diterima daripada pelajar untuk mendapatkan **insentif berjumlah RM1,000** berkenaan. Daripada jumlah tersebut, hanya **8,156 pemohon** (70.55%) sahaja yang didapati **layak untuk dipertimbangkan** bagi menerima insentif tersebut, manakala **3,404** (29.45%) permohonan ditolak kerana tidak memenuhi syarat sepertimana yang telah ditetapkan seperti di atas.

Semenjak berkuat kuasa pelaksanaan program tersebut, Kerajaan Negeri telah membelanjakan kos berjumlah **RM8.15 juta** bagi membiayai program ini. Taburan penerima dan pembayaran mengikut IPT adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis IPT	Jumlah Penerima	Kos Perbelanjaan
1.	IPT Awam	4,773	RM4,773,000.00
2.	IPT Swasta	3,296	RM3,296,000.00
3.	IPT Luar Negara	87	RM87,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		**8,156**	**RM8,156,000.00**

iii) Caruman Takaful & Perubatan Percuma kepada Warga Emas.

Skim Mesra Usia Emas yang sering disalah rujuk sebagai Caruman Takaful dan Perubatan Percuma adalah satu skim khairat kematian untuk seluruh warga emas dan orang kurang upaya (OKU) di Negeri Selangor yang layak dan berdaftar.

Sehingga Oktober 2009, keseluruhannya seramai 114,699 orang Warga Emas telah berjaya didaftarkan ke dalam sistem Skim Mesra Usia Emas.

Dalam Fasa Kedua yang akan dilaksanakan pada 2010, antara lain manafaat yang akan ditawarkan adalah berupa manafaat kesihatan tertentu, pemakanan dan diskaun-diskaun tertentu yang telah dirancang. Kad keahlian juga akan turut diedarkan kepada semua ahli bagi memudahkan penyaluran manafaat kepada hanya mereka yang layak dan pemantauan dapat dilakukan dengan berkesan.

Walau bagaimanapun, perlaksanaan Fasa Kedua bergantung kepada keputusan dan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Kertas cadangan telah pun disiapkan dan akan dibentangkan bagi mendapatkan persetujuan dan kelulusan tersebut.

Bajet yang diperuntukkan adalah sebagaimana kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri iaitu sejumlah RM20.7 juta setahun bagi tahun 2009 dan 2010.

iv) Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC)

PERKEMBANGAN

1. Program **PROJEK KEMPEN KESEDARAN O.S.C.C NEGERI SELANGOR PERINGKAT DUN : SEMINAR KATAKAN TIDAK KEPADA KEGANASAN RUMAHTANGGA, PERUNDANGAN WANITA, KELUARGA & KANAK-KANAK & OSCC** ini telah mendapat komitmen yang baik daripada semua pihak terutama dari ADUN, badan bukan kerajaan (NGO),media massa dan orang ramai. NGO yang dilantik bekerjasama dengan ADUN dan mendapat kerjasama yang baik daripada tiga (3) agensi pelaksana yang terlibat dengan OSCC di hospital. Agensi pelaksana tersebut terdiri daripada pegawai perubatan (doktor) daripada Jabatan Kecemasan Hospital, pegawai kebajikan masyarakat daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pegawai polis daripada Ibu pejabat Polis. Mereka dijemput menjadi ahli panel dalam satu sesi forum di dalam program seminar yang dianjurkan, untuk berkongsi maklumat, peranan dan pengalaman masing-masing dalam menangani kes-kes

OSCC. Lebih penting dan utama, sesi ini memberitahu langkah-langkah yang mesti diambil jika perkara-perkara yang berkaitan berlaku.

2. Program ini mensasarkan kumpulan pimpinan komuniti (community leader) seperti ketua kampung, Ahli Majlis, MPP, pihak tadika/PIBG & JK penduduk di setiap DUN, memandangkan golongan ini banyak berinteraksi dan berdampingan dengan rakyat secara langsung.

3. Selain daripada program tersebut, kempen ke tempat-tempat awam juga dilakukan bagi meningkatkan kesedaran keganasan ini dengan kaedah pengedaran seminar KIT tersebut kepada orang ramai. Pengedaran tersebut telah dilakukan semasa Karnival Selangor Ria berlangsung.

PRESTASI

1. Sehingga kini sebanyak 37 buah DUN, iaitu 64.28% telah melaksanakan program seminar OSCC di DUN masing-masing.

2. Purata kehadiran peserta adalah 88.47% di setiap DUN.

3. Melalui maklum balas awal yang diterima, sebanyak lebih daripada 90& dari pada peserta tidak pernah dengar atau tidak pernah tahu mengenai kewujudan OSCC sebelum ini, apatah lagi mengenai peranan dan khidmat yang boleh didapati, walau pun ianya telah dilancarkan oleh Kerajaan Persekutuan sejak 1996 lagi.

4. Daripada borang soal-selidik yang dikeluarkan di akhir program, menunjukkan peningkatan daripada segi pengetahuan dan pemahaman mengenai OSCC serta tindakan yang perlu diambil sekiranya berlaku isu-isu yang berkaitan dengan OSCC.

5. Banyak permintaan daripada pihak DUN yang inginkan program seminar ini dibuat di peringkat taman-taman dan kampung-kampung.

BIL.	DUN YANG MASIH BELUM MELAKSANANKAN
1	SRI SERDANG
2	SRI KEMBANGAN
3	HULU BERNAM
4	SUNGAI PINANG
5	SUNGAI PANJANG
6	SUBANG JAYA
7	KINRARA
8	BUKIT GASING
9	JERAM
10	KOTA ANGGERIK
11	SRI ANDALAS
12	PANDAMARAN
13	PELABUHAN KLANG
14	KOTA ALAM SHAH
15	SUNGAI PELEK
16	KUANG
17	SEMENTA
18	BUKIT LANJAN
19	SUNGAI BURONG
20	PAYA JARAS

6. Jadual di atas menunjukkan 20 buah DUN yang masih belum melaksanakan program seminar OSCC. DUN-DUN ini akan melaksanakannya pada bulan November dan Disember 2009 ini.

BAJET

1. Sebanyak RM280,000 telah diperuntukkan untuk menjalankan program seminar ini di 56 buah DUN di seluruh Negeri Selangor.

2. Peruntukan tersebut adalah untuk makanan, tempat, peralatan, pengangkutan, sagu hati & cenderahati penceramah dan elaun sukarelawan.

3. NGO ini juga dibekalkan dengan seminar kit peserta yang terdiri daripada bag yang diisi dengan modul seminar, kad kalendar, pamplet, *badge button,* VCD OSCC, *sticker* kereta dan pen.

4. Manakala untuk NGO dan Pusat Khidmat Dun yang menggerakkan program OSCC turut dibekalkan dengan bahan kempen seperti poster, kain rentang dan *bunting.*

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN
(SRI SERDANG)

TAJUK : RANGSANGAN EKONOMI

54. Kerajaan ada mencadangkan pakej rangsangan ekonomi untuk lima projek dengan jangkaan perbelanjaan melebihi RM 50 bilion.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status perancangan dan pelaksanaan lima projek-projek berkenaan dari segi peruntukan, tempoh fasa dan sebagainya iaitu pembangunan semula kawasan bandar, pemulihan Sungai Klang, pengambilan semula aset perkhidmatan air, penaikan taraf pengangkutan awam dan pemulihan projek-projek yang terbiar.

JAWAPAN :

a) **<u>Pembaharuan Bandar</u>**

1) Petaling Jaya, Klang dan Kajang telah dipilih sebagai kawasan-kawasan yang akan dijalankan Projek Pembaharuan Bandar. Sesi perbincangan dengan Ahli Parlimen, ADUN dan Ahli Majlis telah dijalankan. Projek Sungai Klang akan dijadikan sebagai pemangkin kepada Projek Pembaharuan Bandar untuk Bandar Klang.

2) *Conference* Pembaharuan Bandar akan diadakan pada 20 November dan 1 Disember, dianjurkan secara bersama antara Kerajaan Negeri Selangor dan pihak swasta seperti Malaysian Institute of Planners (MIP) dan REHDA. Pakar-pakar dari luar negara akan dibawa untuk berkongsi pengalaman mereka. Objektif *conference* adalah untuk memberikan pemahaman yang lebih jelas mengenai pembaharuan bandar dan memberikan ruang untuk konsultasi dengan orang awam dan pihak-pihak berkepentingan.

3) Projek Pembaharuan Bandar perlu mengenal pasti kawasan spesifik untuk pelaksanaan projek dan juga perlu mengikuti proses konsultasi dengan orang awam.

<u>Pemuliharaan dan Pembangunan Sungai Klang</u>

1) Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah menganjurkan bengkel konsultasi awam dengan NGO dan wakil-wakil penduduk untuk mendapatkan pendapat dan pandangan mengenai Projek Sungai Klang.

2) Inventori guna tanah masih di dalam proses. Proses ini dibahagikan kepada tiga bahagian, dengan bahagian Klang sudah diselesaikan. Bahagian Shah Alam, Subang Jaya dan Petaling Jaya sedang dalam proses pelaksanaan, manakala bahagian Ampang Jaya akan dilaksanakan tidak lama lagi.

3) Kerajaan Negeri Selangor juga telah menawarkan dokumen 'Request for Business Proposals' (RFP) kepada syarikat-syarikat swasta. Sebanyak 37 syarikat telah membeli dokumen ini, dan 12 daripada syarikat-syarikat tersebut telah menghantar cadangan mereka. Cadangan-cadangan ini sedang dalam proses penilaian oleh Taksforce Projek Sungai Klang dan pakar-pakar untuk pemilihan projek.

4) Pada masa yang sama, satu pasukan perancang profesional juga sedang dalam proses untuk membuat 'vision plan' projek ini. Pada peringkat ini, pelan sedang dibuat untuk kawasan Klang.

5) Program yang melibatkan orang awam akan diadakan tidak lama lagi. Kerajaan Negeri sedang bekerjasama dengan sebuah NGO yang berpengalaman luas berkenaan sungai iaitu Global Environment Centre (GEC) untuk menggalakkan penglibatan orang awam dan komuniti di dalam kerja-kerja pembersihan sungai. Pada peringkat berikutnya, Kerajaan Negeri berharap agar mendapat kerjasama sekolah-sekolah, institusi pengajian tinggi (IPT) dan setiap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang berkenaan di sepanjang Sungai Klang.

6) Berdasarkan jadual kerja yang disediakan oleh Sekretariat Projek, selepas penilaian, cadangan akan dipilih sebelum hujung tahun 2009 dan kerja-kerja pemuliharaan dan pembangunan dijangka akan bermula pada suku pertama 2010.

Penyusunan Semula Industri Perkhidmatan Air

1) Proses pengambilalihan air Selangor oleh negeri dan kerajaan pusat dijangka akan diselesaikan pada hujung tahun 2009.

2) Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri telah bersetuju atas cadangan alternatif yang dicadangkan oleh Kerajaan Pusat, dan kerajaan Negeri telah mengemukakan beberapa syarat supaya cadangan ini dapat dipersetujui oleh Kerajaan Negeri. Hakikatnya, Kerajaan Negeri masih ingin penyelesaian dibuat melalui cadangan pertama kerana ia merupakan proses penstrukturan yang holistik dan mengikuti dasar nasional. Cadangan model pertama tidak berjaya oleh sebab dua syarikat konsesi air yang tidak menerima tawaran kerajaan negeri, iaitu Puncak Niaga Sdn. Bhd. dan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (Syabas).

3) Persetujuan ini sepatutnya di bincang secara teliti di antara kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri sebelum berjumpa dengan syarikat-syarikat konsesi air. Walau bagaimanapun, mesyuarat telah diadakan untuk membentangkan cadangan ini kepada syarikat tersebut.

4) Halangan terkini yang dihadapi untuk merealisasikan harapan tersebut adalah respons Kerajaan Pusat yang dilengahkan kepada permintaan Kerajaan Negeri mengadakan mesyuarat untuk membincangkan isu-isu tertentu. Ini termasuklah penilaian aset-aset air oleh Kerajaan Negeri dan Pengurusan Air Berhad (PAAB). Kelengahan respons oleh Kerajaan Pusat adalah amat membimbangkan.

5) Kerajaan Negeri telah memaklumkan kepada Kementerian bahawa ia ingin membayar separuh daripada kos 'due diligence' ke atas syarikat-syarikat konsesi air tetapi ini tidak dipersetujui oleh pihak PAAB, yang telah pun menyelesaikan proses 'due diligence'. Kerajaan Negeri akan menekankan bahawa ia sepatutnya diberi laporan penuh 'due diligence' tersebut.

6) Proses ini akan dapat dipercepatkan lagi jika Menteri Besar diberi peluang untuk berjumpa dengan Menteri KTTHA secepat mungkin untuk menyelesaikan isu-isu.

7) Penyusunan semula industri perkhidmatan air mestilah diselesaikan segera kerana terdapat beberapa tindakan undang-undang di antara syarikat-syarikat konsesi sedang dilaksanakan dan jumlah hutang juga semakin bertambah.

Penaikan taraf pengangkutan awam

1) Kerajaan Negeri Selangor telah mengadakan beberapa mesyuarat dan perjumpaan dengan syarikat, ahli akademik dan ahli NGO untuk memulakan perbincangan mengenai penaikan taraf pengangkutan awam di Selangor.

2) Oleh sebab kebanyakan keputusan mengenai infrastruktur pengangkutan awam dibuat oleh Kerajaan Pusat, Dato' Menteri Besar Selangor telah pun berjumpa dengan Menteri Pengangkutan bersama dengan Ahli MMKN YB Teresa Kok.

3) Kerajaan Negeri Selangor telah memberi satu "*wish list"* kepada Menteri Pengangkutan. Di antara kehendak Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti berikut:

   i) Penguatkuasaan dan pemantauan yang lebih efektif

   ii) Penyelarasan dan pemberian kuasa kepada Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan

   iii) Cadangan untuk menubuhkan Lembaga Pengangkutan Awam Negeri Selangor

   iv) *Corridor movement* yang lebih selesa dan cadangan untuk menubuhkan BRT iaitu *Bus Rapid Transit*

   v) Cadangan untuk pengangkutan komuniti seperti bas komuniti dan perkhidmatan bas mikro

   vi) Infrastruktur sokongan mesti diperbaiki iaitu laluan pejalan kaki, mengadakan tempat letak basikal di stesen LRT dan komuter.

4) Perbincangan di antara Kementerian dan Kerajaan Negeri Selangor akan diteruskan lagi.

Pemulihan projek-projek yang terbiar

1) Apabila Kerajaan Pakatan mula pemerintahan di kerajaan negeri Selangor, terdapat 144 projek yang terbengkalai yang melibatkan 45,559 unit. *Gross Development Value* projek-projek ini bernilai RM7billion – RM9 bilion melibatkan lebih 20,000 orang.

2) Taskforce Projek Terbengkalai ditubuhkan di bawah Ahli Exco YB. Iskandar dan diketuai oleh ADUN YB. Saari Sungib

3) Beberapa projek yang *complicated* telah dipilih sebagai fokus untuk diselesaikan iaitu:-

   i) Revolusi Hijau 1, 2, 3 (Alam Perdana dan Alam Mutiara) di Kuala Selangor

   ii) Bukit Botak, Selayang

   iii) Villaria, PJS5 Petaling Jaya

4) Sehingga Jun 2009, 18 projek telah berjalan semula melibatkan 15,128 unit

5) Risalah Alam Perdana dan Alam Mutiara akan diedarkan kepada orang ramai untuk pengetahuan mereka tentang latar belakang projek-projek ini, khasnya supaya pembeli-pembeli rumah dapat tahu apakah situasi yang sebenarnya.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)

TAJUK : ANAK PRA-SEKOLAH

67. Program “Permata Negara” adalah inisiatif Persekutuan yang mendidik dan melahirkan kelompok pelajar cemerlang sejak di peringkat awal lagi.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Adakah Negeri Selangor bercadang menubuhkan pusat anak pra-sekolah seumpama Program “Permata Negara” sebagai tanda keprihatinan terdapat rakyat?

b) Adakah kerajaan sudah melaksanakan cadangan untuk memberi bantuan RM50 sebulan seorang anak bagi pendidikan pra-sekolah seperti yang pernah dijanjikan?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap keperluan pendidikan awal kanak-kanak kerana kanak-kanak merupakan tonggak pembangunan insan yang cemerlang bagi sesebuah negeri. Dengan mempertingkatkan taraf institusi taska di Selangor, Kerajaan Negeri turut mementingkan sistem pembelajaran kanak-kanak supaya dapat berkembang seimbang dengan perkembangan emosi dan kognitif dengan lebih optimum dan bersedia apabila memasuki alam persekolahan formal.

Terdapat pelbagai jenis taska yang berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor bagi memastikan ianya memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan sebagai langkah keselamatan penghuni dan sekali gus sebagai keprihatinan kepada kebajikan rakyat.

Terdapat empat (4) jenis taska yang terdapat di Negeri Selangor, iaitu :-

1) Taska Di Rumah – suatu taman asuhan kanak-kanak yang menerima masuk kurang daripada sepuluh (10) orang kanak-kanak dalam rumah orang yang di daftarkan.

2) Taska Di Institusi – suatu taman asuhan kanak-kanak yang menerima masuk sepuluh (10) orang kanak-kanak atau lebih.

3) Taska Di Tempat Kerja – suatu taman asuhan kanak-kanak di tempat kerja yang menerima masuk sepuluh orang atau lebih.

4) Taska Komuniti – suatu taman asuhan kanak-kanak yang menerima masuk sepuluh (10) orang atau lebih kanak-kanak di suatu kawasan tertentu dan yang menerima bantuan daripada Kerajaan Persekutuan atau suatu Kerajaan Negeri.

Dengan wujudnya taska-taska ini di Negeri Selangor, pendidikan kanak-kanak dari segenap lapisan masyarakat tidak dipinggirkan dan akan sentiasa memastikan kanak-kanak tersebut mendapat perhatian yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri Selangor tidak bercadang untuk melaksanakan program seumpama program “Permata Negara”. Namun, Kerajaan tetap menjalankan pemantauan, penguatkuasaan dan mempertingkatkan kualiti taska-taska sedia ada dari sudut pendidikan dan penjagaan secara berkala. Tidak terkecuali juga latihan dan bimbingan turut disediakan kepada pengusaha-pengusaha dan pengasuh-pengasuh taska yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri.

b) Pelaksanaan program bantuan RM50 sebulan kepada anak pra-sekolah sedang dalam kajian untuk dilaksanakan dalam Fasa III atau IV pada tahun hadapan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN
(SRI SERDANG)

TAJUK : TANAH

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah kerajaan bercadang untuk menurunkan cukai tanah terutamanya di kawasan luar bandar selaras dengan konsep 'Kerajaan Berkebajikan'?

b) Kerajaan Negeri ada menubuhkan *task force* berkenaan tanah negeri, apakah hasil kajian, pemerhatian dan cadangan yang telah dikemukakan oleh *task force* ini?

c) Apakah dasar Kerajaan Negeri berhubung dengan 'pemberimilikan' tanah-tanah bagi setinggan, peneroka, TOL dan kampung baru?

JAWAPAN :

a) Secara umumnya, Kerajaan Negeri tiada sebarang cadangan untuk penurunan cukai tanah. Namun begitu, jika terdapat permohonan mengenai penurunan cukai tanah, pihak Kerajaan akan meneliti dan mengkaji secara terperinci sebelum sebarang keputusan dibuat. Berdasarkan kepada Kanun Tanah Negara, 1965, pengiraan semula cukai dilaksanakan setiap 10 tahun. Pengiraan semula cukai tanah terkini telah dijalankan pada tahun 2003, dan dikuatkuasakan sepenuhnya pada tahun 2006. Pengiraan semula cukai tanah yang seterusnya adalah pada tahun 2013.

b) Antara lain Taskforce Tanah mengesyorkan:

1) Penubuhan Majlis Perundingan Tanah bagi memberikan saluran kepada 'stakeholder' suarakan masalah-masalah tanah kepada kerajaan;

2) Keperluan "Trigger Mechanism" bagi mewajibkan penjual datang ke Pejabat Tanah bagi transaksi melebihi nilai tertentu sekali gus kurangkan penipuan;

3) Penubuhan Lembaga Hak Milik Strata;

4) Pemisahan Pentadbiran Tanah dan Pentadbiran Daerah;

5) Pemindahan Hak milik Pejabat Pendaftar dari Pejabat Tanah dan Galian kepada Pejabat Tanah Daerah.

c) Dasar Kerajaan Negeri membolehkan pemohon untuk mengemukakan permohonan pemberimilikan tanah kerajaan kepada Pentadbir Tanah Daerah. Kerajaan Negeri akan membuat pertimbangan sewajarnya bagi permohonan daripada individu (meliputi setinggan, peneroka tidak sah, TOL dan penduduk kampung baru) dalam usaha untuk memutihkan penempatan/penerokaan secara tidak sah di atas tanah kerajaan.

Setiap permohonan pemberimilikan oleh individu akan diberi pertimbangan sewajarnya dan bergantung kepada ulasan teknikal oleh jabatan-jabatan teknikal berkaitan dan Pentadbir Tanah Daerah. Pihak Berkuasa Negeri dalam masa yang sama telah mengarahkan agar semua permohonan pemberimilikan tanah kerajaan oleh individu diproses secara berkelompok mengikut sesuatu kawasan bagi memastikan proses pemutihan tanah kerajaan diselesaikan secara menyeluruh. Dasar ini berbeza dengan proses sebelum ini di mana permohonan pemberimilikan tanah kerajaan oleh individu diangkat untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri secara bersendirian.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HJ. ABD. RAHMAN BIN HJ. PALIL
(SEMENTA)

TAJUK : JAWATANKUASA TETAP HAL EHWAL ISLAM

74. Dimaklumkan hanya lima pihak berkuasa dibenarkan mengeluarkan kenyataan melibatkan isu-isu agama Islam di negeri ini bagi memastikan maklumat disiarkan media adalah tepat iaitu Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, MAIS, Jabatan Mufti Negeri Selangor, Ketua Hakim Syarie dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

) Adakah ini bermakna Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam telah dikurangkan kuasanya dan tidak boleh mengeluarkan kenyataan melibatkan isu-isu agama Islam?

a) Apakah skop dan tugasan yang ditadbir urus oleh Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam?

JAWAPAN :

b) Kuasa dan tanggungjawab Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam tidak dikurangkan bahkan beliau berperanan sebagai perantara di antara Kerajaan Negeri dengan MAIS bagi memastikan dasar yang ditentukan oleh MAIS dilaksanakan oleh badan pelaksana yang diberi kuasa seperti JAIS.

Di samping itu Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam juga berfungsi sebagai:

1) Memastikan peruntukan kewangan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada JAIS, Jabatan Mufti Negeri Selangor dan Mahkamah Syariah digunakan dengan sewajarnya selaras dengan pembangunan umat Islam di Negeri Selangor;

2) Memastikan dasar dan polisi MAIS dilaksanakan oleh semua agensi agama di bawah MAIS,

3) Membantu MAIS dalam menyelaraskan aktiviti semua agensi agama di bawah MAIS,

4) Membantu MAIS dan semua agensi agama di bawah MAIS dalam menjawab persoalan-persoalan berkaitan di dalam Dewan Undangan Negeri.

5) Membantu pihak semua agensi agama di bawah MAIS, dalam melaksanakan program-program ceramah kefahaman dan motivasi bagi meningkatkan pemahaman Islam, penghayatan dan akidah masyarakat khususnya remaja dan

6) Lain-lain tugas yang dititahkan oleh DYMM Sultan dan diputuskan oleh MAIS.

Oleh yang demikian, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam dibenarkan untuk mengeluarkan sebarang kenyataan berhubung isu-isu penyelarasan pentadbiran agama Islam dan terhad perkara-perkara yang berada di bawah bidang kuasanya.

) Skop dan tugasan yang ditadbir urus oleh Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam ialah:

1. Skop (Fokus)

i) Pembangunan pendidikan Islam dan dakwah
ii) Pembangunan kecekapan sistem pentadbiran hal ehwal Islam dan prasarana ibadah serta pendidikan,
iii) Kebudayaan dan kesenian Islam,
iv) Bina Insan, kekeluargaan dan kemasyarakatan
v) Pengeluaran sijil Pengesahan Halal dan Logo Halal,
vi) Pengimarahan Masjid,
vii) Penerangan melalui media massa,
viii) Dialog antara agama,
ix) Memperkemaskan sistem perundangan syarak dan memperhebat operasi penguatkuasaan,
x) Meningkatkan usaha dan peranan LZS,
xi) Meningkatkan kecekapan pengurusan dan pembangunan ekonomi serta harta umat Islam.

2. Tugasan

i) Memperkemaskan sistem pentadbiran hal ehwal Islam sedia ada dengan lebih berkesan melalui sektor awam di peringkat negeri yang dipantau oleh MAIS, JAIS, LZS, Mahkamah Syariah dan unit-unit berkaitan agama Islam di dalam jabatan-jabatan kerajaan.
ii) Memperkukuhkan jentera pelaksana dan pemantau hal ehwal Islam di peringkat Kerajaan Negeri dengan mewujudkan kerjasama yang berkesan bersama badan-badan dakwah dan badan-badan bukan kerajaan yang diiktiraf.
iii) Menyemarakkan Syiar Islam agar ianya dapat dihayati dan dibudayakan dengan sungguh-sungguh oleh institusi keluarga dan masyarakat Islam.
iv) Menyebarluaskan pengetahuan berkaitan Islam kepada seluruh lapisan masyarakat Islam.
v) Mengembangkan usaha-usaha dakwah, pembangunan pendidikan, sosial, kemasyarakatan dan ekonomi Islam sama ada secara formal atau tidak formal dengan lebih terancang dan sistematik.
vi) Mewujudkan persekitaran yang baik melalui usaha pembentukan masyarakat yang berpegang kepada akidah dan syariah Islam.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN EDWARD LEE POH LIN
(BUKIT GASING)

TAJUK : TATACARA BAGI PENGGUNAAN PERUNTUKAN ADUN

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Adakah Kerajaan Negeri akan meneliti semula garis panduan yang sedia ada di peringkat pejabat daerah berkenaan tatacara bagi penggunaan peruntukan ADUN?

b) Kalau ya, adakah garis panduan baru yang terperinci akan dikeluarkan bagi memastikan tidak berlakunya salah guna peruntukan dan penyelewengan?

JAWAPAN :

a) Penelitian semula Garis Panduan mengenai penggunaan Peruntukan ADUN dibuat dari masa ke semasa berdasarkan maklum balas daripada ADUN, Pegawai Daerah dan pihak-pihak yang terlibat. Pindaan garis panduan tersebut akan diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

Adalah dimaklumkan bahawa Garis Panduan Tatacara bagi Penggunaan Peruntukan ADUN yang terbaru telah dikeluarkan pada 29 Jun 2009 iaitu Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.7 Tahun 2009. Surat Pekeliling tersebut adalah penambahbaikan kepada Surat-surat Pekeliling mengenai peruntukan ADUN yang dikeluarkan sebelum ini iaitu Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.2 Tahun 2004, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.5 Tahun 2008, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.6 Tahun 2008 dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.7 Tahun 2008.

b) Garis panduan sedia ada ini adalah memadai dan diyakini tidak akan menyebabkan salah guna peruntukan atau penyelewengan jika semua prosedur kewangan dan peraturan kerajaan dipatuhi.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)

TAJUK : INDUSTRI TERNAKAN BABI

81. Kita mengambil maklum bahawa Kerajaan Negeri telah meluluskan Projek Ternakan Moden Babi di Selangor. Baru-baru ini didapati kes penyakit selesema babi H1N1 telah melanda dunia secara global dan Malaysia tidak terkecuali dari terkena gejala penyakit ini.

Bertanyakan kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Apakah Kerajaan Negeri Selangor akan meneruskan Projek Ternakan Moden Babi ini setelah mendapati ianya amat berisiko tinggi kepada kesihatan umum bukan sahaja kepada masyarakat sekitar tetapi kepada negara secara keseluruhan.

b) Apakah langkah-langkah pencegahan yang diambil Kerajaan Negeri supaya penyakit ini tidak menular di kalangan ladang-ladang ternakan babi sedia ada di Negeri Selangor.

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri akan meneruskan Projek Modern Pig Farming (MPF) kerana projek tersebut dapat menyelesaikan masalah pencemaran yang telah sekian lama menghantui penduduk di Daerah Kuala Langat. Penggunaan baka babi terbaik dan sistem pengurusan sisa najis yang moden adalah dipercayai masalah penularan penyakit dapat diatasi apabila MPF dilaksanakan kelak.

b) i) Kawalan pengimportan/pemindahan ternakan babi

Buat masa ini tiada sebarang pengimportan babi hidup dibenarkan masuk ke Malaysia dari negara-negara luar. Pemindahan masuk babi hidup untuk tujuan baka/peliharaan ke Negeri Selangor dari negeri-negeri lain juga tidak dibenarkan.

ii) Survelan penyakit Swine Influenza dan Influenza A/ H1N1

Survelan epidemiologi dijalankan untuk mengesan kehadiran virus Swine Influenza dan Influenza A/H1N1 di semua ladang ternakan babi.

Persampelan telah dijalankan dari 12 Mei 2009 sehingga 25 Mei 2009 di semua ladang babi di Negeri Selangor iaitu sebanyak 127 ladang di daerah Kuala Langat. Bilangan sampel darah sebanyak 3,764 dan sampel *nasal* (lelehan hidung atau hingus) sebanyak 3,036 dari babi telah diambil.

Survelan Klinikal juga telah dijalankan dari 17 September 2009 hingga 28 September 2009 di semua ladang babi di Negeri Selangor. Persampelan turut dijalankan di rumah sembelih babi (Tip Top Meat Sdn. Bhd.).

Keputusan ujian menunjukkan semua ladang ternakan babi di Malaysia adalah bebas dari kehadiran virus Swine Influenza dan Influenza A /H1N1.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)

TAJUK : PROGRAM IBU TUNGGAL

84. Program Ibu Tunggal amatlah baik jika kita tadbir-urus dengan sempurna. Masih terdapat ramai lagi ibu tunggal yang belum dibela.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah program-program yang telah dan akan dilancarkan?

b) Bagaimanakah dengan pendaftaran mereka?

c) Berapa ramaikah yang telah mendapat faedah melalui Program Ibu Tunggal sehingga kini?

JAWAPAN :

a) Semua program-program berkaitan wanita terutamanya untuk ibu tunggal dirancang dan diselaraskan oleh Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita yang dipengerusikan oleh Y.B Exco Hal Ehwal Wanita. Program-program yang tersebut dirancang untuk memberi pendedahan serta peluang kepada kumpulan sasaran supaya mereka lebih berdikari seterusnya dapat menjana pendapatan mereka sendiri. Di samping itu, program-program tersebut dilaksanakan bertujuan untuk memberi motivasi kepada ibu-ibu tunggal dan juga meningkatkan keyakinan diri sendiri. Berikut adalah program-program yang dirancang di bawah Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita:

Bil	Perkara	Objektif	Kumpulan Sasaran
1.	Kursus Kemahiran Jahitan dan Sulaman Manik	Memberi peluang untuk menambah kemahiran menjahit yang bersesuaian untuk dijadikan sebagai sumber pendapatan tambahan	Wanita suri rumah dan ibu tunggal.
2.	Seminar Kesihatan Keluarga dan Wanita	Sebagai platform akademik kepada kaum wanita untuk mendalami perkara berkaitan kesihatan keluarga dan masyarakat	Kaum keluarga dan wanita

3.	Mini Expo Usahawan Wanita	Membantu kaum wanita yang memiliki perniagaan sendiri untuk memasarkan produk masing-masing	Wanita dan Ibu Tunggal
4.	Program Kesedaran Teknologi Maklumat di Kalangan Wanita	Memupuk semangat untuk mempelajari pengetahuan teknologi maklumat yang moden	Wanita suri rumah dan Ibu Tunggal
5.	Pusat Komuniti Wanita	Menggalakkan wanita suri rumah dan ibu tunggal untuk berkumpul dan menjalankan aktiviti ekonomi serta berkongsi pengalaman dan masalah.	Wanita suri rumah dan ibu tunggal
6.	Program Sambutan Perayaan Bersama Ibu Tunggal	Program turun padang Y.B Exco bertemu dengan ibu tunggal.	Ibu Tunggal

b) Sehingga 25 Oktober 2009, jumlah ibu tunggal yang mendaftar dengan Kerajaan Negeri melalui Portal E-bu.org adalah seramai 19,795 orang. Pendaftaran ini boleh dibuat dengan pelbagai acara, antaranya:-

1) Melalui Portal E-bu.org secara *online*
2) Di Pejabat Daerah
3) Di Pejabat Khidmat DUN
4) Di Pusat Zakat

c) Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa program-program dan bantuan bagi membantu mereka yang miskin terutamanya golongan ibu tunggal. Berikut adalah bantuan yang telah diberikan kepada ibu-ibu tunggal di Selangor:

1) Program Kerajaan Prihatin – Bantuan dalam bentuk baik pulih rumah dan bina baru untuk mereka yang layak.

Perkara	2008	2009	Jumlah
Bina Baru	31	56	87
Baik Pulih	34	45	79
Jumlah	65	101	166

2) Blueprint Kemiskinan - Bantuan dalam bentuk peralatan kepada mereka yang ingin melakukan perusahaan sendiri seperti makanan, kraf tangan dan juga menjahit:

   Tahun 2008 = 25 Penerima
   Tahun 2009 = 72 penerima

3) Dana Usahawan Ibu Tunggal (2008) – 40 Penerima (RM 5000 setiap sorang dalam bentuk bantuan peralatan)

4) Kursus Jahitan dan Sulaman- Kursus Kemahiran Jangka Pendek
   - 3 kursus (90 orang peserta ibu tunggal)

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)

TAJUK : PROJEK TERBENGKALAI

85. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapa banyak projek menyiapkan projek terbengkalai telah diusahakan Kerajaan Negeri semenjak Mac 2008 sehingga Jun 2009.

b) Apakah masalah utama yang menghalang Kerajaan Negeri untuk membantu menyiapkan projek tersebut.

c) Berapa peratus masalah projek terbengkalai ini berjaya diatasi sehingga kini.

JAWAPAN :

a) Untuk makluman Yang Berhormat, kuasa Kerajaan Negeri dalam menangani masalah projek terbengkalai adalah secara pentadbiran manakala tindakan penguatkuasaan terhadap pemaju yang terlibat dengan projek terbengkalai adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 Akta 118 dan ia di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Sehubungan itu, kerajaan negeri tidak mempunyai bidang kuasa atau ***"locus standi"*** untuk melantik syarikat baru dengan mengambil kira rekod buruk pemaju yang lalu bagi memulihkan projek terbengkalai.

Walaupun bidang kuasa Kerajaan Negeri terhad dalam membantu membaik pulih projek terbengkalai, Sehingga kini Kerajaan Negeri telah berjaya menyelesaikan sebanyak 19 projek dari Mac 2008 sehingga Jun 2009 seperti berikut :

BIL	PROJEK	NAMA PEMAJU
1	Cadangan Pembinaan Pangsapuri Kos Sederhana Tinggi	Sama Pesona Sdn Bhd
2	1 Blok Hotel 18, Persiaran Raja Muda Musa, Pelabuhan Klang.	Transhabour Sdn Bhd
3	Membina 28 Unit Rumah Berkembar di atas Lot 1344, Jalan Sri Banang 14, Taman Sri Andalas, Mukim Klang	URC Housing Sdn Bhd
4	Taman Bunga Ros, Mukim Klang, Klang	Tetuan Ram Developer Sdn. Bhd & Tetuan Willow Construction Sdn. Bhd

5	Projek Perumahan Taman Pinggiran Batu Caves, Daerah Gombak	Tetuan Bee Teck Trading Corporation Sdn. Bhd.
6	Taman Prima Selayang Di Atas Lot 8213, 6017 Sebahagian Lot 4487, 5510 & Tanah Kerajaan Mukim Batu, Gombak	Kansas Corporation Sdn Bhd
7	Rumah Teres 2 Tingkat, HS (D) 56918, PT 31343, Gombak	Tetuan Hartawan Pasifik Sdn. Bhd
8	Taman Hulu Langat Jaya	Spring Courts Sdn Bhd
9	Tmn Wawasan, Mukim Tanjung Karang, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Radiant Hart Construction Sdn. Bhd
11	Tmn Yayasan, Mukim Kuala Selangor	Tetuan Pramax Sdn. Bhd. JV Tetuan Yayasan Selangor
12	Cadangan Pembinaan Bercampur Pusat Komersial, Seksyen 7, Bandar Shah Alam	Tetuan PCM Bina Sdn. Bhd
13	Pangsapuri Seri Nipah, Taman Pinggiran USJ, Shah Alam	Tetuan LBS Bina Group Berhad
14	Bandar Pinggiran Subang, Shah Alam. (Pangsapuri Okid)	SPNB /Unique Creation
15	Cadangan Membina Rumah/Kedai 4 Tingkat Taman Serdang Perdana, Seksyen 5, Mukim Petaling, Daerah Petaling	Tetuan Green Cresent Sdn. Bhd.
16	Cadangan Pembinaan Pusat Perniagaan Pangsapuri Perkhidmatan, UEP Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling	Tetuan Sanjung Utama Sdn. Bhd.
17	Projek Taman Puncak Jalil, Fasa 9 B, 9 C, 9F, 12, 19 dan 21	Talam Corporation Bhd.

18	Cadangan Rumah Berkembar 21/2 Tingkat dan 47 Unit rumah Teres 2 1/2 Tingkat, Taman Kosas, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat (MPAJ)	Tetuan Koperasi Serbaguna Anak-Anak Selangor Berhad
19	Projek Pembesaran Kampung Gesir Tengah, Daerah Hulu Selangor	HRK Holdings Sdn. Bhd.

b) Untuk makluman Yang Berhormat, perkara utama yang menghalang Kerajaan Negeri untuk membantu menyiapkan projek terbengkalai adalah disebabkan Kerajaan Negeri tidak mempunyai *"locus standi"* untuk mengambil apa-apa tindakan terhadap pemaju-pemaju terlibat. Ini berbeza dengan projek-projek yang berdaftar dengan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di bawah Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989, di mana pihak KPKT mempunyai kuasa sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta 118 dengan mengambil alih, memberhentikan atau melantik pemaju baru bagi memulihkan projek terbengkalai.

c) Berdasarkan rekod LPHS dari 1 Januari 2008 sehingga 29 Oktober 2009 sebanyak 19 projek terbengkalai berjaya diselesaikan iaitu sebanyak 12 % daripada keseluruhan 153 projek terbengkalai. Secara puratanya sebanyak 6 % projek terbengkalai mampu dipulihkan setiap tahun sekiranya projek masih berdaya maju dan 85% daripada pembeli bersetuju untuk meneruskan projek tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD
(SUNGAI AIR TAWAR)

TAJUK : TERNAKAN RUMINAN

94. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah jumlah penternak dan jenis ternakan ruminan di Selangor mengikut daerah?

b) Apakah strategi kerajaan untuk membangunkan industri ternakan ruminan?

JAWAPAN :

a) Secara keseluruhan, bilangan penternak lembu pedaging di seluruh Negeri Selangor adalah seramai 626 orang dengan populasi lembu pedaging sebanyak 25,050. Seterusnya, bilangan penternak lembu tenusu adalah seramai 108 orang dengan populasi sebanyak 5,965. Bilangan penternak kambing/bebiri adalah seramai 625 orang dengan populasi 39,370 ekor. Pecahan terperinci bilangan penternak dan populasi ternakan mengikut daerah adalah seperti jadual di bawah.

JENIS TERNAKAN	SABAK BERNAM		KUALA SELANGOR		KLANG		KUALA LANGAT		SEPANG	
	PENTERNAK (ORANG)	POPULASI (EKOR)	PENTERNAK (ORANG)	POPULASI (EKOR)	PENTERNAK (ORANG)	POPULASI (EKOR)	PENTERNAK (ORANG)	POPULASI (EKOR)	PENTERNAK (ORANG)	POPULASI (EKOR)
LEMBU PEDAGING	126	2,007	123	5,423	51	2,384	5,863	96	71	2,509
LEMBU TENUSU	0	0	6	302	16	925	681	20	20	862
KAMBING/ BEBIRI	67	1,953	103	5,868	82	5,576	59	3,443	99	4,950

JENIS TERNAKAN	HULU SELANGOR		GOMBAK		HULU LANGAT		PETALING		**JUMLAH**	
	PENTERNAK (ORANG)	POPULASI (EKOR)	PENTERNAK (ORANG)	POPULASI (EKOR)	PENTERNAK (ORANG)	POPULASI (EKOR)	PENTERNAK (ORANG)	POPULASI (EKOR)	**PENTERNAK (ORANG)**	**POPULASI (EKOR)**
LEMBU PEDAGING	76	3,708	29	968	38	1,685	16	503	**626**	**25,050**
LEMBU TENUSU	10	660	11	711	8	590	17	1,234	**108**	**5,965**
KAMBING/ BEBIRI	94	9,168	26	3,160	31	2,418	64	2,834	**625**	**39,370**

b) Strategi-strategi yang telah dirangka oleh Kerajaan Negeri bagi membangunkan industri ternakan ruminan adalah :

- Menambah jumlah stok pembiak yang berkualiti bagi menggantikan atau menambah stok pembiak sedia ada yang dimiliki oleh penternak ruminan supaya produktiviti ladang ternakan ruminan dapat ditingkatkan

- Mempelbagaikan dan menambah pendapatan penternak ruminan melalui industri asas tani (IAT) melalui pinjaman peralatan serta pengagihan bahan bagi meningkatkan daya saing projek ternakan ruminan

- Pembangunan insaniah bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran penternak/bakal penternak ruminan

- Mengoptimumkan penggunaan tanah rezab iaitu TKPM-TKPM seliaan jabatan yang dikhususkan kepada projek penternakan ruminan

- Pencegahan, pengawalan dan pembasmian penyakit terutamanya zoonotik bagi menggalakkan pembangunan industri ternakan ruminan yang mapan

Keterangan lanjut mengenai strategi-strategi berkenaan dan program-program di bawahnya adalah seperti dalam jadual berikut :

BIL	STRATEGI	PROGRAM-PROGRAM YANG DILAKSANAKAN DI BAWAH STRATEGI INI	KETERANGAN LANJUT
1	Meningkatkan jumlah stok pembiak yang berkualiti bagi menggantikan atau menambah stok pembiak sedia ada yang dimiliki oleh penternak ruminan	• Program Pinjaman Ternakan Tanpa Faedah atau PINTAF • Program Pembiakan	• Jabatan membeli ternakan betina yang hanya memenuhi ciri-ciri pembiak yang baik • Penerima boleh menggunakan ternakan ini untuk menambah stok induk atau menggantikan induk yang tidak lagi produktif • Kadar agihan adalah ±30 ekor lembu pedaging per penerima. Penerima perlu menyelesaikan pawah ini dengan memulangkan anak ternakan berusia 9 bulan dalam tempoh 3 tahun. • Jabatan mensasarkan pendapatan penerima sekurang-kurangnya RM3,000/bulan • Antara aktiviti Program Pembiakan adalah Penyelarasan Berahi, Permanian Beradas (Artificial Insemination) dan Pengesanan Kebuntingan
2	Mempelbagaikan dan menambah pendapatan penternak ruminan melalui industri asas tani (IAT) melalui pinjaman peralatan serta pengagihan bahan	• Program Pinjaman peralatan untuk Industri Asas Tani • Program Bantuan Bahan Binaan dan Bahan Mentah untuk Industri Asas Tani	• Pengusaha akan menerima peralatan dan bahan bernilai RM5,000 hingga RM20,000 bergantung kepada saiz projek. Peralatan boleh ditarik kembalikan sekiranya projek tidak lagi beroperasi. Bahan-bahan binaan dan mentah diberi terus. • Contoh peralatan : Mesin penghancur tinja, Mesin pembancuh tinja, “Freezer”, “Display chiller”. Bagi bantuan bahan-bahan binaan, pengusaha membina sendiri bengkel.

3	Pembangunan insaniah bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran penternak/bakal penternak ruminan	• Kursus pengurusan ladang dan teknikal untuk kakitangan dan penternak • Kursus pemasaran • Kursus motivasi	• Program mesra rakyat di peringkat daerah (majlis penerangan dan dialog) juga dibuat bagi meningkatkan keupayaan penternak • Hari Kualiti Jabatan, Hari Veterinar, Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Negeri juga dibuat untuk merapatkan hubungan antara Jabatan, agensi-agensi lain, penternak dan rakyat
4	Mengoptimumkan penggunaan tanah rezab iaitu TKPM-TKPM seliaan jabatan yang dikhususkan kepada projek penternakan ruminan	• Program pemajakan plot tanah di Taman-taman Kekal Pengeluaran Makanan • Program penyewaan kandang untuk lembu fidlot dan lembu pedaging	• Sebahagian kerja-kerja yang dilaksanakan sebelum jabatan memajakkan tanah: o Pagar penandaan sempadan o Pembinaan jalan ladang o Penyedian utiliti seperti elektrik dan air o Pembinaan “wheel-dip” o Penyelenggaraan kawalan hakisan, infrastruktur dan perparitan ladang yang mengalami kerosakan • Bagi penyewaan kandang, jabatan membina semua prasarana dan kandang sebelum disewakan • Jabatan mensasarkan pendapatan pemajak sekurang-kurangnya RM3,000/bulan
5	Pencegahan, pengawalan dan pembasmian penyakit terutamanya zoonotik bagi menggalakkan pembangunan industri ternakan ruminan yang mapan	• Program Kesihatan Ternakan Gerompok • Perkhidmatan Ambulantori/ Rawatan • Khidmat nasihat	• Pencegahan, pengawalan dan pembasmian penyakit-penyakit spesifik dan zoonotik seperti Bruselosis, Tuberkulosis dan Kuku dan Mulut • Kaedah berbentuk survelan, pensampelan, rawatan, pemvaksinan dan pemusnahan ternakan berpenyakit • Kesejahteraan rakyat lebih terjamin daripada penyakit zoonotik dan berbahaya • Menghinadari kegawatan ekonomi (termasuk sektor lain seperti Pelancongan) dan kurang permintaan hasil ternakan akibat kejadian penyakit berbahaya • Kebanyakan perkhidmatan ini diberi percuma kepada rakyat

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)

TAJUK : LAPORAN KEWANGAN ANAK SYARIKAT

95. Laporan Kewangan Anak Syarikat Tahun 2008 telah diaudit. Terdapat beberapa anak syarikat ini telah menghadapi kerugian yang serius.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Sila senaraikan nama-nama Anak Syarikat yang mengalami kerugian.

b) Apakah punca-punca yang menyebabkan Anak Syarikat tersebut mengalami kerugian?

c) Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini?

JAWAPAN :

a) Laporan Kewangan Anak Syarikat Tahun 2008 yang mengalami kerugian adalah :-

Anak Syarikat	Kerugian (RM)
1) Rantaian Mesra Sdn Bhd	(151,240.12)(Akaun berakhir 31 Disember 2008)
2) Tourism Selangor Sdn Bhd	(134,360.91)(Akaun berakhir 31 Disember 2008)

b) Kerugian disebabkan anak-anak syarikat tersebut memainkan peranan yang berorientasikan kebajikan masyarakat yang tidak menerima keuntungan.

c) Tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini adalah dengan memperbaiki sistem pengurusan Anak-anak syarikat supaya lebih efisien dari segi pengurusan kewangan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : PERBELANJAAN KERAJAAN NEGERI

96. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Adakah perbelanjaan Kerajaan Negeri telah memperlihatkan kesan-kesan positif berikutan perbelanjaan berhemah dan berjimat-cermat? Sila beri contoh dan perbandingan sebelum ini.

b) Nyatakan cara-cara kerajaan dapat mengurangkan ketirisan dan bilakah kerajaan akan mengguna sistem tender yang tidak berasaskan kaum.

JAWAPAN :

a) Perbelanjaan Kerajaan Negeri dibuat adalah berdasarkan kepada kemampuan berbelanja, keperluan semasa dan kepentingan perkhidmatan dan masyarakat. Perbelanjaan yang dibuat adalah berdasarkan prosedur dan peraturan kewangan sedia ada.

Berdasarkan rekod perbelanjaan Kerajaan Negeri setelah mengambil langkah berjimat-cermat, sebagai contoh melalui peraturan pembekuan pembelian aset kepada Jabatan Kerajaan. Jadual di bawah menunjukkan prestasi perbelanjaan aset bagi tahun 2006 sehingga 30 September 2009. Berdasarkan prestasi tersebut, dapat dilihat kesan positif iaitu penurunan sebanyak **35.6%** perbelanjaan aset pada tahun 2008 berbanding tahun 2007 dan untuk makluman Yang Berhormat sehingga 30 September hanya **RM991,692.80** sahaja permohonan aset yang diluluskan.

TAHUN	JABATAN (RM)	LUAR JANGKA (RM)	JUMLAH (RM)
2006	**13,737,371.82**	**0.00**	**13,737,371.82**
2007	**11,271,893.67**	**0.00**	**11,271,893.67**
2008	**2,841,160.62**	**4,758,078.80**	**7,599,239.42**
2009 (sehingga 30.09.09)	**86,840.00**	**904,852.80**	**991,692.80**

b) Berikut adalah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk mengurangkan ketirisan dalam pengurusan kewangan:-

1) Kesemua perolehan Kerajaan Negeri adalah secara tender bagi mendapatkan harga tawaran terbaik dan kompetitif bagi setiap projek / program kecuali untuk perkara-perkara yang berbentuk kecemasan dan darurat;

2) Memperkenalkan sistem perolehan kerajaan secara *online* melalui laman *http://tender.selangor.gov.my;*

3) Menggunakan sistem pembayaran secara *online* melalui Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS) bagi mempercepat dan mengurangkan birokrasi bayaran kepada pembekal/kontraktor; serta

4) Mengambil langkah-langkah penjimatan dan berhemah dalam perbelanjaan wang awam, seperti mengehadkan penganjuran kursus di bangunan kerajaan sahaja, mengehadkan perjalanan ke luar negara, menjimatkan penggunaan utiliti seperti bekalan elektrik dan air dan mengurangkan pembelian aset baru kerajaan.

Kerajaan Negeri pada masa kini masih lagi mengekalkan sistem tender yang berasaskan kepada kaum. Namun begitu, perkara ini akan dikaji oleh Kerajaan Negeri dari masa ke semasa bersesuaian dengan perubahan ekonomi dan tingkatan pendapatan bagi keseluruhan penduduk negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)

TAJUK : MESRA USIA EMAS

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Program kebajikan Skim Mesra Usia Emas (MUE) ternyata mendapat sambutan. Bilakah fasa kedua MUE akan dilaksanakan?

b) Apakah kelebihan dan manfaat Fasa II MUE kepada warga emas di Selangor?

JAWAPAN :

a) Kertas cadangan untuk Fasa Kedua Skim Mesra Usia Emas telah pun disiapkan dan akan dibentangkan bagi mendapat persetujuan dan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk dilaksanakan pada awal tahun 2010.

b) Kad keahlian pelbagai guna akan diberikan kepada semua warga emas dan OKU yang berdaftar bagi memudahkan penyaluran manafaat kepada hanya mereka yang layak dan pemantauan dapat dilakukan dengan berkesan.

Dalam Fasa Kedua ini antara cadangan lain yang akan ditawarkan adalah:

1) Manafaat kesihatan.
2) Pemakanan
3) Diskaun tertentu.
4) Kad keahlian

Walau bagaimanapun, perlaksanaannya bergantung kepada kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri setelah dibentangkan nanti.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)

TAJUK : PELANCONGAN

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Bagaimanakah prestasi Tourism Selangor dalam mempertingkatkan pendapatan sektor pelancongan bagi tahun 2008-2009?

b) Apakah rancangan Kerajaan dalam pembangunan eko-pelancongan di Daerah Hulu Langat?

c) Apakah rancangan kerajaan dalam usaha mempromosikan Bandar Kajang sebagai Bandar Sate?

JAWAPAN :

a) Prestasi Tourism Selangor dalam mempertingkatkan pendapatan sektor pelancongan adalah seperti berikut:

	JAN – DIS 2008	**JAN – SEP 2009**
Jualan pakej *travel & tour*	2,746,495	2,371,223
Kutipan pengurusan *resort*	579,004	429,971
	3,325,499	**2,801,194**

a) Sempena Tahun Melawat Selangor 2010, Pihak MPKj telah merancang untuk menyediakan program-program berbentuk pelancongan dalam usaha membantu Kerajaan Negeri mempromosikan negeri Selangor. Antara program-program tersebut ialah :-

1) Pesta Buah-Buahan Hulu Langat (Ogos)

2) Karnival Industri Kecil Sederhana Hulu langat (September)

3) Nature Advanture Race MPKj 2010 (Mei)

4) MPKj Mountain to Mauntain Challenge 2010 (April)

b) Pihak MPKj telah merancang untuk menyediakan beberapa program bagi mempromosikan Bandar Kajang sebagai Bandar Sate antaranya ialah :-

1) Karnival Penggerak Belia – MPP MPKj (Jan)
2) Karnival Kesenian MPKj (Mac)
3) Karnival 1001 Jenis Rasa Sate Kajang dengan kerjasama pengusaha pengusaha Sate Kajang (Julai)

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : SKIM VSS KAKITANGAN KHSB

99. Lembaga Pengarah Kumpulan Hartanah Selangor Berhad (KHSB) telah meluluskan skim VSS pada 23 April 2009. Sehingga bulan Oktober 2009:

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Adakah skim ini telah dilaksanakan?

b) Adakah sudah wujud senarai nama kakitangan yang telah atau akan ditawarkan skim ini?

c) Berapakah jumlah perbelanjaan yang terlibat bagi KHSB sekiranya skim ini dilaksanakan sepenuhnya?

JAWAPAN :

a) Skim masih belum di laksana berdasarkan keputusan yang dibuat di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah KDEB pada 30 Jun 2009 bertempat di Pejabat Menteri Besar Selangor.

b) Tiada. Sekiranya dilaksanakan, skim ini akan ditawarkan kepada semua kakitangan. Kakitangan akan diberi surat tawaran di mana mereka berhak menentukan sama ada menerima atau menolak. Oleh kerana skim ini belum dilaksanakan, senarai nama-nama kakitangan yang ditawarkan tidak timbul ketika ini.

c) Jawapan sama seperti (b) di atas.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HJ. ABD. RAHMAN BIN HJ. PALIL
(SEMENTA)

TAJUK : AJK MASJID

100. Kerajaan Negeri ada berura-ura untuk menurunkan kuasa kepada pegawai-pegawai masjid bagi membanteras masalah sosial melibatkan agama Islam dalam masyarakat.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Apakah pegawai-pegawai masjid akan mengambil alih peranan penguatkuasa JAIS?

b) Apakah pegawai-pegawai masjid mempunyai cukup latihan dari sudut undang-undang dan penguatkuasaan?

JAWAPAN :

a) Pegawai-pegawai masjid yang terdiri dari Nazir, Imam, Bilal dan Siak berperanan untuk membantu Penguatkuasaan JAIS dalam melaksanakan penguatkuasaan Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995. Dalam hal ini pegawai-pegawai masjid juga boleh melaksanakan penangkapan terhadap orang Islam yang melanggar Enakmen tersebut.

b) Pegawai-pegawai masjid telah diberi pendedahan dalam bentuk taklimat yang berterusan bagi memastikan mereka mendapat kefahaman yang mencukupi bagi melaksanakan tugas penguatkuasaan Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995. Dengan kefahaman yang menyeluruh mereka akan berkeyakinan untuk menjalankan tugas dengan cemerlang.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)

TAJUK : PREMIUM TANAH KEDAI KG. BARU

101. Premium pajakan tanah kedai di Kg. Baru dianggap terlampau tinggi sehingga RM30 kaki persegi.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Adakah kerajaan Selangor bercadang mengurangkan kadar ini.

b) Jika ya, bagaimana caranya?

JAWAPAN :

a) Pihak Berkuasa Negeri tidak bercadang untuk memberi sebarang pengurangan kadar premium kepada pemilik tanah bangunan perniagaan di Kg. Baru. Pada masa ini perkiraan kadar premium yang dikenakan adalah seperti berikut:

1) Bagi tempoh pajakan 60 tahun
¾ x 1/100 x nilaian tanah semasa x 60 tahun x 50%

2) Bagi tempoh pajakan 99 tahun
¾ x 1/100 x nilaian tanah semasa x 99 tahun x 50%

Dari segi penentuan nilaian tanah semasa, Pihak Berkuasa Negeri mengguna pakai nilaian yang dibuat oleh Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta Negeri Selangor (JPPH). Formula dan kadar yang dikenakan adalah munasabah dan mengambil kira nilai tanah terbabit. Walau bagaimanapun, Pihak Berkuasa Negeri mengikut keputusan MMKN pada 15 September 1999 telah bersetuju memberikan insentif pengurangan sebanyak 50% secara automatik sepertimana dinyatakan dalam formula pengiraan premium.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS
(SUNGAI BURONG)

TAJUK : ALAM SEKITAR

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Apakah status pencemaran air dan udara di seluruh Negeri Selangor terkini ?

b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk melaksanakan satu kajian terperinci tentang "Pencemaran Alam Sekitar dan kesannya Terhadap Rakyat Selangor "?

JAWAPAN :

a) Terdapat 82 stesen pengawasan kualiti air sungai di Negeri Selangor yang dijalankan ke atas 3 (tiga) lembangan sungai utama iaitu Lembangan Sungai Selangor, Lembangan Sungai Langat dan Lembangan Sungai Klang yang meliputi Sungai Selangor, Sungai Bernam, Sungai Tengi, Sungai Langat, Sungai Sepang, Sungai Klang dan Sungai Buloh

Data pengawasan kualiti air sungai terkini yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar menunjukkan 2 buah sungai dikategorikan sebagai bersih iaitu Sungai Selangor dan Sungai Bernam, 4 buah sungai dikategorikan sebagai sederhana tercemar iaitu Sungai Langat, Sungai Sepang, Sungai Tengi dan Sungai Klang sementara 1 buah sungai dikategorikan sebagai tercemar iaitu Sungai Buloh.

Manakala untuk memantau status kualiti udara terdapat 6 stesen pengawasan kualiti udara di Negeri Selangor iaitu di Kuala Selangor, Gombak, Kajang, Petaling Jaya, Klang dan Shah Alam. Penilaian ke atas status kualiti udara adalah dibuat berdasarkan kepada Indeks Kualiti Udara (IKU) yang terbahagi kepada lima (5) kategori iaitu baik (nilai IKU 0 hingga 50), sederhana (nilai IKU 51 hingga 100), tidak sihat (nilai IKU 101 hingga 200), sangat tidak sihat (nilai IKU 201 hingga 300) dan merbahaya (nilai IKU melebihi 300). Pada masa kini status kualiti udara di negeri Selangor berada pada tahap baik dan sederhana pada kebanyakan masa.

b) Setakat ini tiada keperluan untuk menjalankan kajian tersebut. Ianya akan dilaksanakan apabila keadaan memerlukan dan mengikut kawasan-kawasan yang terbabit.

Walau bagaimanapun untuk makluman ahli Yang Berhormat, di bawah peruntukkan undang-undang Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan)(Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987, mana-mana aktiviti atau projek yang dijangka memberi impak kepada alam sekeliling dan penduduk di sekitarnya, pihak pemaju projek adalah dikehendaki menjalankan kajian penilaian kesan kepada alam sekeliling akibat dari pelaksanaan projek tersebut terlebih dahulu dan mencadangkan langkah-langkah tebatan yang berkesan sebelum mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)

TAJUK : GAJI MINIMA

103. Kerajaan Negeri telah memutuskan bahawa garis kemiskinan dan gaji minima adalah pada paras RM 1500.00

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Sejauh manakah Kerajaan Negeri dapat melaksanakan gaji minima ini dan apa masalahnya?

b) Adakah Kerajaan Negeri bertujuan untuk memulakan gaji minima ini pada anak-anak syarikat Kerajaan Negeri?

c) Bagaimana Kerajaan Negeri melaksanakan gaji minima ini pada syarikat-syarikat swasta?

JAWAPAN :

a) Gaji minimum hanya boleh dikuatkuasakan oleh Kementerian Sumber Manusia dan bukan berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

b) Kerajaan Negeri belum bertujuan memulakan gaji minimum pada syarikat Kerajaan Negeri.

c) Gaji minimum hanya boleh dikuatkuasakan oleh Kementerian Sumber Manusia dan bukan berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)

TAJUK : PAPAN IKLAN (*BILLBOARD*)

104. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah hasil kutipan papan iklan oleh MBPJ selepas garis panduan baru diguna pakai berbanding dengan kutipan tahun 2007?

b) Bilakah garis panduan ini akan dilaksanakan di PBT yang lain?

JAWAPAN :

a) Hasil kutipan lesen papan iklan (billboard) selepas garis panduan 2009 ialah :

BIL	TAHUN	JUMLAH SEPATUTNYA KUTIPAN (RM)	JUMLAH SEBENAR KUTIPAN (RM)
1	2007	1,310,880.00	3,295,433.54
2	2008	2,000,000.00	3,058,544.00
3	2009	831,200.00	3,429,120.00

Perbezaan jumlah kutipan hasil lesen iklan pada tahun 2007 dan tahun-tahun berikutnya adalah disebabkan oleh :

1) pertambahan permohonan baru iklan
2) bayaran tunggakan tahun-tahun sebelumnya
3) pembatalan lesen iklan sedia ada
4) kerana melanggar syarat-syarat lesen/ iklan haram

b) Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah melaksanakan garis panduan papan iklan Luaran mengikut arahan Kerajaan Negeri Selangor di dalam Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) PBT:SPBT Bil 3/09 yang telah dikuatkuasakan pada 31 Mac 2009.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
(SERI SETIA)

TAJUK : DASAR PERUMAHAN SELANGOR

105. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah dasar Kerajaan Negeri Selangor bagi menyelesaikan permasalahan rumah kos rendah pasca dasar setinggan sifat?

b) Apa langkah yang diambil oleh kerajaan bagi menangani masalah perumahan di kalangan rakyat berpendapatan rendah?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri sentiasa memastikan pengagihan rumah kos rendah yang dibina untuk penempatan semula setinggan hanya diagihkan kepada mereka yang benar-benar layak sahaja untuk mendapatkan unit-unit tersebut. Pengagihan rumah kos rendah kepada setinggan akan dibuat berdasarkan senarai nama yang dibanci oleh PBT/Pejabat Tanah Daerah yang mana berkaitan. Bagi memastikan tiada tambahan nama oleh pihak luar, hanya nama setinggan yang dibanci oleh PBT berkaitan sahaja yang akan diguna pakai untuk tujuan tawaran rumah kos rendah.

Maklumat tawaran rumah kepada setinggan juga akan dimasukkan ke dalam Sistem Pendaftaran Permohonan Rumah Kos Rendah (SPPR) yang berpusat di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) untuk memastikan setinggan tidak akan mendapat tawaran rumah berserta kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri di kawasan PBT lain. Selain itu, untuk mengelakkan sebarang bantahan daripada orang awam, semua senarai nama setinggan yang akan ditawarkan rumah akan dipamerkan sama ada di dewan orang ramai dan rumah-rumah ibadat dalam sesebuah kawasan penempatan berkenaan supaya maklum balas daripada penduduk asal diperolehi dan nama yang disenaraikan adalah menepati kedudukan mereka sebagai setinggan asal di kawasan tersebut.

Masalah setinggan yang gagal atau tidak layak membuat pinjaman bank juga akan dibantu supaya mereka masih boleh memiliki rumah kediaman sendiri melalui skim khas yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri. Perobohan rumah setinggan tidak akan dilakukan selagi proses pinjaman bank belum selesai untuk tujuan pembelian rumah kos rendah. Walaupun, Dasar setinggan sifar yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri terdahulu masih diteruskan oleh Kerajaan Negeri sekarang, namun ia akan dilakukan secara lebih berhemah dengan mengambil kira pandangan semua pihak termasuk setinggan yang akan dipindahkan. Kerajaan Negeri amat menitikberatkan kebajikan dan kemampuan kewangan setinggan sebelum dipindahkan ke penempatan baru.

b) Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam menyediakan keperluan perumahan kepada seluruh rakyat Negeri Selangor. Ini termasuklah juga keperluan perumahan golongan berpendapatan rendah. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam tempoh Januari 2008 sehingga Oktober 2009 sahaja sebanyak 7,534 unit rumah kos rendah telah siap dibina berdasarkan kepada Sijil Kelayakan Menduduki (CFO) yang dikeluarkan oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor. Bagi peringkat perancangan pula, sebanyak 1,662 unit rumah kos rendah lagi dijangka akan dibina oleh pihak pemaju swasta. Ini berdasarkan kepada Pelan Bangunan yang diluluskan oleh semua PBT di Negeri Selangor.

Bagi memastikan penyediaan rumah bagi golongan berpendapatan rendah terus disediakan, Kerajaan Negeri melalui Dasar Pembangunan Tanah telah menetapkan sebarang pembangunan tanah yang melebihi 10 ekar dalam kawasan Lembah Klang akan dikenakan syarat pembinaan 20% Rumah Kos Rendah, 20% Rumah Kos Sederhana Rendah dan 10% Rumah Kos Sederhana manakala kawasan di Luar Lembah Klang pula akan dikenakan syarat pembinaan 20% Rumah Kos Rendah, 10% Rumah Kos Sederhana Rendah dan 10% Rumah Kos Sederhana. Untuk pembangunan yang kurang daripada 10 ekar (2 – kurang 10 ekar) pula, syarat penyediaan 30% rumah kos sederhana akan dikenakan bagi kawasan dalam Lembah Klang. Dengan pengenaan syarat seperti yang dinyatakan di atas, ia secara tidak langsung akan dapat membantu Kerajaan Negeri menyediakan keperluan rumah mampu milik untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : MASALAH PASAR MALAM

106. Pasar Malam, termasuk pasar tani banyak menimbulkan masalah kebersihan di Seksyen 16 Bandar Baru Bangi.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Adakah masalah kekerapan pasar malam dan pasar tani (tiga kali seminggu) di situ menyebabkan kebersihan tidak terkawal?

b) Apakah tindakan yang perlu diambil bagi mengurangkan gangguan terhadap bank-bank, Pejabat Pos, Sekolah Agama, Stesen Shell, kedai-kedai dan penduduk setempat?

c) Berapakah pungutan cukai yang didapati oleh MPKj dari penganjur dan peniaga-peniaga di pasar malam dan pasar tani di situ?

JAWAPAN :

a) Pada dasarnya, kekerapan pasar malam (2 kali seminggu) dan pasar tani (1 kali seminggu) sedikit sebanyak turut menyumbang kepada masalah kebersihan yang tidak terkawal di Seksyen 16, Bandar Baru Bangi.

b) Bagi mengurangkan gangguan terhadap aktiviti bank-bank, pejabat pos, sekolah agama, stesen minyak Shell, kedai-kedai dan penduduk-penduduk setempat adalah wajar sekiranya aktiviti pasar malam dan pasar tani di Seksyen 16, Bandar Baru Bangi ini dipindahkan ke satu lokasi lain yang bersesuaian serta tidak mewujudkan kacau ganggu kepada orang awam.

c) Anggaran bayaran petak dan lesen penjaja yang diterima daripada peniaga-peniaga pasar malam dan pasar tani Seksyen 16, Bandar Baru Bangi adalah sebanyak RM 60,120.00 setahun. Perincian pengiraan tersebut adalah seperti berikut :-

1) Pasar Malam (Selasa) - Lesen Penjaja (432 x RM20/setahun = RM8,640)
   - Bayaran Petak (470 ptk x RM1 x 4m x 12 bln =RM22,560)
2) Pasar Malam (Sabtu) - Lesen Penjaja (342 x RM20/setahun = RM6,840)
   - Bayaran Petak (460 ptk x RM1 x 4m x 12 bln =RM22,080)
3) Pasar Tani (Khamis) - Lesen Penjaja (63 x RM20/setahun = RM1,260) sahaja.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)

TAJUK : <u>PELANCONGAN DI NEGERI SELANGOR</u>

107. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah jumlah pelancong yang disasarkan akan melawat Selangor pada tahun 2009 dan apakah pecahan peratusan bilangan pelancong tersebut mengikut negara.

b) Apakah strategi Kerajaan Negeri untuk menarik pelancong dari luar negara memandangkan berlakunya krisis ekonomi serta wabak penyakit selesema babi H1N1 secara global.

c) Apakah sudah ada impak sehingga kini ke atas industri pelancongan Negeri Selangor akibat daripada kedua-dua gejala berkenaan.

JAWAPAN :

a) Jumlah pelancong yang disasarkan akan melawat Negeri Selangor pada tahun 2009 ialah sebanyak 5.5 juta orang. Anggaran ini berdasarkan statistik kedatangan pelancong tahun 2008 yang lalu dan tiada kenaikan sasaran dibuat memandangkan beberapa faktor masa kini seperti krisis ekonomi dan wabak penyakit selesema H1N1.

Pecahan peratusan bilangan pelancong mengikut negara adalah seperti berikut:-

PELANCONG LUAR NEGARA		
NEGARA	**BILANGAN PELANCONG**	**PERATUS**
Asean	1,275,504	46.91%
Asia Timur	830,553	30.55%
Asia Selatan	187,523	6.89%
Oceania	89,722	3.30%
Asia Barat / Timur Tengah	138,398	5.10%
Eropah	118,683	4.36%
Afrika	6,067	0.22%
Amerika	40,489	1.50%
Lain-lain	31,903	1.17%
JUMLAH	**2,718,842**	**100%**

PELANCONG DOMESTIK		
NEGERI	**BILANGAN PELANCONG**	**PERATUS**
Johor	508,964	15.76%
Kedah	142,606	4.42%
Kelantan	27,704.25	0.86%
Melaka	73,723	2.28%
Negeri Sembilan	77,899	2.41%
Perlis	19,880	0.62%
Pulau Pinang	285,131	8.83%
Perak	224,563	6.95%
Pahang	129,452	4.01%
Selangor	648,975	20.09%
Sarawak	77,628	2.40%
Sabah	40,500	1.25%
Terengganu	34,259	1.07%
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	878,968	27.21%
Wilayah Persekutuan Putrajaya	35,673	1.10%
Wilayah Persekutuan Labuan	23,749	0.74%
JUMLAH	**3,229,674**	**100%**

b) Strategi kerajaan Negeri Selangor untuk menarik pelancong dari luar Negara ialah seperti berikut:-

1) Mengadakan kerjasama dengan hotel-hotel di sekitar Selangor bagi mengadakan pakej-pakej yang menarik serta menawarkan harga berpatutan

2) Mengadakan kerjasama dengan semua pengusaha homestay dengan menyediakan pakej-pakej khas untuk kesemua program homestay di Selangor.

3) Mengadakan pakej yang lebih menarik bagi homestay iaitu pakej ibadat korban yang diadakan di homestay sekitar Selangor.

4) Bekerjasama dengan syarikat penerbangan seperti Fireflyz dengan mengadakan Fam Trip ke Selangor

5) Mengadakan Fam Trip bagi wartawan media cetak dan elektronik keseluruh Selangor pada 24-27 Julai dalam usaha memperkenalkan dan mempromosikan dengan lebih meluas terhadap produk-produk pelancongan di Selangor.

6) Mempromosikan secara elektronik iaitu laman sesawang TSSB iaitu www.tourismselangor.org

7) Menyediakan pakej-pakej yang menarik dengan turut mempromosikan taman tema di sekitar Selangor seperti Wet World dan Sunway Lagoon.

8) Mempromosikan bidang pelancongan yang semakin popular iatu “Health Tourism”, “Education Tourism”, sukan ekstrem serta MICE.

9) Turut diadakan ialah acara yang menjadi *trademark* Selangor seperti Musical Extravaganza dan lain-lain.

10) Membuat pengiklanan di dalam majalah Gaya Travel dan Libur

11) Mencetak risalah-risalah Homestay & Golf dengan maklumat terkini

12) Menerbitkan majalah Selangor 102˚e & Breakaway

c) Mengikut statistik dari Majlis Tindakan Pelancongan Negeri jumlah kedatangan pelancong tidak berkurangan malah jumlah kedatangan pelancong meningkat merujuk kepada statistik yang diambil kira melalui penginapan pelancong di hotel-hotel. Walaupun pelancong dari luar negara yang menginap semakin berkurangan tetapi statistik jumlah pelancong tempatan makin stabil.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)

TAJUK : MASALAH SOSIAL

108. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Bagaimanakah statistik masalah sosial yang melanda negeri Selangor sekarang?

- Jenayah harta benda – kecurian, samun
- Jenayah kekerasan – rogol, pembunuhan
- Penagihan dadah
- Pelacuran

b) Apakah langkah-langkah pemulihan yang boleh dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi memulihkan belia-belia yang terjebak dalam masalah sosial berikut:

- Lumba haram
- Ponteng sekolah/berpelesiran
- Gengsterisme

JAWAPAN :

JAWAPAN DARIPADA POLIS

a) 1. Jenayah Harta benda – kecurian, samun

Jenayah kekerasan – rogol, pembunuhan

Perkara	Tahun 2009 (Jan- Sept)
Kecurian	6485 Kes
Samun	6768 Kes
Rogol	522 Kes
Bunuh	111 Kes

2. Penagihan Dadah

Masalah penagihan dadah di negeri Selangor adalah terkawal. Statistik penagihan dadah yang ditangkap di bawah Sek.3(1) Akta Penagihan Dadah (Rawatan & Pemulihan) 1982 bagi tempoh Januari hingga September 2009 seperti di bawah.

SEK.3(1)APD (R & P) 1982							
		Melayu	**Cina**	**India**	**Lain-lain Bangsa**	**W/Negara Asing**	**Jumlah**
(A)>13 Thn	L	1	2	0	0	0	3
	P	0	0	0	0	0	0
14-18 Thn	L	180	26	29	1	3	239
	P	10	2	0	0	0	12
19-24 Thn	L	753	79	160	15	6	1013
	P	17	4	3	0	0	24
25-29 Thn	L	862	100	157	18	12	1149
	P	14	7	1	0	0	22
30-34 Thn	L	748	93	184	14	9	1048
	P	18	1	3	0	0	22
35-40 Thn	L	686	112	157	11	0	966
	p	6	0	2	0	0	8
41< Thn	L	768	181	165	10	3	1127
	P	2	0	4	0	0	6
Jumlah	**L**	**3998**	**593**	**852**	**69**	**33**	**5545**
	P	**67**	**14**	**13**	**0**	**0**	**94**

3. Pelacuran

OPS NODA
JAN – SEPT 2008 / 2009

TINDAKAN DI PUSAT HIBURAN		
Perkara / Tahun	08	09
Jumlah Serbuan	642	596
Jumlah Tangkapan Penjaga	205	315
Jum Tangkapan Perempuan Tempatan	26	14
Jumlah Tangkapan Wanita W/Negara Asing	896	1,322
Jumlah Tangkapan	**1,127**	**1,651**

OPS NODA
TANGKAPAN WANITA TEMPATAN
JAN – SEPT 2008 / 2009

BANGSA	**2008**	**2009**
Melayu	6	10
Cina	5	0
India	7	4
Sabah	7	0
Sarawak	1	0
JUMLAH	**26**	**14**

OPS NODA
TANGKAPAN WANITA WARGANEGARA ASING
JAN – SEPT 2008 / 2009

BANGSA	**2008**	**2009**
Cina	514	745
Indonesia	131	276
Thailand	152	169
Vietnam	48	83
Kampuchea	1	5
Filipina	27	36
Myanmar	4	6
Laos	2	0
Uzbekistan	31	1
India	14	1
JUMLAH	**896**	**1322**

b) 1. Lumba Haram

- Seksyen 42 Akta Pengangkutan Jalan 1987
- Mana-mana orang yang memandu sesuatu kenderaan motor di atas jalan dengan melulu atau dengan kelajuan atau dengan cara yang merbahaya kepada orang awam adalah melakukan kesalahan.
- Denda tidak melebihi RM 6,000.00 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan pertama.
- Denda tidak melebihi RM 10,000.00 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya bagi sabitan kali ke dua atau berikutnya.
- Langkah-langkah pemulihan yang sewajarnya kepada belia-belia yang terjebak dalam masalah sosial ini adalah dengan memberi kesedaran dari aspek keselamatan jalan raya bahawa pentingnya mengikuti peraturan dan undang-undang lalu lintas yang berkuat kuasa. Program-program yang sewajarnya hendaklah diadakan khususnya kepada golongan sasar supaya mesej program sampai kepada mereka.
- Ibu bapa dan keluarga harus dilibatkan dengan sebarang program kesedaran yang akan dianjurkan untuk menyedarkan mereka bahawa tanggungjawab mengatasi masalah ini juga bermula dari rumah.
- Tindakan PDRM adalah amat tegas sekali dan tindakan yang telah dilakukan adalah berdasarkan peruntukan undang-undang. Tindakan operasi dan pencegahan amat kerap dilakukan dan individu-individu yang terlibat akan didakwa untuk memberi kesedaran kepada mereka yang terlibat dan para remaja yang terlibat dan masih melakukan aktiviti ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BHARU)

TAJUK : PENURUNAN CUKAI PINTU

109. Dalam Manifesto pilihan raya lalu Pakatan Rakyat telah menjanjikan untuk menurunkan 20 peratus cukai pintu. Sehingga hari ini janji hanya tinggal janji, rakyat di tipu. Denda lewat bayar telah dinaikkan kepada RM20, ini bebankan rakyat bukan semua rakyat mampu bayar mengikut tarikh yang ditetapkan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Bilakah Kerajaan Negeri di bawah PR hendak menurunkan cukai pintu dan denda lewat yang dikenakan, rakyat amat berharap ianya dapat diturunkan, ianya dapat meringankan bebanan kehidupan rakyat sekarang dalam keadaan ekonomi yang lembap ini?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri belum berhasrat untuk menurunkan cukai taksiran kerana kadar cukai taksiran yang dikenakan di kebanyakan PBT di Negeri Selangor adalah kadar yang berasaskan nilaian tahunan yang sudah lama iaitu tahun 1990an. Malah, ada juga terdapat beberapa PBT yang masih mengguna pakai asas nilaian tahun 1980-an. Keadaan ini menyebabkan, PBT di Negeri Selangor tidak dapat mengoptimumkan kutipan hasil mereka berikutan asas nilaian yang berbeza-beza. Selain itu, dengan keadaan ekonomi yang masih tidak menentu serta kos-kos pengurusan seperti penyelenggaraan jalan, parit dan longkang serta pengurusan sisa pepejal yang semakin meningkat telah menjadi satu tanggungan yang besar kepada PBT yang perlu memaksimumkan tanggungjawabnya dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)

TAJUK : SANITARY LANDFILL TANJUNG DUA BELAS

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Bilakah landfill ini akan siap sepenuhnya?

b) Berapakah kos yang digunakan untuk landfill ini?

JAWAPAN :

a) Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Tanjung Dua Belas, Kuala Langat ini dijangkakan siap menjelang pertengahan Disember 2009 dan boleh menerima sisa pepejal dari Kuala Langat, Sepang dan Kajang serta merta. Tapak pelupusan ini pada mulanya dijangka dapat beroperasi pada Julai 2009, namun disebabkan permasalahan yang dihadapi dalam penyediaan jalan masuk ke tapak pelupusan ini, ia hanya dapat disiapkan pada Disember 2009.

   Dengan beroperasinya tapak pelupusan ini, Kerajaan Negeri akan menutup 2 tapak pelupusan sisa pepejal terbuka di Ampar Tenang, Sepang dan Sungai Sedu, Kuala Langat.

b) Kos penyediaan tapak pelupusan sisa pepejal sanitari ini adalah lebih kurang RM 50 juta dan dilaksanakan secara *private funded initiative* (PFI). Kos ini ditanggung sepenuhnya oleh anak syarikat Kerajaan Negeri iaitu Worldwide Holdings Berhad. Buat masa kini sejumlah RM 10 juta telah dibelanjakan untuk penyediaan infrastruktur asas, jalan masuk sementara sepanjang 3km dan sel-sel untuk menerima sisa pepejal.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)

TAJUK : PERKHIDMATAN TEKNOLOGI 'WIRELESS'

111. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah persediaan pihak Kerajaan Negeri bagi memastikan semua golongan penduduk di kawasan Pelabuhan Klang tidak ketinggalan di dalam menikmati perkhidmatan teknologi 'wireless' yang bakal dilancarkan dalam masa beberapa tahun lagi?

JAWAPAN :

a) Pelaksanaan projek ***Hybrid Wireless Infrastructure Network (HyWIN)*** akan meletakkan infrastruktur secukupnya bagi membolehkan seluruh rakyat di Negeri Selangor memperolehi capaian kepada internet sebelum tahun 2015.

Kerajaan Negeri menganjurkan penyediaan infrastruktur HyWIN di mana seluruh kawasan di Negeri Selangor termasuk di Pelabuhan Klang untuk menerima manfaat capaian internet jalur lebar tanpa wayar *(wireless)* mengikut Fasa II dan Fasa III seperti yang dirancangkan (awal atau pertengahan tahun 2011)

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. CHEAH WING YIN
(DAMANSARA UTAMA)

TAJUK : GOLONGAN MISKIN TEGAR

112. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Berapa banyak jumlah golongan tersebut di Negeri Selangor?

b) Di antaranya, berapa adalah ibu tunggal?

c) Apakah cara-cara jangka masa pendek dan masa panjang yang pernah diambil oleh kerajaan Pakatan Rakyat untuk menolong mereka?

JAWAPAN :

a) 30% penduduk adalah di dalam kategori miskin di mana mereka adalah berpendapatan RM1500 ke bawah sebulan. Kerajaan Negeri sedang membuat bancian terperinci untuk mendapatkan data dan senario kemiskinan dengan lebih jelas.

b) 97% yang mendaftar di dalam portal ibu tunggal adalah golongan miskin. Buat masa ini seramai 19,841 ibu tunggal telah berdaftar di dalam portal tersebut.

c) Bagi meningkatkan pendapatan golongan ibu tunggal, Kerajaan Negeri sentiasa melaksanakan program-program meningkatkan pendapatan serta program-program meningkatkan kemahiran seperti bengkel jahitan dan kursus sulaman. Selain itu, Pusat Komuniti Ibu Tunggal diwujudkan untuk membantu ibu tunggal meningkatkan pendapatan di mana sekumpulan ibu tunggal mengusahakan pendapatan melalui projek-projek ekonomi seperti projek jahitan, masakan dan sebagainya.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)

TAJUK : PEMIMPIN BERSIH DAN KERAJAAN TELUS

113. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan semua pemimpin kerajaan bersih dari rasuah dan memastikan pentadbiran negeri benar-benar telus?

b) Apakah penyiasatan pentadbiran tanah dan sumber negeri telah dilakukan dan apakah hasilnya?

c) Apakah terdapat projek-projek membazir yang telah dijalankan oleh pentadbiran sebelum ini dan telah dihentikan oleh Kerajaan Negeri?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri mewajibkan Menteri Besar dan EXCO isytiharkan harta dua kali setahun. Buat pertama kalinya pengisytiharan ini boleh diakses orang ramai menerusi laman web. Di samping itu, amalan tender terbuka juga diperluaskan bagi mengelakkan sebarang penyelewengan.

b) Penyiasatan pentadbiran tanah dan sumber negeri dilakukan secara kes demi kes. Antara yang sedang diselesaikan termasuklah:

1) Kes penempatan semula setinggan di Bukit Botak, Selayang;

2) Rancangan Revolusi Hijau di Bukit Cherakah;

3) Projek Penghutanan Semula di Bukit Tarek, Rantau Panjang, Hutan Bukit Belata, Sungai Jeloh.

c) Setakat ini Kerajaan Negeri dalam proses mengkaji beberapa projek-projek daripada Kerajaan terdahulu yang didapati membazir. Pengumuman akan dibuat setelah kajian tersebut selesai.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BHARU)

TAJUK : MASALAH KERJA PENYELENGGARAN MAJLIS

114. Rakyat memaklumkan tiada penyelenggaraan longkang-longkang, di kawasan Taman Perumahan, kampung-kampung yang berada di kawasan Majlis. Keadaan ini menyebabkan longkang-longkang yang tersumbat menjadi pembiakan nyamuk aedes, dan bila hujan turun lebih satu jam longkang-longkang dipenuhi air memasuki ke rumah. Ini akan membahayakan keselamatan penduduk.
Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri mengatasi masalah tersebut?

b) Berapakah kos atau bajet yang di sediakan oleh Kerajaan Negeri dan berapa banyak kontraktor yang telah di lantik bagi menjalankan penyelenggaraan?

c) Bolehkah senarai pemborong penyelenggaraan diumumkan kepada rakyat supaya dapat dipantau oleh penduduk?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri sentiasa memantau isu penyelenggaraan ini melalui agensi seperti Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Kerja Raya dan juga Pihak Berkuasa Tempatan. Sungguhpun begitu, memang wujud kawasan di mana penyelenggaraan hanya berada pada tahap sederhana kerana kos yang ditanggung adalah tinggi kerana faktor semasa. Seperti yang dinyatakan kawasan-kawasan kampung yang terletak di dalam kawasan majlis, jika dilihat bayaran cukai pintu yang dibayar adalah amat minimum akan tetapi perkhidmatan yang diharapkan adalah setaraf dengan kawasan perbandaran dan ini menimbulkan kesukaran bagi pihak PBT untuk memenuhinya. Malahan ada penduduk yang langsung tidak membayar cukai pintunya dan ia mengurangkan pendapatan PBT yang boleh disalurkan semula untuk tujuan penyelenggaraan.

b) Memandangkan penyelenggaraan ini diselaraskan oleh agensi-agensi yang dinyatakan sebelum ini, maka kos serta bajet yang diperuntukkan adalah berbeza mengikut keperluan agensi. Manakala senarai kontraktor adalah di bawah seliaan agensi tersebut.

c) Senarai kontraktor yang melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan sudah diumumkan dan dimaklumkan kepada penduduk di beberapa PBT dengan meletakkan papan tanda makluman yang mempunyai nama kontraktor dan nombor telefon untuk dihubungi sekiranya ada laporan atau aduan berkaitan penyelenggaraan yang telah dilaksanakan. Tindakan ini sedang dalam proses untuk diperluaskan ke semua PBT Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)

TAJUK : ZON / PRODUK PELANCONGAN

115. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Mengikut perancangan pembangunan pelancongan Selangor, apakah zon-zon pelancongan yang ada dan produk-produk yang ditawarkan?

b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk terus mempromosikan produk pelancongan sedia ada dan membangunkan produk pelancongan baru?

JAWAPAN :

a) Di bawah Rancangan Struktur Negeri Selangor 2020, telah disenaraikan beberapa cadangan bagi zon-zon pelancongan di seluruh negeri Selangor. Ini adalah sebagai panduan dan langkah bagi memastikan pembangunan sektor pelancongan dirancang dan dilaksanakan dengan sebaik mungkin bertepatan dengan Strategi Pembangunan Mampan dan Agenda 21 Kerajaan Negeri Selangor. Terdapat 6 zon utama yang dicadangkan meliputi:-

1) Zon Pelancongan A (Sabak Bernam & Kuala Selangor)
2) Zon Pelancongan B (Hulu Selangor & Sebahagian Gombak)
3) Zon Pelancongan C (Klang & Sebahagian Petaling)
4) Zon Pelancongan D (Hulu Langat & Sebahagian Gombak)
5) Zon Pelancongan E (Kuala Langat)
6) Zon Pelancongan F (Sepang & Sebahagian Kuala Langat)

Setiap zon-zon pelancongan ini mengandungi beberapa tema bagi produk pelancongan masing-masing iaitu:-

1) Alam Semulajadi
2) Agro
3) Warisan Sejarah
4) Desa & Warisan Budaya
5) Pulau
6) Rekreasi
7) Dalam Bandar / Membeli Belah
8) Diraja & Warisan Sejarah
9) Maritim
10) Pantai
11) Sukan
12) Tema
13) Persidangan & Pameran

Antara produk-produk yang ditawarkan ialah seperti:-

1) Homestay
2) Kelip-Kelip
3) Taman Alam
4) Bukit Melawati
5) Pusat Rekreasi Bagan Nakhoda Omar
6) Taman Rimba Templer
7) Zoo Negara
8) Batu Caves
9) Muzium Orang Asli
10) Gedung Raja Abdullah
11) Makam DiRaja
12) Galeri DiRaja Klang
13) Little India Klang
14) Wetworld Waterpark
15) Taman Tema Sunway Lagon
16) Pantai Morib
17) Istana Bandar
18) Wetland
19) Litar F1 Sepang
20) Hutan Rekreasi Sungai Chongkak
21) Hutan Rekreasi Sungai Tekala
22) Mines Wonderland
23) Kota Raja Mahadi
24) Tugu Keris
25) KLIA
26) Kawasan Rekreasi Gunung Nuang

b) Perancangan untuk mempromosikan produk-produk pelancongan di negeri Selangor sentiasa dibuat setiap tahun. Mulai tahun 2009, semua urusan berkaitan promosi akan dilaksanakan oleh Tourism Selangor Sdn Bhd melalui penyelarasan dan pemantauan bersama oleh Seksyen Sektoral, Unit Perancang Ekonomi Negeri. Perancangan promosi ini akan mengambil kira pasaran dan potensi semasa yang boleh diterokai dalam menjadikan negeri Selangor sebagai hub-pelancongan terpenting di negara ini. Antara program-program promosi yang telah dan akan dilaksanakan ialah seperti berikut:-

Bil	**Promosi**
1	NATAS 2008 di Singapura
2	Arabian Travel Mart di Dubai, Arab Saudi
3	Discover World 2008 Exhibition di Bangkok, Thailand
4	Fascinating Travel Malaysia di Singapura
5	China International Travel Mart di Shanghai, China
6	Menyertai promosi pelancongan kesihatan dan pendidikan di Medan, Indonesia (anjuran Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Selangor)
7	MASUM di Dewan Belia Seksyen 7, Shah Alam
8	ZOOM Malaysia Travel Fair
9	International Tourism Borse (ITB) di Berlin, German
10	Promosi MATTA di PWTC, Kuala Lumpur
11	Fascinating Malaysia Travel Fair di Sun Tec City, Singapura
12	Kempen promosi Qurban dan Akikah di Tanjung Pagar, Singapura
13	Promosi bersama Kereta api Tanah Melayu (KTM) di stesen KTM
14	Corporate Bazaar
15	Asian Tourism Forum di Brunei
16	Patta Macau
17	Indian International Mart
18	World Travel Mart di London

Selain daripada menyertai pameran Tourism Selangor juga mempromosi melalui

- Majalah Gaya Travel, Selangor 102˚e dan Libur
- Risalah Breakway, Homestay & Golf
- Laman Sesawang
- Mengadakan Fam Trip

Bagi pembangunan produk pelancongan baru, usaha-usaha berkenaan sentiasa dibuat. Ini bertujuan untuk mengeksploitasi produk-produk baru yang mampu menjadi alternatif dan lebih pilihan terutama kepada pelancong dan pengunjung. Ini melibatkan program-program promosi, penganjuran acara dan menaik taraf serta menyelenggara produk-produk berkenaan. Untuk tujuan tersebut beberapa produk / program / acara pelancongan baru telah dikenal pasti antaranya ialah:-

1) Pelancongan Kesihatan (Health Tourism)
2) Pelancongan Pendidikan (Education Tourism)
3) Subang Skypark
4) White Water Rafting, Kuala Kubu Bharu
5) Homestay – memperkasa homestay-homestay baru
6) Selangor Musical Extravaganza
7) FAM-Trip
8) Paragliding – Jugra
9) Pesta Menuai & Larian Bendang – Sabak Bernam
10) Heritage Walk – Klang
11) Taman Warisan Selangor
12) Little India – Klang
13) Kolam Air Panas Hulu Tamu
14) Galeri DiRaja – Klang

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS
(KUANG)

TAJUK : KONSEP NEGERI BERKEBAJIKAN

116. Kerajaan Negeri memperkenalkan konsep "Negeri Berkebajikan" untuk memastikan rakyat mendapat manfaat dari hasil-hasil Negeri.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah jumlah kewangan yang dibelanjakan setakat ini bagi maksud melaksanakan agenda "Negeri Berkebajikan" berbanding belanja untuk tujuan pembangunan?

b) Dari manakah sumber wang yang dibelanjakan untuk melaksanakan agenda "Negeri Berkebajikan"?

c) Berapakah bilangan dan apakah bentuk bantuan yang diberikan kepada golongan berikut mengikut daerah :

1) Ibu Tunggal
2) Orang Kurang Upaya
3) Orang Miskin
4) Orang Asli
5) Anak Yatim

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM135.8 juta bagi melaksanakan program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) pada tahun 2009. Jumlah tersebut adalah sebahagian daripada sejumlah RM710.6 juta yang diperuntukkan untuk pembangunan iaitu sebanyak RM125.3 juta telah dibelanjakan (17.6 peratus).

Sehingga 31 Oktober 2009 sejumlah RM194.6 juta telah dibelanjakan bagi maksud melaksanakan program MES yang mula dilaksanakan sejak Jun 2008.

Walau bagaimanapun, bagi merealisasikan agenda 'Negeri Berkebajikan' Kerajaan Negeri juga melaksanakan program-program lain seperti program Kerajaan Prihatin, Projek Pembangunan Ekonomi Nelayan, Program Pembasmian Kemiskinan dan pelbagai lagi program yang dapat membantu rakyat Negeri Selangor yang juga telah diperuntukkan di dalam peruntukan pembangunan pada tahun ini.

b) Agenda "Negeri Berkebajikan" adalah salah satu program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi mencapai wawasan "Selangor Negeri Idaman, Maju dan Sejahtera". Pelaksanaan program ini termasuk di dalam perancangan belanjawan tahun 2009 Kerajaan Negeri iaitu di bawah program Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor'. Oleh itu sumber kewangan yang dibelanjakan adalah daripada Kumpulan Wang Disatukan yang terdiri daripada hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil.

c) Bilangan dan bentuk bantuan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada golongan berikut mengikut daerah adalah seperti berikut :-

1) Ibu Tunggal

Di antara bantuan dan bilangan yang telah diterima oleh golongan ibu tunggal adalah seperti berikut :-

i. Program Kerajaan Prihatin – Bantuan dalam bentuk baik pulih rumah dan bina baru untuk mereka yang layak.

Perkara	2008 (orang)	2009 (orang)
Bina Baru		
Sabak Bernam	8	14
Hulu Selangor	4	8
Kuala Selangor	5	7
Gombak	2	5
Klang	1	3
Hulu Langat	3	6
Kuala Langat	2	7
Sepang	1	4
Petaling	3	2
JUMLAH	**31**	**56**
Baik Pulih		
Sabak Bernam	9	12
Hulu Selangor	4	7
Kuala Selangor	3	5
Gombak	3	8
Klang	5	5
Hulu Langat	4	3
Kuala Langat	3	1
Sepang	2	2
Petaling	1	2
JUMLAH	**34**	**45**
JUMLAH BESAR	**653**	**101**

ii. Blueprint Kemiskinan - Bantuan dalam bentuk peralatan kepada mereka yang ingin melakukan perusahaan sendiri seperti makanan, kraf tangan dan juga menjahit:

Daerah	2008 (orang)	2009 (orang)
Petaling	1	5
Klang	5	9
Gombak	3	8
Kuala Langat	2	8
Hulu Langat	6	7
Sepang	1	7
Hulu Selangor	1	10
Kuala Selangor	3	6
Sabak Bernam	4	17
JUMLAH	**26**	**77**

iii. Dana Usahawan Ibu Tunggal (2008) – 40 Penerima (RM 5000 setiap sorang dalam bentuk bantuan peralatan)

Daerah	2008 (orang)
Hulu Selangor	2
Petaling	25
Gombak	8
Klang	5
JUMLAH	**40**

Walau bagaimanapun, bagi tahun 2009, permohonan yang diterima didapati tidak layak untuk menerima bantuan dana usahawan ibu tunggal.

iv. Kursus kemahiran jahitan dan sulaman – kursus kemahiran jangka masa pendek bagi tiga (3) sesi

Daerah	2008 (orang)
Petaling	10
Klang	12
Gombak	9
Kuala Langat	9
Hulu Langat	8
Sepang	7
Hulu Selangor	11
Kuala Selangor	10
Sabak Bernam	14
JUMLAH	**90**

2) Orang Kurang Upaya

Bilangan penerima bantuan bagi Orang Kurang Upaya (OKU) bagi Skim Elaun Pekerja Cacat mengikut daerah sehingga September 2009 adalah seperti berikut :-

Bil	Daerah	Bilangan Penerima Bantuan
1	Petaling	1055
2	Klang	557
3	Gombak	269
4	Kuala Langat	173
5	Hulu Langat	723
6	Sepang	183
7	Hulu Selangor	197
8	Kuala Selangor	208
9	Sabak Bernam	159

Bantuan yang diberikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada (OKU) adalah seperti berikut :-

Perkhidmatan dan kemudahan kepada OKU

1. **Bantuan Alat Tiruan / Alat Sokongan (BAT/S)**
   - Bantuan ini bertujuan membantu orang kurang upaya yang tidak berkemampuan untuk membeli seperti kaki palsu, tangan palsu, kaliper, tongkat tangan/ketiak, kerusi roda. alat pendengaran, cermin mata khas, kasut khas dan lain-lain peralatan yang disyorkan oleh doktor atau pakar perubatan.

   - Bagi menimbang permohonan, faktor berikut diambil kira:-
     - OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat
     - Disyorkan oleh doktor atau pakar perubatan; dan
     - Mereka yang tidak mampu untuk membekalkan sendiri alat tiruan / alat sokongan yang diperlukan.

2. **Geran Pelancaran (GP)**
   - Bertujuan memberi bantuan kewangan kepada kumpulan sasar Jabatan yang mempunyai minat dan potensi untuk maju bagi menceburi bidang perusahaan atau perniagaan kecil dan memberi galakan kepada penerima bantuan JKM untuk berdikari dan meningkatkan taraf hidup mereka tanpa bergantung lagi kepada bantuan kerajaan. Geran ini membolehkan orang kurang upaya melancarkan rancangan jaya diri mereka agar dapat berdikari dengan usaha sendiri. Had maksimum geran pelancaran ialah RM2,700.00 sekali gus dengan tempoh kaji semula iaitu seliaan dibuat setiap tiga (3) bulan.

   - <u>Kelayakan</u> :
   - ✓ Penerima bantuan bulanan atau ahli keluarga;
   - ✓ Orang Kurang Upaya (OKU) yang sedang mendapat perkhidmatan dari Jabatan;
   - ✓ Bekas pelatih dari Institusi Kebajikan; dan
   - ✓ Kes-kes selain akhlak.

3. **Elaun Pekerja Cacat (EPC)**
   - Skim ini bertujuan menggalakkan orang kurang upaya bekerja dan terus berdikari tanpa bergantung kepada ahli keluarga atau orang lain. Skim ini mempunyai beberapa tujuan:
   - ✓ Sebagai penyenggaraan pendapatan (income maintenance) untuk memenuhi keperluan asas kehidupan Orang Kurang Upaya (OKU)
   - ✓ Sebagai insentif untuk menggalakkan OKU bekerja, hidup berdikari dan menjadi ahli masyarakat yang produktif
   - ✓ Untuk meningkatkan taraf hidup OKU di dalam masyarakat.

- Kelayakan :

✓ Berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat sebagai orang kurang upaya
✓ Bekerja sendiri atau dengan majikan
✓ Pendapatan bulanan pemohon tidak melebihi RM1,200 sebulan tidak termasuk pendapatan keluarga
✓ Berumur 16 tahun ke atas
✓ Tidak tinggal di institusi yang telah disediakan kemudahan tempat tinggal, makan/minum dan pakaian percuma.

4. Bantuan OKU Tidak Bekerja (BTB)

- Skim ini bertujuan untuk membantu menyara kehidupan golongan OKU yang tidak berupaya untuk bekerja. Skim ini juga akan dapat mempertingkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan golongan OKU khususnya yang tidak berupaya bekerja dan mengelak atau mengurangkan kemasukan kumpulan sasar yang berkenaan ke Institusi Kebajikan. Kadar bantuan ini adalah sebanyak RM150 sebulan dan tempoh kaji semula adalah selama 12 bulan.

- Kelayakan :

✓ Warganegara Malaysia dan bermastautin di Malaysia
✓ Sumber pendapatan individu tidak melebihi PGK semasa. Sumber pendapatan adalah merujuk kepada semua sumber pendapatan yang diterima oleh individu termasuk Pencen Ilat, pencen terbitan, pencen bulanan, PERKESO, bantuan bulanan, insurans dan lain-lain
✓ OKU berdaftar dengan JKM
✓ Disahkan oleh pegawai perubatan bagi kes-kes yang meragukan
✓ Berumur antara 18-59 tahun
✓ Bukan penerima skim Bantuan Bulanan JKM sedia ada
✓ Bukan peserta Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) kelolaan JKM dan program penjagaan / pemulihan kelolaan agensi Kerajaan dan NGO Kebajikan
✓ Bagi keluarga yang menerima bantuan bulanan termasuk Bantuan Penjagaan OKU Terlantar (BPT) yang berpendapatan di bawah PGK semasa, bantuan ini boleh dipertimbangkan kepada pemohon.

5. Bantuan Penjagaan OKU Terlantar / Pesakit Kronik Terlantar (BPT)

- Skim bantuan ini adalah bertujuan untuk :

✓ Membantu meringankan bebanan perbelanjaan penjagaan yang dihadapi oleh keluarga penjaga
✓ Menggalakkan penjagaan yang lebih sempurna kepada kumpulan sasar OKU dan pesakit Kronik terlantar
✓ Mempertingkatkan kualiti hidup kumpulan sasar yang terlibat
✓ Mengelak atau mengurangkan kemasukan kumpulan sasar yang berkenaan ke Institusi Kebajikan
✓ Mempertingkatkan kesejahteraan keluarga.

- Kadar bagi skim bantuan ini adalah sebanyak RM300 sebulan seorang dengan tempoh kaji semula selama 12 bulan.

- Kelayakan :
  - ✓ Pemohon adalah penjaga yang merupakan ahli keluarga OKU / pesakit Kronik Terlantar
  - ✓ Warganegara Malaysia dan bermastautin di Malaysia
  - ✓ Sedang memberi jagaan ahli keluarga yang OKU /Pesakit Kronik Terlantar sepenuh masa
  - ✓ Pendapatan isi rumah tidak melebihi RM3,000 sebulan
  - ✓ Keluarga yang berkeperluan dan tidak berkemampuan.

Perkhidmatan Luar lain yang turut disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat ialah :

1) Pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU)

2) Perkhidmatan Kaunseling Dan Khidmat Nasihat

3) Agensi-agensi Lain Yang Terlibat Dalam Perkhidmatan, Pemulihan Dan Pembangunan OKU

Perkhidmatan Institusi

1) Taman Sinar Harapan

2) Pusat Latihan Perindustrian Dan Pemulihan Bangi

3) Bengkel Daya/Terlindung

4) Pusat Harian Bukit Tunku

Skim Bantuan Kewangan Negeri

1) Bantuan Am

2) Bantuan Latihan Aperantis

3) Bantuan Sekolah

3) Orang Miskin

Berikut adalah jenis-jenis dan jumlah penerima bantuan sehingga Oktober 2009

Program / Daerah	Program *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan	Program Dana Nelayan	Program Kerajaan Prihatin	Program Pembangunan Insan Kemahiran Teknikal	JUMLAH
Sabak Bernam	384	221	809	68	**1,482**
Kuala Selangor	71	125	533	46	**775**
Hulu Selangor	115	0	231	42	**388**
Kuala Langat	94	186	343	47	**670**
Petaling	30	0	95	60	**185**
Klang	28	129	232	52	**441**
Hulu Langat	35	0	213	38	**286**
Sepang	50	82	229	32	**393**
Gombak	94	1	334	57	**486**
JUMLAH	**901**	**744**	**3,019**	**442**	**5,106**

4) Orang Asli – makluman belum diperolehi dari JHEOA

5) Anak Yatim

Kerajaan Negeri juga tidak meminggirkan kebajikan anak-anak yatim dalam memastikan mereka juga turut mendapat manfaat dari hasil-hasil negeri. Antara bantuan yang disediakan kepada golongan ini adalah :-

i) Bantuan secara berterusan dari ADUN-ADUN setempat sama ada dalam bentuk kewangan mahupun dalam bentuk fizikal.
ii) Bantuan Tuisyen Rakyat kepada pelajar-pelajar di setiap kawasan DUN.
iii) Bantuan RM30 sebulan bagi anak yatim yang bersekolah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)

TAJUK : MIDA SELANGOR

117. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan oleh MIDA Selangor mengikut PBT daripada tahun 2007-2009?

b) Apakah syarat-syarat bagi sesuatu kawasan industri untuk mendapatkan peruntukan daripada MIDA Selangor?

c) Apakah prosedur untuk mendapatkan peruntukan yang disalurkan oleh MIDA Selangor?

JAWAPAN :

a) Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) hanya mula menyalurkan peruntukan bagi Program Menaik taraf Infrastruktur Asas Kawasan Perindustrian Sedia Ada bermula pada tahun 2008 yang sebelum ini peruntukan tersebut disalurkan melalui Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri. Jumlah peruntukan yang disalurkan oleh MIDA mengikut PBT di Negeri Selangor pada tahun 2008 adalah seperti berikut :

BIL	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
1.	Majlis Perbandaran Klang	RM 1,240,175.98
JUMLAH PERUNTUKAN 2008		**RM 1,240,175.98**

Manakala jumlah peruntukan yang disalurkan oleh MIDA mengikut PBT di Negeri Selangor pada tahun 2009 adalah seperti berikut :

BIL	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	RM 3,837,533.00
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	RM 3,428,666.50
3.	Majlis Perbandaran Klang	RM 2,299,990.00
4.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	RM 3, 673,121.20
5.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	RM 3,107,000.00
6.	Majlis Perbandaran Kajang	RM 3,180,554.00

7.	Majlis Perbandaran Selayang	RM 1,812,635.32
8.	Majlis Perbandaran Sepang	RM 2,674,400.00
9.	Majlis Daerah Kuala Langat	RM 2,204,834.00
10.	Majlis Daerah Hulu Selangor	RM 985,390.00
11.	Majlis Daerah Kuala Selangor	RM 1,046,700.00
12.	Majlis Daerah Sabak Bernam	RM 280,000.00
JUMLAH PERUNTUKAN 2009		**RM 28,530.824.02**

b) Syarat-syarat bagi sesuatu kawasan industri mendapatkan peruntukan daripada MIDA adalah seperti berikut :

1) Kawasan perindustrian yang dinaiktarafkan adalah kawasan sedia ada yang diusahakan oleh Kerajaan Negeri dan terletak di lokasi yang strategik dan utama (*prime location*) supaya dapat meningkatkan daya saing untuk menarik pelabur dan pengusaha.

2) Peruntukan *one-off* ini dikhususkan untuk menaik taraf infrastruktur asas (yang berada dalam keadaan uzur dan daif) dalam kawasan perindustrian dan Taman Industri Kecil dan Sederhana (IKS) sedia ada di seluruh negara yang memerlukan pembaikan. Peruntukan tersebut hendaklah berpatutan dan memenuhi perbelanjaan yang benar-benar diperlukan sahaja bagi komponen-komponen berikut :

- Membaiki jalan, jambatan, tempat letak kenderaan berpusat, perparitan dan saliran;
- Menaik taraf kemudahan guna sama seperti premis perniagaan dan medan selera yang dibina oleh Pihak Berkuasa Tempatan; dan
- Membaiki kemudahan lampu jalan dan papan tanda asas

3) Peruntukan ini tidak boleh melibatkan komponen-komponen berikut:
- Pembelian tanah / bayaran pampasan bagi pengambilan balik tanah;
- Pengembangan / perluasan kawasan industri;
- Pembayaran pampasan bagi penempatan semula setinggan;
- Pembinaan bangunan baru;
- Pembinaan infrastruktur baru seperti jalan masuk utama dan perparitan, sistem retikulasi bekalan air dan bomba, klinik, rangkaian telekomunikasi dan tenaga elektrik;
- Kerja-kerja landskap;
- Kerja-kerja infrastruktur sokongan utama seperti *sub-station*, pencawang elektrik dan tangki air (*reservoir*); dan
- Belanja operasi.

c) Bagi mendapatkan peruntukan bagi Program Menaik taraf Infrastruktur Asas Kawasan Perindustrian Sedia Ada daripada MIDA, pihak PBT perlu mengenal pasti kawasan-kawasan perindustrian di bawah bidang kuasa mereka yang memenuhi syarat-syarat permohonan yang telah ditetapkan oleh MIDA. PBT akan mengemukakan permohonan tersebut kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) bagi tujuan penyelarasan.

Permohonan-permohonan daripada semua PBT akan di kumpul dan dipanjangkan oleh UPEN kepada Ibu Pejabat MIDA bagi tujuan kelulusan. Sebelum sesuatu kelulusan diberikan, pihak Ibu Pejabat MIDA, MIDA Selangor dan UPEN akan mengadakan Lawatan Pre – Audit bersama PBT berkaitan bagi memeriksa setiap permohonan di dalam memastikan permohonan di setiap kawasan perindustrian memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sebelum kelulusan peruntukan diberikan.

Walau bagaimanapun bagi permohonan projek baru dan permohonan peruntukan bagi Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10), semua permohonan tidak lagi melalui UPEN Selangor sebaliknya akan diselaraskan oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor (PPN).

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)

TAJUK : KUOTA UNIT BUMIPUTRA TIDAK TERJUAL

118. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila nyatakan dengan terperinci mengikut daerah berhubung jumlah unit hartanah kuota bumiputera bagi jenis kediaman kos rendah, sederhana dan tinggi yang tidak terjual melebihi tempoh satu tahun dari tahun pelancaran bagi tahun 2008 dan 2009.

b) Apakah pendirian kerajaan negeri terhadap unit hartanah kuota bumiputera yang tidak terjual melebihi tempoh satu tahun terutamanya bagi jenis kediaman kos tinggi.

JAWAPAN :

a) Berdasarkan Laporan Status Pasaran Harta Tanah : Harta Tanah Siap Dibina Tidak Terjual Bagi Suku Tahun Kedua Tahun 2009 yang dikeluarkan oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), hanya memperuntukkan maklumat mengikut pecahan jenis kediaman iaitu kos rendah, kos sederhana dan kos tinggi manakala data mengikut pecahan kuota tidak di kumpul oleh NAPIC. Kerajaan negeri juga tidak mempunyai pangkalan data yang mengandungi maklumat spesifik mengenai jumlah hartanah mengikut kuota yang tidak terjual kerana data yang terkumpul hanyalah berasaskan kepada permohonan pengurangan dan pelepasan kuota jualan bumiputera yang dikemukakan oleh pemaju. Data yang ada di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) adalah seperti di Jadual 1 :

Jadual 1 : Permohonan Pelepasan/ Pengurangan Unit-Unit Kediaman Kuota Bumiputera Mengikut Pecahan Daerah dan Tahun.

Tahun 2008												
Petaling			**Hulu Langat**			**Klang**			**Gombak**			**Jumlah Unit**
K.R	K.S	K.T	K.R	K.S	K.T	K.R	K.S	K.T	K.R	K.S	K.T	
-	-	135	-	-	212	-	-	8	-	-	78	433

Tahun 2009 *(Januari hingga Jun)*												
Petaling			**Hulu Langat**			**Kuala Selangor**			**Gombak**			**Jumlah Unit**
K.R	K.S	K.T	K.R	K.S	K.T	K.R	K.S	K.T	K.R	K.S	K.T	
-	-	225	-	-	9	-	-	12	-	-	8	254

Petunjuk : K.R = Rumah Kos Rendah K.S = Rumah Kos Sederhana K.T = Rumah Kos Tinggi

Merujuk kepada Jadual 1, LPHS hanya menerima permohonan pelepasan/ pengurangan unit- unit kuota Bumiputera bagi rumah jenis kos tinggi yang mana harga jualannya dalam lingkungan RM200,000.00 hingga RM 2 juta seunit. Jumlah unit keseluruhan yang terlibat bagi kedua-dua tahun tersebut adalah sebanyak 687 unit. Daerah Petaling mencatatkan jumlah tertinggi dengan 360 unit diikuti daerah Hulu Langat sebanyak 221 unit dan permohonan yang paling sedikit adalah di daerah Klang dan Gombak dengan masing- masing mencatatkan 8 unit. Manakala tiada sebarang permohonan pelepasan/ pengurangan kuota Bumiputera diterima dari daerah Sabak Bernam, Hulu Selangor, Kuala Langat dan Sepang. Ketiadaan permohonan dari daerah-daerah tersebut menggambarkan bahawa tiada masalah dihadapi berhubung jualan unit-unit Bumiputera terutamanya di kawasan luar Lembah Klang.

b) Kerajaan Negeri Selangor amat komited dalam memastikan setiap rakyat di negeri Selangor diberi peluang untuk memiliki kediaman yang selesa untuk seisi keluarga. Atas keprihatinan yang tinggi terhadap keperluan perumahan ini maka kerajaan negeri sentiasa berusaha ke arah menggalakkan pertumbuhan industri pembinaan di Negeri Selangor lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi semasa yang kurang stabil. Memandangkan pada masa ini terdapat unit-unit hartanah Bumiputera di Negeri Selangor yang masih tidak terjual, maka Kerajaan Negeri Selangor melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) telah mengambil beberapa langkah inisiatif seperti berikut :

1) Membantu pemaju mengiklankan unit- unit hartanah yang tidak terjual di akhbar-akhbar utama sebanyak tiga (3) kali terbitan iaitu di akhbar Berita Harian, Harian Metro dan News Straits Times. Selain akhbar, LPHS juga memaparkan unit-unit serta projek tersebut di laman web LPHS dan akan dipanjangkan di setiap laman web Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Daerah sebagai satu usaha mempromosikan projek/ unit yang tidak terjual ini.

2) Selain pengiklanan, LPHS turut mengadakan pameran hartanah sebagai bukti jelas yang menunjukkan usaha kerajaan negeri untuk membantu pemaju-pemaju memasarkan dan menjual unit- unit rumah atau hartanah Bumiputera yang belum dijual. Antara pameran yang dianjurkan adalah Pameran Hartanah Bumiputera Selangor 2009 bermula 26 Jun sehingga 28 Jun 2009 dari jam 10.00 pagi hingga 9 malam bertempat di LG 2, Councourse Sunway Pyramid, Sunway Pyramid, Subang Jaya. Pameran ini pada keseluruhannya disertai oleh seramai 45 pemaju yang terdapat di Selangor dan turut disertai oleh 3 buah bank. Di samping itu, pameran seumpama ini juga boleh dijadikan platform bagi perkongsian idea atau pandangan antara agensi kerajaan negeri dan pemaju swasta dalam memastikan unit-unit hartanah bumiputera dapat dijual kepada pembeli Bumiputera. Kerajaan negeri bercadang untuk meneruskan pameran ini dengan lebih kerap iaitu dalam tempoh 6 bulan sekali pada masa akan datang.

Kerajaan Negeri juga memandang serius akan unit-unit hartanah kuota Bumiputera yang tidak terjual dan perkara tersebut sering dibincangkan dalam Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN). Kerajaan negeri tidak berkeberatan untuk melepaskan unit-unit hartanah kuota Bumiputera sekiranya pemaju telah memenuhi kriteria- kriteria seperti berikut :

1) Kemajuan projek di tapak sekurang-kurangnya mencapai **75% dan ke atas;**

2) Unit-unit kuota bukan Bumiputera telah **100% dijual;**

3) Pemaju dikehendaki menunjukkan bukti **aktiviti promosi** seperti membuat iklan di akhbar dan mengambil bahagian dalam pameran hartanah telah dibuat;

Berdasarkan kriteria di atas, pertimbangan akan diberikan sekiranya masih tiada Bumiputera yang berminat ke atas unit-unit tersebut terutamanya bagi projek-projek yang telah mempunyai Sijil Layak Menduduki (CF) dan melibatkan projek-projek berharga tinggi di mana Bumiputera tidak mempunyai kemampuan untuk memilikinya. Bagaimanapun, bagi memastikan matlamat dan aspirasi Kerajaan Negeri dalam memelihara kuota bumiputera tidak terjejas maka dalam memberi pertimbangan ke atas pelepasan kuota bumiputera, kerajaan negeri tetap memastikan bahawa kadar peruntukan kuota bumiputera yang tinggal selepas kelulusan pelepasan sekurang-kurangnya berada pada kadar minimum sebanyak 30%. Sekiranya kadar minimum tersebut masih tidak terjual walaupun setelah segala usaha mempromosi dan memasarkan giat dilaksanakan maka barulah kerajaan negeri bersetuju untuk melepaskan semua unit hartanah kuota bumiputera tersebut dijual kepada pembeli bukan bumiputera. Namun demikian, realitinya terdapat segelintir pemaju yang menjual unit-unit kuota bumiputera kepada bukan bumiputera tanpa membuat permohonan untuk melepaskan unit kuota bumiputera kepada Kerajaan Negeri terlebih dahulu. Di dalam kes demikian, kerajaan negeri akan mengenakan 5% penalti kepada pemaju bagi setiap unit kuota Bumiputera yang telah dijual kepada pembeli bukan Bumiputera.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)

TAJUK : PEMBANGUNAN USAHAWAN MUDA

119. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah program khusus Kerajaan Negeri untuk menambah baik usahawan-usahawan muda dan baru Selangor.

b) Apakah bentuk bantuan yang disalurkan kepada mereka dan bagaimana proses pemantauan keberkesanan bantuan yang disalurkan.

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri menawarkan kursus dan latihan kepada mereka yang berminat untuk menceburi bidang keusahawanan. Di samping itu juga Kerajaan Negeri menganjurkan secara bersama program-program keusahawanan dengan Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) bagi memupuk minat di dalam bidang keusahawanan. Kerajaan Negeri tidak mempunyai peruntukan yang besar dalam program memupuk minat keusahawanan berikutan peruntukan sedia ada terhad kepada mereka yang telah memulakan perniagaan.

b) Kerajaan Negeri telah menyediakan Dana Industri Kecil bagi menambahkan pengeluaran dan meningkatkan kualiti produk yang dihasilkan. Di samping itu juga Kerajaan Negeri turut mempromosikan produk-produk IKS yang telah dikenal pasti berpotensi melalui Program Satu Daerah Satu Produk dan menaja penglibatan usahawan yang layak menyertai program-program promosi yang dianjurkan oleh pihak kerajaan ataupun swasta. Penerima dana akan dipantau setahun selepas bantuan diberikan dan berdasarkan pemantauan yang dibuat hampir 80 peratus dari penerima dana menunjukkan peningkatan pendapatan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : ANAK-ANAK SYARIKAT DAN SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU DI BAWAH PNSB

120. Bagi syarikat-syarikat yang tidak aktif dan telah lama menjalankan perniagaan serta mengalami kerugian, kajian akan dibuat bagi menutup atau menjual ekuiti dalam syarikat-syarikat tersebut:.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Apakah mekanisme kajian yang digunakan dan apakah ini akan melibatkan kos tertentu kepada PNSB?

b) Berapa lamakah masa yang diberikan untuk membuat kajian sehingga membolehkan syarikat-syarikat yang rugi ini ditutup?

c) Adakah Kerajaan Negeri memberi garis panduan tentang penjualan ekuiti syarikat-syarikat berkenaan?

JAWAPAN :

a) Mekanisme kajian yang digunakan adalah seperti berikut:
   1) *Profitability Study*
   2) *Financial Analysis*
   3) *Potential Analysis*

   Mekanisme kajian ini dilaksanakan oleh konsultan luar yang diluluskan oleh Pengurusan syarikat. Sehubungan itu kos tertentu dikenakan sebagai bayaran konsultansi.

b) Tempoh untuk membuat kajian adalah berbeza-beza bergantung kepada situasi syarikat dan peruntukan perundangan.

c) Tiada garis panduan daripada Kerajaan Negeri. Tertakluk kepada keputusan Lembaga Pengarah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN
(SRI SERDANG)

TAJUK : PERUMAHAN RAKYAT

121. Penyediaan perumahan yang selesa dan mampu milik adalah keutamaan dan menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk memastikan setiap rakyat Selangor mendapat kediaman sendiri.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status penyediaan perumahan kos rendah, sederhana dan mewah mengikut daerah dan adakah ia mencukupi?
b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memperkenalkan skim khas bagi membantu pasangan muda memperoleh rumah mereka sendiri?

JAWAPAN :

a) Penyediaan rumah yang sempurna dan selesa kepada semua rakyat Negeri Selangor merupakan salah satu matlamat utama Kerajaan Negeri Selangor. Untuk itu, berdasarkan unjuran yang dibuat melalui Laporan Blue Print Perumahan Negeri Selangor, dari tempoh tahun 2004 sehingga tahun 2014 dianggarkan sebanyak 345,215 unit rumah yang terdiri daripada pelbagai jenis diperlukan di Negeri Selangor.
Untuk makluman Yang Berhormat daripada jumlah tersebut, sebanyak 93,995 unit adalah terdiri daripada rumah kos rendah, 128,203 unit rumah kos sederhana dan 123,017 unit rumah kos tinggi. Pecahan jenis rumah yang diperlukan mengikut jenis dan daerah adalah seperti berikut:

Bil.	Daerah	Rumah Kos Rendah	Rumah Kos Sederhana	Rumah Kos Tinggi	Jumlah
1.	Gombak	10,558	16,303	10,629	**37,490**
2.	Petaling	34,445	42,354	21,036	**97,835**
3.	Hulu Langat	9,720	13,753	8,137	**31,610**
4.	Klang	14,022	22,126	9,037	**45,185**
5.	Kuala Selangor	5,146	6,862	5,146	**17,154**
6.	Sabak Bernam	1,583	2,110	1,583	**5,276**
7.	Hulu Selangor	6,934	9,245	6,934	**23,113**
8.	Sepang	8,106	10,808	8,106	**27,020**
9.	Kuala Langat	3,481	4,642	52,409	**60,532**
Jumlah		**93,995**	**128,203**	**123,017**	**345,215**

Bagi penyediaan perumahan untuk tempoh sehingga Oktober 2009 sebanyak 106,133 unit daripada pelbagai jenis telah siap dibina mahupun di peringkat pembinaan. Pecahan jenis rumah tersebut mengikut jenis dan daerah adalah seperti berikut:

Bil.	Daerah	Rumah Kos Rendah	Rumah Kos Sederhana	Rumah Kos Tinggi	Jumlah
1.	Gombak	1,324	662	3,356	**5,342**
2.	Petaling	5,531	24,746	24,351	**54,628**
3.	Hulu Langat	4,964	6,105	7,276	**18,345**
4.	Klang	3,474	1,273	2,621	**7,368**
5.	Kuala Selangor	0	1,849	128	**1,977**
6.	Sabak Bernam	168	154	524	**846**
7.	Hulu Selangor	1,676	0	567	**2,243**
8.	Sepang	564	864	6,033	**7,461**
9.	Kuala Langat	2,140	727	5,056	**7,923**
Jumlah		**19,841**	**36,380**	**49,912**	**106,133**

(Sumber: Data Kelulusan Sijil Kelayakan Menduduki (CFO) dan Pelan Bangunan daripada PBT)

Berdasarkan data yang dikemukakan di atas menunjukkan bahawa peratusan penyediaan rumah kos rendah untuk tempoh sehingga Oktober adalah sebanyak 21.1% daripada keperluan yang diunjurkan. Bagi rumah kos sederhana adalah sebanyak 28.4% dan rumah kos tinggi pula sebanyak 40.6% daripada keperluan unit rumah yang diunjurkan.

b) Kerajaan Negeri buat masa ini masih belum ada perancangan untuk memperkenalkan skim khas bagi membantu pasangan muda memiliki rumah mereka sendiri. Ini disebabkan Kerajaan Negeri telah mempunyai pelbagai program dan perancangan yang lebih menyeluruh untuk memastikan setiap rakyat di Negeri Selangor memiliki rumah kediaman sendiri terutama kepada rakyat yang berpendapatan rendah dan golongan setinggan. Program rumah mampu milik dan mewujudkan kerjasama dengan pihak bank adalah antara langkah yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan semua rakyat mampu memiliki rumah sendiri di Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HJ. ABD. RAHMAN BIN HJ. PALIL
(SEMENTA)

TAJUK : LESEN HIBURAN

122. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah jumlah lesen hiburan yang telah diluluskan sepanjang tahun 2008 - 2009 kawasan PBT MPK Klang ?

b) Berapakah jumlah kompaun / rampasan yang telah dilakukan sepanjang tahun 2008/2009, premis yang menyalahi peraturan Enakmen Hiburan PBT di MPK ?

JAWAPAN :

a) Pada tahun 2008, sebanyak 78 lesen hiburan yang dikeluarkan oleh Majlis dan 73 lesen hiburan dikeluarkan pada tahun 2009.

b) Statistik pengeluaran kompaun / rampasan tahun 2008 / 2009 seperti berikut:

	Tahun 2008	**Tahun 2009** (Sehingga Sep 2009)
Kompaun	5	5
Sitaan	20	19

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS
(SUNGAI BURONG)

TAJUK : PERTANIAN (SAWAH PADI)

123. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Sejauh manakah ancaman " Siput Gondang " telah merosakkan tanaman padi di kawasan Sungai Burong?

b) Sila nyatakan keluasan sawah dan bilangan petani yang tanaman padi mereka telah terjejas oleh ancaman Siput Gondang?

c) Apakah langkah-langkah kerajaan untuk membantu petani-petani berkenaan?

JAWAPAN :

a) Ancaman Siput Gondang dari jenis ***Poamacea insularus*** telah mula di kesan awal tahun 1991 di kawasan Tali air Dua Sungai Burong dan telah tersebar dalam parit dan tali air Sungai Burong. Serangan Siput Gondang Poamacea di dalam kawasan petak sawah dilaporkan berlaku pada musim 1/2007 di Parit 4 dan Tali air Satu Sungai Burong pada peringkat anak benih padi sehingga 21 hari selepas tabur. Tahap keterukan serangan sehingga mencapai 10-50% pada benih padi mendatangkan kerugian kepada petani bagi menanggung kos untuk menabur dan menyulam semula anak benih padi.

Kemampuan Siput Gondang untuk bertelur banyak sehingga 200-500 biji sepasang dan hidup sehingga 3 kaki kedalaman dari permukaan sawah meningkatkan lagi status populasi siput di dalam sawah. Didapati beberapa musim yang lalu berlaku penurunan serangan siput gondang di kawasan Sg. Burong. Walau bagaimanapun sedikit peningkatan serangan bagi musim 02/09 iaitu sebanyak 15.82 ha. Manakala pada musim 02/08 serangan melibatkan 7.0 ha serangan. Ancaman serangan Siput gondang dijangka meningkat sekiranya tiada kawalan secara berterusan oleh petani sama ada secara kawalan biologi atau kimia.

b) Status serangan Siput Gondang di kawasan Sungai Burong pada musim 1/2009 telah dikesan di dalam petak sawah blok A,F,H,L dan Q melibatkan keluasan 11 ha dengan tahap keterukan 5-10% pada peringkat pertumbuhan anak benih padi 2-3 minggu. Jumlah bilangan petani yang terlibat adalah 15 orang. Serangan juga dikesan berlaku pada musim 2/2009 melibatkan keluasan 15.8 ha di blok A,E,G,K,P,T,V dan Z dengan jumlah petani terlibat seramai 22 orang (Bancian sebanyak 10% keluasan bertanam padi).

Keluasan Serangan (ha) Siput Gondang Poamacea mengikut musim adalah seperti berikut;

Kawasan/Musim	M01/07	M02/07	M01/08	M02/08	M01/09	M02/09
Sungai Burong	39.00	10.00	40.00	7.00	11.00	15.82

c) Jabatan Pertanian telah menjalankan kempen dan khidmat nasihat kepada para petani melalui surat edaran, risalah, *pamplet* dan pameran diagnostik bergerak tentang ancaman serangan Siput Gondang dari masa ke semasa serta aktiviti –aktiviti kawalan secara bersepadu iaitu;-

1) Menjalankan pemantauan telur-telur serta siput di dalam sawah petani dengan memasang perangkap tiang-tiang pancang untuk siput bertelur di dalam sawah.
2) Menjalankan program gotong-royong mengutip dan memusnahkan telur-telur serta siput-siput yang ditemui.
3) Mengadakan petak demonstrasi kawalan Siput Gondang di kawasan yang terlibat dengan kerjasama petani dan syarikat pembekal racun.
4) Membekalkan racun moluska seperti racun Mostok dan Baylucide kepada individu petani yang terlibat.
5) Pemasangan perangkap jaring (5 mm mesh) pada saluran air masuk dan keluar.
6) Menjalankan pembajakan halus 2 kali sedalam 4 in atau lebih bagi membunuh siput gondang.
7) Membuat parit ladang di sekeliling petak sawah bagi mengehadkan pergerakan siput di dalam parit ladang.

Beberapa pendekatan tambahan kawalan bersepadu juga disyorkan kepada petani dalam kawalan serangan Siput Gondang iaitu;-

1) Membela Itik Jawa (20-30 ekor sehektar) dan ikan di dalam sawah. Itik dilepaskan selepas musim penuaian dan peringkat padi 45 hari selepas menanam atau mengubah bagi memakan anak-anak siput.
2) Meletakkan umpan seperti kulit nangka, daun ubi kayu, buah sukun atau kangkung untuk siput makan bagi memudahkan pengutipan siput.
3) Pastikan jentera sawah dicuci bersih apabila keluar daripada sawah yang ada Siput Gondang.

Semua langkah-langkah kawalan bersepadu tersebut dapat mengurangkan status populasi Siput Gondang dalam petak sawah dan mengelak kerosakan pada tanaman padi serta mengurangkan kerugian hasil pendapatan padi petani.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)

TAJUK : SKIM PERUMAHAN RAKYAT YANG BERPENDAPATAN RENDAH

124. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Sila jelaskan ke manakah arah tuju bantuan perumahan rakyat berpendapatan rendah di Negeri Selangor.

b) Berapakah jumlah rakyat yang memerlukan skim perumahan rakyat ini?

JAWAPAN :

a) Satu langkah penting bagi membantu golongan berpendapatan rendah menikmati taraf hidup yang lebih selesa ialah dengan menyediakan perumahan mampu milik yang mencukupi. Selaras dengan hasrat tersebut, Kerajaan Negeri akan mempergiatkan lagi program pembinaan rumah kos rendah dan kos sederhana di Negeri Selangor sama ada melalui anak syarikat Kerajaan Negeri atau pemaju swasta. Kerajaan Negeri komited untuk memastikan pembinaan perumahan rakyat di Negeri Selangor terutama rumah kos rendah dapat ditawarkan kepada golongan sasaran yang telah dikenal pasti benar-benar layak ditawarkan rumah tersebut.

Kerajaan Negeri amat prihatin atas kesukaran golongan tertentu seperti setinggan yang tidak mempunyai pendapatan tetap mendapatkan pinjaman bank untuk membiayai pembelian rumah kos rendah. Ini termasuk mereka yang mempunyai keupayaan untuk membayar balik pinjaman perumahan tetapi tidak dapat menyediakan bukti pendapatan mereka mengikut keperluan bank. Kerajaan Negeri dari masa ke semasa akan terus mengadakan perbincangan dan kerjasama dengan bank-bank untuk membolehkan satu skim khas khusus untuk golongan tersebut diwujudkan agar dapat memiliki rumah kediaman sendiri.

b) Berdasarkan statistik pendaftaran permohonan rumah kos rendah yang diselaraskan oleh Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) sehingga 31 Oktober 2009 terdapat seramai 28,978 pemohon yang masih menunggu tawaran rumah kos rendah atau skim perumahan rakyat. Bilangan pemohon yang masih menunggu tawaran rumah kos rendah mengikut daerah adalah seperti berikut :-

Bil.	Nama Daerah	Bilangan Pemohon Menunggu Tawaran
1.	Petaling	11,501
2.	Hulu Langat	5,640
3.	Gombak	3,685
4.	Klang	3,387
5.	Kuala Selangor	1,231
6.	Sepang	1,170
7.	Kuala Langat	1,162
8.	Sabak Bernam	991
9.	Hulu Selangor	211
Jumlah Keseluruhan		28,978

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)

TAJUK : DASAR-DASAR UNTUK MEMBELA HAK KEAGAMAAN YANG BUKAN ISLAM

125. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Apakah dasar-dasar yang dicadangkan oleh kerajaan untuk membela hak keagamaan yang bukan Islam.

b) Berapakah peruntukkan dari Kerajaan Negeri yang telah diberi kepada setiap agama?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri sentiasa menghormati hak kebebasan menganuti dan mengamalkan agama seperti mana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Fasal 11 (1). Kerajaan Negeri juga telah menyediakan beberapa keistimewaan kepada agama lain selain Islam seperti menyediakan peruntukan bagi membaik pulih rumah-rumah ibadat bukan Islam, pendidikan keagamaan dan sumbangan. Selain itu, kerajaan negeri juga telah memutuskan bahawa bagi setiap bangunan rumah ibadat yang dibina sebelum 8 Mac 2008 hendaklah mendapatkan kebenaran kerajaan negeri terlebih dahulu untuk tujuan perobohan. Kerajaan negeri juga turut menjadikan wakil-wakil persatuan agama di Negeri Selangor menganggotai Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam yang membincangkan isu-isu agama selain Islam

b) Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM 6 juta kepada rumah ibadat selain Islam. Peruntukan ini diagihkan kepada setiap rumah ibadat selain Islam yang memohon. Peruntukan ini juga adalah untuk tujuan baik pulih bangunan sedia ada, pendidikan keagamaan dan sumbangan bagi tujuan pemindahan/dirobohkan. Sehingga Oktober 2009 sebanyak RM 2,950,500.00 telah dibelanjakan kepada rumah-rumah ibadat selain Islam yang memohon. Perincian peruntukan seperti di **Lampiran A.**

PERUNTUKAN UNTUK RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM TAHUN 2009

BATCH	KELULUSAN	TOKONG		KUIL		GEREJA		GUDWARA		JUMLAH BESAR		STATUS
		BIL	JUMLAH (RM)	BIL	JUMLAH (RM)	BIL	JUMLAH (RM)	BIL	JUMLAH (RM)	BIL	JUMLAH (RM)	
1	PWN.sel(A)284 Jld.27 (68) bertarikh 8.1.2009	51	215,000.00	46	315,500.00	26	128,500.00	4	23,000.00	**127**	**672,000.00**	Selesai
2	PWN.Sel(A)256/16 jld 40(6) bertarikh 22.6.2009	28	158,500.00	29	304,000.00	18	156,000.00	0	0.00	**75**	**618,500.00**	Selesai
3	TSUK(P) : IPK.Sel.60361.Jld 7 (52) bertarikh 28.7.2009	16	115,000.00	16	255,000.00	3	20,000.00	1	20,000.00	**36**	**410,000.00**	Selesai
	Kes: pembatalan cek			(1)	(2,000.00)					**(1)**	**(2000.00)**	Selesai
4	TSUK(P) : IPK.Sel.60361.Jld 8 ( ) bertarikh 2.9.2009	4	25,000.00	18	332,000.00	6	95,000.00	1	50,000.00	**29**	**502,000.00**	Selesai
				1	20,000.00					**1**	**20,000.00**	Selesai
5	TSUK(P) : IPK.Sel.60361.Jld 9 ( ) bertarikh 15.9.2009	34	200,000.00	9	170,000.00	1	50,000.00	1	15,000.00	**45**	**475,000.00**	Selesai
6	PWN. Sel (a) 284 Jld 30 (15) bertarikh 20.10.2009	6	130,000.00	5	45,000.00	5	80,000.00	0	0.00	16	255,000.00	Selesai
	JUMLAH BESAR	**139**	**843,500.00**	**123**	**1,439,500.00**	**59**	**529,500.00**	**7**	**108,000.00**	**328**	**2,950,500.00**	

PERUNTUKAN UNTUK RUMAH IBADAT SELAIN ISLAM TAHUN 2009

BATCH	KELULUSAN	TOKONG		KUIL		GEREJA		GUDWARA		JUMLAH BESAR		STATUS
		BIL	JUMLAH (RM)	BIL	JUMLAH (RM)	BIL	JUMLAH (RM)	BIL	JUMLAH (RM)	BIL	JUMLAH (RM)	
1	PWN.sel(A)284 Jld.27 (68) bertarikh 8.1.2009	51	215,000.00	46	315,500.00	26	128,500.00	4	23,000.00	**127**	**672,000.00**	Selesai
2	PWN.Sel(A)256/16 jld 40(6) bertarikh 22.6.2009	28	158,500.00	29	304,000.00	18	156,000.00	0	0.00	**75**	**618,500.00**	Selesai
3	TSUK(P) : IPK.Sel.60361.Jld 7 (52) bertarikh 28.7.2009	16	115,000.00	16	255,000.00	3	20,000.00	1	20,000.00	**36**	**410,000.00**	Selesai
	Kes: pembatalan cek			(1)	(2,000.00)					**(1)**	**(2000.00)**	Selesai
4	TSUK(P) : IPK.Sel.60361.Jld 8 ( ) bertarikh 2.9.2009	4	25,000.00	18	332,000.00	6	95,000.00	1	50,000.00	**29**	**502,000.00**	Selesai
				1	20,000.00					**1**	**20,000.00**	Selesai
5	TSUK(P) : IPK.Sel.60361.Jld 9 ( ) bertarikh 15.9.2009	34	200,000.00	9	170,000.00	1	50,000.00	1	15,000.00	**45**	**475,000.00**	Selesai
6	PWN. Sel (a) 284 Jld 30 (15) bertarikh 20.10.2009	6	130,000.00	5	45,000.00	5	80,000.00	0	0.00	16	255,000.00	Selesai
	JUMLAH BESAR	**139**	**843,500.00**	**123**	**1,439,500.00**	**59**	**529,500.00**	**7**	**108,000.00**	**328**	**2,950,500.00**	

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)

TAJUK : MEMPERKASAKAN SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA DI BAWAH JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI SELANGOR

126. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah pencapaian perancangan kerajaan setakat ini.

b) Adakah kerajaan bersedia untuk mengintegrasikan lebih banyak lagi Sekolah-sekolah Rendah Agama sebagai satu alternatif.

c) Apakah perancangan seterusnya mengenai penubuhan Sekolah Menengah Agama Teknik.

JAWAPAN :

a) Pada masa ini Kerajaan Negeri telah pun mempunyai semua peringkat institusi pendidikan bermula dari Prasekolah hinggalah ke peringkat Institusi Pengajian Tinggi seperti berikut:

PRA	RENDAH	MENENGAH	UNIVERSITI
Prasekolah (12 Buah)	KAFA (290 Buah) SRA (202 Buah) SRAI (11 Buah)	SAM/SABK (23 Buah) MITS (2 Buah)	KUIS (1 Buah)

Nota : KAFA - Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain
SRA - Sekolah Rendah Agama
SRAI - Sekolah Rendah Agama Integrasi
SAM - Sekolah Agama Menengah
MITS - Maahad Integrasi Tahfiz Sains
KUIS - Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

b) Kerajaan Negeri bersedia untuk mengintegrasikan lebih banyak lagi Sekolah–sekolah Rendah Agama sebagai satu alternatif. Walau bagaimanapun kesediaan ini bergantung kepada kemampuan kewangan Kerajaan Negeri. Kemahiran tenaga pengajar dan kemudahan yang terdapat di sekolah – sekolah berkenaan.

c) Cadangan untuk menubuhkan Sekolah Menengah Agama Teknik terpaksa ditangguhkan kerana pelaksanaannya memerlukan perbelanjaan yang tinggi. Pada masa ini JAIS akan menumpukan kepada pelaksanaan SRA untuk memastikan semua anak-anak orang Islam di Negeri Selangor mendapat didikan agama dan Fardhu Ain di peringkat Sekolah Rendah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)

TAJUK : PERKHIDMATAN BAS AWAM

127. Fasiliti perkhidmatan bas awam di kawasan Pelabuhan Klang yang tidak digunakan sepenuhnya.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah usaha yang diambil oleh pihak PBT ke atas stesen bas di Pelabuhan Klang yang tidak berfungsi sepenuhnya mengakibatkan kerugian pelaburan Kerajaan Negeri untuk kawasan tersebut.

JAWAPAN :

a) Bangunan Hentian Pelabuhan Klang ini masih aktif dan berfungsi sebagai stesen bas yang memberi perkhidmatan bas kepada orang ramai terutama dari Pelabuhan Klang ke destinasi lain seperti ke Bandar Sultan Suleiman, Klang, Kuala Lumpur dan Banting. Malahan Majlis menerima permohonan tambahan perkhidmatan bas dari Pelabuhan Klang ke Cyberjaya.

Pada masa ini bangunan stesen bas ini juga mempunyai kemudahan, fasiliti seperti kemudahan teksi, medan selera, kaunter tiket, Pejabat Kerajaan (Pejabat Pendaftaran Negara), Pusat Perkhidmatan Ahli Majlis, Pusat ICT, Tapak Promosi dan lain-lain premis perniagaan termasuk surau dan tandas.

Walau bagaimanapun, oleh kerana gaya hidup penduduk masa kini yang mahukan ruang niaga yang jauh lebih besar dan luas seperti "hypermarket" premis-premis perniagaan ini kurang mendapat sambutan.

Usaha pihak Majlis adalah meningkatkan usaha pemasaran, memberi insentif untuk penyewaan seperti sewaan percuma dalam tempoh ubahsuaian premis, peningkatan aktiviti-aktiviti promosi di atas lot milik Majlis bersebelahan stesen seperti Karnival Usahawan dan lain-lain untuk menarik pengunjung ke hentian ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)

TAJUK : PELABURAN ASING (MENGENALPASTI JUMLAH PELABURAN ASING DI NEGERI SELANGOR)

128. Memandangkan Negeri Selangor adalah sebuah negeri maju, banyak pelabur-pelabur asing dikenal pasti berminat membuat pelaburan di negeri ini.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah jumlah pelaburan asing yang dibuat oleh pelabur-pelabur asing setakat ini dan apakah pecahan pelaburan asing mengikut negara di Negeri Selangor.

b) Apakah langkah-langkah yang sedang dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pelaburan-pelaburan asing ini.

c) Bagaimanakah strategi dan peranan Kerajaan Negeri bagi memastikan rakyat Negeri Selangor dapat menikmati manfaat terus daripada pelaburan asing ini, dari segi peluang ekonomi dan pekerjaan.

JAWAPAN :

a) Bagi tempoh Januari hingga Julai 2009 sebanyak **138 projek perkilangan** telah diluluskan oleh MIDA di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah **RM 2,718,155,506.** Daripada jumlah ini sebanyak **RM 1,253,299,362** adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak **RM 1,464,856,144** daripada pelaburan asing.

Pecahan kelulusan projek-projek perkilangan di Negeri Selangor mengikut penyertaan pelabur asing bagi tempoh Januari hingga Julai 2009 adalah seperti berikut;-

Negara	Projek	Peluang Pekerjaan	Modal Pelaburan (RM)
Sweden	4	276	329,057,492
Singapore	7	701	231,870,639
Iran	2	82	142,458,933
British Virgin Island	3	325	132,000,000
Finland	1	12	123,795,000
United States America (USA)	2	96	105,263,390
Lain-Lain Negara	12	674	82,095,680
Japan	11	413	76,513,572
Netherlands	6	397	67,458,403
Korea Rep.	1	46	48,226,849
Germany	5	250	24,663,244
Taiwan	3	112	24,278,200

China	4	173	19,975,943
India	3	111	19,546,000
United Kingdom	6	364	11,773,886
Turkey	1	0	9,983,093
Switzerland	1	16	9,300,000
Hong Kong	1	80	5,640,000
Australia	2	8	736,000
Indonesia	1	12	123,878
Myanmar	1	13	49,442
France	1	0	46,500
Jumlah	**78**	**4,161**	**1,464,856,144**

* Sumber : MIDA

b) Antara langkah-langkah yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pelaburan asing di negeri Selangor adalah seperti berikut;-

1) Memastikan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang pragmatik dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing.
2) Konsep Mesra Pelabur yang diterapkan dengan mengadakan lawatan dan perjumpaan dengan pihak industri secara berkala bagi mendapatkan maklum balas mengenai permasalahan yang dihadapi oleh pihak industri/pelabur di Selangor.
3) Menaik taraf infrastruktur di kawasan-kawasan industri serta menyediakan kawasan perindustrian yang selesa seperti Selangor Science Park.
4) Mempercepatkan proses penyelesaian masalah yang dihadapi pihak industri.
5) Mempercepatkan proses kelulusan permohonan seperti Permohonan Sijil Layak menduduki, Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan dan lain-lain kelulusan yang diperlukan pihak industri/pelabur menerusi One Stop Centre (OSC) yang ditubuhkan di setiap PBT.
6) Penubuhan Jawatankuasa Pelaburan Peringkat Negeri dan Daerah bagi memantau perlaksanaan projek-projek pelaburan di setiap daerah serta mempromosikan peluang-peluang pelaburan di setiap daerah.
7) Penubuhan Industrial Park Management Committee (IPMC) di setiap kawasan perindustrian yang kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.
8) Mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan di semua peringkat, termasuk di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.
9) Penambahbaikan fungsi SSIC bagi memantapkan keupayaan dalam memberi perkhidmatan.
10) Pemantauan yang lebih kerap untuk projek-projek yang sedang dilaksanakan.
11) “Hand hold” program.
12) Penganjuran dan penyertaan dalam misi-misi pelaburan ke luar negara.
13) Bekerjasama dengan pihak swasta bagi menarik pelaburan dari luar negara.
14) Meningkatkan program dialog bersama industri bagi mengenal pasti isu/permasalahan yang dihadapi bagi mencari jalan penyelesaian agar pihak industri terus beroperasi
15) Penubuhan jawatankuasa PEMUDAH Negeri Selangor bagi menambahbaikkan sistem penyampaian di Negeri Selangor

c) Beberapa strategi dan peranan Kerajaan Negeri telah diambil bagi memastikan rakyat tempatan mendapat manfaat terus daripada pelaburan asing seperti berikut;-

1. <u>Peluang Ekonomi</u>

i) Menyediakan maklumat penyedia-penyedia perkhidmatan untuk rujukan para pelabur bagi mendapatkan khidmat profesional yang beroperasi di negeri Selangor.

ii) Menganjurkan program-program *networking* antara para pelabur yang beroperasi di Negeri Selangor bertujuan bagi menyediakan ruang untuk pelabur tempatan serta pelabur asing menjalin hubungan kerjasama perniagaan antara satu sama lain.

2. <u>Peluang Pekerjaan</u>

i) Mengadakan sesi pertemuan antara institusi-institusi pengajian tinggi serta institusi latihan di negeri Selangor dengan syarikat multinasional bagi mewujudkan jaringan antara pihak industri dan institusi pengajian tinggi serta latihan supaya program yang ditawarkan menepati kehendak industri dan membolehkan pihak industri dapat berhubung secara terus bagi mendapatkan tenaga kerja yang bersesuaian.

ii) Dalam syarat-syarat lesen pengilang yang dikeluarkan oleh MIDA, pihak syarikat perlu melatih rakyat Malaysia supaya pemindahan teknologi dan kepakaran dapat disalurkan ke semua peringkat jawatan. Bagaimanapun, pihak syarikat dibenarkan mengambil khidmat pegawai dagang (*expatriate post*) dari luar negara, di mana Malaysia tidak mempunyai kepakaran yang diperlukan tetapi perkhidmatan adalah di dalam tempoh yang ditetapkan. Dalam masa yang sama, pihak syarikat perlu melatih pekerja tempatan bagi mengambil alih jawatan pegawai dagang berkenaan setelah tempoh perkhidmatannya tamat dan secara tidak langsung satu bentuk transaksi teknologi akan berlaku.

iii) Kerajaan melalui Jabatan Tenaga Kerja memutuskan untuk membekukan pengambilan pekerja asing dalam beberapa sektor terutama sub sektor perkilangan dan perkhidmatan. Keputusan ini diambil bagi menangani kesan masalah kegawatan ekonomi ketika ini serta memaksimumkan pengambilan pekerja tempatan.

iv) Kerajaan Negeri turut mengadakan *roadshow* mencari pekerjaan ke setiap daerah di Negeri Selangor bagi membantu rakyat tempatan khususnya penduduk luar bandar untuk mendapatkan pekerjaan. Dalam program ini syarikat-syarikat yang memerlukan pekerja diminta untuk membuat temu duga secara langsung dengan penduduk tempatan di sekitar kawasan program ini diadakan.

v) Selain itu, Kerajaan Negeri melalui SSIC Berhad telah mengadakan pertemuan bersama ketua-ketua kampung bagi mendapatkan kerjasama mereka untuk membantu rakyat tempatan mendapatkan pekerjaan dalam sektor perindustrian.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)

TAJUK : HUB-PENDIDIKAN

129. Kerajaan berhasrat menjadikan Selangor sebagai Hub Pendidikan dan salah satu program yang dilancarkan ialah Jejak Ilmuwan dan Tunas Ilmuwan,

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah strategi, pendekatan dan program-program untuk memantapkan Selangor sebagai Hub Pendidikan?

b) Apakah kemajuan program Jejak Ilmuwan dan siapakah tokoh-tokoh ilmuwan Selangor yang telah dikenal pasti?

c) Apakah kemajuan program Tunas Ilmuwan dan sekolah manakah yang telah dikenal pasti dan terlibat melaksanakan program ini?

JAWAPAN :

a)

BIL	STRATEGI	PENDEKATAN	PROGRAM
PENDIDIKAN			
1	Memperkasakan kualiti pendidikan rendah dan menengah	• Baikpulih Infrastruktur sekolah • peningkatan kemahiran pengajaran dan pembelajaran	• Program bantuan baikpulih Sekolah-sekolah di Selangor • Program Latihan Literasi ICT kepada guru-guru sekolah Kerajaan Negeri Selangor • Program Perbekalan Komputer, jalurlebar kepada sekolah-sekolah Kerajaan Negeri Selangor • Program SPIES pendidik

BIL	STRATEGI	PENDEKATAN	PROGRAM
PENDIDIKAN			
2.	Membina jaringan strategik dengan semua pihak yang terlibat di dalam pendidikan	Mewujudkan Majlis Permuafakatan PIBG, Tadika dan Pendidikan	• SPIES untuk MPIBG • Program Jelajah Ilmuwan (penyertaan dari tadika-tadika) • Konvensyen Pendidikan Islam
3.	Menjadikan Perpustakaan sebagai pusat pendidikan utama Masyarakat	Melaksanakan program Penjenamaan Semula PPAS	• Program ” terambuilding PPAS • Menaiktaraf infrastruktur Perpustakaan di seluruh Negeri Selangor
PENDIDIKAN TINGGI			
4.	Mengantarabangsakan IPT Selangor	Melaksanakan pelbagai persidangan antarabangsa.	• The 7th International Conference On Muslim Education • The 17th International Conference Islamic Academy of Science
5.	Menjadikan IPT Selangor sebagai pusat rujukan dan penyelidikan di peringkat Nasional dan Antarabangsa.	Melaksanakan kajian impak tinggi (Bidang bioteknologi dan Pendidikan)	• Dana Endowment *(seed grant)* kepada IPT Selangor

b) Program Jejak ilmuwan dilaksanakan melalui 4 sub Program yang utama iaitu:

- Program Jelajah Ilmuwan
- Program Tunas Ilmuwan
- Program Permentoran IPT
- Hari Ilmu Negeri Selangor

Bagi tahun 2009, status pelaksanaan program ini, Kerajaan Negeri dengan kerjasama pihak UNISEL telah berjaya melaksanakan program Jelajah Ilmuwan di 3 daerah di seluruh Negeri Selangor, iaitu di Daerah Sabak Bernam, Daerah Kuala Selangor dan Daerah Klang. Majlis Pelancaran Program Jelajah Ilmuwan ini juga telah dilaksanakan pada 8 November 2009 yang telah disempurnakan oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar Negeri Selangor.

Sepanjang program **Jelajah Ilmuwan** ini dilaksanakan terdapat beberapa Ilmuwan yang telah diketengahkan kepada masyarakat iaitu :

1) Profesor Abdul Latif Ibrahim, yang merupakan Ilmuwan dari bidang Bio-tekologi. Beliau juga adalah anak kelahiran Negeri Selangor.

2) Pofesor Dr Khazani bin Abdullah, ilmuwan dari bidang fiber optik. Beliau pernah dianugerahkan sebagai saintis Muda pada tahun 2001 di atas sumbangan beliau di dalam bidang fiber optik Negara.

3) Profesor Dr Anuar bin Ahmad, ilmuwan dari bidang kejuruteraan. Beliau adalah ketua projek bagi International Cansat Designs Competition di Madrid, Sepanyol di mana Unisel telah menjuarai ' open category".

Selain itu, Program Tunas Ilmuwan telah dilaksanakan pada 3 Mei 2009 dengan penampilan istimewa pelajar terbaik SPM peringkat Kebangsaan iaitu, adik Nor Madiha yang turut memberi motivasi kepada para pelajar yang hadir ke program tersebut.

c) Perkembangan terkini, untuk program Tunas Ilmuwan, satu kelab akan ditubuhkan dan akan menghimpunkan para pelajar yang berpotensi untuk dilibatkan di dalam program-program khas. Sekolah yang telah dikenalpasti untuk terlibat di dalam program ini adalah terdiri daripada sekolah-sekolah di bawah Kerajaan Negeri yang dikelolakan oleh Jabatan Agama Islam.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)

TAJUK : NURSERI

130. Nurseri adalah antara tempat awal dan penting untuk mendidik generasi masa hadapan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah jumlah nurseri di Negeri Selangor mengikut daerah dan apakah mekanisme untuk mengawal kewujudannya?

b) Sebagai kerajaan yang prihatin, adakah kerajaan memberi apa-apa bentuk bantuan kepada nurseri-nurseri tersebut?

JAWAPAN :

a) Bilangan taman asuhan kanak-kanak (TASKA) mengikut daerah yang ada di dalam senarai Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor adalah seperti berikut :

Bilangan taska institusi berdaftar di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 di Selangor (semua daerah)

Tahun	Bilangan
2005	32
2006	32
2007	35
2008	49
2009 (hingga September)	17

Bilangan taska di rumah berdaftar di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 di Selangor (semua daerah)

Tahun	**Bilangan (buah)**
2000	29
2001	37
2002	29
2003	27
2004	40
2005	53
2006	38
2007	27
2008	25
2009 (sehingga September)	18

BILANGAN TASKA / PUSAT JAGAAN YANG DIKENALPASTI OLEH JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI SELANGOR MENGIKUT DAERAH

	SERAHAN NOTIS AMNESTY PERIOD (Sehingga 12 Feb 2009)	**SERAHAN NOTIS UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN (April 2009 – Ogos 2009)**	**JUMLAH**
DAERAH			
Petaling Jaya	0	14	14
Subang Jaya	12	22	34
Shah Alam	23	47	70
Klang	12	45	57
Gombak	90	155	245
Kuala Selangor	42	2	44
Hulu Selangor	37	42	79
Hulu Langat	66	13	79
Kuala Langat	30	3	33
Sepang	36	2	38
Sabak Bernam	6	1	7
Jumlah	**354**	**346**	**700**

Bagi Jabatan Kebajikan Masyarakat tiada ditetapkan mekanisme untuk mengawal bilangan taska / pusat jagaan. Walau bagaimanapun terdapat beberapa kriteria yang perlu dipatuhi dalam mengoperasi sesebuah taska/ pusat jagaan iaitu dari segi kriteria yang dinyatakan di dalam Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 dan Peraturan-peraturan Taman Asuhan Kanak-kanak (Di Institusi) 1985.

Walau bagaimanapun, bagi Pihak Berkuasa Tempatan ada mengguna pakai peruntukan yang dinyatakan di dalam Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 dan Undang-undang Kecil Tempatan yang menyatakan nisbah 500 unit rumah kediaman : 1 taska / tadika sebagai panduan perancangan bandar.

b) Setakat ini Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor, melalui peruntukan geran oleh kerajaan persekutuan hanya memberikan subsidi RM 180 sebulan kepada setiap kanak-kanak yang dihantar ke Taska Komuniti yang menerima geran penubuhan dan operasi dan berdaftar dengan JKM sahaja. (subsidi hanya bagi pendapatan ibu bapa tidak melebihi RM2000 sebulan)

Bagi Taska Tempat Kerja Sektor Awam subsidi RM 180 adalah diikuti sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bil 4 Tahun 2007. Walau bagaimanapun pekeliling ini hanya terpakai terhadap jabatan yang terletak di bawah perkhidmatan persekutuan. (subsidi yuran pengasuhan taska hanya bagi pendapatan isi rumah tidak melebihi RM3000 sebulan)

Pemakaian bagi perkhidmatan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun tertakluk kepada penerimaan masing-masing.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : KEPADATAN PENDUDUK BANDAR

131. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Sila nyatakan berapakah peratus kepadatan penduduk di bandar pada ketika ini jika dibandingkan dengan 20 tahun yang lalu?

b) Sila nyatakan berapa peratuskah unjuran kepadatan penduduk di bandar pada 10 tahun akan datang mengikut pecahan kaum?

c) Sila nyatakan apakah faktor utama yang menyebabkan rakyat Negeri Selangor khususnya yang tinggal di luar bandar gemar berhijrah ke bandar?

JAWAPAN :

a) Berdasarkan statistik yang diperoleh daripada Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor, kepadatan penduduk negeri Selangor di kawasan bandar pada tahun 2009 adalah 88.5% daripada 7956 kilometer persegi keluasan negeri. Jumlah ini adalah berdasarkan anggaran jumlah penduduk negeri Selangor pada tahun ini sebanyak 5.179 juta orang dibandingkan dengan jumlah penduduk negeri pada tahun 1980-an seramai 1.426 juta.

b) Jumlah penduduk Negeri Selangor pada tahun 2019 adalah dianggarkan seramai 6.210 juta orang. Jumlah ini mengambil kira kadar purata pertumbuhan tahunan penduduk sebanyak 2.1% setahun. Pecahan kaum secara kasarnya masih mengekalkan komposisi yang sama di mana kaum majoriti adalah terdiri daripada kaum Bumiputera, diikuti dengan kaum Cina, kaum India dan lain-lain.

c) Secara keseluruhannya, trend taburan penduduk yang masih tinggal di kawasan luar bandar negeri Selangor adalah menurun dari tahun ke tahun. Statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa tahun 1994 mencatat 24.8% penduduk yang tinggal di luar bandar berbanding 11.7% pada tahun 2008. Migrasi luar bandar ke bandar ini adalah dipengaruhi oleh faktor tolakan dan tarikan wilayah metropolitan Lembah Klang. Kos sara hidup yang semakin tinggi serta kurangnya pendapatan serta hasil di kawasan luar bandar menyebabkan ramai golongan belia dan lepasan sekolah datang ke kawasan metropolitan untuk mencari kerja. Kawasan metropolitan seperti negeri Selangor bukan sahaja menawarkan banyak peluang pekerjaan dan infrastruktur perniagaan yang luas, malah negeri Selangor juga menempatkan institusi-institusi pengajian tinggi yang bertaraf dunia meliputi IPTA, IPTS, kolej komuniti, politeknik, institut latihan perindustrian dan kolej-kolej matrikulasi.

Oleh yang demikian, kerajaan negeri sentiasa merangka usaha-usaha bagi meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar yang secara tidak langsung dapat mengelakkan penduduk luar bandar membanjiri dan berhijrah ke bandar seperti berikut:

1) Menggalakkan perusahaan kecil dan sederhana dengan memberi bantuan Dana Usahawan, bantuan teknikal dan khidmat nasihat serta latihan usahawan;

2) Memperkasakan sektor pertanian dengan menggalakkan pertanian moden, berskala besar dan berorientasikan eksport dengan menggalakkan program penyatuan tanah sawah dan pengurusan berpusat, ternakan cacing dan buah-buahan khususnya di *Selangor Fruits Valley* yang terbesar;

3) Membantu para nelayan dengan menggalakkan ternakan akuakultur, ikan hiasan, ternakan udang harimau, program kebun ikan, ternakan kupang dan kebun kerang;

4) Menggalakkan dan memberi tumpuan kepada para penternak supaya menceburi ternakan Lembu fidlot, kambing dan ayam secara komersial;

5) Program *Contract Farming* produk pertanian seperti pisang, udang dan buah-buahan membantu para petani, penternak dan nelayan apabila hasil yang dikeluarkan dibeli terus oleh FAMA dengan harga yang tinggi;

6) Menggalakkan sektor pelancongan luar bandar seperti *Homestay* dengan menyediakan pelbagai aktiviti yang menarik untuk pelancong luar dan dalam negeri; dan

7) Meneruskan Program Kerajaan Prihatin bagi meningkatkan taraf hidup luar bandar kepada rakyat miskin dengan memberi bantuan rumah sebanyak RM20 ribu ringgit dan kos baik pulih RM7 ribu ringgit.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)

TAJUK : RUMAH-RUMAH IBADAT

132. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah jumlah kesemua rumah-rumah ibadat dan apakah nama-nama mereka mengikut komposisi agama di Negeri Selangor ini?

b) Berapakah jumlah rumah-rumah ibadat tersebut yang mempunyai hak milik tanah kekal dan juga yang tidak mempunyai hak milik berdaftar?

c) Berapakah jumlah bantuan kewangan yang telah diberikan kepada rumah-rumah ibadat ini mengikut komposisi agama?

JAWAPAN :

a) Mengikut statistik terkini, sebanyak 2,510 buah rumah ibadat telah dibina secara keseluruhannya. Bagi kuil, tokong, gereja ianya berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Negeri Selangor. Mana kala bagi masjid dan surau di bawah pentadbiran Jabatan Agama Islam Selangor. Senarai nama-nama rumah ibadat tersebut adalah seperti di **Lampiran A**. Berikut adalah pecahan rumah-rumah ibadat tersebut mengikut komposisi agama.

BIL	DAERAH	TOKONG	KUIL	GEREJA	MASJID	SURAU
1.	Petaling	22	20	22	71	381
2.	Kuala Langat	8	4	1	33	130
3.	Klang	55	13	9	40	232
4.	Hulu Langat	19	2	2	45	356
5.	Gombak	11	3	1	38	212
6.	Sabak Bernam	19	-	-	47	221
7.	Kuala Selangor	10	5	-	51	158
8.	Hulu Selangor	3	7	-	23	132
9.	Sepang	2	4	1	22	73
JUMLAH		**149**	**60**	**36**	**370**	**1895**

b) Sehingga Disember 2009, sebanyak 383 buah rumah ibadat mempunyai hak milik kekal manakala 504 buah rumah ibadat tidak mempunyai hak milik. Walau bagaimanapun, statistik status tanah bagi surau dan masjid tidak termasuk di dalam jadual berikut kerana di luar bidang kuasa Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan. Berikut adalah pecahan rumah-rumah ibadat tersebut mengikut daerah:

BIL	DAERAH	HAKMILIK	TIADA HAKMILIK
1.	PETALING	22	75
2.	KLANG	235	199
3.	GOMBAK	12	95
4.	SEPANG	20	5
5.	SABAK BERNAM	11	33
6.	KUALA LANGAT	58	54
7.	HULU SELANGOR	25	43
JUMLAH		**383**	**504**

c) Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM 6 juta kepada rumah ibadat selain Islam. Peruntukan ini diagihkan kepada setiap rumah ibadat selain Islam yang memohon. Peruntukan ini juga adalah untuk tujuan baik pulih bangunan sedia ada, pendidikan keagamaan dan sumbangan bagi tujuan pemindahan/dirobohkan. Sehingga Disember 2009 sebanyak RM 4,755,500.00 telah dibelanjakan kepada rumah-rumah ibadat selain Islam yang memohon. Perincian peruntukan seperti di **Lampiran B.**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)

TAJUK : MENAIKTARAF PANGSAPURI KOS RENDAH

133. Rakyat mengalu-alukan cadangan pihak kerajaan, mengadakan peruntukan bagi memperbaiki lif-lif di pangsapuri-pangsapuri kos rendah.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Bilakah cadangan tersebut dapat dilaksanakan?

b) Adakah kerja-kerja menceriakan pangsapuri seperti membersih serta mengecat akan termasuk dalam usaha kerajaan memperbaiki keadaan pangsapuri kos rendah yang ada?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri amat peka dan bersimpati dengan isu lif rosak dan tidak berfungsi yang sering dihadapi oleh pembeli-pembeli pangsapuri kos rendah. Memandangkan lif adalah komponen dan kemudahan asas yang penting bagi pembeli-pembeli pangsapuri kos rendah dan perbelanjaan penyenggaraan lif adalah sangat tinggi, Kerajaan Negeri selaras dengan dasar "Selangor Negeri Idaman, Maju, Sejahtera dan Berkebajikan" akan berusaha untuk memperuntukkan sejumlah peruntukan bagi tahun 2010 sebagai geran pelancaran bagi membolehkan isu penyenggaraan lif dilihat secara keseluruhan dan menggubal suatu kaedah seragam untuk mengatasi kos penyenggaraan lif yang perlu ditanggung oleh pembeli-pembeli berkaitan.

b) Pembangunan kawasan pemajuan berstrata termasuk pangsapuri kos rendah adalah tertakluk kepada Akta Hak milik Strata 1985 [Akta 318], yang merupakan lot-lot hak milik kawasan persendirian di mana pembeli-pembeli adalah bertanggungjawab secara langsung bagi membiayai kos-kos penyenggaraan dan pengurusan bangunan serta harta bersama dalam lot tersebut. Ini juga selaras dengan Jadual H Peraturan-peraturan Pemajuan Perumahan 1989, Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] yang secara jelas telah menggariskan tanggungjawab pembeli untuk membayar caj perkhidmatan dan pemaju untuk menyenggarakan dan menguruskan bangunan serta harta bersama sehingga Badan Pengurusan Bersama (JMB) ditubuhkan.

Namun demikian, sering dilihat di paparan media massa, isu penyenggaraan bangunan telah menjadi satu isu nasional dan antara faktor penyebabnya adalah kegagalan pembeli menjelaskan bayaran caj kepada pemaju mahupun Badan Pengurusan Bersama atau Perbadanan Pengurusan atau ejen pengurusan yang dilantik. Oleh kerana sikap keprihatinan dan tahap kesedaran pembeli mengenai tanggungjawab mereka masih rendah, Kerajaan Negeri akan merancang dan melaksanakan beberapa program pada tahun 2010 untuk meningkatkan kesedaran dan memberi pendidikan kepada komuniti perumahan bertingkat terutama perumahan bertingkat kos rendah bertujuan supaya setiap pembeli mempunyai inisiatif sendiri dan bertanggungjawab untuk menjaga kawasan masing-masing.

Selain itu, bagi memudahkan pelaksanaan kerja-kerja mengecat bangunan berserta kos yang lebih murah, Pihak Berkuasa Tempatan melalui Pesuruhjaya Bangunan diminta untuk bertindak sebagai penyelaras dengan mewujudkan panel kontraktor cat dan menetapkan suatu kadar bayaran caruman bagi setiap pemilik petak yang dikutip secara bulanan bagi tempoh 6 bulan. Jadual pembayaran caruman bagi cat bangunan serta jadual pelaksanaan kerja-kerja mengecat bangunan akan dimaklumkan lebih awal oleh Pihak Berkuasa Tempatan melalui Pesuruhjaya Bangunan kepada pembeli untuk persediaan yang lebih teratur.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : PERLUKAN DEWAN KONVENSYEN

134. Semasa YAB Menteri Besar Selangor melancarkan `Bangi Bandar Ilmu` pada 22 Jun 2008 Dato` Menteri Besar bersetuju akan perlunya wujud Dewan Konvensyen serba guna di Bandar Baru Bangi.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Sejauh manakah Dewan Konvensyen ini diberi perhatian dan diambil tindakan?

b) Setujukah sebuah tapak sesuai di tepi Tasik Cempaka diperuntukkan?

c) Adakah pihak PKNS bersetuju mendirikan Dewan Konvensyen ini?

JAWAPAN :

a,b,c) PKNS telah pun berbincang dengan Majlis Perbandaran Kajang untuk mengenal pasti konsep dan lokasi yang sesuai di sekitar Tasik Cempaka. Kajian kemungkinan dan pasaran juga sedang dilaksanakan bagi tujuan ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)

TAJUK : SOKONGAN ADUN PR – PROJEK PBT

135. Surat sokongan secara wajib oleh ADUN PR semasa permohonan projek PBT atau projek Kerajaan Negeri.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Adakah keadaan birokrasi ini akan menyebabkan salah guna kuasa di kalangan ADUN PR?

b) Adakah sokongan oleh ADUN PR lebih penting daripada prestasi kontraktor tersebut?

JAWAPAN :

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)

TAJUK : PERUMAHAN (MASALAH PERUMAHAN TERBENGKALAI)

136. Kebelakangan ini terdapat terlalu banyak projek perumahan yang terbengkalai di dalam Negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap pemaju-pemaju perumahan yang terlibat supaya hak dan kepentingan pembeli-pembeli rumah projek terbengkalai ini terpelihara.

b) Apakah langkah-langkah yang diambil Kerajaan Negeri untuk membantu pembeli-pembeli rumah di projek terbengkalai di Negeri Selangor ini.

c) Berapakah jumlah bilangan projek-projek terbengkalai yang dikenal pasti di seluruh Negeri Selangor sehingga kini.

JAWAPAN :

a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa telah mengambil tindakan ke atas pemaju perumahan yang projeknya terbengkalai di mana nama-nama Lembaga Pengarah yang diperoleh daripada SSM yang disenaraihitamkan dan diedarkan kepada semua PBT di samping dipaparkan dalam laman web bagi membantu pembeli mengetahui kredibiliti pemaju projek perumahan yang mereka berhasrat untuk membeli. Di samping itu nama-nama yang disenaraihitamkan tidak akan dibenarkan untuk melaksanakan apa-apa pembangunan di Negeri Selangor walaupun memiliki syer di bawah syarikat pemaju yang lain termasuk membuat permohonan untuk pembangunan tanah. Kerajaan Negeri juga sebagai tindakan terakhir akan mengambil tindakan perampasan tanah sekiranya wujud pelanggaran peruntukkan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 seperti kegagalan membayar cukai tanah di bawah S.100 KTN dan pelanggaran syarat di bawah S.129 KTN bagi memastikan hak pembeli terhadap hartanah mereka terjamin.

b) Kerajaan Negeri sememangnya amat prihatin ke atas nasib pembeli-pembeli rumah yang terlibat dengan projek terbengkalai. Walaupun begitu Kerajaan Negeri hanya boleh mengambil tindakan secara pentadbiran sahaja bagi membantu pembeli-pembeli tersebut. Beberapa langkah proaktif diambil ke arah membantu pembeli-pembeli projek terbengkalai tersebut bagi memahami situasi yang mereka hadapi dan bertindak sebagai pemudah cara dalam menasihati mereka bagi mengatasi masalah yang dihadapi dalam menyalurkan aduan tersebut kepada pihak yang berkaitan seperti Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), bank dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Langkah-langkah lain yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam membantu pembeli adalah seperti berikut :

1) Membantu pembeli menubuhkan jawatankuasa bertindak supaya tindakan yang diambil dapat diselaraskan dengan pihak berkuasa dan badan yang terlibat di mana persetujuan untuk memulihkan perlu diperoleh daripada sekurang-kurangnya 85% daripada pembeli.

2) Bagi projek terbengkalai di bawah KPKT, ia akan dirujuk kepada Kementerian untuk mendapatkan surat pengesahan projek terbengkalai supaya pembeli dapat berurusan dengan pihak bank terlibat dalam menyusun semula pembiayaan pinjaman di samping tidak mengenakan faedah disebabkan projek terbengkalai. Bagi kes-kes yang tidak berdaftar di bawah KPKT, LPHS akan mengeluarkan surat pengesahan projek tersebut adalah terbengkalai.

3) LPHS juga akan mengadakan perbincangan dengan pemaju terbabit bersama semua jabatan teknikal termasuk pihak bank sekiranya projek tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan dengan tujuan mempercepatkan kaedah pemulihan projek dengan mengenakan syarat minima bagi membolehkan projek disambung semula dengan kos tambahan yang minima tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan.

4) Bagi pemaju yang menghadapi masalah kewangan, LPHS akan mengatur pertemuan dengan pembiaya-pembiaya bagi melihat pendekatan yang sesuai dalam membantu pemaju-pemaju menstruktur semula pembiayaan titian *(bridging loan)* supaya projek boleh diteruskan. Sekiranya masih gagal dan terdapat pemaju/kontraktor berwibawa yang berminat memulihkan projek berkenaan LPHS akan mengemukakan cadangan pemulihan tersebut kepada KPKT untuk membuat keputusan.

5) Bagi pemaju-pemaju yang sedang dalam proses atau telah digulung, perbincangan dengan pihak Jabatan Insolvensi Malaysia akan diaturkan dari masa ke semasa untuk menyemak sama ada LPHS boleh mencadangkan mana-mana *'liquidator'/Pegawai Penerima* yang berwibawa bagi mempercepatkan pemulihan semula projek terbengkalai. Bagi projek-projek yang telah diletakkan di bawah *'liquidator'/Pegawai Penerima* pula perbincangan akan dijalankan bersama *'liquidator'/Pegawai Penerima* terbabit bagi mencari kaedah terbaik dalam memulihkan projek yang terbengkalai.

6) Bagi projek yang boleh dipulihkan di mana melibatkan kenaikan kos, LPHS akan melantik Juruukur Bahan untuk menilai semula kos pemulihan projek tersebut yang bertujuan untuk memaklumkan kos tambahan yang perlu ditanggung oleh pembeli sekiranya projek itu ingin diteruskan.

7) LPHS juga memberi khidmat nasihat dan panduan mengenai tindakan yang boleh diambil oleh pembeli untuk membawa kes ke Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di bawah Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989.

c) Sehingga 30 Jun 2009, terdapat sebanyak 134 projek terbengkalai yang dikenal pasti di seluruh Negeri Selangor melibatkan 48,360 pembeli. Pecahan projek terbengkalai mengikut PBT adalah seperti berikut :

BIL	KAWASAN PBT	PROJEK PERUMAHAN	PROJEK KOMERSIAL	PROJEK INDUSTRI	PROJEK PEMBESARAN KAMPUNG	JUMLAH PROJEK SEHINGGA 30 JUN 2009	JUMLAH UNIT SEHINGGA 30 JUN 2009
1	Majlis Perbandaran Klang	20	6	1	-	28	4,143
2	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	3	4	-	-	7	2,996
3	Majlis Bandaraya Shah Alam	15	1	1	-	17	5,165
4	Majlis Perbandaran Subang Jaya	3	4	-	-	7	7,830
5	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	10	1	-	-	11	2,924
6	Majlis Perbandaran Kajang	11	-	-	-	11	4,672
7	Majlis Perbandaran Selayang	7	3	-	2	12	2,504
8	Majlis Perbandaran Sepang	9	-	-	-	9	4,004

9	Majlis Daerah Kuala Selangor	10	-	-	2	12	7,205
10	Majlis Daerah Hulu Selangor	6	1	-	5	12	5,955
11	Majlis Daerah Kuala Langat	6	2	-	-	8	962
Jumlah		**100**	**22**	**2**	**9**	**134**	**48,360**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)

TAJUK : PENDIDIKAN TINGGI

137. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bagaimanakah kedudukan akademik UNISEL berbanding universiti terbaik di peringkat Malaysia, serantau dan dunia?

b) Apakah perancangan dan hala tuju Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) untuk masa hadapan?

JAWAPAN :

a) Kedudukan akademik UNISEL berbanding dengan universiti terbaik di peringkat Malaysia, serantau dan dunia tidaklah jauh sangat perbezaannya memandangkan kepada usia UNISEL yang baru berumur 10 tahun. (Telah ditubuhkan pada bulan September 2009).

UNISEL juga adalah sebuah universiti swasta walaupun dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor. Pendapatan UNISEL sepenuhnya bergantung kepada bayaran yuran yang diterima daripada pelajar. Dengan demikian pencapaian UNISEL tidak boleh dibandingkan dengan universiti-universiti terbaik di Malaysia yang rata-rata berusia lebih daripada 20 tahun, dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan dan seterusnya menerima peruntukan kewangan daripada Kerajaan setiap tahun.

Namun begitu, dalam tempoh 10 tahun, UNISEL kini sedang menawarkan sebanyak 86 program dan kesemua program telah diiktiraf oleh *Malaysian Quality Assurance (MQA),* dan program-program kejuruteraan telah juga diiktiraf oleh *Engineers Association Council (EAC).* Program-program yang berbagai ini telah membolehkan pelajar membuat pilihan bagi melakar (*charting)* kerjaya masing-masing.

UNISEL dalam sepuluh tahun penubuhan ini juga telah mencapai banyak kejayaan dan menghasilkan inovasi yang sangat dibanggakan. Pencapaian ini boleh menandingi universiti-universiti awam yang lain di peringkat nasional, dan juga di peringkat antarabangsa..

Di antara pencapaian-pencapaian UNISEL dalam tempoh 2007-2009 adalah seperti berikut:

1) **Memenangi tempat pertama** di kalangan IPT Malaysia (IPTA&IPTS) dalam Pertandingan Perlumbaan Formula Varsiti Race 2009 (Inovasi Pendidikan dalam *motorsport* dan automatif). Kereta lumba yang digelar UNISEL V-1 telah di reka cipta oleh pelajar dan pensyarah Fakulti Kejuruteraan;

2) **Memenangi tempat ketiga** dalam Cabaran Eko - Produa 2009, di peringkat nasional. Pertandingan adalah dalam menilai berapa jauh jarak batuan yang boleh dicapai bagi satu liter petrol.

3) **Memenangi tempat ketiga** dalam Pertandingan Berpidato Bahasa Jepun 2009, peringkat nasional.

4) **Memenangi tempat pertama dan Kedua** dalam merekacipta Logo MQA, peringkat nasional

5) **Menjuarai Kejohanan Jelajah Berbasikal Malaysia 2009** dan mewakili Malaysia bagi Kejohanan Jelajah Berbasikal Jepun 2009.

6) **Memenangi tempat pertama** dalam Pertandingan Mencipta Teleskop Mini Peringkat IPT Selangor 2009 anjuran Jabatan Mufti Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

7) **Memenangi hadiah dalam reka bentuk terbaik dan memenangi tempat pertama bagi kategori terpantas dan daya ketahanan** dalam Pertandingan Reka bentuk Kanu Jabatan Parit & Saliran 2008, peringkat nasional. Empat peringkat emas dan dua pingat perak telah berjaya diperolehi.

8) **Memenangi tempat pertama bagi Reka bentuk & Pembangunan Satelit** dalam Pertandingan Reka bentuk & Pembangunan Model Nano Satelit (CANSAT) 2008, di peringkat nasional. Seterusnya telah mewakili Malaysia dalam Pertandingan CANSAT di Madrid, Spain 2008, dan memenangi tempat pertama dalam kategori terbuka dan tempat ketiga dalam kategori telemetri.

9) Memenangi Anugerah Saintis Muda Selangor 2007.

Di samping itu, UNISEL, baru-baru ini iaitu pada 29-30 Oktober telah berjaya menganjurkan persidangan antarabangsa The First Two in One Conference: 1st Malaysia-Indonesia Private University Linkages Conference (UIBL 2009) & 2nd World Conference of International Entrepreneur & Family Business Association (IEFBA 2009). Persidangan ini telah berjaya mengumpulkan ahli akademik dan para pengusaha dan ahli perniagaan dari beberapa buah negara seperti Indonesia, Singapura, Australia, Filipina, United Kingdom, Finland, Afrika Selatan, Nigeria dan Papua New Guinea.

Pada bulan Disember 2009 ini pula, UNISEL akan menganjurkan satu lagi persidangan antarabangsa iaitu Persidangan Akademi Sains Dunia Islam/*Islamic World Academy of Sciences* (IAS) yang dijangka akan dihadiri oleh lebih daripada 150 orang saintis Islam dari seluruh dunia.

UNISEL akan terus mencipta nama dalam penghasilan inovasi dan akan memantapkan kegiatan penyelidikan dan penulisan di kalangan staf akademik agar UNISEL terus berdaya saing di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

UNISEL juga akan meningkatkan bilangan pelajar, bukan sahaja pelajar tempatan tetapi juga pelajar antarabangsa. Staf akademik daripada luar negara akan juga dipertingkatkan. Untuk menjamin kecemerlangan, penggunaan bahasa antarabangsa iaitu Bahasa Inggeris akan dipertingkatkan di kalangan staf dan pelajar.

b) Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 22 Oktober 2009 telah menolak soalan ini

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)

TAJUK : SUMBER AIR

138. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Apakah perjanjian antara Kerajaan Selangor dengan Kerajaan Persekutuan dalam Projek Pengangkutan Air Mentah dari Negeri Pahang?

b) Adakah Kerajaan Selangor mengenakan cas ke atas laluan pengangkutan air Projek tersebut dan mengenakan pampasan akibat daripada penebangan pokok-pokok di hutan simpanan dan gangguan terhadap habitat hidupan liar?

c) Adakah proses kajian impak alam sekitar, sosio-ekonomi, sosio-budaya disediakan dalam projek tersebut dan apakah mekanisme pemantauan pelaksanaannya

JAWAPAN :

a) Perjanjian jual beli air mentah di antara Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Negeri Pahang pada 8 Ogos 2007 tanpa melibatkan Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan hanya bertanggungjawab di dalam pembiayaan pelaksanaan projek melalui kos yang diperoleh daripada pinjaman Kerajaan Jepun di bawah JBIC.

b) Kerajaan Negeri Selangor tidak mengenakan caj laluan air mentah bagi projek tersebut. Namun begitu, bagi kerja-kerja yang melibatkan penebangan pokok sama ada akibat kerja-kerja siasatan tanah ataupun pelaksanaan projek, Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Perhutanan Negeri Selangor akan mengenakan pampasan bagi memulihara pokok-pokok yang terancam.

c) Proses kajian impak alam sekitar, sosio-ekonomi dan sosio budaya telah pun disediakan oleh pihak Pasukan Projek Penyaluran Air Mentah Pahang ke Selangor dan pemantauan pelaksanaannya akan dilaksanakan melalui Jawatankuasa yang ditubuhkan di peringkat Kerajaan Negeri Selangor dan akan dipengerusikan oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)

TAJUK : ZAKAT

139. Zakat telah dikutip dan diagihkan kepada mereka yang miskin. Kami mendapat beberapa aduan bahawa ada yang layak tidak dapat bantuan dan ada yang masih memerlukannya tidak disambungkan bantuan tersebut.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Senaraikan jumlah dan jenis bantuan zakat yang diagihkan kepada mereka yang memerlukannya.

b) Apakah kelulusan pegawai-pegawai zakat yang dihantar untuk menyiasat dan memastikan kelayakan seseorang itu?

c) Apakah tindakan pegawai-pegawai zakat apabila menerima rayuan untuk mengkaji semula keputusan pemberhentian bantuan?

JAWAPAN :

a) LZS mengagihkan zakat berdasarkan lima program utama iaitu

1) Program Pembangunan Sosial
2) Program Pembangunan Ekonomi
3) Program Pembangunan Pendidikan
4) Program Pembangunan Institusi Agama
5) Program Pembangunan Insan

Jenis-jenis bantuan yang diberikan adalah seperti berikut:

- Bantuan bina/baik pulih/sewa rumah
- Caruman skim perlindungan takaful untuk fakir/miskin
- Bantuan makanan dan kewangan bulanan
- Bantuan Ramadan dan hari raya
- Bantuan kecemasan/runcit
- Bantuan perubatan
- Bantuan rawatan hemodialisis
- Bantuan rawatan sakit kekal
- Bantuan pengurusan jenazah tanpa waris
- Bantuan kecemasan/bencana alam
- Bantuan musafir
- Bantuan pemurnian akidah
- Bantuan pemulihan akhlak
- Bantuan hutang kerana keperluan hidup
- Bantuan hutang badan/persatuan untuk maslahah ummah
- Bantuan hutang perubatan/pendidikan/kesihatan

- Bantuan untuk program sempena kebesaran Islam (maulidur rasul, maal hijrah, Ramadan)
- Program gotong-royong
- Program lawatan dan ziarah
- Bantuan modal perniagaan
- Bantuan modal perikanan, pertanian, penternakan
- Bantuan modal pusingan
- Biasiswa pelajaran fakir dan miskin
- Dermasiswa IPT dalam dan luar negara
- Dermasiswa hufaz al-Quran
- Dermasiswa galakan sekolah agama
- Dermasiswa pelajar cemerlang
- Dermasiswa kecil pelajar SAMR/T
- Bantuan umum pelajaran
- Bantuan yuran sekolah rendah/menengah
- Kursus Latihan
- Bantuan karpet masjid/surau
- Bantuan peralatan masjid/surau
- Bantuan pembinaan/baik pulih masjid
- Bantuan pembinaan/baik pulih surau
- Bantuan pembinaan/baik pulih surau sekolah
- Bantuan pembinaan/baik pulih institusi agama luar negara
- Bantuan pembinaan/baik pulih sekolah agama
- Bantuan keperluan/peralatan sekolah

b) Pegawai-pegawai LZS mempunyai kelayakan pendidikan minimum Diploma dan kebanyakan mereka mempunyai Ijazah. Selain daripada itu mereka menerima latihan daripada LZS yang secukupnya dalam bidang kerja yang diamanahkan.

c) Akan membuat siasatan semula latar belakang keluarga dan pemohon itu sendiri sama ada layak atau tidak untuk menerima bantuan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)

TAJUK : OKU

140. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah jumlah warga OKU yang telah berdaftar dengan PBT untuk perkhidmatan tempat letak kereta percuma di Selangor?

b) Apakah usaha yang telah diambil oleh semua PBT dari Mac 2008 sehingga kini untuk memperbaiki infrastruktur dan kemudahan untuk OKU?

JAWAPAN :

a) Perkhidmatan tempat letak kenderaan orang kelainan upaya (OKU) telah lama disediakan di setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Negeri Selangor. Malah, di bangunan komersial persendirian juga turut menyediakan perkhidmatan tempat letak kereta kepada warga OKU sebagai kemudahan OKU melakukan sebarang urusan di bangunan berkenaan.

Pada Ogos 2009 yang lalu, Kerajaan Negeri telah melancarkan dua (2) bentuk Pelekat Kenderaan Orang Kelainan Upaya (OKU) sebagai keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap golongan OKU. Pelekat kenderaan ini adalah sebagai salah satu kemudahan OKU menggunakan kenderaan mereka dan meletak kenderaan mereka secara percuma di kawasan operasi PBT. Walau bagaimanapun, ianya tidak tertakluk kepada tempat letak kenderaan di bawah seliaan pihak swasta yang mengenakan caj bagi setiap tempat letak kenderaan.

Berikut adalah jadual bilangan OKU yang telah berdaftar dengan PBT di Negeri Selangor bagi perkhidmatan pelekat kenderaan OKU :-

Bil	Pihak Berkuasa Tempatan	Jumlah OKU
1.	**Majlis Bandaraya Shah Alam**	**21 orang**
2.	**Majlis Perbandaran Petaling**	**92 orang**
3.	**Majlis Perbandaran Ampang Jaya**	**88 orang**
4.	**Majlis Perbandaran Subang Jaya**	**82 orang**
5.	**Majlis Perbandaran Klang**	**92 orang**
6.	**Majlis Perbandaran Selayang**	**17 orang**

7.	**Majlis Perbandaran Kajang**	**58 orang**
8.	**Majlis Perbandaran Sepang**	**4 orang**
9.	**Majlis Daerah Kuala Langat**	**33 orang**
10.	**Majlis Daerah Kuala Selangor**	**8 orang**
11.	**Majlis Daerah Hulu Selangor**	**7 orang**
12.	**Majlis Daerah Sabak Bernam**	**2 orang**
	JUMLAH	**475 orang**

b) Pelbagai usaha telah diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam usaha memperbaiki infrastruktur dan kemudahan OKU di Selangor. Antaranya adalah setiap PBT telah mensyaratkan kepada setiap kontraktor supaya menyediakan dan mempunyai kemudahan kebolehaksesan OKU di setiap projek pembangunan kawasan. Syarat ini merupakan satu prosedur pembangunan yang perlu dipatuhi oleh setiap kontraktor dan ianya haruslah mematuhi piawaian yang telah ditetapkan di dalam Manual Garis Panduan Dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor Bab 4 - Kemudahan Masyarakat (4.8 Kemudahan Orang Kurang Upaya)

Kerajaan Negeri juga memandang serius dengan kemudahan infrastruktur bagi golongan OKU dengan mematuhi piawaian dan sistem perundangan yang telah ditetapkan dalam pembangunan kemudahan orang kurang upaya. Setiap PBT perlulah mengguna pakai Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (1984), 1990 dan menguatkuasakan undang-undang ini serta memastikan bahawa kehendak-kehendak kemudahan bangunan untuk OKU disediakan berdasarkan Piawaian Malaysia MS1184 dan MS1331.

Dalam piawaian tersebut menyatakan seperti berikut:

Perundangan	**Peruntukan Khas**
SIRIM *Code Of Practice* MS1184:1991	*Code Of Practice For Disabled People To Public Buildings* (MS1184) yang dikeluarkan oleh SIRIM pada tahun 1991 menyediakan piawaian khas ke atas peruntukan rekabentuk keudahan-kemudahan khas di dalam bangunan supaya boleh digunakan secara mudah dan selamat oleh OKU.
SIRIM *Code Of Practice* MS1331:1993	*Code Of Practice For Disabled People To Public Buildings*(MS1331) yang dikeluarkan pada 1993 adalah berkenaan Piawaian Malaysia ke atas peruntukan reka bentuk kemudahan-kemudahan khas luar bangunan supaya ia mudah diakses (*accessible*) dan boleh diguna (*usable*) oleh OKU.

Sebagai contoh, Kerajaan Negeri amat berbesar hati dan sangat bangga dengan pelantikan ahli majlis dari golongan OKU di Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Beliau amat berdedikasi dalam memperjuangkan hak-hak OKU di kawasan PBT berkenaan. Di antara usaha beliau bersama Jabatan Perancangan Pembangunan MBPJ adalah menyediakan empat (4) strategi utama dalam usaha menjadikan MBPJ sebagai Bandaraya Bebas Halangan, selaras dengan visi Negeri Selangor untuk menjadi "Negeri Berkebajikan".

Empat (4) strategi MBPJ adalah seperti berikut :-

1) Program Kesedaran Awam Dan Latihan Teknikal ;
   - Meliputi taklimat, program pendidikan, "*Access Survey*", "*Simulation Exercise*", lawatan sambil belajar dan lain-lain program
2) "*Area Based Project*" ;
3) Program Pengubahsuaian Atau Menaik taraf Bangunan / Taman / Infrastruktur Sedia Ada ; dan
4) Pemantauan Program Pembangunan OKU oleh Jawatankuasa Teknikal Penyediaan Kemudahan OKU.

Kerajaan Negeri juga berharap agar semua PBT di Selangor dapat mencontohi usaha-usaha murni yang telah atau sedang dilaksanakan di MBPJ sebagai penambahbaikan yang berterusan bagi memudahkan golongan OKU mengakses kemudahan infrastruktur tanpa halangan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)

TAJUK : KESELAMATAN DARI JENAYAH DAN BENCANA

141. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Bagaimanakah pelaksanaan sistem keselamatan kendiri di kawasan perumahan sebagaimana janji penggantian Rukun tetangga kepada sistem baru yang lebih berkesan?

b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan penguatkuasaan syarat-syarat perlindungan alam sekitar bagi mengelakkan bencana seperti tanah runtuh dan banjir dilaksanakan?

c) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk mengurangkan jenayah sosial yang berkaitan arak dan judi daripada berleluasa?

JAWAPAN :

a) Buat masa ini, Kerajaan Negeri masih mengguna pakai sistem Rukun Tetangga yang tertakluk di dalam **Peraturan-Peraturan Perlu Rukun Tetangga** di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif mengkaji dan kini sedang dalam cadangan untuk melaksanakan penambahbaikan ke atas beberapa peruntukan di dalam Peraturan tersebut selaras dengan keperluan semasa agar satu kawalan keselamatan di kawasan perumahan lebih ketat dan tersusun dapat diwujudkan. Antara yang dicadangkan adalah dengan membenarkan pelantikan pengawal keselamatan yang berkelayakan di bawah kendalian syarikat keselamatan yang dilesenkan di bawah Akta Ejensi Persendirian 1971 (Akta 27) untuk menjalankan kawalan keselamatan 24 jam berbanding pada waktu malam sahaja seperti yang diperuntukkan buat masa ini.

b) Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 22 Oktober 2009 telah menolak soalan ini

c) Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 22 Oktober 2009 telah menolak soalan ini

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)

TAJUK : EKO-PELANCONGAN

142. Selangor memiliki “Taman Warisan Negeri” iaitu hutan simpan kekal yang meliputi tiga daerah iaitu Hulu Selangor, Gombak dan Hulu Langat. Ia kaya dengan flora, fauna dan air-air terjun.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Apakah Kerajaan Negeri bercadang menjadikan “Taman Warisan Negeri” sebagai produk eko - pelancongan yang unggul?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri, melalui Jabatan Perhutanan Negeri Selangor merancang untuk menjadikan Taman Negeri sebagai satu destinasi pelancongan, eko-pelancongan dan pendidikan terulung. Untuk mencapai objektif ini, dirangkakan aktiviti di bawah untuk dijalankan.

a.	Perkhelahan	-	Sungai Sendat
		-	Hutan Lipur Kanching
		-	Hutan Lipur Komanwel
		-	Hutan Lipur Chongkak
		-	Hutan Lipur Sungai Tekala
		-	Hutan Lipur Ampang
		-	Hutan Lipur Gunung Nuang
		-	Hutan Lipur Sungai Tua
		-	Hutan Lipur Sungai Gabai
b.	Perkhemahan	-	Hutan Lipur Sungai Sendat
		-	Hutan Lipur Kanching
		-	Hutan Lipur Komanwel
		-	Hutan Lipur Sungai Chongkak
		-	Hutan Lipur Sungai Tekala
		-	Hutan Lipur Sungai Tua
c.	Merentasi	-	Hutan Lipur Komanwel
	Denai Hutan	-	Hutan Lipur Sungai Chongkak
		-	Hutan Lipur Sungai Tekala
		-	Hutan Lipur Kanching
d.	Mendaki	-	Hutan Lipur Permatang Kuartza
	Gunung	-	Hutan Lipur Gunung Nuang
		-	Hutan Simpan Bukit Kutu

e.	Pendidikan Alam Sekitar/ Perhutanan	- -	i. Denai *Interpretative*: Hutan Lipur Sungai Sendat, Hutan Lipur Ampang, Hutan Lipur Sungai Tua, Hutan Lipur Sungai Tekala, Hutan Lipur Kanching, Hutan Lipur Sungai Chongkak. *i. Forest Trail* - Permatang Kuartza
a.	*Fish Sanctuacy*	- -	Hutan Lipur Sungai Tua Hutan Lipur Sungai Chiling
g.	*Rock Climbing/ Abscaling*	-	Permatang Kuartza
h.	*Mountain Biking*	-	Gunung Nuang
i.	*Bird Watching*	-	Hutan Lipur Ampang
j.	*Forest and River Exploring*	-	Hutan Lipur Sungai Tua.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS
(SUNGAI BURONG)

TAJUK : PENCEROBOHAN HUTAN SIMPAN

143. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah keluasan tanah Kawasan Hutan Simpan Sungai Karang yang telah di ceroboh dan diterokai ?

b) Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri ke atas tanah kawasan hutan simpan Sungai Karang yang telah di ceroboh tersebut ?

c) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk menjadikan kawasan hutan simpan Sungai Karang dapat menjamin sistem pengairan sawah padi di Kuala Selangor dan Sabak Bernam tidak terjejas ?

JAWAPAN :

a) Keluasan tanah hutan simpan Sungai Karang yang telah diteroka ialah seluas lebih kurang 1,434 hektar.

b) Kerajaan Negeri melalau MMKN telah dimaklumkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor mengenai status penerokaan dalam hutan simpan di negeri Selangor dan tindakan akan diambil mengikut sesuatu kes mulai tahun 2010 termasuklah pencerobohan hutan di Hutan Simpan Sungai Karang.

c) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri Selangor terus merangka pelan tindakan yang lebih berkesan dalam mencegah dan menghentikan kegiatan penerokaan kawasan HSK tanpa kebenaran dan merangka pelan kerja bagi pemulihan kawasan-kawasan yang telah diteroka/diduduki. Amalan yang dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Selangor dalam kawasan pencerobohan hutan simpan paya gambut ialah dengan mengembalikan hutan simpan paya gambut kepada keadaan asal dan dengan kaedah ini dapat meningkatkan paras air dalam hutan simpan seterusnya menjamin sistem pengairan sawah padi di Kuala Selangor dan Sabak Bernam.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)

TAJUK : ADUAN-ADUAN PBT

144. Aduan-aduan yang paling ketara diterima oleh semua PBT adalah aduan yang mengenai sampah, lampu jalan dan longkang tersumbat.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Mengapakah masalah-masalah sebegini tidak dapat diselesaikan?

JAWAPAN :

a) Sememangnya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor menerima aduan yang tinggi berhubung sampah, lampu jalan dan longkang tersumbat. Walau bagaimanapun, terdapat aduan-aduan tersebut tidak dapat diselesaikan kerana faktor-faktor berikut:

1) Masalah peruntukan yang terhad
2) Kontraktor tidak menjalankan tugas mengikut jadual
3) Sikap penduduk yang tidak memberi kerjasama
4) Masalah sempadan kawasan

Akan tetapi, masalah-masalah tersebut sebenarnya dapat dicegah lebih awal sekiranya semua pihak yang terlibat mengambil sikap yang lebih proaktif dan bertanggungjawab sebagai contoh penduduk sentiasa bekerjasama dalam menjaga kebersihan. Manakala PBT menjalankan tugas dengan penuh dedikasi dan tanggungjawab.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : PENJUALAN TANAH PKNS DI SETAPAK

145. Tanah seluas 93 ekar milik asal PKNS di Setapak telah dijual sepenuhnya:

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Kepada siapa atau pihak manakah PKNS menjual tanah tersebut?

b) Berapakah nilai jualan dan berapakah keuntungan yang diperoleh oleh PKNS daripada penjualan tersebut?

c) Apakah garis panduan yang diberikan oleh kerajaan bagi penjualan tanah milik PKNS di luar Negeri Selangor?

JAWAPAN :

a) Keseluruhan tanah seluas 93 ekar milik PKNS di Setapak telah dibangunkan sebagai kawasan perusahaan dan dijual sebagai lot-lot industri dan juga kilang-kilang kecil.

b) Nilai Jualan - RM 20.2 juta
Keuntungan - RM 2 juta

a) PKNS perlu mendapatkan kelulusan dari Jawatankuasa Kewangan yang dipengerusikan oleh Pegawai Kewangan Negeri di mana turut dianggotai oleh wakil dari Kementerian Kewangan bagi setiap penjualan tanah milik PKNS di dalam mahupun di luar negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)

TAJUK : PENJAJA PASAR MALAM

146. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

a) Jelaskan secara terperinci proses pengambilan semula pengurusan pasar malam di Selangor dan apakah rasionalnya?

b) Terdapat banyak rungutan ramai peniaga lama tercicir dari senarai, apakah langkah mengatasinya agar semua dapat berniaga semula.

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri telah memutuskan bahawa 'bayaran pendahuluan penamaan' tapak gerai pasar malam dimansuhkan bagi semua tapak Gerai Pasar Malam seluruh Selangor. Lanjutan daripada itu, semua JKP yang telah mengutip bayaran dikehendaki memulangkan semula bayaran tersebut kepada peniaga. Manakala fi sewa tapak pasar malam yang merangkumi fi pembersihan sampah hanya boleh dikutip oleh Pihak Berkuasa Tempatan sahaja. Bagi JKKK, Persatuan Penduduk dan Persatuan Penjaja hanya bertanggungjawab untuk menguruskan pembersihan tapak sahaja. Rasionalnya langkah ini diambil adalah untuk memastikan tiada penyelewengan, salah guna kuasa, rasuah dan praktis yang menyalahi undang-undang dan etika dapat dibendung dikalangkan JKKK, Persatuan Penduduk dan Persatuan Penjaja. Ini kerana aduan yang diterima menyatakan wujud unsur-unsur monopoli, pilih kasih, penindasan semasa pemberian tapak pasar malam kepada peniaga. Oleh sebab itu, pengurusan tapak diserahkan kepada PBT untuk memudahkan penyelarasan dan pemantauan oleh Kerajaan Negeri

b) Untuk makluman, proses pengambilalihan pengurusan tapak pasar malam secara dasarnya tidak melibatkan sebarang rombakan kepada senarai peniaga sedia ada. Ini kerana hanya pengurusan tapak sahaja yang berubah dan tiada proses penamaan semula pemilik tapak. Malahan nama-nama peniaga yang dikekalkan adalah merujuk kepada senarai nama yang telah disahkan oleh Pengerusi Zon JKP setempat. Sekiranya wujud aduan yang menyatakan ada nama peniaga lama tercicir, kemungkinan besar mereka ini tidak membayar lesen perniagaan mereka selama ini. Oleh sebab itu ia telah mengakibatkan nama mereka digugurkan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. CHEAH WING YIN
(DAMANSARA UTAMA)

TAJUK : KEJADIAN BANJIR

147. Akhir tahun lalu(2008), banyak kawasan di Selangor dilanda banjir mengakibatkan kehilangan/kerosakan harta. Ekorannya beberapa langkah diambil, termasuk 'cuci-gali', mendalamkan sungai, dan menubuhkan suatu jentera khas (Semesta) untuk menyelaraskan kegiatan menangani masalah banjir.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Bagaimana semua kegiatan tersebut? Apakah laporan kemajuan di kawasan pinggiran Sg Kayu Ara di Kg cempaka, Petaling Jaya?

JAWAPAN :

a) Sehingga kini, lawatan tapak dengan kontraktor-kontraktor yang berminat untuk menjalankan kerja-kerja cuci gali di Sungai Kayu Ara telah diadakan pada 26 Oktober 2009 dan dijangka kerja-kerja tersebut akan dilaksanakan pada pertengahan bulan November 2009 oleh kontraktor yang layak. Pengurusan kerja-kerja cuci gali ini diurus oleh Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB).

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)

TAJUK : MASALAH WABAK DENGGI DI SELANGOR

148. Wabak denggi di Negeri Selangor semakin membimbangkan khususnya di Daerah Gombak. Terdapat beberapa lokaliti bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Selayang yang tersenarai sebagai '*hot spot*'.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Apakah tindakan Majlis Perbandaran Selayang untuk mengawal wabak ini.

b) Bagaimanakah perancangan Majlis Perbandaran Selayang untuk mendidik komuniti bagi mempercepatkan proses kawalan dan pencegahan.

c) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan Negeri Selangor mampu bebas denggi.

JAWAPAN :

a) Tindakan yang telah dilakukan oleh Majlis Perbandaran Selayang untuk mengawal wabak denggi adalah dengan menjalankan kerja- kerja pencegahan dan pengawalan denggi secara meluas. Tindakan yang telah diambil adalah :

1) Sebanyak **18,868** premis telah diperiksa dan didapati **418** premis adalah positif Aedes dengan **381** (**91.1%**) adalah premis positif adalah rumah kediaman/ rumah kedai yang merupakan tempat utama pembiakan. Pembiakan nyamuk juga dijumpai di **11** (**2.6%**) tapak bina, kilang **9** (**2.2%**), pejabat kerajaan **1** (**0.2%**), lot kosong **2** (**0.5%**) dan lain- lain kawasan **14** (**3.3%**).

2) Selain itu, sebanyak **177,963** buah premis telah dilakukan semburan kabus dan sebanyak **17** aktiviti gotong- royong telah dilaksanakan untuk mencegah dan mengawal demam denggi.

3) Melalui tindakan penguatkuasaan pula, **180** indeks positif Aedes, sejumlah **185** kompaun bernilai **RM 37,750** dan **178** notis arahan kerja- kerja pembersihan telah dikeluarkan serta tindakan penutupan **4** premis tapak bina, **2** penutupan kilang serta **1** penutupan kuari telah dijalankan kerana didapati membiakkan nyamuk Aedes tanpa kebenaran.

b) Perancangan Majlis Perbandaran Selayang untuk mendidik komuniti bagi mempercepatkan proses kawalan dan pencegahan denggi:-

1) Menjalankan program gotong- royong yang khusus untuk membasmi nyamuk/ anti nyamuk di kawasan- kawasan yang mempunyai kadar peningkatan kes.

2) Mengadakan program COMBI (Komunikasi untuk Perubahan Tingkah Laku) dalam kerja- kerja mengawal kejadian demam denggi.

3) Memperkenalkan kempen anti denggi secara 10 minit bagi mendidik masyarakat dalam mengesan dan memusnahkan tempat dan bekas pembiakan nyamuk Aedes.

4) Pengedaran risalah/ poster tentang bahaya demam denggi di seluruh kawasan bermasalah denggi.

5) Menjalankan penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 Pindaan (2000) secara agresif dengan melibatkan pengeluaran kompaun secara maksimum pada kawasan terpilih.

6) Menjalankan ACD (Active Case Detection) pada kawasan wabak/ kematian yang sedang/ telah berlaku.

c) Kerajaan Negeri sentiasa berusaha bagi memastikan Negeri Selangor mampu bebas daripada denggi. Antara usaha-usaha yang diambil adalah:

1) Memperhebatkan aktiviti kawalan dan pencegahan di semua tempat tumpuan orang ramai.

2) Memperhebatkan aktiviti promosi kesihatan kepada penduduk negeri Selangor.

3) Mempertingkatkan penyebaran ilmu pendiagnosan dan perawatan pesakit demam denggi melalui pendedahan kepada Pegawai Perubatan di Klinik Kesihatan dan Hospital Kerajaan di Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)

TAJUK : PELANCONGAN

149. Bertanya kepada Y. A. B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah jumlah pelancong yang melawat ke Negeri Selangor mengikut negara pada tahun 2008-2009?

b) Apakah usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi menarik pelancong melawat ke Negeri Selangor?

JAWAPAN :

a) Jumlah kedatangan pelancong mengikut negara bagi tahun 2008 dan 2009 :-

NEGARA	2008	JAN – OGOS 2009
ASEAN		
Indonesia	188,196	117,392
Brunei	4,941	3,401
Philippines	20,898	16,816
Singapore	842,826	507,331
Thailand	107,522	81,095
Vietnam	39,861	38,342
Myanmar	4,552	5,696
Laos	424	235
Cambodia	5,546	4,594
TOTAL ASEAN	**1,214,766**	**774,902**
EASTERN ASIA		
China	571,336	324,045
Taiwan	56,443	44,743
Hong Kong	76,439	44,093
Japan	67,460	39,030
South Korea	13,773	8,546
Other Eastern Asia Countries	5,552	1,422
TOTAL EASTERN ASIA	**791,003**	**461,879**
SOUTHERN ASIA		
Bangladesh	4,296	4,926
Pakistan	9,222	5,619
India	159,939	109,561
Sri Lanka	3,969	2,911
Other Southern Asia Countries	4,636	1,622
TOTAL SOUTHERN ASIA	**182,062**	**124,639**

OCEANIA		
Australia	79,114	52,832
New Zealand	8,500	7,027
Other Oceania Countries	349	231
TOTAL OCEANIA	**87,963**	**60,090**
WESTERN ASIA / MIDDLE EAST		
Saudi Arabia	53,979	9,647
Turkey	495	623
United Arab Emirates	20,586	1,797
Lebanon	595	502
Syria	1,071	492
Yemen	855	352
Kuwait	9223	1,838
Iraq	350	220
Iran	5,538	9,529
Other Western Asia Countries	39,116	20,790
TOTAL WEST ASIA / MID EAST	**131,808**	**45,790**
EUROPE		
Austria	1,654	1,662
Belgium	2,130	1,514
Denmark	1,904	1,213
CIS	201	92
Finland	1,130	877
France	8,279	7,048
Germany	13,265	11,987
Ireland	2,634	2,063
Italy	7,308	4,035
Luxembourg	205	286
Netherlands	19,639	16,924
Norway	2,023	1,204
Spain	2,676	1,398
Sweden	6,189	3,650
United Kingdom	37,198	26,549
Switzerland	3,911	7,322
Russia	2,130	1,641
Other Europe Countries	3,880	4,915
TOTAL EUROPE COUNTRIES	**116,356**	**94,380**
AFRICA		
South Africa	2,566	2,214
Mauritius	1,493	797
Other Africa Countries	1,948	1,344
TOTAL AFRICA COUNTRIES	**6,007**	**4,355**
THE AMERICAS		
Canada	5,951	5,162
U.S.A	31,524	20,586
Other America Countries	2,614	1,938
TOTAL AMERICA COUNTRIES	**40,089**	**27,686**

OTHERS	**31,278**	**35,656**
GRAND TOTAL FOREIGN	**2,601,332**	**1,629,377**

Jumlah keseluruhan pelancong mengikut negara bagi tahun 2008 dan Januari hingga Ogos 2009 ialah 4,230,709 orang

b) Usaha Kerajaan Negeri Selangor untuk menarik pelancong melawat ke Negeri Selangor ialah seperti berikut :-

1) Mengadakan kerjasama dengan hotel-hotel di sekitar Selangor bagi mengadakan pakej-pakej yang menarik serta menawarkan harga berpatutan

2) Mengadakan kerjasama dengan semua pengusaha *homestay* dengan menyediakan pakej-pakej khas untuk kesemua program *homestay* di Selangor.

3) Mengadakan pakej yang lebih menarik bagi *homestay* iaitu pakej ibadat korban yang diadakan di *homestay* sekitar Selangor.

4) Bekerjasama dengan syarikat penerbangan seperti Fireflyz dengan mengadakan Fam Trip ke Selangor.

5) Mengadakan Fam Trip bagi wartawan media cetak dan elektronik ke seluruh Selangor pada 24-27 Julai 2009 dalam usaha memperkenalkan dan mempromosikan dengan lebih meluas terhadap produk-produk pelancongan di Selangor.

6) Mempromosikan secara elektronik iaitu laman sesawang TSSB iaitu www.tourismselangor.org

7) Menyediakan pakej-pakej yang menarik dengan turut mempromosikan taman tema di sekitar Selangor seperti Wet World dan Sunway Lagoon.

8) Mempromosikan bidang pelancongan yang semakin popular iatu "Health Tourism", "Education Tourism", sukan ekstrem serta MICE.

9) Turut diadakan ialah acara yang menjadi *trademark* Selangor seperti Musical Extravaganza dan lain-lain.

10) Membuat pengiklanan di dalam majalah Gaya Travel dan Libur

11) Mencetak risalah-risalah *Homestay* & Golf dengan maklumat terkini

12) Menerbitkan majalah Selangor 102˚e & Breakaway

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)

TAJUK : UNISEL

150. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah perancangan UNISEL untuk menarik lebih ramai penuntut terutamanya penuntut luar negeri yang secara tidak langsung dapat merancakkan industri pelancongan negeri yang berasaskan pendidikan.

b) Adakah UNISEL bercadang untuk mewujudkan ' *Centre of Excellence in International Islamic Banking and Finance* ' dalam usaha melahirkan tenaga kerja dalam industri tersebut sejajar dengan hasrat YAB Dato' Menteri Besar untuk menjadikan Shah Alam sebagai Pusat Kewangan dan Perbankan Islam bertaraf antarabangsa.

JAWAPAN :

a) Berbagai cara sedang dirancang dan dilakukan untuk menambahkan bilangan pelajar dari dalam dan daripada luar negara. UNISEL mensasarkan sebanyak 20% iaitu sebanyak lebih kurang 3,000 pelajar dari jumlah keseluruhan 15,000 pelajar terdiri daripada pelajar asing.

Untuk menarik pelajar luar negara, beberapa agen pengambilan atau *recruitment agents* telah dilantik. Agen-agen ini telah dilantik khusus untuk mendapatkan pelajar daripada negara-negara tertentu. Bayaran setelah berjaya mendapatkan pelajar telah ditetapkan. Syarat-syarat pelantikan ada digariskan dalam Memorandum Persefahaman (MOU) yang ditandatangani antara UNISEL dan agen-agen tersebut

Di samping itu, UNISEL juga menjalankan *Target Marketing* ke beberapa negara tertentu seperti Indonesia dan Iran. Dengan negara Iran, UNISEL telah berjaya mendapat pengiktirafan daripada kerajaan Iran ke atas semua program yang ditawarkan oleh UNISEL. Bagi negara Indonesia pula, UNISEL telah lama mempunyai hubungan, di mana Universiti telah menubuhkan sebuah institut iaitu Institut Kerjasama Malaysia Indonesia (IKMI) . Institut ini telah menjalankan kegiatan penyelidikan bersama dan dari hasil hubungan ini, bilangan pelajar dari Indonesia sedang meningkat.

UNISEL juga sedang merancang untuk memperkenalkan skim Pelajar mendapat Pelajar atau *student - get -student scheme* di kalangan pelajar antarabangsa. Dari segi kegiatan pemasaran Universiti akan melibatkan dengan lebih intensif profesor dan dekan bagi sesuatu program yang ditawarkan.

Beberapa usaha lain juga sedang dijalankan untuk menarik lebih ramai pelajar antarabangsa iaitu dalam peningkatan pengajaran dalam Bahasa Inggeris bagi semua program yang ditawarkan, melantik pegawai kanan Universiti seperti Dekan daripada negara luar dan juga merancang untuk mengubahsuai asrama dan penginapan yang diurus oleh Universiti supaya lebih kondusif untuk penginapan pelajar-pelajar antarabangsa.

b) Universiti mempunyai perancangan untuk mewujudkan *Centre of Excellence in International Islamic Banking and Finance.* Untuk permulaan ini Universiti telah pun menjalankan program MBA (Islamic Banking and Finance) yang ditawarkan di Kampus Shah Alam dengan kerjasama International Centre For Education in Islamic Finance (INCEIF), iaitu sebuah badan latihan yang ditubuhkan oleh Bank Negara. Universiti kini sedang berusaha mendapatkan tenaga akademik dalam bidang ini supaya program ini dapat dijalankan sepenuhnya oleh Universiti.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)

TAJUK : PENGGANGGURAN

151. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah kadar pengangguran terkini di Negeri Selangor selepas kesan ekonomi global telah menyebabkan pengusutan yang agak signifikan pada beberapa sektor pembuatan.

b) Sejauh mana usaha Kerajaan Negeri seperti Selangor *Retrechment Centre* berjaya membantu penganggur di negeri di Selangor keluar dari masalah tiada pekerjaan.

JAWAPAN :

a) Berdasarkan Laporan Ekonomi Negeri Selangor 2009, pengangguran bagi Negeri Selangor pada tahun 2009 adalah pada kadar 3.6% berbanding 3.2% pada tahun 2008. Peningkatan ini adalah kesan daripada kemelesetan ekonomi global yang melanda negara pada penghujung tahun 2008 sehingga kini. Sektor pembuatan dan perkilangan merupakan sektor utama yang terkena tempias penyusutan aktiviti import dan eksport negara. Oleh yang demikian, peningkatan pengangguran ini juga berpunca daripada faktor kehilangan pekerjaan dari kalangan yang telah bekerja sebelum ini.

b) *Selangor Retrenchment Helpline* (SRH) yang dibangunkan adalah hasil kerjasama Pusat Teknologi, Maklumat dan Komunikasi (ICT) Negeri Selangor dengan syarikat Jobstreet.Com Sdn. Bhd (Jobstreet) bertujuan untuk mengumpul maklumat pekerja yang diberhentikan di negeri Selangor dan dalam pada masa yang sama membantu pekerja tersebut mendapatkan peluang-peluang kerjaya yang baru melalui penyuaipadanan (*match-making*) dengan syarikat-syarikat sedia ada yang berdaftar dengan Jobstreet.

Melalui sistem ini, pekerja yang diberhentikan boleh mendaftar dengan percuma melalui laman web *www.selangor.gov.my*. Kata laluan dan kata kunci (password) akan diberi bagi memudahkan penggunaan sistem tersebut di mana-mana tempat yang mempunyai jaringan internet. Setelah pendaftaran dilakukan, sistem akan menapis (*filtering*) maklumat yang diterima dan akan dipadankan (*match-make*) dengan kekosongan jawatan di dalam syarikat-syarikat yang telah sedia ada berdaftar. Tawaran kekosongan jawatan tersebut akan dibuat melalui e-mel pengguna dan sistem pesanan ringkas (SMS) berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh pengguna.

Selain itu, menerusi program ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) turut menawarkan bantuan menerusi program sedia ada kepada mereka yang benar-benar layak. Antara bentuk bantuan yang boleh diberikan termasuklah bantuan kewangan bulanan, bantuan kewangan rawatan, bantuan sewa rumah dan bantuan pendidikan anak-anak. Mereka yang layak akan diberi bantuan mengikut kadar sedia ada serta pemantauan dalam tempoh masa enam (6) bulan.

Kerajaan Negeri turut menawarkan peluang latihan kepada pekerja yang diberhentikan atau yang berkemungkinan diberhentikan melalui institusi–institusi latihan di Negeri Selangor yang telah mendapat pengiktirafan dan pentauliahan daripada Jabatan

Pembangunan Kemahiran Malaysia, sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia. Kos latihan akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Sumber Manusia yang akan mengambil masa satu (1) hingga enam (6) bulan mengikut modul kursus. Di samping itu, para pelatih juga akan turut diberi elaun minima sebanyak RM500.00 hingga maksimum RM800.00 sebulan bergantung kepada kelayakan status sama ada bujang ataupun telah berkahwin bagi meringankan beban menjalani kehidupan seharian. Dengan latihan yang diberikan ini membolehkan mereka diserap ke sektor yang masih memerlukan pekerja seperti sektor pelancongan, perhotelan dan perladangan. Ia juga dilihat antara langkah yang dapat mengurangkan kos operasi majikan yang terlibat sekali gus mengelakkan kemungkinan pekerja-pekerja diberhentikan.

Selain itu, usaha terkini Kerajaan Negeri di bawah **Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan** yang dipengerusikan oleh YB Puan Dr. Halimah Binti Ali dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja Negeri Selangor akan melaksanakan **Program Jom Kerja** di seluruh daerah di negeri Selangor dengan lokasi pertama ialah di Sekinchan, Selangor pada 7 – 8 November 2009.

Melalui program ini, syarikat-syarikat yang berminat akan mendaftar dengan pihak JTK Selangor dan menyertai program ini dengan mengadakan *walk-in interview*. Selain membantu menyediakan peluang kerjaya kepada masyarakat di negeri Selangor terutamanya golongan belia dan ibu tunggal ia juga dapat membantu ke arah meminimumkan gejala sosial di negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)

TAJUK : HADIAH ANAK MASUK UNIVERSITI

152. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah jumlah pembayaran yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk hadiah anak masuk universiti?

b) Apakah taburan pelajar-pelajar IPTA/IPTS yang telah menerima hadiah ini?

JAWAPAN :

a) Program Hadiah Pengajian IPT (Hadiah Anak Masuk Universiti) telah mula dilaksanakan berkuat kuasa pada **1 Julai 2008**. Melalui program ini, pelajar yang berjaya melanjutkan pengajian ke IPT akan diberi **insentif berjumlah RM1,000** berdasarkan **syarat-syarat** yang telah ditetapkan seperti berikut:

1) Permohonan adalah terbuka kepada **Warganegara Malaysia** sahaja;
2) Pemohon juga merupakan **Rakyat D.Y.M.M. Sultan Selangor** yang memenuhi kriteria seperti berikut:
   i) **Pemohon** lahir di Negeri Selangor; atau
   ii) **Ibu** atau **Bapa** pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
   iii) Pemohon lahir di Kuala Lumpur sebelum **1 Februari 1974**;
3) Pemohon telah ditawarkan tempat untuk memasuki **Tahun Pertama** (Semester Pertama) mulai **Julai 2008** sahaja;
4) Pemohon telah ditawarkan tempat untuk melanjutkan pengajian secara **sepenuh masa** (*full-time courses*) di IPTA atau IPTS yang diiktiraf oleh Kerajaan bagi pengajian di peringkat **Ijazah Sarjana Muda** dan **Diploma** sahaja;
5) Pemohon **telah pun mendaftarkan diri** di IPT bagi memulakan sesi pengajian; dan
6) Pemohon daripada keluarga berpendapatan **RM1,500 ke bawah**.

Setakat **26 Oktober 2009**, sebanyak **11,560 permohonan** telah diterima daripada pelajar untuk mendapatkan **insentif berjumlah RM1,000** berkenaan. Daripada jumlah tersebut, hanya **8,156 pemohon** (70.55%) sahaja yang didapati **layak untuk dipertimbangkan** bagi menerima insentif tersebut, manakala **3,404** (29.45%) permohonan ditolak kerana tidak memenuhi syarat sepertimana yang telah ditetapkan seperti di atas. Semenjak berkuat kuasa pelaksanaan program tersebut, Kerajaan Negeri telah membelanjakan kos berjumlah **RM8.15 juta** bagi membiayai program ini.

b) Status terkini sepanjang tempoh **1 Julai 2008** hingga **26 Oktober 2009** pelaksanaan program tersebut, Kerajaan Negeri telah membelanjakan kos berjumlah **RM8.15 juta** bagi membiayai program ini. Taburan penerima dan pembayaran mengikut IPT adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis IPT	Jumlah Penerima	Kos Perbelanjaan
1.	IPT Awam	4,773	RM4,773,000.00
2.	IPT Swasta	3,296	RM3,296,000.00
3.	IPT Luar Negara	87	RM87,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		**8,156**	**RM8,156,000.00**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)

TAJUK : MEMPERKASAKAN MASJID-MASJID

153. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah pencapaian Kerajaan Negeri dalam memperkasakan lagi masjid-masjid yang sedia ada.

b) Apakah perancangan bagi tahun hadapan agar masjid-masjid di Negeri Selangor ini benar-benar menjadi pusat aktiviti dan transformasi rakyat.

JAWAPAN :

a & b) Masjid-masjid di Negeri Selangor telah mempunyai jawatankuasa yang baru bermula pada 1 Jun 2009. Beberapa program yang telah dan sedang dilaksanakan bagi menjadikan masjid sebagai wahana transformasi ummah iaitu:

1) Melaksanakan KPI Pegawai Masjid yang bertujuan untuk memastikan masjid-masjid mencapai satu standard yang terbaik sebagai institusi unggul umat Islam.

2) Melaksanakan kursus-kursus peningkatan kepada pegawai dan jawatankuasa masjid yang bertujuan memberi pendedahan dan kemahiran dalam pengurusan masjid. Kursus-kursus tersebut dilaksanakan oleh ILDAS dan SPIES.

3) Penubuhan Akademi Imam yang bertujuan untuk memberi latihan kepada imam-imam supaya mencapai tahap bacaan dan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan tugas imam sebagai pegawai syarie sesebuah kariah.

4) Mengadakan Pertandingan Masjid Terbaik yang bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada masjid yang mempunyai kriteria terbaik dalam pengurusan kewangan, pentadbiran, pengimarahan kebersihan dan keceriaan.

5) Pemberian perlindungan Takaful Komprehensif kepada pegawai masjid yang bertujuan untuk memberi galakan kerana penglibatan mereka dalam penguatkuasaan undang-undang syariah di kariah.

Penubuhan Koperasi Masjid yang bertujuan untuk meningkatkan ekonomi masjid dan ahli kariah dengan melibatkan perniagaan dan jualan produk Islam.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS
(SUNGAI BURONG)

TAJUK : HAKISAN PANTAI

154. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah jumlah peruntukan kewangan yang disediakan dalam Tahun 2000 oleh Kerajaan Negeri untuk menyelenggara ban-ban tepi laut daripada hakisan ombak di kawasan pantai Negeri Selangor mengikut daerah?

JAWAPAN :

a) Jumlah keseluruhan peruntukan negeri untuk menyelenggara ban-ban tepi laut daripada hakisan ombak di kawasan pantai Negeri Selangor bagi tahun 2009 adalah sejumlah RM657,000.00. Ia dibahagikan kepada lima daerah iaitu Daerah Klang menerima peruntukan sebanyak RM100,000. Daerah Sepang sebanyak RM100,000.00, Daerah Kuala Langat sebanyak RM157,000.00, Daerah Kuala Selangor RM100,000.00 dan Daerah Sabak Bernam pula menerima peruntukan berjumlah RM200,000.00.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)

TAJUK : PERTUBUHAN YAYASAN SELANGOR

155. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Apakah fungsi Yayasan Selangor?

b) Bagaimanakah Yayasan Selangor dapat membantu rakyat Negeri Selangor?

c) Berapakah jumlah keuntungan yang telah dijana oleh Yayasan Selangor sejak tahun 2006?

JAWAPAN :

a) Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 22 Oktober 2009 telah menolak soalan ini

b) Melalui program pengambilan pelajar Tingkatan Satu di dalam program Rancangan Khas Pendidikan (Kementerian Pelajaran Malaysia) untuk ditempatkan di sekolah-sekolah 'premier' di Kuala Lumpur dan Negeri Selangor melalui penempatan pelajar-pelajar di asrama pusat dan daerah Yayasan Selangor. Keutamaan pemilihan pelajar diberikan keutamaan kepada masyarakat luar Bandar dan kurang berkemampuan.

Menyediakan kemudahan pembiayaan kewangan kepada pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian tinggi di IPTA dan IPTS Negeri Selangor seperti UNISEL, Kolej Antarabangsa INPENS, Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS) dan Institut Kemahiran Yayasan Selangor.

Memberi peluang 'Second chance' kepada pelajar-pelajar yang tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke IPTA dan IPTS untuk mengikuti program latihan kemahiran di Institut Kemahiran Yayasan Selangor.

c)

Tahun	**Lebihan/(Kekurangan)**
Tahun 2006	(RM 8,146,658)
Tahun 2007	RM 19,771,013
Tahun 2008	RM 34,637,702
Tahun 2009 (Sehingga Sept 2009)	RM 30,0392,123

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : POLISI BERSIH KERAJAAN TEMPATAN

156. Kerajaan Negeri telah melancarkan kempen kebersihan peringkat negeri pada 11 Januari 2009 yang melibatkan semua PBT-PBT.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Apakah tindakan lanjut dilakukan selepas pelancaran ini?

b) Adakah sebarang pertandingan kawasan terbersih di kalangan PBT-PBT?

c) Apakah kesan positif hasil dari kempen kebersihan ini?

JAWAPAN :

a) Pelancaran Program Zon Bersih dilaksanakan adalah untuk menjadikan Negeri Selangor sebuah negeri yang paling bersih berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Setiap Pihak Berkuasa Tempatan perlu mengenal pasti sekurang-kurangnya satu kawasan yang tahap kebersihannya amat kurang memuaskan dalam PBT untuk dijadikan sebagai Zon Bersih. PBT masing-masing perlu memastikan lokasi atau zon yang dipilih sentiasa dalam keadaan bersih dengan melibatkan penyertaan masyarakat bagi memupuk kesedaran dan budaya cintakan kebersihan. Pelaksanaan program ini adalah berpandukan 'Garis Panduan Pelaksanaan Zon Bersih' sepenuhnya dan dipantau oleh Kerajaan Negeri.

   Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan telah menyalurkan peruntukan sejumlah RM100,000 kepada setiap PBT bagi tujuan pembelian tong sampah, pemasangan papan tanda, penyelenggaraan landskap, cat jalan (pavement marking) dan lain-lain keperluan bagi memastikan kawasan yang dipilih dapat meningkatkan tahap kebersihannya. PBT telah melantik Jawatankuasa Pemantau Zon Bersih yang diselaraskan oleh Jabatan tertentu bagi melihat kemajuan pelaksanaan program sekurang-kurangnya sebulan sekali dan laporan atau maklum balas pemantauan akan dihantar kepada Kerajaan Negeri untuk tujuan pemantauan.

b) Untuk makluman,Program Zon Bersih ini akan dinilai dan diberi pemarkahan oleh Kerajaan Negeri selepas setahun pelaksanaannya iaitu bermula Jun 2009 hingga Jun 2010 di mana pemilihan zon terbersih dan terbaik akan diberi pengiktirafan pada tahun hadapan. Panel Penilai yang terdiri daripada Ahli Majlis, Pegawai SUK dan Pegawai PBT akan turun membuat lawatan ke setiap PBT bagi memantau perubahan dan pelaksanaan yang telah dilakukan oleh pihak PBT.

c) Kerajaan Negeri berharap dengan adanya kempen atau program zon bersih seperti ini secara langsung dapat memupuk dan menanam sifat mencintai kebersihan di kalangan penduduk khususnya. Penglibatan dari semua pihak seperti NGO dan PBT dapat dipertingkatkan selain memberi banyak pendedahan kepada masyarakat mengenai kepentingan menjaga kebersihan melalui kempen-kempen atau program yang dijalankan seperti gotong-royong, program kitar semula,pameran kesihatan, program pengindahan landskap dan sebagainya. Program Zon Bersih ini adalah sebagai langkah awal untuk menerapkan kesedaran kepada komuniti betapa pentingnya amalan menjaga kebersihan persekitaran.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)

TAJUK : PROGRAM SPIES

157. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah perkembangan terkini mengenai program SPIES dan berapa peratuskah program ini membantu menangani masalah pekerja yang dibuang/diberhentikan akibat masalah ekonomi global?

b) Apakah bentuk program yang dibangunkan secara usaha sama dengan agensi-agensi pekerjaan tertentu bagi membangunkan program modal insan selain dari bantuan mendapatkan pekerjaan baru? (penekanan kepada aspek kemahiran / bidang kritikal)

c) Berapa banyakkah syarikat-syarikat GLC / agensi-agensi yang terlibat dan sumbangan mereka di dalam menjayakan program SPIES ini?

JAWAPAN :

a) Perkembangan terkini mengenai program SPIES yang mana ianya masih diteruskan pelaksanaannya bagi mencapai sasaran ***critical mass*** iaitu **1.5 juta** atau **30%** daripada penduduk Negeri Selangor. Sasaran ini penting bagi membuat perubahan dan anjakan paradigma di kalangan rakyat agar mereka terus yakin dengan kesungguhan pentadbiran kerajaan sekarang dalam membangunkan masyarakat cemerlang di Selangor. Maklumat pelaksanaan program pada tahun 2008 adalah seperti jadual di bawah:

BIL	KATEGORI PESERTA	BILANGAN PROGRAM	JUMLAH PESERTA
1	Kanak - kanak	4	411
2	Belia	23	2303
3	Ibu bapa	6	714
4	Warga Industri	2	160
5	Ketua Kampung	3	330
6	Setiausaha JKKK	2	365
7	Pendidik	7	850
8	Remaja	7	700
9	Mahasiswa	12	1200
10	DUN	1	150

BIL	KATEGORI PESERTA	BILANGAN PROGRAM	JUMLAH PESERTA
11	Pegawai JAIS	2	135
12	Siswa 1K	4	400
13	Pimpinan Pelajar	2	200
	JUMLAH	**75**	**7,918**

Manakala pada tahun 2009, bermula Januari sehingga 1 November 2009, sebanyak **225 program** telah berjaya dilaksanakan dengan melibatkan seramai **20,524** peserta. Maklumat terperinci adalah seperti berikut :

KATERGORI PESERTA	BILANGAN PROGRAM	JUMLAH PESERTA
Masyarakat	1	60
Belia	71	5939
Alumni SPIES Belia	19	1670
Remaja	37	3733
Alumni SPIES remaja	9	900
SPIES Kepimpinan /Penjawat Awam	33	2391
Ibu bapa	10	2000
Ibu Tunggal	5	397
Pendidik	11	1085
Pelajar IPT	3	253
Alumni SPIES Kepimpinan	1	24

KATERGORI PESERTA	BILANGAN PROGRAM	JUMLAH PESERTA
SPIES Siswa	7	660
SPIES Siswa 1K	3	132
SPIES AJK Masjid	4	400
SPIES Biro Pemuda (JKKK)	11	880
JUMLAH	**225**	**20,524**

Program SPIES bukanlah satu program yang menganjurkan aktiviti berkaitan peluang kerjaya. Walau bagaimanapun program ini dijangka berjaya mewujudkan warga Selangor yang berintegriti, berkeyakinan, berfikiran positif, inovatif, cekal, sedia hadapi cabaran termasuk masalah ekonomi global.

b) Program Pembangunan Modal Insan merupakan salah satu agenda penting Kerajaan Negeri bagi memastikan kemajuan negeri dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat. Oleh itu, Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Modal Insan telah mengambil langkah yang proaktif di dalam merancang dan merangka program bagi membantu masyarakat mendapatkan pekerjaan.

Antara program yang telah dirancang dengan kerjasama Selangor State Investment Centre (SSIC) dan Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) iaitu Program Jelajah Jom Kerja bertujuan untuk :

- Menyediakan peluang kerjaya kepada masyarakat setempat di Negeri Selangor terutamanya golongan belia dan ibu tunggal;
- Membantu syarikat – syarikat yang memerlukan tenaga kerja khususnya di tahap kritikal; dan
- Membantu Kerajaan Negeri Selangor untuk meminimumkan senario gejala sosial.

Selain itu, Institusi Pengajian Tinggi (IPT) seperti INPENS International Kolej, Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS) dan Universiti Industri Selangor (UNISEL) juga antara agensi yang membantu pihak Kerajaan Negeri di dalam melahirkan modal insan berkualiti dengan menyediakan pembelajaran yang menekankan aspek kemahiran dan bidang – bidang yang kritikal.

c) Pelaksanaan Program SPIES setakat ini masih belum melibatkan syarikat – syarikat GLC sepenuhnya dan hanya Pengurus Besar Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) sahaja yang telah mengikuti program ini. Hal ini disebabkan pelaksanaan program pada peringkat ini memfokuskan kepada kakitangan kerajaan, remaja, belia, ibu bapa, JKKK, AJK Masjid, pendidik dan pelajar IPT. Antara agensi atau jabatan yang telah terlibat di dalam menjayakan pelaksanaan program SPIES ini ialah semua Pejabat Daerah / Tanah, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Institusi dan Pengajian Tinggi (IPT) Selangor dengan melibatkan penyertaan di kalangan pegawai, kakitangan dan pelajar di agensi atau jabatan tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : PUSAT KREMATORIUM

158. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Sila senaraikan pusat-pusat krematorium yang sedia ada di Negeri Selangor mengikut susunan daerah?

b) Memandangkan tanah-tanah yang dijadikan untuk tujuan perkuburan semakin berkurangan, maka dengan itu apakah perancangan dan bantuan Kerajaan Negeri pada masa akan datang khususnya untuk membina lebih banyak pusat krematorium yang baru?

JAWAPAN :

a) Di Negeri Selangor terdapat empat (4) buah krematorium yang di selenggara oleh MBSA, MBPJ, MPK dan MPSJ di kawasan masing-masing bagi tujuan pembakaran mayat.

b) Pada masa ini, kerajaan negeri belum membuat sebarang perancangan khusus untuk membina lebih banyak krematorium. Walau bagaimanapun bagi mengatasi masalah tanah perkuburan yang semakin berkurangan, beberapa buah tanah perkuburan bersepadu sedang dibina. Selain itu, terdapat juga cadangan untuk membuat perkuburan bertingkat untuk mengatasi masalah ini. Kerajaan Negeri juga menyalurkan bantuan di atas penyediaan infrastruktur asas tapak-tapak perkuburan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)

TAJUK : PERPINDAHAN PENIAGA-PENIAGA PASAR BASAH SELAYANG BARU

159. Perancangan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menyusun semula pembangunan di kawasan Selayang Baru adalah sesuatu yang baik demi kepentingan penduduknya. Namun demikian, pembinaan pasar baru yang akan menempatkan peniaga-peniaga yang buat masa ini berniaga dalam kawasan pasar basah Selayang telah menimbulkan banyak rungutan dan keputusan ini seharusnya dipertimbangkan semula.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Apakah rasional Pihak Berkuasa Tempatan membina bangunan baru sedangkan pasar basah sedia ada boleh dinaiktaraf dengan memberi perhatian kepada susun atur dan aspek-aspek utiliti yang sempurna dan kemas.

b) Sejauh manakah kemudahan pasar baru ini dijangka mampu membantu peniaga-peniaga tradisi ini dari aspek meningkatkan ekonomi mereka dan pengunjung terutamanya suri rumah yang sudah berusia dari segi keselesaan.

c) Bagaimanakah perancangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi memastikan projek pembinaan pasar baru ini tidak akan menjadi 'Gajah Putih' sebagaimana yang dialami di kebanyakan kawasan yang sudah pun melaksanakan projek yang serupa.

JAWAPAN :

a) Projek ini telah dilancarkan pada tahun 1997 dan projek ini merupakan projek usaha sama di antara Kerajaan Negeri dengan Tetuan Azam dan Azan. Walau bagaimanapun kerja-kerja pembangunan gagal disiapkan oleh pemaju mengikut jadual. Pada asalnya pembangunan pasar ini di jangka dapat mengubah imej kawasan kepada Perbandaran yang lebih selesa dan indah.

b) 1) Bangunan ini telah dilengkapi dengan kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU) untuk kegunaan pengguna dan peniaga.

2) Dengan berpindahnya peniaga ke pasar baru, para peniaga dapat meningkatkan status perniagaan mereka dengan menggunakan fasiliti yang telah disediakan sekali gus para peniaga dapat memperbaiki taraf ekonomi mereka. Di samping itu juga, pemindahan mereka akan dapat meningkatkan kemahiran para peniaga untuk menguruskan perniagaan mereka dengan lebih berkesan dalam persekitaran yang lebih baik.

c) Proses pemindahan akan dibuat sebagaimana proses pemindahan pasar-pasar lain walau bagaimanapun kerjasama daripada pemimpin tempatan dan peniaga amat diharapkan bagi memastikan pasar ini dapat digunakan secara maksimum

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)

TAJUK : PILIHANRAYA NEGERI SELANGOR.

160. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk mengadakan pilihan raya Umum Negeri Selangor secara tersendiri dan berasingan daripada membubarkan Dewan Negeri secara serentak dengan Dewan Rakyat pada pilihan raya umum?

b) Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan menghantar cadangan-cadangan kepada Suruhanjaya pilihan raya untuk menambahkan jumlah kerusi di Dewan Undangan Negeri Selangor ini?

c) Adakah Kerajaan Negeri akan memberikan cadangan bagi nama-nama yang sesuai untuk kawasan-kawasan yang baru?

JAWAPAN :

a) Sebarang keputusan membubarkan Dewan Negeri hanya boleh diperbuat dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Tuanku atas permintaan Kerajaan Negeri. Setakat ini Kerajaan Negeri tiada rancangan khusus bagi perkara ini.

b) Sebarang pindaan sempadan pilihan raya hanya boleh dibuat dengan 2/3 Dewan Negeri. Kerajaan Negeri akan berbincang dengan SPR (Suruhanjaya Pilihan Raya) tentang perkara dibangkitkan ini.

c) Sebarang pindaan sempadan pilihan raya hanya boleh dibuat dengan 2/3 Dewan Negeri. Kerajaan Negeri akan berbincang dengan SPR (Suruhanjaya Pilihan Raya) tentang perkara dibangkitkan ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : PENYELENGGARAAN INFRASTRUKTUR AWAM OLEH JKKKP

161. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Adakah agensi-agensi Kerajaan Persekutuan seperti JKKKP dan sebagainya mempunyai kuasa daripada segi undang-undang untuk menjalankan kerja-kerja pembinaan infrastruktur seperti parit, jalan dan bangunan tanpa mendapat kebenaran daripada PBT?

JAWAPAN :

a) Untuk makluman, berdasarkan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172),sebarang pemajuan atau kerja-kerja pembinaan infrastruktur jabatan-jabatan atau agensi-agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan perlu untuk berunding dan mendapatkan kebenaran dengan Jawatankuasa yang meluluskan pembangunan contohnya OSC, Jawatankuasa Perancang Teknikal dan sebagainya tentang apa-apa aktiviti pemajuan yang dicadangkan untuk dijalankan di dalam Negeri tersebut. Sekiranya pihak JKR ingin membina jalan di atas jalan JKR di Negeri tersebut maka pihak JKR ada kuasa berbuat demikian dan tidak perlu mendapatkan kebenaran dari PBT. Manakala seandainya untuk pembinaan struktur atau bangunan seperti futsal, walaupun peruntukan disalurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan , pihak konsultan yang dilantik perlu menghantar permohonan kepada PBT seperti pelan yang berkaitan tetapi syarat dilonggarkan dan dikecualikan dari memohon kebenaran merancang (KM).

Setiap pemajuan atau pembinaan yang melibatkan PBT dibenarkan dengan syarat perlu diserahkan kepada PBT dengan alasan struktur berkenaan didirikan atas tanah PBT tersebut sama seperti pihak PBT menyediakan kemudahan masyarakat untuk orang ramai. Sekiranya perkara ini tidak dipatuhi tindakan seperti amaran secara lisan , penghantaran notis menghentikan kerja (*Stop Work Order*) di buat serta-merta ke atas pembinaan struktur dan arahan pulih tanah seperti asal dikeluarkan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)

TAJUK : KES RAGUT DI SELANGOR

162. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Apakah statistik kes ragut di Selangor bagi tahun 2009 berbanding 2006-2008? Nyatakan bilangan mengikut daerah.

b) Adakah kajian dijalankan bagi mengenal pasti punca meningkatnya kegiatan meragut serta usaha bagi menanganinya?

JAWAPAN :

a)

STATISTIK KES RAGUT DI SELANGOR 2009
BERBANDING TAHUN 2006 HINGGA 2008

DAERAH/TAHUN	2006	2007	2008	2009(JAN-SEPT)
P/JAYA	698	447	281	130
S/JAYA	179	381	338	335
KLANG	73	190	176	212
GOMBAK	274	377	150	13
KAJANG	29	229	56	57
AMPANG JAYA	787	926	554	506
S/ALAM	94	124	138	182
K/LANGAT	18	67	67	41
K/SELANGOR	29	43	31	28
H/SELANGOR	22	24	14	15
S/BERNAM	19	28	18	15
SEPANG	15	19	17	9
JUMLAH	2237	2855	1840	1543

b) 1. Punca jenayah ragut dan usaha menanganinya

1.1. Masalah sosial meningkat selaras dengan perkembangan ekonomi dan tuntutan material pesalah-pesalah terlibat. Kebanjiran pendatang asing tanpa izin turut meningkatkan kes-kes ragut.

1.2. Bagi menangani kes-kes ragut ini, PDRM telah melancarkan beberapa operasi khusus seperti Ops Rentap. Kajian terhadap masa, tempat, suspek dan kenderaan yang biasa digunakan pesalah turut dibuat supaya operasi pencegahan dan penangkapan dilakukan dengan berkesan. PDRM juga telah meningkatkan pencegahan dengan tertubuhnya Bidang Keberhasilan Utama Negara (National Key Results Area) yang dipantau dari setiap peringkat pengurusan PDRM.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)

TAJUK : PERLOMBONGAN PASIR

163. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Apakah sistem pemantauan dan penguatkuasaan yang digunakan untuk mencegah perlombongan pasir tanpa kebenaran?

b) Apakah status kewangan Kumpulan Semester Sdn Bhd(KSSB) dalam industri penyelenggaraan perlombongan pasir sejak penubuhannya?

c) Berapakah jumlah kebocoran dan kerugian yang ditanggung oleh kerajaan akibat daripada perlombongan pasir tanpa kebenaran sejak 2008?

JAWAPAN :

a) Bagi membanteras aktiviti mencuri pasir, Pihak Berkuasa Negeri telah mengarahkan semua Pentadbir Tanah untuk mengadakan operasi 24 jam di kawasan-kawasan yang dikenal pasti berlakunya aktiviti kecurian pasir. Tindakan penyitaan jentera dan peralatan, pengenaan kompaun dan pendakwaan ke Mahkamah juga dilaksanakan di samping operasi serbuan bersama pihak berkuasa yang berkenaan**.** Selain dari itu, bagi kegiatan yang dilakukan di atas tanah-tanah milik, Kerajaan Negeri telah mengarahkan Pentadbir Tanah mengambil tindakan penguatkuasaan di bawah pelanggaran syarat tanah di mana sekiranya pemilik-pemilik tanah ingkar dalam mematuhi Notis pelanggaran syarat penggunaan tanah yang dikeluarkan, boleh mengakibatkan tanah-tanah mereka dirampas menjadi tanah Kerajaan.

b) Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) telah ditubuhkan pada 26 Jun 2008 dan mula beroperasi pada 22 Julai 2008

Kedudukan Kewangan bagi tempoh berakhir tahun 31hb Disember 2008 seperti berikut:

Jualan	**RM**
Pasir (tan metrik)	220,139
Perolehan (RM)	4,824,874
Untung sebelum cukai RM	1,187,394
Cukai	(285,500)
Untung selepas cukai	901,894

Prestasi kewangan bagi tempoh 31 Jan 2009 sehingga 30 Sept 2009 adalah seperti berikut :

Jualan Pasir (tan metrik)	114,106 tan metrik
	RM
Jumlah Perolehan	21,552,041
Untung sebelum cukai	5,467,475
Peruntukan Cukai	(1,366,869)
Untung selepas cukai	4,100,606

c) Jumlah anggaran kebocoran dan kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri akibat daripada perlombongan pasir tanpa kebenaran sejak 2008 adalah RM728,000.00.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS
(SUNGAI BURONG)

TAJUK : PEMULIHARAAN PANTAI

164. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Sejauh manakah langkah-langkah telah diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk memulihkan semula kawasan pantai dengan menanam pokok-pokok bakau?

b) Sila nyatakan jumlah keluasan kawasan pantai yang telah dipulihkan semula dengan tanaman bakau mengikut daerah?

JAWAPAN :

a) Hutan Paya Laut/Bakau di Negeri Selangor seluas 18,088.80 hektar sentiasa dipelihara untuk memastikan kawasan pesisiran pantai Negeri Selangor bebas daripada ancaman hakisan pantai. Pokok bakau mempunyai beberapa peranan penting untuk pemuliharaan pantai seperti berikut :

1) Pokok bakau berfungsi menjadi penghalang angin kencang daripada laut yang bertindak sebagai penahan ombak serta mampu menyerap tenaga yang dihasilkan oleh ombak berkenaan. Hutan bakau dapat menstabilkan kawasan pantai dan secara tak langsung bertindak sebagai penampan semula jadi terhadap ribut taufan.

2) Akar tanaman bakau berfungsi menstabilkan lumpur dan pasir di mana sistem akar yang padat berupaya menahan atau mengurangkan kesan hakisan di kawasan pantai dan muara.

3) Hutan paya bakau berkebolehan untuk memerangkap enapan, satu proses penambakan tanah secara semula jadi akibat fenomena pasang surut air.

Oleh itu, beberapa langkah telah diambil untuk memulihkan kawasan pantai dengan menanam pokok-pokok bakau melalui kerjasama beberapa agensi kerajaan seperti berikut :

1) <u>Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)</u>
   - FRIM bertindak sebagai agensi yang bertanggungjawab menjalankan kajian teknik penanaman bakau. FRIM telah menubuhkan petak kajian bagi tujuan menjalankan kajian penanaman yang dikenal pasti berisiko tinggi iaitu di Sungai Haji Dorani, Daerah Sabak Bernam.

   - FRIM telah berjaya memperkenalkan teknik penanaman spesis bakau yang sesuai untuk di aplikasi di persisiran pantai. Keluasan kawasan kajian di Sungai Haji Dorani ialah lebih kurang 5.6 hektar dan kajian penanaman tersebut akan dilaksanakan secara berperingkat. Jumlah pokok yang akan ditanam dalam kawasan kajian tersebut adalah dianggarkan sebanyak 22,000 anak pokok spesies bakau.

2) Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

- Penanaman spesies bakau di kawasan-kawasan yang tidak berisiko tinggi telah dilaksanakan oleh pihak Jabatan Perhutanan Negeri Selangor. Setiap tahun kerja-kerja penanaman spesies bakau di kawasan pesisiran pantai telah dijalankan oleh pihak Jabatan. Sejak 1992 sehingga sekarang terdapat lebih kurang 600 hektar kawasan pesisiran pantai telah ditanam dengan spesies bakau. Dalam tahun 2009 sahaja 33 hektar atau seratus ribu anak benih bakau telah ditanam dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan Tanah Kerajaan.

- Sebagai langkah untuk memantapkan lagi pengurusan hutan paya laut di Negeri Selangor, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor juga telah menerbitkan sebuah Rancangan Pengurusan Hutan Paya Laut Negeri Selangor (2006 – 2015). Tujuannya adalah untuk menguruskan hutan paya laut ini secara lebih teratur dan menepati objektif yang dikehendaki. Bagi memastikan langkah pemeliharaan secara lestari kawasan hutan paya laut ini, ianya telah dikelaskan kepada dua kategori iaitu hutan perlindungan dan hutan pengeluaran. Di mana kawasan hutan perlindungan meliputi 95% daripada keluasan kawasan yang diwartakan sebagai HSK (Paya Laut).

3) Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor

- Pembinaan *geotube* sebagai struktur benteng pemecah ombak bagi membantu penanaman bakau. Pada Julai 2007, pihak JPS Negeri Selangor telah membina empat (4) *geotube* yang berukuran 50 meter setiap satu di kawasan Sungai Haji Dorani yang telah dilaksanakan oleh syarikat CAD Concept dengan sumber pembiayaan RM485,900 daripada FRIM.

- Pihak JPS bertanggungjawab dalam mengawal pembangunan di kawasan pesisir pantai terutama di kawasan paya bakau di mana pihak JPS menetapkan anjakan pembangunan 400 meter bagi pantai berlumpur yang ditumbuhi paya bakau diukur dari pinggir laut “seaward edge” paya/hutan bakau sebagaimana yang ditetapkan di dalam Garis panduan JPS 1/97 : Kawalan Hakisan Berikutan Dari Pembangunan Kawasan Pantai.

b) Terdapat beberapa agensi kerajaan yang menjalankan program tanam semula bakau untuk pemuliharaan kawasan pantai seperti berikut :

NAMA AGENSI : JABATAN PERHUTANAN NEGERI SELANGOR

Nama Kawasan	Daerah	Keluasan (Ha)	Bil. Pokok Yang Ditanam (Jika Ada Maklumat)	Tahap Kejayaan
Banjar Utara	Kuala Selangor	410	1,170,000	Berjaya
Kuala Bernam	Sabak Bernam	145	199,664	Berjaya
- Pantai Klanang - Jugra - Tanjung Gabung, Morib	Kuala Langat	24	51,732	70% - Hidup
- Kapar - Sg. Dua - Telok Gedung	Klang	20	131,123	70% - Hidup
JUMLAH		**599**	**1,552,519**	

NAMA AGENSI : INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)

Nama Kawasan	Daerah	Keluasan (Ha)	Bil. Pokok Yang Ditanam (Jika Ada Maklumat)	Tahap Kejayaan
Sungai Haji Dorani (Sungai Besar, Hutan Simpan Kuala Bernam)	Sabak Bernam	1.4	5,376	Berjaya
JUMLAH		**1.4**	**5,376**	

NAMA AGENSI : LEMBAGA URUS AIR SELANGOR (LUAS)

Nama Kawasan	Daerah	Keluasan (Ha)	Bil. Pokok Yang Ditanam (Jika Ada Maklumat)	Tahap Kejayaan
Telok Gong, Pelabuhan Klang	Klang	1.0	1,500	- Berjaya - Kadar hidup:95% - Kerjasama Komuniti Kg. Perajurit, Majlis Perbandaran Klang dan Jabatan Perhutanan
Bagan Hailam, Pelabuhan Klang	Klang	0.5	1,000	- Berjaya - Kadar hidup:80% - Kerjasama Majlis Perbandaran Klang, North Port (M) Berhad, AEON Bukit Tinggi dan Komuniti Bagan Hailam
JUMLAH		**1.5**	**2,500**	

Maklumat Tambahan:

Program penanaman semula pokok bakau lebih diutamakan di kawasan yang mengalami hakisan pantai yang kritikal (Kategori 1) dan juga di kawasan hutan simpan.

Kawasan pantai di Sungai Burong adalah stabil di mana pokok-pokok bakau yang hidup semula jadi masih mampu melindungi kawasan pantai tersebut daripada hakisan ombak laut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)

TAJUK : PREMIS PERNIAGAAN OLEH PENDATANG ASING

165. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah tindakan / langkah-langkah yang diambil oleh PBT / Kerajaan Negeri bagi membendung golongan pendatang asing yang membuka premis perniagaan tidak sah di Pelabuhan Klang/Bandar Sultan Suleiman?

b) Apakah prosedur yang membolehkan mereka untuk berniaga?

c) Pihak manakah yang bertanggungjawab yang menyemak dan meluluskan permohonan serta mengeluarkan lesen bagi membolehkan mereka berniaga?

JAWAPAN :

a) Tindakan / langkah yang diambil oleh PBT / Kerajaan Negeri bagi membendung golongan pendatang asing yang membuka premis perniagaan tidak sah di Pelabuhan Klang / Bandar Sultan Suleiman ialah dengan **menyita** peralatan / barang-barang perniagaan. Bagi tempoh bulan Januari – September 2009, jumlah sitaan yang telah dilakukan adalah sebanyak **08 sitaan**. Pecahan:

Januari	-	01 sitaan.
Februari	-	02 sitaan.
Mac	-	02 sitaan.
April	-	02 sitaan.
September	-	01 sitaan.

b) Terdapat SOP yang disediakan oleh Majlis bagi membolehkan permohonan dibuat bagi menjalankan perniagaan yang sah di kawasan Majlis. Permohonan boleh dibuat dan akan dilesenkan mengikut Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian MPK 2007.

c) Jabatan Pelesenan dan Penjaja adalah jabatan yang bertanggungjawab di MPK bagi mengeluarkan lesen tersebut

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)

TAJUK : IBU TUNGGAL

166. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah jumlah ibu tunggal yang berdaftar dengan Kerajaan Negeri?

b) Apakah usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu ibu tunggal di Selangor semenjak Mac 2008? Berikan butir-butir.

JAWAPAN :

a) Sehingga 25 Oktober 2009, jumlah ibu tunggal yang mendaftar dengan Kerajaan Negeri melalui Portal E-bu.org adalah seramai 19,795 orang.

b) Beberapa program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi membantu ibu-ibu tunggal di Selangor. Berikut adalah perincian tersebut:

1) Program Kerajaan Prihatin - Bantuan yang diberikan kepada mereka yang layak dalam bentuk membaik pulih rumah dan juga bina baru

Perkara	**2008**	**2009**	**Jumlah**
Bina Baru	31	56	87
Baik Pulih	34	45	79
Jumlah	**65**	**101**	**166**

2) Blueprint Kemiskinan - Bantuan dalam bentuk peralatan kepada mereka yang ingin melakukan perusahaan sendiri seperti makanan, kraf tangan dan juga menjahit:

Tahun 2008 = 25 Penerima
Tahun 2009 = 72 penerima

3) Dana Usahawan Ibu Tunggal (2008) – 40 Penerima (RM 5000 setiap sorang dalam bentuk bantuan peralatan)

4) Kursus Jahitan dan Sulaman
   - 3 kursus (90 orang)

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)

TAJUK : 'MODERN PIG FARMING' DI TUMBUK

167. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah perkembangan terkini bagi 'Modern Pig Farming' di Tumbuk?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri masih di dalam peringkat menyenarai pendek syarikat yang layak untuk membangunkan 'Modern Pig Farming' (MPF). Pemilihan syarikat perlu dijalankan dengan teliti kerana syarikat perlu mempunyai peruntukan kewangan yang kukuh untuk membuat pengambilan balik tanah di bawah KTN 3(i)(b)-pengambilan balik tanah bagi maksud ekonomi.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : INDUSTRI PERKHIDMATAN DAN PERHOTELAN DI BAWAH KDEB

168. Jumlah pendapatan tahun 2004 – 2008 bagi tiga hotel di bawah Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) agak mendatar dan menurun bagi Peransang Templer Golf Club.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Apakah faktor-faktor yang menyebabkan tiadanya peningkatan ketara bahkan kemerosotan pendapatan ini?

b) Selain daripada pelanggan-pelanggan korporat utama apakah strategi pemasaran yang dijalankan oleh KDEB bagi melonjakkan pendapatan perkhidmatan ini?

c) Apakah manfaat dan hasil secara langsung yang diperoleh oleh kerajaan daripada aktiviti KDEB dalam sektor perkhidmatan dan perhotelan seperti ini?

JAWAPAN :

A. QUALITY HOTEL CITY CENTRE KUALA LUMPUR
(BUTIRAN UNTUNG RUGI SEJAK TAHUN 2004 HINGGA 2008)

OPERASI HOTEL	**2004 RM'000**	**2005 RM'000**	**2006 RM'000**	**2007 RM'000**	**2008 RM'000**
HASIL SEWA BILIK	6,971	7,230	7,049	7,976	8,371
HASIL MAKANAN/MINUMAN	5,441	5,674	5,322	5,903	5,575
JUMLAH HASIL	13,211	13,951	13,446	14,801	14,998
UNTUNG OPERASI KASAR	3,743	3,707	3,130	3,622	3,536
UNTUNG SELEPAS CUKAI & ZAKAT	130	822	451	724	541
% KADAR PENGINAPAN	78.61%	78.47%	72.77%	77.67%	76.10%
HARGA PURATA SEWA BILIK	RM96.91	RM100.97	RM106.15	RM112.54	RM120.22

a) Faktor-faktor yang menyebabkan tiadanya peningkatan ketara bahkan kemerosotan pendapatan ini :

- Pertumbuhan sektor perkhidmatan perhotelan adalah banyak dipengaruhi oleh pertumbuhan ekonomi negara setiap tahun. Faktor-faktor utama mempengaruhi pertumbuhan prestasi yang minimum sektor hotel adalah ketidaktentuan ekonomi negara, serantau dan global serta pengaruh negatif cuaca, wabak penyakit, politik tidak stabil dan krisis kewangan.

- Penurunan hasil dalam tahun 2006 sebahagiannya disebabkan oleh wabak selesema burung, wabak penyakit kuku dan mulut serta wabak denggi. Tambahan pula, laporan kadar jenayah dalam negara dan publisiti negatif media telah menyebabkan penurunan kedatangan pelancong dari China dan juga persaingan sengit antara hotel-hotel di Kuala Lumpur. Kebanyakan hotel yang mempunyai segmen pasaran daripada pelancong China terpaksa beralih kepada segmen pelanggan Kerajaan dan menurunkan kadar penginapan bilik bagi meningkatkan hasil pendapatan.
- Peningkatan kos jualan seperti harga bahan bekalan makanan dan kos pentadbiran, peningkatan tarif elektrik sebanyak 12.5% dalam bulan Jun 2006, kenaikan harga petrol dan gas sebanyak 11% dalam bulan Mac 2006 dan tarif air sebanyak 18.8% pada bulan Oktober 2006 telah menyebabkan penurunan keuntungan bersih selepas cukai dan zakat bagi seluruh tahun 2006.
- Krisis kewangan global dan turun naik nilai mata wang dolar US yang bermula pada suku pertama 2008 juga telah memberi kesan kepada kemasukan pelancong asing ke Malaysia. Pengumuman penjimatan kos dengan tidak menggalakkan penganjuran majlis kerajaan di hotel oleh Perdana Menteri dalam bulan Jun 2008 juga telah memberi kesan penurunan hasil pendapatan hotel. Ini kerana 40% daripada hasil pendapatan hotel adalah dari sektor Kerajaan.
- Penurunan keuntungan bersih tahun 2008, sebahagian besar disebabkan peningkatan kadar inflasi, kenaikan berterusan harga petrol dan harga bahan makanan.

b)

- Bagi memperkukuhkan perniagaan hotel, KDEB pada tahun 2007 telah melaksanakan Rasionalisasi dan Penggabungan Perangsang Templer Golf Club dan Perangsang Hotel and Properties Sdn Bhd diletakkan di bawah Cash Band (M) Bhd, 99% anak syarikat KPS. Pelaksanaan penggabungan ini selesai pada 18 Disember 2007.
- Penstrukturan korporat ke atas pegangan pelaburan di dalam tiga entiti, iaitu Perangsang Templer Golf Club, Perangsang Hotels & Properties Sdn Bhd (Quality Hotel Shah Alam dan Quality Hotel City Centre) telah meningkatkan hasil pendapatan dan keuntungan di bawah Cash Band (M) Bhd dalam tahun 2008.

Sektor Hotel	**Y2007**	**Y2008**
Hasil	RM30.172 juta	RM30.175 juta
Keuntungan /(Kerugian) Operasi	(RM1.864 juta)	RM2.033 juta
Perangsang Templer Golf Club	**Y2007**	**Y2008**
Hasil	RM8.664 juta	RM8.187 juta
Keuntungan /(Kerugian) Operasi	(RM1.47 juta)	(RM0.387 juta)

- Bagi mengukuhkan sektor hospitaliti, Cash Band (M) Bhd juga telah mengambil alih 100% kepentingan di dalam Brisdale International Hotel Sdn Bhd dalam tahun 2008.

- Pengurusan hotel juga sentiasa mengutamakan perkhidmatan selepas jualan (after sales service) dengan pelanggan-pelanggan sektor Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat serta pelanggan swasta.

c)

- Walaupun sektor perhotelan hanya menyumbangkan jumlah pendapatan yang kecil kepada Kumpulan KPS/KDEB, Perangsang Hotel and Properties Sdn Bhd (QHSA dan QHCC) telah melaksanakan beberapa aktiviti tanggungjawab sosial korporat (tahun 2008, sejumlah RM25,561 telah dibelanjakan untuk tujuan ini) selaras dengan aspirasi Kerajaan Negeri Selangor yang mengamalkan Kerajaan Prihatin.

- Menyumbang kepada sebahagian kecil pendapatan Kumpulan KDEB/KPS.

- Menyediakan peluang pekerjaan dan latihan kepada rakyat Malaysia khususnya anak negeri Selangor, bukan sahaja di bahagian pengeluaran atau perkhidmatan malahan di bahagian pengurusan.

- Dengan peluang di atas, akan mengurangkan kadar pengangguran yang pasti menambah beban kerajaan untuk menganggung kesan pengangguran dari segi kepentingan ekonomi dan sosial.

- Menyediakan kemudahan kediaman, kelengkapan sukan, rekreasi dan riadah untuk delegasi-delegasi jemputan kerajaan dari dalam negeri dan pelosok dunia.

B. QUALITY HOTEL SHAH ALAM
(BUTIRAN UNTUNG RUGI SEJAK TAHUN 2004 HINGGA 2008)

HOTEL OPERATION	**2004 RM'000**	**2005 RM'000**	**2006 RM'000**	**2007 RM'000**	**2008 RM'000**
JUMLAH HASIL	3,273	3,364	3,632	3,681	3,777
HASIL MAKANAN/MINUMAN	4,842	4,383	4,800	5,176	5,034
JUMLAH HASIL	8,459	8,058	8,926	9,472	9,527
UNTUNG OPERASI KASAR	1,781	1,687	1,975	2,180	2,069
UNTUNG SELEPAS CUKAI & ZAKAT	656	203	535	431	282
% KADAR PENGINAPAN	63.96%	62.43%	64.66%	65.68%	62.15%
HARGA PURATA SEWA BILIK	RM90.79	RM95.86	RM99.93	RM99.70	RM107.81

a) Faktor-faktor yang menyebabkan tiadanya peningkatan ketara bahkan kemerosotan pendapatan ini :

- Sejak tahun 2004 hingga 2008, Quality Hotel Shah Alam (QHSA) telah mengekalkan kadar pertumbuhan pendapatan antara 6% hingga 10%.

- Pada tahun 2005 QHSA telah menunjukkan penurunan pendapatan yang disebabkan oleh kerja-kerja pengubahsuaian di Lobi hotel, kawasan teduhan hadapan hotel dan Gardenia Coffee House. Kerja-kerja berperingkat ini siap pada tahun 2008 dan hasilnya telah meningkatkan hasil pendapatan syarikat.

- QHSA mempunyai sebuah dewan utama yang agak kecil yang boleh menampung antara 250 hingga 280 orang sahaja.

- Peningkatan di dalam kos petrol, bil elektrik dan bil air.

- QHSA menghadapi unjuran kos susut nilai yang tinggi bagi tahun 2005 hingga 2017 disebabkan kos pengubahsuaian hotel pada tahun 2005 dan menaik taraf bilik-bilik hotel yang dijalankan secara berperingkat.

- Walau bagaimanapun, usaha-usaha ini telah memberi faedah yang besar memulihkan imej hotel dan meningkatkan QHSA sebagai hotel yang disukai pelanggan dan seterusnya meningkatkan hasil pendapatan hotel.

b)

- Aktiviti pengubahsuaian dan menaik taraf Plaza Perangsang pada tahun 2005, terutamanya di Gardenia Coffee House, Kayangan Ballroom dan bilik-bilik hotel memberikan persekitaran yang lebih menarik pelanggan.

- Penstrukturan korporat dan penggabungan beberapa hotel di bawah KDEB pada 18 Disember 2007, termasuk QHSA di bawah Cash Band (M) Sdn Bhd mengukuhkan sinergi perniagaan sektor perhotelan.

c)

- Walaupun sektor perhotelan hanya menyumbangkan jumlah pendapatan yang kecil kepada Kumpulan KPS/KDEB, Perangsang Hotel and Properties Sdn Bhd (QHSA dan QHCC) telah melaksanakan beberapa aktiviti tanggungjawab sosial korporat (pada tahun 2008, sejumlah RM25,561 telah dibelanjakan untuk tujuan ini) selaras dengan aspirasi Kerajaan Negeri Selangor yang mengamalkan Kerajaan Prihatin.

- Menyumbang kepada sebahagian kecil pendapatan Kumpulan KDEB/KPS.

- Menyediakan peluang pekerjaan dan latihan kepada rakyat Malaysia khususnya anak negeri Selangor, bukan sahaja di bahagian pengeluaran atau perkhidmatan malahan di bahagian pengurusan.

- Dengan peluang di atas, akan mengurangkan kadar pengangguran yang pasti menambah beban kerajaan untuk menganggung kesan pengangguran dari segi kepentingan ekonomi dan sosial.

- Menyediakan kemudahan kediaman, kelengkapan sukan, rekreasi dan riadah untuk delegasi-delegasi jemputan kerajaan dari dalam negeri dan pelosok dunia.

C. BRISDALE INTERNATIONAL HOTEL SDN BHD (BUTIRAN UNTUNG RUGI DARI TAHUN 2004 HINGGA 2008)

HOTEL OPERATION	2004 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2007 RM'000	2008 RM'000
JUMLAH HASIL	2,900	3,795	3,281	4,571	4,489
HASIL MAKANAN/MINUMAN	1,151	1,478	1,855	2,265	2,183
JUMLAH HASIL	4,507	5,393	5,906	7,143	7,063
KEUNTUNGAN OPERASI KASAR	1,485	1,790	1,791	2,132	2,108
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI	4	312	(15)	636	503
PERKARA LUAR BIASA	-	-	-	322	3,953
KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI & ZAKAT	4	312	(15)	958	4,456
% KADAR PENGINAPAN	37.79%	44.07%	48.95%	57.13%	53.03%
HARGA PURATA SEWA BILIK	RM76.23	RM85.78	RM77.78	RM79.71	RM84.10

a) Faktor-faktor yang menyebabkan tiadanya peningkatan ketara bahkan kemerosotan pendapatan ini :

- Jumlah pendapatan hotel menunjukkan peningkatan dari tahun 2004 hingga tahun 2007 (antara 10% ke 21%) dan sedikit penurunan bagi tahun 2008 (1%).

- Faktor yang menyebabkan sedikit penurunan dalam tahun 2008 adalah kesan dari ekonomi global yang agak lembap tetapi masih terkawal

b)

- Strategi pemasaran yang dijalankan oleh pihak hotel adalah:-

- Menawarkan struktur kadar sewa bilik yang menarik dan setanding (competitive and attractive) - bahagian jualan membuat analisa pesaing dan harga yang mereka tawarkan

- Menawarkan pakej yang mengikut kehendak pelanggan - memberikan harga yang boleh diubah supaya dapat memenuhi bajet pelanggan.

- *Sales calls* yang lebih agresif dan berkesan - bahagian jualan perlu mendapat 5 pelanggan baru sebulan dan melawat 10 pelanggan sehari.

- Terlibat dalam *trade show* seperti ATF, ATM, WTM, DMTF & NATAS.

- Meneruskan lawatan kepada pelanggan tempatan dan negara serantau.

D. PERANGSANG TEMPLER GOLF CLUB (BUTIRAN UNTUNG RUGI SEJAK TAHUN 2004 HINGGA 2008)

OPERASI KELAB	2004 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2007 RM'000	2008 RM'000
PENDAPATAN KEAHLIAN	2,039	2,102	1,789	1,605	1,419
PENDAPATAN MAKANAN/MINUMAN	2,153	1,929	1,698	1,730	1,834
PENDAPATAN GOLF/REKREASI	2,293	2,520	2,132	1,797	2,285
LAIN-LAIN PENDAPATAN	882	118	123	234	275
JUMLAH PEROLEHAN	7,367	6,669	5,742	5,366	5,813
Nota:					
KEUNTUNGAN KASAR OPERASI	*(687)*	*(589)*	*(1,182)*	*(541)*	*(391)*
KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI	*(1,805)*	*283*	*530*	*(1,278)*	*(423)*
JUMLAH KEAHLIAN	*1,891*	*1,832*	*1,895*	*1,668*	*1,532*

a) Faktor-faktor yang menyebabkan tiadanya peningkatan ketara bahkan kemerosotan pendapatan ini :

- **Kemerosotan dari pendapatan keahlian.**
  Ahli-ahli menjadi tidak aktif (peningkatan usia, perpindahan lokasi perumahan/pejabat) dan membawa kepada penamatan keahlian. Tiada keahlian baru berikutan dari ekonomi tidak stabil dan persaingan antara kelab-kelab golf. Keahlian baru juga bergantung kepada jualan pakej dalam pembinaan perumahan berdekatan yang kelihatan agak lembap 4 tahun kebelakangan ini.

- **Kemerosotan dari pendapatan makanan/minuman**
  Akibat dari penurunan jumlah ahli-ahli yang aktif, pendapatan turut terjejas dalam tahun 2006. Kelab telah mula menunjukkan peningkatan pada tahun 2007 dan 2008 dengan pelbagai strategi pemasaran.

- **Kemerosotan dari pendapatan golf & rekreasi**
  Selain dari penurunan jumlah ahli-ahli yang aktif, keadaan infrastruktur di padang golf (sistem pengairan bawah tanah dan perparitan) telah mengakibatkan "unacceptable condition to play" dan kehilangan jualan untuk beberapa kejohanan golf tahunan pada tahun 2007. Sistem pengairan/perparitan telah dilaksanakan dan peningkatan jualan telah bermula pada tahun 2008.

Pihak Kelab telah membaik pulih kemudahan dan infrastruktur berjumlah RM3.6 juta sejak tahun 2007. Kini dengan pengurusan baru, Kelab telah menunjukkan peningkatan hasilnya dan akan menjadi sebuah Kelab golf yang dibanggakan.

- **Kemerosotan dari lain-lain pendapatan**
  Lain-lain pendapatan adalah dari pendapatan sewa ruang pejabat/kedai serta pendapatan faedah dari akaun ahli-ahli yang mempunyai hutang tertunggak kepada Kelab. Kebanyakan ahli-ahli yang mempunyai hutang tertunggak pada tahun 2004 telah ditamatkan keahliannya.

b)

- Penjualan semula keahlian yang telah tamat dengan harga yang lebih “attractive”.

- Penjualan pakej-pakej golf,seminar dan bankuasi dengan lebih agresif kepada badan-badan kerajaan, swasta, pertubuhan dan persatuan serta individu.

- Menjalani usahasama-usahasama dengan pelbagai badan korporat dari segi penajaan pelbagai bentuk seperti tunai, barangan, papan tanda, label dan sebagainya.

c)

- Menyediakan peluang pekerjaan dan latihan kepada rakyat Malaysia khususnya anak negeri Selangor, bukan sahaja di bahagian pengeluaran atau perkhidmatan malahan di bahagian pengurusan.

- Dengan peluang di atas, akan mengurangkan kadar pengangguran yang pasti menambah beban kerajaan untuk menganggung kesan pengangguran dari segi kepentingan ekonomi dan sosial.

- Menyediakan kemudahan kediaman, kelengkapan sukan, rekreasi dan riadah untuk delegasi-delegasi jemputan kerajaan dari dalam negeri dan pelosok dunia.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)

TAJUK : PENCAWANG TELEKOMUNIKASI

169. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

a) Berikan butiran lengkap jumlah Menara Telco yang terdapat di seluruh negeri dan pecahannya di setiap daerah?

b) Berapakah pula jumlahnya yang dipasang di surau, masjid, tokong, kuil, dan premis perseorangan?

JAWAPAN :

a) Butiran lengkap struktur telekomunikasi yang terdapat di seluruh Selangor adalah seperti di Lampiran 1. Walaubagaimanapun, data ini dikelaskan mengikut Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) disebabkan oleh semua permohonan dan permit adalah dibawah bidang kuasa PBT.

b) Lampiran 2 menunjukkan rumusan bilangan struktur telekomunikasi yang dibina mengikut pecahan lokasi.

STATUS KESELURUHAN PERMOHONAN TELEKOMUNIKASI MENGIKUT PBT

PBT	Tidak Lengkap		Dipulangkan Ke Telco		Dikemukakan Ke PBT		Ditolak		Lulus-Ulasan /		Lulus-Permit		Lulus		Lulus-Permit		Jumlah		Jumlah Keseluruhan
	RT	T	RT	T	RT	T	RT	T	RT	T	RT	T	RT	T	RT	T	RT	T	
MBPJ	26	4	44	9	6	2	2	0	12	1	24	8	44	5	235	22	393	51	444
MPSJ	11	1	33	16	6	6	22	1	24	6	0	0	38	8	227	35	361	73	434
MBSA	1	0	4	1	0	0	0	0	1	6	64	33	193	63	8	11	271	114	385
MPKJ	2	1	2	2	20	7	13	4	17	19	14	28	10	2	175	65	253	128	381
MPK	5	0	3	4	10	1	2	3	60	33	166	57	0	0	7	5	253	103	356
MPS	0	0	4	3	14	9	4	1	13	10	158	49	7	2	6	8	206	82	288
MPAJ	4	0	2	2	0	0	1	0	7	6	6	1	184	32	7	0	211	41	252
MPSP	1	2	2	1	2	2	0	0	1	1	1	0	27	71	14	3	48	80	128
MDKL	0	1	1	1	0	3	0	1	1	4	5	62	0	1	3	8	10	81	91
MDHS	0	0	0	0	0	0	0	0	2	3	1	0	14	60	0	0	17	63	80
MDKS	0	0	0	1	1	0	0	0	0	0	0	0	9	54	0	5	10	60	70
MDSB	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	4	40	0	3	4	44	48
JUMLAH	50	9	95	40	59	30	44	10	138	90	439	238	530	338	682	165	2037	920	2957

STRUKTUR TELEKOMUNIKASI MENGIKUT JENIS TANAH/BANGUNAN

TELCO/ KATEGORI		EPF	JAIS/MAIS	PEJABAT HUTAN	LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA	PBT	IPTA	SEKOLAH	JKAS/UPEN	KUIL	PERSENDIRIAN / SYARIKAT	JUMLAH	JUMLAH KESELURUHAN
MBPJ	RT	3	1	0	0	0	1	0	1	0	387	393	444
	TWR	0	8	0	0	1	0	0	16	1	25	51	
MPSJ	RT	0	1	0	0	0	0	0	1	0	359	361	434
	TWR	0	11	1	3	1	0	1	18	2	36	73	
MPSP	RT	0	0	0	0	0	0	0	0	0	48	48	128
	TWR	0	3	1	1	1	0	0	4	0	70	80	
MDKL	RT	0	0	0	0	0	0	0	0	0	10	10	91
	TWR	0	1	0	0	0	0	1	1	0	78	81	
MBSA	RT	0	4	0	0	2	6	1	0	0	258	271	385
	TWR	0	25	0	0	0	0	0	21	0	68	114	
MPKJ	RT	0	3	0	0	0	5	3	0	0	242	253	381
	TWR	0	16	2	3	0	4	0	30	0	73	128	
MDKS	RT	0	1	0	0	0	0	0	0	0	9	10	70
	TWR	0	1	0	0	0	0	0	1	0	58	60	
MDSB	RT	0	1	0	0	0	0	0	0	0	3	4	48
	TWR	0	0	1	0	0	0	0	0	0	43	44	
MPK	RT	0	0	0	0	0	0	0	0	0	253	253	356
	TWR	0	4	1	0	2	0	0	8	0	88	103	
MPS	RT	0	0	0	0	0	0	0	0	0	206	206	288
	TWR	0	2	5	0	1	0	2	5	1	66	82	
MPAJ	RT	0	3	0	0	0	0	0	0	0	208	211	252
	TWR	0	2	0	0	0	0	0	0	0	39	41	
MDHS	RT	0	0	0	0	0	0	0	0	0	17	17	80
	TWR	0	1	5	0	2	0	0	0	0	55	63	
JUMLAH		**3**	**88**	**16**	**7**	**10**	**16**	**8**	**106**	**4**	**2699**	**2957**	**2957**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. CHEAH WING YIN
(DAMANSARA UTAMA)

TAJUK : MEDAN SELERA

170. Medan selera merupakan tempat makanan yang dilanggan orang ramai. Ia biasanya dibuka waktu petang dan malam. Baru-baru ini, terdapat penjaja di situ pun berbuka meniaga pada waktu tengah hari mengakibatkan aduan dari pengurus kedai makanan dan restoran di bangunan persekitaran.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Apakah dasar berkenaan waktu buka / niaga untuk medan selera yang diuruskan oleh PBT?

JAWAPAN :

a) Majlis tidak mengenakan syarat waktu / masa perniagaan bagi medan selera, walaubagaimanapun majlis boleh mengenakan syarat waktu perniagaan sekiranya terdapat gangguan atau masalah kepada penduduk sekitar.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)

TAJUK : PERANAN AKHBAR

171. Amalan penyampaian maklumat yang telus kepada semua penduduk Negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah tindakan yang dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri bagi memastikan akhbar harian terbitan syarikat swasta yang menyiarkan berita tidak tepat berkenaan wakil-wakil pemimpin/pemerintahan pentadbiran Kerajaan Negeri?

b) Apakah peranan akhbar Selangor Kini selain menjadi saluran maklumat mengenai aktiviti / program terkini pentadbiran Kerajaan Negeri kepada warga Selangor?

JAWAPAN :

a) Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 22 Oktober 2009 telah menolak soalan ini

b) Sebagai sebuah penerbitan berkala, Selangor kini tidak boleh lari dari empat tanggungjawab asas iaitu sebagai pendidik masyarakat, menyediakan forum interaksi, pemerhati penggubalan dan pelaksanaan rasa oleh pemerintah dan penghibur.

Buat masa ini Selangor kini diterbitkan sebulan sekali. Ianya diterbitkan September 2008 sebagai wadah bicara bagi Kerajaan Negeri di bawah kerajaan Pakatan Rakyat yang baharu ketika itu.

Ia menonjolkan dasar dan perlaksanaan Kerajaan Negeri berhubung pelbagai isu. Buat masa pemberitaan, penyuntingan, susun atur dan percetakan diswastakan kepada pihak ketiga oleh urus setia media di Pejabat Menteri Besar. Bagaimanapun, bagi memastikan menyelaraskan saluran maklumat untuk Kerajaan Negeri, akhbar Selangor kini akan diuruskan oleh anak syarikat MBI iaitu Corporate Communications Sdn Bhd (CCSB).

Selangor Kini juga mempunyai edisi *online* bagi memastikan warga celik IT dapat mengikuti perkembangan pentadbiran Negeri Selangor. Perancangan sedang dibuat untuk menjadikan Selangor Kini lebih interaktif dan meningkatkan interval penerbitannya dari sebulan sekali ke dua minggu sekali.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)

TAJUK : PEMBANGUNAN DI LERENG BUKIT

172. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status 'Garis Panduan Bagi Pembangunan Di Lereng Bukit' yang diwarwarkan akan dilaksanakan pada hujung tahun ini.

b) Apakah pendirian Kerajaan Negeri terhadap pembangunan lereng bukit di cerun kelas 3.

JAWAPAN :

a) Draf Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan Kawasan Tanah Tinggi dan Lereng Bukit Negeri Selangor telah disiapkan dan disediakan bersama Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor dan Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Selangor. Draf Garis Panduan ini telah dibentangkan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 24/2009 bertarikh 5 Ogos 2009. MMKN telah mengarahkan supaya mengadakan bengkel bagi mendapatkan maklum balas dari pihak-pihak yang berkepentingan berkenaan dengan perancangan dan pembangunan di kawasan bukit dan tanah tinggi.

Bengkel Pertama Draf Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan Kawasan Tanah Tinggi dan Lereng Bukit Negeri Selangor telah diadakan pada 18 September 2009 bersamaan 28 Ramadhan 1430H di Dewan Annex. Bengkel tersebut telah dihadiri seramai 198 peserta yang terdiri dari Y.B Exco, Y.B Ahli-Ahli Parlimen, Y.B Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, ketua-ketua jabatan, persatuan-persatuan penduduk, badan bukan kerajaan berasaskan alam sekitar, pemaju hartanah dan ahli-ahli profesional. Di dalam bengkel tersebut seramai 10 orang dengan 16 isu/perkara yang telah dibangkitkan terhadap Draf Garis Panduan yang disediakan.

Bengkel Kedua akan diadakan pada 7 November 2009 bersamaan 19 Zulkaedah 1430H. Oleh kerana kesuntukan masa pada Bengkel Pertama, pihak pemaju tidak sempat untuk memberi pandangan dan maklum balas mereka. Sehubungan itu, Bengkel Kedua akan memberi fokus dan peluang kepada pihak pemaju dan profesional untuk memberi maklum balas terhadap Draf Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan Kawasan Tanah Tinggi dan Lereng Bukit Negeri Selangor. Dijangka seramai 150 orang akan menghadiri Bengkel Kedua ini.

b) Kerajaan Negeri masih mengekalkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Ke 6 /2008 bertarikh 2 April 2008 iaitu tiada sebarang pembangunan dibenarkan di kawasan bercerun kelas III dan IV.

Walau bagaimanapun, setelah mendapat maklum balas hasil Bengkel Pertama dan Kedua akan dibentangkan ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk mendapat keputusan selanjutnya sama ada kelas III dan IV perlu dikekalkan untuk pemuliharaan.

Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan Kawasan Tanah Tinggi dan Lereng Bukit Negeri Selangor yang akan diluluskan oleh MMKN seterusnya menjadi rujukan utama pelaksanaan pembangunan di kawasan tanah tinggi bercerun kelas III dan IV di Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)

TAJUK : PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI

173. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Apakah tahap kemajuan terkini pada projek Pembersihan Sungai Klang yang dijangka menjadi nadi baru ekonomi Selangor.

b) Apakah tahap kemajuan terkini pada projek Pembangunan Semula Bandar

c) Bilakah proses pengambilalihan air Selangor oleh negeri diselesaikan dan apakah halangan terkini yang dihadapi untuk merealisasikan harapan tersebut.

JAWAPAN :

a) Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah menganjurkan bengkel konsultasi awam dengan NGO dan wakil-wakil penduduk untuk mendapatkan pendapat dan pandangan mengenai Projek Sungai Klang.

Inventori guna tanah masih di dalam proses. Proses ini dibahagikan kepada tiga bahagian, dengan bahagian Klang sudah diselesaikan. Bahagian Shah Alam, Subang Jaya dan Petaling Jaya sedang dalam proses pelaksanaan, manakala bahagian Ampang Jaya akan dilaksanakan tidak lama lagi.

Kerajaan Negeri Selangor juga telah menawarkan dokumen 'Request for Business Proposals' (RFP) kepada syarikat-syarikat swasta. Sebanyak 37 syarikat telah membeli dokumen ini, dan 12 daripada syarikat-syarikat tersebut telah menghantar cadangan mereka. Cadangan-cadangan ini sedang dalam proses penilaian oleh *Taksforc*e Projek Sungai Klang dan pakar-pakar untuk pemilihan projek.

Pada masa yang sama, satu pasukan perancang profesional juga sedang dalam proses untuk membuat 'vision plan' projek ini. Pada peringkat ini, pelan sedang dibuat untuk kawasan Klang.

Program yang melibatkan orang awam akan diadakan tidak lama lagi. Kerajaan Negeri sedang bekerjasama dengan sebuah NGO yang berpengalaman luas berkenaan sungai iaitu Global Environment Centre (GEC) untuk menggalakkan penglibatan orang awam dan komuniti di dalam kerja-kerja pembersihan sungai. Pada peringkat berikutnya, Kerajaan Negeri berharap agar mendapat kerjasama sekolah-sekolah, institusi pengajian tinggi (IPT) dan setiap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang berkenaan di sepanjang Sungai Klang.

Berdasarkan jadual kerja yang disediakan oleh Sekretariat Projek, selepas penilaian, cadangan akan dipilih sebelum hujung tahun 2009 dan kerja-kerja pemuliharaan dan pembangunan dijangka akan bermula pada suku pertama 2010.

b) Petaling Jaya, Klang dan Kajang telah dipilih sebagai kawasan-kawasan yang akan dijalankan Projek Pembaharuan Bandar. Sesi perbincangan dengan Ahli Parlimen, ADUN dan Ahli Majlis telah dijalankan. Projek Sungai Klang akan dijadikan sebagai pemangkin kepada Projek Pembaharuan Bandar untuk Bandar Klang.

Conference Pembaharuan Bandar akan diadakan pada 20 November dan 1 Disember, dianjurkan secara bersama antara Kerajaan Negeri Selangor dan pihak swasta seperti Malaysian Institute of Planners (MIP) dan REHDA. Pakar-pakar dari luar negara akan dibawa untuk berkongsi pengalaman mereka. Objektif conference adalah untuk memberikan pemahaman yang lebih jelas mengenai pembaharuan bandar dan memberikan ruang untuk konsultasi dengan orang awam dan pihak-pihak berkepentingan.

Projek Pembaharuan Bandar perlu mengenal pasti kawasan spesifik untuk pelaksanaan projek dan juga perlu mengikuti proses konsultasi dengan orang awam.

c) Pengambilalihan syarikat konsesi air di dalam rangka untuk menstrukturkan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor bukanlah merupakan satu proses yang mudah. Penstrukturan ini boleh diselesaikan setelah semua syarikat konsesi air bersetuju menerima harga yang ditawarkan dan selanjutnya menyerahkan aset-aset bekalan air tersebut kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Pada ketika ini, proses ini masih di peringkat rundingan bagi menentukan nilai harga tawaran.

Dalam pengambilalihan syarikat konsesi air ini, Kerajaan Negeri Selangor adalah terikat dengan perjanjian konsesi yang telah ditandatangani dengan setiap Syarikat Konsesi. Proses pengambilalihan ini akan menjurus kepada penamatan perjanjian-perjanjian konsesi air sedia ada. Dalam penamatan yang tidak disebabkan oleh pihak Syarikat Konsesi, bayaran pampasan perlu disediakan oleh Kerajaan Negeri. Ini adalah selaras dengan Perlembagaan Malaysia di bawah Fasal13. Tempoh Konsesi setiap syarikat konsesi air adalah selama 30 tahun .

Walaupun Kerajaan Negeri telah mengambil kira elemen pulangan 12% dalam penilaian harga tawaran, Syarikat Konsesi mempertikaikan kaedah penilaian aset air yang diguna pakai. Pihak Syarikat Konsesi berpandangan bahawa penilaian sepatutnya menggunakan kaedah *Discounted Cash Flow (DCF)* yang lumrahnya telah diiktiraf dan diamalkan di dalam proses penjualan syarikat konsesi dan bukannya mengikut kaedah *1 x Net Book Value (NBV)* sebagaimana yang ditetapkan oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Penilaian yang dibuat oleh Syarikat Konsesi menggunakan kaedah DCF adalah jauh lebih tinggi harganya dari apa yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri Selangor amat menitik beratkan harga berpatutan yang tidak membebankan pengguna di samping tidak merugikan mana-mana pihak. Sekiranya nilai pengambilalihan ini adalah terlalu tinggi, maka bebanan tersebut akan ditanggung oleh pengguna di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya melalui kadar tarif air yang tinggi.

Dalam hal mengenai SYABAS, Klausa 24.7 Perjanjian Konsesi SYABAS memperuntukkan sebarang cadangan bagi menjual, membawa bersama-sama, memberi hak atau memindah milik aset-aset SYABAS ataupun sebarang cadangan pembelian, pengambilalihan, penyatuan atau percantuman yang bersangkutan SYABAS perlu mendapat kebenaran bertulis terdahulu daripada Minister of Finance Incorporated sebagai Pemegang Saham Emas SYABAS bagi pihak Kerajaan Persekutuan. Begitu halnya bagi SPLASH dan ABASS di mana Kerajaan Negeri Selangor adalah merupakan Pemegang Saham Emas.

Setiap syarikat konsesi mempunyai tanggungan melalui Pemegang Bon. Penyelesaian awal baki pinjaman dengan pemegang bon akan melibatkan bayaran premium yang tinggi.

Halangan terkini yang dihadapi untuk merealisasikan harapan tersebut adalah respons Kerajaan Pusat yang dilengahkan kepada permintaan Kerajaan Negeri mengadakan mesyuarat untuk membincangkan isu-isu tertentu. Ini termasuklah penilaian aset-aset air oleh Kerajaan Negeri dan Pengurusan Air Berhad (PAAB). Kelengahan respons oleh Kerajaan Pusat adalah amat membimbangkan.

Kerajaan Negeri telah memaklumkan kepada Kementerian bahawa ia ingin membayar separuh daripada kos ‘due diligence’ ke atas syarikat-syarikat konsesi air tetapi ini tidak dipersetujui oleh pihak PAAB. Kerajaan Negeri akan menekankan bahawa ia sepatutnya diberi laporan penuh ‘due diligence’ tersebut.

Proses ini akan dapat dipercepatkan lagi jika Menteri Besar diberi peluang untuk berjumpa dengan Menteri KTTHA secepat mungkin untuk menyelesaikan isu-isu.

Penyusunan semula industri perkhidmatan air mestilah diselesaikan segera kerana terdapat beberapa tindakan undang-undang di antara syarikat-syarikat konsesi sedang dilaksanakan dan jumlah hutang juga semakin bertambah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)

TAJUK : PENUBUHAN PEMUDAH ADALAH SATU CARA TERBAIK BAGI MENYELESAIKAN ISU-ISU SERTA PERMASALAHAN DI SEKTOR PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN

174. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapa banyakkah isu-isu dan masalah di kawasan perindustrian Balakong yang telah diselesaikan oleh PEMUDAH?

b) Berapakah jumlah eksport pekilang-pekilang yang datang dari kawasan Balakong?

c) Apakah strategi kerajaan negeri bagi meningkatkan lagi jumlah pekilang-pekilang di kawasan Balakong?

JAWAPAN :

a) Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan Selangor (PEMUDAH Selangor) telah ditubuhkan pada 19 Mac 2009 di mana keanggotaannya adalah terdiri daripada sektor awam dan sektor swasta. Objektif utama PEMUDAH Selangor adalah untuk mengkaji dan menyelesaikan isu-isu dari sudut kesukaran dan kelewatan yang timbul dalam penyampaian perkhidmatan. Dalam konteks ini, penyelesaian isu-isu seperti kelewatan memproses permohonan, kelewatan memberi kelulusan, masalah birokrasi, penggubalan proses-proses kerja atau isu-isu yang menyentuh **sistem penyampaian perkhidmatan** dengan tujuan memudahcarakan urusan perniagaan dengan menyediakan perkhidmatan yang terbaik oleh sektor awam adalah diutamakan.

Walaupun isu-isu melibatkan kawasan perindustrian Balakong tidak dibangkitkan dan dibincangkan secara spesifik di PEMUDAH Selangor namun secara dasarnya masalah-masalah dari sudut teknikal seperti masalah tanah, kebenaran merancang dan ulasan jabatan teknikal yang mempengaruhi tempoh kelulusan projek-projek yang diproses oleh Pusat Setempat (OSC) di Pihak Berkuasa Tempatan telah dibuat penambahbaikan.

Kebanyakan isu-isu perindustrian yang dihadapi oleh pekilang di kawasan Perindustrian Balakong diperbincangkan di dalam mesyuarat *Industrial Park Management Committee* (IPMC) Kawasan Perindustrian Balakong yang dipengerusikan oleh Yang diPertua Majlis Perbandaran Kajang. Ahli-ahli IPMC adalah terdiri daripada agensi-agensi perkhidmatan kerajaan, separa kerajaan, Persatuan Pekilang-Pekilang Daerah dan pihak industri.

Antara isu yang sering dibangkitkan adalah berkenaan kerosakan lampu jalan, kecurian kabel telefon dan TNB, penyelenggaraan jalan yang berlubang, longkang dan landskap serta kebersihan yang mana isu-isu ini melibatkan bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan.

Oleh itu, sebarang isu/permasalahan yang dibangkitkan akan mendapat maklum balas secara terus dan tindakan segera akan diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan juga

jabatan-jabatan teknikal yang berkaitan. Melalui IPMC juga memudahkan Pihak Berkuasa Tempatan membuat pemantauan.

b) Kawasan Perindustrian Kg Baru Balakong mengandungi sebanyak 125 buah kilang yang sedang beroperasi. Di samping itu terdapat 6 buah kilang / syarikat yang telah disenaraikan di Bursa Saham Malaysia iaitu:-

1) Press Metal Bhd
2) PMB Facade Tecnology Bhd
3) Cheetah Corporation BHd
4) Voir Bhd
5) Furniweb Bhd
6) Weng Zheng Bhd

Jumlah barangan keluaran bagi 125 kilang di Kawasan Perindustrian Kg Baru Balakong sahaja dianggarkan sebanyak RM 1.25 Bilion dan Barangan Eksport dianggarkan sebanyak RM 500 juta setahun. Anggaran eksport dijangka akan meningkat memandangkan keadaan ekonomi yang menunjukkan kesan pemulihan yang positif serta peningkatan permintaan pasaran luar negara untuk produk keluaran pekilang - pekilang di kawasan perindustrian ini.

c) Strategi Kerajaan Negeri bagi meningkatkan lagi jumlah pekilang-pekilang di kawasan Balakong ini adalah seperti berikut;-

1) Memastikan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang pragmatik dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing.
2) Konsep Mesra Pelabur yang diterapkan dengan mengadakan lawatan dan perjumpaan dengan pihak industri secara berkala bagi mendapatkan maklum balas mengenai permasalahan yang dihadapi oleh pihak industri/pelabur di Selangor.
3) Menaik taraf infrastruktur di kawasan-kawasan industri serta menyediakan kawasan perindustrian yang selesa.
4) Mempercepatkan proses penyelesaian masalah yang dihadapi pihak industri.
5) Mempercepatkan proses kelulusan permohonan seperti Permohonan Sijil Layak menduduki, Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan dan lain-lain kelulusan yang diperlukan pihak industri/pelabur menerusi OSC yang ditubuhkan di setiap PBT.
6) Penubuhan IPMC di setiap kawasan perindustrian dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.
7) Melaksanakan program pemutihan kilang tanpa izin bagi membantu syarikat yang beroperasi secara tidak sah untuk mendapatkan kelulusan-kelulusan/kebenaran yang berkaitan bagi membolehkan mereka beroperasi secara sah di samping membantu meningkatkan prestasi syarikat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)

TAJUK : RUMAH-RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM

175. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah jumlah rumah-rumah ibadat bukan Islam yang berdaftar dan tidak di Negeri Selangor mengikut daerah-daerah.

b) Adakah Negeri Selangor menyediakan garis panduan pembinaan rumah ibadat agar ianya lebih terancang.

JAWAPAN :

a) Mengikut statistik terkini, sebanyak 2,510 buah rumah ibadat telah dibina secara keseluruhannya. Bagi kuil, tokong, gereja ianya berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Negeri Selangor. Mana kala bagi masjid dan surau di bawah pentadbiran Jabatan Agama Islam Selangor. Walau bagaimanapun, bagi rumah-rumah ibadat yang tidak berdaftar, Kerajaan Negeri masih lagi mengumpul maklumat bancian rumah-rumah ibadat selain Islam dari Pejabat Tanah dan daerah serta PBT. Berikut adalah pecahan rumah-rumah ibadat tersebut mengikut komposisi agama.

BIL	DAERAH	TOKONG	KUIL	GEREJA	MASJID	SURAU
1.	Petaling	22	20	22	71	381
2.	Kuala Langat	8	4	1	33	130
3.	Klang	55	13	9	40	232
4.	Hulu Langat	19	2	2	45	356
5.	Gombak	11	3	1	38	212
6.	Sabak Bernam	19	-	-	47	221
7.	Kuala Selangor	10	5	-	51	158
8.	Hulu Selangor	3	7	-	23	132
9.	Sepang	2	4	1	22	73
JUMLAH		**149**	**60**	**36**	**370**	**1895**

b) Kerajaan negeri telah menyediakan garis panduan bagi pembinaan rumah-rumah ibadat selain Islam di Negeri Selangor. Garis panduan tersebut juga telah dikaji dan dipinda untuk penambahbaikan setelah Pakatan Rakyat mengambil alih kerajaan negeri Selangor. Selain itu, Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor (JPBD) turut menyediakan garis panduan pembinaan rumah-rumah ibadat selain Islam yang lebih komprehensif untuk memastikan ia lebih terancang dan harmoni kepada masyarakat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)

TAJUK : PROGRAM TAWAS

176. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah permohonan TAWAS?

b) Apakah masalah-masalah yang dihadapi dalam perlaksanaan program TAWAS?

c) Berapakah peruntukan yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk tabung TAWAS bagi tahun 2009?

JAWAPAN :

a) Berikut merupakan status jumlah permohonan TAWAS sehingga 27 Oktober 2009.

Jumlah pendaftaran diterima:		**15293**	
Jumlah yang belum disemak:			
Permohonan di kaunter	189		
Permohonan 'online' (menunggu dokumen)	692	**881**	
Jumlah yang telah disemak:			
Permohonan yang layak	12746		
Permohonan yang layak tetapi tidak lengkap dokumen	1004		
Permohonan tidak layak	662	**14412**	
Jumlah Keseluruhan		**15293**	**15293**

Secara ringkasnya, jumlah permohonan TAWAS sehingga 27 Oktober 2009 adalah sebanyak 15,293 permohonan.

b) Masalah utama yang dihadapi adalah untuk mendapat maklum balas ibu bapa atau penjaga bagi mendaftarkan anak-anak mereka yang layak dalam Program TAWAS ini. Ianya mungkin adalah disebabkan oleh kurangnya minat dan sikap tidak peduli masyarakat terhadap program ini. Selain itu, sebaran maklumat yang tidak meluas mengenai skim ini juga turut menjadi salah satu sebab mengapa ramai ibu bapa tidak sedar akan kewujudan skim ini.

Berdasarkan kepada laporan statistik kelahiran, Selangor dianggarkan mencatat sebanyak 85,000 kelahiran baru setahun . Walau bagaimanapun, apabila ditapis oleh syarat kelayakan TAWAS telah menjadikan jumlah yang layak dan cukup syarat adalah kurang dari jumlah laporan statistik berkenaan.

c) Keseluruhan jumlah peruntukan termasuk kos operasi adalah sebanyak RM 13.5 juta di mana peruntukan yang diberikan oleh kerajaan Negeri Selangor untuk Program TAWAS adalah sebanyak RM 8.5 juta berdasarkan kepada laporan statistik kelahiran tahunan iaitu sebanyak 85,000 kelahiran setahun.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : UNIVERSITI MADINAH DI CYBER JAYA, SEPANG

177. Ada ura-ura pihak Universiti Madinah akan membuka cawangannya di Cyber Jaya, Sepang.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Sejauh manakah perancangan sudah dilaksanakan?

b) Apakah pendekatan dan pengajian yang ditawarkan?

c) Siapakah yang membiayai peruntukan bagi pengajian ini?

JAWAPAN :

a) Pada masa ini projek ini masih di peringkat perancangan walaupun tapak cadangan pembangunan yang sesuai telah dikenal pasti di Cyberjaya dengan keluasan 65.75 ekar. Sehingga kini pihak Majlis Perbandaran Sepang masih belum menerima pelan-pelan pembangunan (pelan kebenaran merancang, pelan bangunan, pelan kerja tanah dan Infra) untuk projek tersebut daripada pihak Al-Madinah International University (Mediu) di Cyberjaya.

b) Al-Madinah University (M) Sdn Bhd telah ditubuhkan pada tahun 2005, bertujuan menawarkan khidmat pembelajaran secara "e-learning" di peringkat diploma dan sarjana.

Objektif penubuhan Al-Madinah International University adalah;-

1) Membantu di dalam pembangunan golongan Muslim secara global.
2) Membangunkan masyarakat Muslim yang berpengetahuan dan berbudaya berdasarkan syarikah Islam.
3) Menyampaikan pembelajaran Islam di peringkat universiti kepada para pelajar dari pelbagai negara dan budaya.

Antara kursus pengajian yang ditawarkan adalah;-

1) Faculty of Islamic Sciences
    i. Bachelor of Islamic Sciences (Hons.) in Fiqh & Usul Fiqh
    ii. Bachelor of Islamic Sciences (Hons) in Al-Hadith
    iii. Bachelor of Islamic Sciences (Hons) in the Sciences of Al-quran
    iv. Bachelor of Islamic Sciences (Hons.) in Da'wah and Usuluddin
    v. Foundation in Islamic Sciences
    vi. Master of Islamic Sciences
        a. The Science of Readings (Al-Qiraat)
        b. Interpretation & the Science of Quran
        c. The Science of Hadith
        d. Jurisprudence
        e. Foundation of Islamic Jurisprudence

f. Judging & the Science of Legitimacy Policy
g. Islamic Credo
h. Dakwah

vii. Doctoral of Philosophy in Islamic Science in;-
a. The Science of Readings (Al-Qiraat)
b. Interpretation & the Science of Quran
c. The Science of Hadith
d. Jurisprudence of Prophet's Tradition
e. Foundation of Islamic Jurisprudence
f. Judging & The Science of Legitimacy Policy
g. Islamic Credo
h. Dakwah.

2) Faculty of Languages
i. Bachelor of Language (Hons.) in Arabic Language & Literature.
ii. Foundation in Arabic Language
iii. Masters of Arabic Language in;
a. Al-Lughatwiyat
b. Literature & Litrary Criticism
c. Doctoral of Philosophy in Arabic Language
d. Al-Lughatwiyat
e. Literature & Litrary Criticism

3) Faculty of Information Technology;-
i. Foundation in Computer Science
ii. Bachelor of Computer Science (Hon.) in;-
a. Computer Information Science
b. Networking & communication
c. Computer Management

4) Faculty of Finance & Administrative Science
i. Foundation in Finance & Administrative Sciences
ii. Diploma in Business Information Management
iii. Bachelor of Business Administration in
a. Investment & Finance
b. Takaful
c. International Business
d. Marketing
e. Human Resources
f. General Management
iv. Bachelor of Accountancy
v. Masters in Business Administration.

5) Non-Degree (Short Courses)
i. Arabic Short Courses
ii. English Short Courses
a) English for general purposes
b) English for academic Purposes
c) Communication for the workplace

Al-Madinah International University (MEDIU) hanya menerima permohonan pendaftaran secara *on-line* menerusi laman web dan kaedah pembelajaran diberikan secara;-

1) Kaedah pembelajaran secara pertemuan (physical face to face)
2) kaedah video *conferencing*
3) Video streaming (recorded lecture)

c) Al-Madinah International University (MEDIU) telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Pengajian Tinggi sebagai sebuah universiti pada 20 Jun 2007. Al-Madinah International University (MEDIU) beroperasi di bawah *Malaysia's Private Higher Education Act of 1996 (Act 555)* yang membenarkan MEDIU beroperasi secara persendirian. Oleh itu, pembiayaan peruntukan bagi pengajian di MEDIU adalah secara persendirian.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)

TAJUK : KEBAJIKAN BELIA

178. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Bagaimanakah janji manifesto untuk memberi bantuan mendirikan rumah tangga kepada golongan belia?

b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil Kerajaan Negeri untuk mewujudkan pusat sukan mini dan rekreasi untuk golongan ini sebagaimana yang dijanjikan ?

c) Apakah bentuk-bentuk biasiswa pelajaran yang telah diberikan kepada anak-anak Selangor selain hadiah RM1,000.00 bagi mereka yang mendapat tawaran ke universiti?

JAWAPAN :

a) Sebagai sebuah negeri berkebajikan, Kerajaan Negeri akan memberi yang terbaik bagi memastikan kebajikan rakyat terbela seperti mana yang dijanjikan dalam manifesto pilihan raya yang lalu. Berhubung dengan bantuan mendirikan rumah tangga kepada golongan belia, Kerajaan Negeri masih mengkaji apakah bentuk bantuan yang sesuai untuk diberikan bagi membantu golongan belia mendirikan rumah tangga. Walau apapun, Kerajaan Negeri masih komited dalam menunaikan janji-janji manifesto pilihan raya yang lepas.

b) Kerajaan Negeri sentiasa prihatin ke atas kemudahan pusat sukan dan rekreasi kepada golongan belia. Bagi memenuhi keperluan ini, Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan permohonan dari setiap Pihak Berkuasa Tempatan bagi tujuan ini.

c) Terdapat **tiga (3) buah jabatan/ agensi** di bawah Kerajaan Negeri yang menawarkan pembiayaan pelajaran di peringkat pengajian tinggi, sama ada berupa biasiswa, pinjaman atau dermasiswa kepada pelajar-pelajar, terutamanya Anak-anak Negeri Selangor yang melanjutkan pengajian di IPTA/ IPTS seluruh negara seperti berikut:

1) **Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (TKWBNS)** yang menyediakan kemudahan Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor untuk melanjutkan pengajian di peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah di IPTA/ IPTS dalam pelbagai bidang;

2) **Yayasan Selangor** yang menyediakan kemudahan Biasiswa Kecil dan Biasiswa Khas kepada pelajar-pelajar Tingkatan 1 hingga 5, Dermasiswa kepada pelajar cemerlang Tingkatan 4 dan Pinjaman Pelajaran kepada pelajar-pelajar yang melanjutkan pengajian di IPT, khususnya IPT Kerajaan Negeri Selangor (UNISEL/ KUIS/ INPENS/ IKYS); dan

3) **Pusat Zakat Selangor/ Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)** yang memperuntukkan dermasiswa zakat, khusus kepada-pelajar-pelajar beragama Islam yang melanjutkan pengajian di Timur Tengah.

Kemudahan pembiayaan pengajian tersebut boleh diperoleh dengan membuat permohonan mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh jabatan/ agensi yang berkaitan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)

TAJUK : BANGUNAN-BANGUNAN KOMERSIL

179. Di dalam tempoh ekonomi yang meleset, terdapat banyak bangunan-bangunan komersil yang dibangunkan tetapi tidak dapat dijual.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah tindakan yang diambil oleh pihak PBT / Kerajaan Negeri bagi memastikan kawasan ini tidak menjadi sarang jenayah / kawasan penempatan haram bagi golongan pendatang asing?

JAWAPAN :

a) Terdapat beberapa pendekatan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri, yang paling utama adalah dengan melaksanakan promosi seperti mana yang telah dilaksanakan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor. Justeru itu, anak – anak syarikat negeri seperti PKNS juga melaksanakan promosi untuk hartanah-hartanah yang tidak terjual ini. Malahan promosi di peringkat nasional juga dilaksanakan seperti MAPEX (Malaysia Property Expo) yang di selaraskan oleh pihak REHDA.

Manakala isu yang berkaitan pendatang asing, penguatkuasaan bersepadu secara berterusan dilaksanakan oleh pihak PBT dengan kerjasama PDRM dan Imigresen.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : PENSTRUKTURAN DAN PENYUSUNAN SEMULA INDUSTRI AIR SELANGOR

180. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini rundingan di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat serta para Syarikat Konsesi berhubung kait dengan usaha penstrukturan tersebut?

b) Sila huraikan secara terperinci apakah cabaran dan halangan yang menyebabkan usaha tersebut masih belum mencapai kata sepakat?

c) Apakah kesan dan manfaat jangka pendek dan jangka panjang yang diterima oleh rakyat Negeri Selangor selepas penstrukturan dan penyusunan industri air tersebut berjaya dilakukan?

JAWAPAN :

a) Rundingan mengenai penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor telah dibuat semenjak tahun 2008 lagi. Pada 12 Februari 2009, Kerajaan Negeri Selangor telah mengemukakan tawaran awal sejumlah RM5.7 bilion kepada Pemegang Konsesi. Namun demikian, kesemua Pemegang Konsesi Air telah menolak tawaran tersebut atas alasan bahawa nilai yang ditawarkan itu adalah rendah dan tidak cukup untuk menampung obligasi hutang Pemegang Konsesi.

Lanjutan dari penolakan oleh Pemegang Konsesi terhadap tawaran asal tersebut, penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor telah mencapai jalan buntu. Bagi mengatasi kebuntuan tersebut, Kerajaan Persekutuan telah memulakan semula rundingan dengan Kerajaan Negeri Selangor. Rundingan semula ini telah bermula pada 25 Mei 2009 di mana satu jawatan kuasa penstrukturan semula industri air negeri Selangor telah diwujudkan di peringkat Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KTTHA). Mesyuarat Jawatan Kuasa penstrukturan tersebut dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KTTHA dan dianggotai oleh agensi Kerajaan Persekutuan iaitu Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Peguam Negara, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Pasukan dari Kerajaan Negeri Selangor yang diketuai oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri dan anggotanya terdiri dari Y.B. Penasihat Undang-undang, Y.B. Pegawai Kewangan Negeri, Unit Perancang Ekonomi Negeri, Penasihat Kewangan kepada YAB Dato Menteri Besar, Pegawai Penyelidik kepada YAB Dato Menteri Besar, wakil Pejabat kepada YAB Dato Menteri Besar dan Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) adalah turut menjadi ahli di dalam Jawatan Kuasa Penstrukturan peringkat Kerajaan Persekutuan.

Peranan dan Tanggungjawab jawatan kuasa penstrukturan semula industri air negeri Selangor adalah seperti berikut:-

1) mengkaji dan menilai cadangan konsep da model penstrukturan dan opsyen yang sesuai dan praktikal untuk dilaksanakan selari dengan Akta Industri Perkhidmatan Air (Akta 655).

2) Melaksanakan opsyen yang telah dipersetujui termasuk mengadakan rundingan dengan semua pihak yang terlibat dalam penstrukturan semula ini mengikut opsyen yang telah dipersetujui.

3) Memperakukan hasil rundingan kepada pihak yang membuat keputusan iaitu:

   i) KTTHA memperakukan kepada Kabinet; dan

   ii) Kerajaan Negeri Selangor memperakukan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

4) Menyediakan perjanjian yang berkaitan dengan penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor.

Antara 25 hingga 29 Mei 2009, Kerajaan Negeri Selangor telah membentangkan model penstrukturan semula negeri Selangor ke dalam Jawatan kuasa tersebut. Model yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah pengambil alihan kesemua Syarikat Konsesi Air di Selangor dan seterusnya satu operator yang terdiri dari syarikat milik penuh Kerajaan Selangor akan dilantik *Single Operator* dalam mengendalikan perkhidmatan air secara holistik bermula dari rawatan hingga pengagihan air kepada pengguna di Negeri Selangor.

PAAB turut membentangkan opsyen penstrukturan di mana SYABAS dan Puncak Niaga disatukan sebagai operator yang dilesenkan oleh SPAN untuk agihan dan rawatan manakala ABASS dan SPLASH dikekalkan sebagai operator rawatan dan diberikan *authorisation* oleh SPAN.

Namun Jawatan Kuasa akhirnya bersetuju supaya Model Selangor digunakan di dalam rundingan bersama Pemegang Konsesi. Lanjutan dari persetujuan ke atas Model Selangor, pasukan rundingan dengan Pemegang Konsesi telah mengujudkan Jawatan Kuasa Induk Rundingan dan Jawatan Kuasa Kerja di peringkat Negeri Selangor. Jawatan Kuasa Induk Rundingan diketuai oleh Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor turut dianggotai oleh wakil dari KTTHA adalah berperanan untuk mengemukakan dan merundingkan harga tawaran kepada Pemegang Konsesi. Manakala Jawatan Kuasa Kerja diketuai oleh Penasihat Kewangan kepada YAB Dato Menteri Besar Selangor dan dihadiri oleh wakil dari Syarikat Konsesi Air. Jawatan Kuasa Kerja adalah berperanan untuk membincangkan dengan wakil Syarikat Konsesi secara terperinci dari segi kewangan yang berkaitan dengan harga yang telah ditawarkan tersebut dan seterusnya melaporkan kepada Jawatan Kuasa Induk Rundingan. Rundingan dengan Pemegang

Konsesi telah dimulakan oleh Jawatan Kuasa Induk Rundingan dan Jawatan Kuasa Kerja bermula semenjak 10 Jun 2009.

Dalam rundingan bersama Syarikat Konsesi, Kerajaan Negeri telah memaklumkan bahawa pengambilalihan aset-aset air oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah tertakluk kepada syarat-syarat:

1) Penjualan aset-aset air tersebut kepada PAAB secara serentak(*back to back)* oleh Kerajaan Negeri Selangor; dan

2) Pemberian lesen di bawah Akta Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) kepada Kerajaan Negeri Selangor melalui syarikat nomini untuk pengagihan dan rawatan air di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Pada 25 Jun 2009, Kerajaan Negeri Selangor telah mengemukakan surat tawaran untuk pengambilalihan syarikat konsesi air kepada keempat-empat operator air di Negeri Selangor. ABASS bersetuju menerima tawaran Kerajaan Negeri Selangor, SPLASH setuju dengan syarat Kerajaan Negeri Selangor perlu memberi komitmen kepada kontrak jangka panjang O & M sedia ada, manakala SYABAS tidak dapat menerima tawaran kerana apa jua keputusan SYABAS adalah tertakluk kepada keputusan bertulis dari Kementerian Kewangan yang merupakan Pemegang Saham Emas dalam SYABAS dan Puncak tidak bersetuju dengan kaedah penilaian aset yang diguna pakai dalam menentukan nilai tawaran tersebut.

Selain dari tawaran kepada Syarikat Konsesi Air, Kerajaan Negeri Selangor telah mengadakan perbincangan dengan beberapa syarikat juruaudit bebas bagi tujuan melantik syarikat tersebut untuk melaksanakan proses ketekunan wajar (*due diligence)* dalam langkah untuk mengambilalih syarikat –syarikat konsesi air tersebut. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Selangor telah berbincang dengan panel peguam bagi tujuan untuk penyediaan dokumen perjanjian yang terlibat dalam pengambilalihan syarikat konsesi tersebut.
Namun demikian, kerana SYABAS dan Puncak tidak bersetuju menerima tawaran Kerajaan Negeri Selangor, Kerajaan Persekutuan melalui KTTHA berpandangan bahawa Kerajaan Negeri Selangor tidak dapat memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air mengikut Model Negeri Selangor. Lanjutan dari itu, KTTHA telah memaklumkan bahawa Jemaah Menteri telah bersetuju supaya Model yang pernah dikemukakan oleh PAAB dahulu digunakan sebagai Model alternatif dalam melaksanakan penstrukturan semula ini. Model alternatif ini masih lagi di peringkat rundingan Jawatan Kuasa Penstrukturan semula Industri Perkhidmatan Air yang diketuai oleh KTTHA di mana Kerajaan Negeri Selangor adalah merupakan ahli di dalamnya.

b) Walaupun secara keseluruhannya, rundingan yang dijalankan dengan kesemua Syarikat Konsesi air boleh dikatakan positif, namun terdapat beberapa halangan bagi melaksanakan penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor. Kerajaan Negeri Selangor adalah terikat dengan perjanjian konsesi yang telah ditandatangani dengan setiap Syarikat Konsesi. Proses pengambilalihan ini akan menjurus kepada penamatan perjanjian-perjanjian konsesi air sedia ada. Dalam penamatan yang tidak disebabkan oleh pihak Syarikat Konsesi, bayaran pampasan perlu disediakan oleh Kerajaan Negeri. Ini adalah selaras dengan Perlembagaan Malaysia di bawah Fasal13. Tempoh Konsesi setiap syarikat konsesi air adalah selama 30 tahun .

Walaupun Kerajaan Negeri telah mengambil kira elemen pulangan 12% dalam penilaian harga tawaran, Syarikat Konsesi mempertikaikan kaedah penilaian aset air yang diguna pakai. Pihak Syarikat Konsesi berpandangan bahawa penilaian sepatutnya menggunakan kaedah *Discounted Cash Flow (DCF)* yang lumrahnya telah diiktiraf dan diamalkan di dalam proses penjualan syarikat konsesi dan bukannya mengikut kaedah *1 x Net Book Value (NBV)* sebagaimana yang ditetapkan oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Penilaian yang dibuat oleh Syarikat Konsesi menggunakan kaedah DCF adalah jauh lebih tinggi harganya dari apa yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri Selangor amat menitik beratkan harga berpatutan yang tidak membebankan pengguna di samping tidak merugikan mana-mana pihak. Sekiranya nilai pengambilalihan ini adalah terlalu tinggi, maka bebanan tersebut akan ditanggung oleh pengguna di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya melalui kadar tarif air yang tinggi.

Dalam hal mengenai SYABAS, Klausa 24.7 Perjanjian Konsesi SYABAS memperuntukkan sebarang cadangan bagi menjual, membawa bersama-sama, memberi hak atau memindah milik aset-aset SYABAS ataupun sebarang cadangan pembelian, pengambilalihan, penyatuan atau pencatuman yang bersangkutan SYABAS perlu mendapat kebenaran bertulis terdahulu daripada Minister of Finance Incorporated sebagai Pemegang Saham Emas SYABAS bagi pihak Kerajaan Persekutuan. Begitu halnya bagi SPLASH dan ABASS di mana Kerajaan Negeri Selangor adalah merupakan Pemegang Saham Emas.

Setiap syarikat konsesi mempunyai tanggungan melalui Pemegang Bon. Penyelesaian awal baki pinjaman dengan pemegang bon akan melibatkan bayaran premium yang tinggi.

c) Melalui pengambilalihan semua konsesi air di Selangor, satu struktur perkhidmatan air yang baru dapat diwujudkan dengan ciri-ciri seperti mana yang telah dinyatakan oleh Kerajaan Persekutuan:-

1) Sebuah syarikat yang dimiliki ataupun di bawah kawalan Kerajaan Negeri;

2) Sebuah syarikat operator perkhidmatan air berlesen di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655); dan

3) Sebuah syarikat yang beroperasi secara *asset light* dengan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada peningkatan tahap keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan berasaskan syarat lesen dan KPI yang dikawal selia Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri, kawalan secara langsung dapat diberikan oleh Kerajaan Negeri. Ditambah pula dengan adanya pengawasan dan pengawalan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) pemantauan ke atas prestasi operator akan dapat dilaksanakan lebih teratur dan berkesan terutamanya ke atas aspek ekonomi, teknikal, sosial dan perlindungan pengguna. Ini dapat mengujudkan sistem tadbir urus yang lebih cekap dan telus di mana kepentingan rakyat akan diberi perhatian utama. Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor dapat direalisasikan di bawah struktur baru ini di mana rakyat mendapat manfaat hasil kemakmuran ekonomi negeri Selangor.

Struktur baru ini dapat mengujudkan perkhidmatan air yang mapan berpandukan kepada pendekatan yang holistik. Keadaan ini akan mendorong pengurusan perkhidmatan air menjadi berdaya maju serta pengurusan kitaran air yang lebih cekap bagi mengoptimumkan penggunaan sumber dan infrastruktur.

Di bawah struktur baru ini, operator akan beroperasi secara *asset light* di mana pembiayaan ke atas perbelanjaan modal (CAPEX) akan dibuat oleh Pengurusan Aset Air Berhad. Operator akan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada peningkatan tahap keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan. Ini akan dapat meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam operasi perkhidmatan air.

Dengan pelaksanaan penstrukturan ini rakyat Negeri Selangor tidak lagi dibebankan dengan kenaikan tarif air yang melampau. Sebaliknya melalui syarikat yang dimiliki dan dikawal secara langsung oleh Kerajaan Negeri Selangor, segala sumber yang diperolehi akan digunakan untuk memastikan rakyat membayar kadar air yang rendah dan terus menikmati inisiatif pemberian 20m^3 air percuma.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)

TAJUK : TANAH-TANAH YANG DIMILIKI OLEH KERAJAAN NEGERI SELANGOR

181. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah jumlah keseluruhan tanah-tanah kosong yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor pada masa kini?

b) Adakah pihak Kerajaan Negeri Selangor merancang sebarang pembangunan di atas tanah-tanah kosong tersebut?

c) Adakah Kerajaan Negeri Selangor bercadang untuk membahagi-bahagikan tanah-tanah kosong tersebut kepada rakyat-rakyat miskin yang tidak mempunyai pendapatan tetap untuk diusahakan oleh mereka sebagai tanah pertanian?

JAWAPAN :

a) Tanah kosong yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri bermaksud tanah-tanah milik kerajaan yang dipecahkan seperti berikut:

1) Rizab Hutan : 238,874 hektar

2) Lain-lain rizab (contoh: kawasan lapang dan lain-lain) : 17,184.26 hektar

3) Tanah kosong : 13,408.9 hektar

b) Kerajaan Negeri setakat ini tidak merancang sebarang pembangunan di atas tanah-tanah kosong tersebut memandangkan jumlah keluasan tanah sedia ada adalah terhad dan lebih sesuai disimpan untuk kegunaan kerajaan Negeri di masa hadapan.

c) Kerajaan Negeri belum mempunyai sebarang perancangan untuk menyediakan program pemberimilikan tanah terancang kepada penduduk miskin. Walau bagaimanapun, tumpuan diberikan untuk memproses permohonan bagi tanah-tanah yang diusahakan mengikut kelayakan dan status penempatan pemohon khusus kepada individu yang disenaraikan dalam bancian penduduk miskin.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : KUIL HINDU DI SEKSYEN 23, SHAH ALAM

182. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Apakah perkembangan terbaru isu pemindahan kuil Hindu dari Seksyen 19 ke Seksyen 23?

b) Apakah usaha-usaha yang telah diambil oleh kerajaan untuk mencari satu penyelesaian terhadap masalah yang lama dipinggirkan ini?

JAWAPAN :

JAWAPAN DARIPADA MBSA

a) Pihak Majlis telah mengenal pasti tapak baru yang lebih bersesuaian di Seksyen 23, Shah Alam yang terletak di kawasan perindustrian dan jauh sedikit daripada kediaman. Beberapa siri perbincangan telah diadakan di antara YB ADUN, YB Ahli Parlimen, pihak PKNS dan pihak Majlis bersama Jawatankuasa Kuil Seksyen 19 dan status terkini adalah dalam proses penyediaan pelan terperinci dan surat tawaran kepada Jawatankuasa Kuil.

b) Pihak kerajaan sentiasa berusaha untuk menyelesaikan masalah berkaitan semua tapak kuil sedia ada yang tidak bersesuaian. Bangunan sedia ada tersebut akan dipindahkan ke kawasan yang lebih bersesuaian agar pihak komuniti yang terlibat dapat menjalankan aktiviti beribadat dengan lebih selesa tanpa sebarang gangguan.

JAWAPAN DARIPADA PKNS

a) Mesyuarat pada 16 Oktober 2009 yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Menteri Besar. Setelah dipersetujui oleh Jawatankuasa kuil memutuskan:

1) Kuil Seksyen 19 akan ditempatkan semula di Seksyen 23 (tapak baru)

2) Tapak seluas 20,000 kps untuk kegunaan kuil akan disediakan oleh PKNS

3) Pengesahan pelan untuk permohonan Kebenaran Merancang akan diputuskan pada 4 November 2009, jam 3.00 petang dalam perbincangan dengan Pegawai Perancang MBSA. Pada kebiasaannya kelulusan Kebenaran Merancang akan diperolehi dalam tempoh TIGA (3) bulan dari tarikh permohonan.

b) Usaha-usaha yang telah diambil seperti berikut :-

1) PKNS akan berbincang dengan MBSA untuk memulakan kerja-kerja penyediaan tapak kuil lebih awal dan dijangka siap dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh mula kerja.
2) Jangkaan tapak disiapkan menjelang Mac 2010 selepas Kebenaran Merancang diperolehi.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)

TAJUK : PENGURANGAN PREMIUM PAJAKAN TANAH

183. Isu premium pajakan tanah melibatkan pemilik tanah di Petaling Jaya masih belum dilunaskan disebabkan kadar yang terlalu tinggi bagi pemilik.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Bagaimana dapat kerajaan pertimbangkan mengenakan premium pajakan tanah yang lebih munasabah bagi pemilik dapat melanjutkan tempoh pajakan mereka?

b) Bagaimana pemilik dapat membuat permohonan pengurangan premium pajakan tersebut?

JAWAPAN :

a) Merujuk kepada Pekeliling PTG Sel. Bil 6/2003 Kerajaan Negeri memberi insentif kepada pemohon yang menjelaskan bayaran premium dalam tempoh segera seperti berikut:

Kegunaan	Bayaran dalam tempoh 3 bulan	Bayaran dalam tempoh 6 bulan	Bayaran dalam tempoh 9 bulan
Bangunan kediaman /Perniagaan / Industri	Potongan 15%	Potongan 10%	Potongan 5%

Untuk makluman ahli mesyuarat, merujuk kepada 'Selangor Land Rules 2003', kadar bayaran premium yang perlu dijelaskan oleh pemohon di bawah permohonan Serah balik dan Beri milik Semula Tanah, Seksyen 197 Kanun Tanah Negara dan Seksyen 76 Kanun Tanah Negara, bagi tujuan untuk melanjutkan tempoh pajakan adalah menggunakan formula yang sama bagi setiap daerah di Selangor seperti berikut :

Formula :

Kediaman:
¼ x 1/100 x nilaian tanah semasa x 99 / 60 Tahun - Baki Tempoh Pajakan.

Komersial / Industri:
¾ x 1/100 x nilaian tanah semasa x 99 tahun - Baki Tempoh Pajakan.

Walau bagaimanapun, nilaian tanah adalah merujuk kepada **nilaian tanah semasa** yang dikemukakan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Negeri Selangor. Nilaian tanah semasa adalah berbeza mengikut lokasi. Justeru itu, lokasi yang strategik dan berkapasiti tinggi dalam pembangunan kebiasaannya akan diberi nilaian tanah yang tinggi oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Negeri Selangor.

b) Permohonan pengurangan premium boleh dirujuk kepada Pekeliling PTG. Sel. Bil. 2/2008. Justifikasi individu yang layak dipertimbangkan untuk permohonan pengurangan premium adalah seperti berikut :-

Kriteria-kriteria yang layak dipertimbangkan	**Faktor-faktor lain yang diambil kira**
• Tanah untuk tujuan bangunan kediaman sahaja	• Bilangan anak / tanggungan
• Bangunan kediaman untuk kegunaan sendiri sahaja	• Kecacatan fizikal atau tahap kesihatan
• Pendapatan isi rumah RM 1,500.00 sebulan dan ke bawah atau per kapita RM300.00 dan ke bawah yang terdiri daripada lima (5) orang isi rumah.	• Bebanan kewangan yang dihadapi - Contohnya pembiayaan pengajian anak / sakit kronik

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)

TAJUK : PRETASI PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR(PKPS)

184. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Apakah rancangan kerajaan dalam mempertingkatkan prestasi PKPS memandangkan kebanyakan projeknya masih menanggung kerugian?

b) Apakah tindakan yang diambil terhadap mereka yang didapati terlibat dalam salah laku pengurusan Projek Taman Orkid Antarabangsa (International Orchid Park)?

c) Apakah rancangan dan tindakan yang diambil terhadap pihak pengurusan dalam kes kegagalan Projek Taman Landskap dan Taman Herba?

JAWAPAN :

a) PKPS memberi penumpuan kepada dua aspek penting bagi meningkatkan prestasi pengurusan pentadbiran dan projek. Dari sudut pengurusan pentadbiran, langkah-langkah yang diambil oleh PKPS ialah dengan memberi penumpuan kepada dasar penjimatan dan pengecilan saiz operasi. Langkah ini diambil bagi mengurangkan kos pengurusan yang terpaksa ditanggung oleh PKPS.

PKPS juga telah menutup bahagian-bahagian yang tidak berfungsi seperti Bahagian Pemasaran dan Bahagian Ameniti Sosial. Dari aspek perniagaan pula, PKPS telah menutup projek-projek yang tidak menguntungkan serta mengalami kerugian secara berterusan. Antara anak-anak syarikat yang telah diberhentikan operasinya ialah PKPS Landscaping Services Sdn. Bhd., MAIS Food Industries Sdn. Bhd. dan Baytown Sdn. Bhd.

PKPS juga telah mempunyai perancangan dengan memberi penumpuan kepada sektor perladangan kelapa sawit yang merupakan *core business* kepada PKPS. PKPS akan meningkat dan menambahkan lagi keluasan penanaman kelapa sawit dari semasa ke semasa. Di samping itu juga, PKPS akan memberi penumpuan kepada penanaman tebu di Mukim Api-api, ubi kayu dan nenas di Mukim Ulu Tinggi, Daerah Kuala Selangor selain daripada menjalankan aktiviti yang mendapat keuntungan segera.

b) PKPS telah membuat penelitian serta semakan terperinci dan mendapati tiada unsur-unsur salah laku dalam pengurusan Projek Taman Orkid Antarabangsa.

Sebagai langkah proaktif, PKPS telah menamatkan perjanjian usaha sama yang dilaksanakan bagi mengelakkan kerugian yang berterusan.

c) PKPS telah pun mengambil tindakan menamatkan perkhidmatan semua kakitangan dan pengurusan di kedua-dua projek tersebut.

PKPS mempunyai rancangan untuk membangunkan projek nurseri kelapa sawit di atas tanah Projek Taman Landskap manakala bagi tanah di Taman Herba, PKPS akan membangunkan Projek Ternakan Ikan Air Tawar.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)

TAJUK : KRISIS EKONOMI (KENAIKAN HARGA BARANG)

185. Rakyat miskin masih ditekan oleh masalah Krisis Ekonomi dan kenaikan harga barangan dan makanan. Kerajaan Negeri telah pun menghulurkan bantuan terhadap mereka yang malang.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Bagaimanakah program-program ini disalurkan dan apakah garis pengukur terhadap keberkesanannya?

b) Adakah kerajaan berusaha untuk menawarkan kerja baru bagi mereka yang berjaya mengikuti kursus dan latihan?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri sentiasa peka dan prihatin tentang masalah krisis ekonomi dan kenaikan harga barang dan makanan. Justeru, melalui Jawatankuasa Tetap Kerajaan Prihatin, Kerajaan Negeri telah memberi bantuan serta mengagihkan bekalan barangan keperluan harian seperti beras, gula, susu serta barangan keperluan harian lain kepada setiap kawasan DUN di negeri Selangor. Memanglah bantuan yang diberi itu hanyalah bantuan berbentuk jangka pendek di mana bantuan tersebut tidak dapat membantu meningkatkan masalah rakyat miskin yang ditekan oleh kenaikan harga barang, namun bantuan tersebut dapat sedikit-sebanyak mengurangkan beban golongan miskin.

b) Kerajaan Negeri turut menawarkan peluang latihan kepada pekerja yang diberhentikan atau yang berkemungkinan diberhentikan melalui institusi-institusi latihan di negeri Selangor yang telah mendapat pengiktirafan dan pentauliahan daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia, sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia. Kos latihan akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Sumber Manusia yang akan mengambil masa satu (1) hingga enam (6) bulan mengikut modul kursus. Di samping itu, para pelatih juga akan turut diberi elaun minima sebanyak RM500.00 hingga maksimum RM800.00 sebulan bergantung kepada kelayakan status sama ada bujang ataupun telah berkahwin bagi meringankan beban menjalani kehidupan seharian. Dengan latihan yang diberikan ini membolehkan mereka diserap ke sektor yang masih memerlukan pekerja seperti sektor pelancongan, perhotelan dan perladangan. Ia juga dilihat antara langkah yang dapat mengurangkan kos operasi majikan yang terlibat sekali gus mengelakkan kemungkinan pekerja-pekerja diberhentikan.

Selain itu, Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan yang dipengerusikan oleh YB Puan Dr. Halimah Binti Ali dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri Selangor akan melaksanakan Program Jom Kerja di seluruh daerah di negeri Selangor dengan lokasi pertama ialah di Sekinchan, Selangor pada 7 – 8 November 2009.

Melalui program ini, syarikat-syarikat yang berminat akan mendaftar dengan pihak JTK Selangor dan menyertai program ini dengan mengadakan *walk-in interview*. Selain membantu menyediakan peluang kerjaya kepada masyarakat di Negeri Selangor khusus terhadap golongan belia dan ibu tunggal ia juga dapat membantu Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha meminimumkan gejala sosial di Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)

TAJUK : TENDER TERBUKA

186. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Sila nyatakan butir-butir projek Kerajaan Negeri yang telah menggunakan sistem tender terbuka sejak Mac 2008.

b) Adakah sistem pemberian kontrak di tahap Kerajaan Negeri dan PBT selaras dengan garis panduan atau cadangan *Transparency International* yang mempromosikan ketelusan?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri sejak Mac 2008 telah melaksanakan 20 projek di bawah pelbagai Jabatan secara sistem terbuka dengan nilaian projek sebanyak RM 18,624,199.30.

Daripada 20 projek tersebut, 8 projek adalah di bawah pengawasan Jabatan Veterinar Selangor iaitu:

1) Membina dan Menyiapkan Satu (1) Reban Ayam Sistem Tertutup Di Taman Agrotek, Hulu Teris, Sepang dengan kos RM 432,587.00;

2) Membina dan Menyiapkan Satu (1) Reban Ayam Sistem Tertutup Di Sepintas, Sabak Bernam dengan kos RM 395,000.00;

3) Membekal dan Menghantar 200 Ekor Lembu Betina Pedaging Kacukan Brahman dengan kos RM 432,000.00;

4) Membekal dan Menghantar 260 Ekor Lembu Jantan Fidlot dengan kos RM 499,680.00;

5) Membekal dan Menghantar 85 Ekor Lembu Betina Tenusu Kacukan Friesian Sahiwal dengan kos RM 397,270.00;

6) Membekal dan Menghantar 260 Ekor Lembu Betina Pedaging Kacukan Brahman dengan kos RM 610,740.00;

7) Membekal dan Menghantar 380 Ekor Lembu Fidlot Kacukan Brahman dengan kos RM 729,600.00; dan

8) Membekal dan Menghantar 106 Ekor Lembu Betina Tenusu Kacukan Frisien Sahiwal dengan kos RM 514,100.00.

Sebanyak tiga (3) projek pula adalah di bawah Jabatan Kerja Raya Selangor iaitu:

1) Pemasangan Elektrik Untuk Bangunan Baru Sekolah Rendah Agama Pulau Indah, Pelabuhan Klang, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan dengan kos sebanyak RM 271,024.00;

2) Pendawaian Semula Kompleks Pejabat Daerah Kuala Selangor dengan kos RM 443,860.00; dan

3) Membina Jejantas Pejalan Kaki Di Jalan Ampang-Bukit Belacan Di Hadapan SRJK Tamil / SRA Kg. Melayu Ampang, Daerah Kuala Langat dengan kos sebanyak RM 1,188,105.00.

Bagi Jabatan Pertanian Negeri Selangor pula, terdapat dua (2) projek yang dijalankan secara tender terbuka, iaitu:

1) Membekal dan Menghantar 6,300 Beg Baja Sebatian NPK 12:12:17:2+TE dengan kos sebanyak RM 941,850; dan

2) Membekal dan Menghantar 5,783 Beg Baja Sebatian NPK 12:6:26+Si+S dengan kos sebanyak RM 861,667.00.

Manakala bagi Jabatan-jabatan lain di bawah Kerajaan Negeri, berikut adalah butiran projek-projek yang telah dijalankan secara tender terbuka:

a) Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor:

    i) Membina dan Menyiapkan Bangunan Pejabat Satu Tingkat Mengandungi Pencawang Elektrik, Pondok Pengawal, Kebuk Sampah, Stor Baja dan Tempat Letak Kereta Di Jalan Stadium, Daerah Kuala Selangor dengan kos RM 5,508,718.30.

b) Jabatan Agama Islam Selangor:

    i) Perkhidmatan Mencuci dan Membersih Bangunan Sultan Idris Shah, Shah Alam dengan kos RM 379,248.00; serta

    ii) Perkhidmatan Pembekalan Bahan Makanan Bermasak Di Maahad Integrasi Tahfiz Istana Bandar, Jugra, Kuala Langat dengan kos sebanyak RM 694,467.00.

c) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor:

    i) Perkhidmatan Mencuci Dan Membersih Serta Menyelenggara Taman dan Kediaman Rasmi Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Negeri Selangor, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan dengan kos sebanyak RM 207,720.00.

d) Pusat Latihan Penguatkuasa Selangor:

   i) Perkhidmatan Membekal Makanan Dan Minuman Bermasak Di Pusat Latihan Penguatkuasa Selangor (PULAPES) Jugra, Banting dengan kos sebanyak RM 756,240.00.

e) Jabatan Perhutanan Negeri Selangor:

   i) Cadangan Membina dan Menyiapkan Sebuah Kompleks Istirahat Termasuk Dewan dan Gerai Makan Di Hutan Lipur Sungai Tua, Hulu Yam, Selangor Darul Ehsan dengan kos RM 480,210.00.

f) Lembaga Perumahan dan Hartanah Negeri Selangor:

   i) Kerja-kerja Pengurusan dan Penyelenggaraan Harta Bagi 980 Unit Petak Rumah dan 27 Unit Komersial Di Projek Perumahan Rakyat (Disewa) Blok A, Blok B dan Blok C Di Kampung Baru Hicom, Seksyen 26, Shah Alam dengan kos sebanyak RM 2,779,320.00.

b) Sistem pemberian kontrak atau dengan erti kata lain, sistem perolehan Kerajaan Negeri dan PBT adalah berdasarkan kepada arahan dan peraturan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.

Bagi tujuan sistem perolehan secara tender, Kerajaan Negeri telah mengguna pakai **Arahan Perbendaharaan** serta **Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007:**

Tatacara Pengurusan Perolehan Kerajaan Secara Tender yang memperjelaskan serta mengemas kini prosedur perolehan secara tender Kerajaan.

Kaedah perolehan secara tender menerusi kedua-dua peraturan tersebut telah menekankan amalan tadbir urus terbaik (*good governance practices*) dalam perolehan Kerajaan.

Selain itu, antara langkah-langkah lain yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam meningkatkan ketelusan dalam sistem perolehan Kerajaan adalah:

1) Memperkenalkan perolehan secara *online* melalui laman web *http://tender.selangor.gov.my*;

2) Kesemua perolehan Kerajaan Negeri adalah secara tender kecuali bagi kes-kes kecemasan dan darurat; serta

3) Memperkenalkan sistem pendaftaran kontraktor di Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bagi membolehkan hanya kontraktor yang berdaya maju dan kompetitif sahaja yang dibenarkan memasuki tender Kerajaan Negeri.

Perkara-perkara di atas adalah selaras dengan cadangan oleh *Transparency International* melalui penerbitannya, ***Handbook: Curbing Corrpution In Public Procurement*** yang diterbitkan pada tahun 2006.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Projek-projek Yang Ditender Terbuka Di Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan

RINGKASAN

Bil	Jabatan	Bil Projek	Kos (RM)
1.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	45	26,254,570.47
2.	Majlis Perbandaran Kajang	3	3,045,149.00
3.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	2	1,097,044.00
4.	Majlis Perbandaran Sepang	2	2,358,999.00
5.	Majlis Perbandaran Klang	1	740,174.00
6.	Majlis Daerah Kuala Langat	1	1,228,482.88
JUMLAH		54	34,724,419.35

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

BIL	NAMA PROJEK	KOS (RM)
1.	Cadangan Kerja-kerja Membekal, Memasang Dan Menyelenggara Sistem Telefon Yang Bari Di Ibu Pejabat Majlis Bandaraya Petaling Jaya	247,180.00
2.	Cadangan Membina Longkang Besar Dan Lain-lain Kerja Di Jalan PJS 2D/1, Taman Medan, Petaling Jaya Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Petaling Jaya	1,441,780.00
3.	Cadangan Perkhidmatan Menyelenggara Pokok-pokok Teduhan Dan Kerja-kerja Berkaitan Bagi Tempoh 2 Tahun Untuk MBPJ – DUN Taman Medan (Sek. 2, Sek. 3, Sek 4, Sek. 8, Sek 51, Sek 51A, PJS 1, PJS 2, PJS 3 dan PJS 4.	250,000.00
3.	Cadangan Mereka bentuk, Membekal, memasang, Menguji terima dan Menyelenggara Sistem Pengudaraan (aeration system) di Tasik Taman Jaya untuk Majlis Bandaraya Petaling Jaya	285,450.00
4.	Cadangan Perkhidmatan Menyelenggara Kawasan Landskap Dan Kerja-kerja Berkaitan di Taman Bandaraya Kelana Jaya Untuk Majlis Bandaraya Petaling Jaya Bagi Tempoh 2 Tahun	454,752.00
5.	Cadangan Perkhidmatan Menyelenggara Kawasan Landskap Dan Kerja-kerja Berkaitan Di Kawasan Taman Jaya Untuk Majlis Bandaraya Petaling Jaya Bagi Tempoh 2 Tahun	475,005.12
6.	Cadangan Kerja-kerja Perkhidmatan Penyelenggaraan Dan Pembersihan Tandas-tandas Awam Majlis Bandaraya Petaling Jaya	331,200.00

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

BIL	NAMA PROJEK	KOS (RM)
7.	Cadangan Perkhidmatan Pembersihan/Pencucian Dan Penyelenggaraan Dewan Serba guna, Kompleks Sukan, Gelanggang Tenis Dan Padang Bola sepak Kawasan Zon PJ Utara 2, MPBJ Bagi Tempoh 2 Tahun	325,094.40
8.	Cadangan Perkhidmatan Menyelenggara Kawasan Landskap di Bandar Sri Damansara/Prima Damansara/Saujana Damansara Untuk MBPJ bagi Tempoh 2 Tahun	586,488.00
9.	Cadangan Perkhidmatan Penyelenggaraan Kawasan Landskap Di Tropicana/Damansara Indah/Ara Damansara Untuk MBPJ Bagi Tempoh 2 Tahun	655,320.00
10.	Cadangan Kerja Pembersihan Dan Pencucian Di Kompleks Pasar Seri Setia, Petaling Jaya Bagi Tempoh 2 Tahun	230,400.00
11.	Cadangan Mengendalikan Kutipan Letak Kereta Di Kompleks Letak Kereta Seksyen 14, Jalan 14/21, Petaling Jaya Untuk Tempoh 3 Tahun	960,000.00
12.	Cadangan Mengendalikan Kutipan Letak Kereta Di Kompleks Letak Kereta C, Jalan Sultan Petaling Jaya Untuk Tempoh 3 Tahun	1,031,616.00
13.	Cadangan Membekal, Menghantar, memasang, Menguji, Mentauliah Dan Menyelenggara Komputer Peribadi, Pencetak Dan Mesin Pengimbas Secara Sewaan Untuk Tempoh Tiga Tahun MBPJ	435,604.80
14.	Cadangan Mereka bentuk, Membekal, Memasang, Menguji Terima Dan Menyelenggara Sistem Pengudaraan (Aeration System) Di Tasik Taman Jaya Untuk Majlis Bandaraya Petaling Jaya	285,450.00

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

BIL	NAMA PROJEK	KOS (RM)
15.	Cadangan Membekal Dan Menghantar Enam Unit Van Penumpang Sebelas Tempat Duduk Yang Baru Kepada Majlis Bandaraya Petaling Jaya	564,520.00
16.	Cadangan Membina Bumbung Tambahan Di Centre Court Gelanggang Tenis Kelana Jaya Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Petaling Jaya	422,280.00
17.	Cadangan Kerja-kerja Penyelenggaraan Sistem Hawa Dingin Berpusat Dan Berasingan Serta Peralatan Berkaitan Untuk Bangunan-bangunan Milik MBPJ Untuk Tempoh 2 Tahun	390,062.00
18.	Cadangan Mereka bentuk, Membekal Dan memasang Alar Permainan Berangkai Dan Berasingan Di Kawasan Lapan Jalan SD 9/2, Jalan Nuri 7/15, Jalan PJS 5/9, Jalan Carey 1A/71, Jalan SD 7/3A Dan Jalan 19/40, Petaling Jaya- Pakej A	540,320.00
19.	Cadangan Mereka bentuk, Membekal Dan Memasang Alar Permainan Berangkai Dan Berasingan Di Kawasan lapang Jalan SS 9A/2, Jalan SS 1/21, Jalan 14/32, Jalan 17/21L, Jalan 17/48 Dan Jalan SS 2/8, Petaling Jaya – Pakej B	546,000.00
20.	Cadangan Membekal Dan Menyiapkan Garisan Jalan/Tanda Permukaan Jalan Menggunakan “Hot-Applied Thermoplastic” Di Jalan-jalan Dalam kawasan Petaling Jaya Untuk tahun 2008	362,100.00
21.	Cadangan Kerja-kerja Membekal, Menyiapkan Dan Memasang Papantanda Nama Jalan Dan Lain-lain Kerja Berkaitan Di Kawasan Petaling Jaya Untuk Tahun 2008.	459,700.00

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

BIL	NAMA PROJEK	KOS (RM)
22.	Cadangan Membarumuka Dan Kerja-kerja Penyelenggaraan Berkaitan Untuk Jalan-jalan Tertentu Di Petaling Jaya (Pakej -7)	973,705.00
23.	Cadangan Membarumuka Dan Kerja-kerja Penyelenggaraan Berkaitan Untuk Jalan-jalan Tertentu Di Petaling Jaya –Pakej 10	1,191,191.00
24.	Cadangan Membarumuka Dan Kerja-kerja Penyelenggaraan Berkaitan Untuk Jalan-jalan Tertentu di Petaling Jaya – Pakej 11	1,042,885.00
25.	Cadangan Membarumuka Dan Kerja-kerja Penyelenggaraan Berkaitan Untuk Jalan-jalan Tertentu Di Petaling Jaya (Pakej 12)	993,939.00
26.	Cadangan Kerja-kerja Menaikkan Paras Manhole, Gully Trap Serta Lain-lain Kerja Berkaitan Di sekitar Petaling Jaya (Pakej Utara) Untuk Tempoh 1 Tahun	406,546.85
27.	Cadangan Kerja-kerja Menaikkan Paras Manhole, Gully Trap Serta Lain-lain Kerja Berkaitan Di Sekitar Petaling Jaya (Pakej Selatan) Untuk Tempoh 1 Tahun	421,800.00
28.	Cadangan Menaik taraf Laluan Pejalan Kaki Dan Lain-lain Kerja Berkaitan Di Jalan Gasing, Petaling Jaya	2,017,775.00
29.	Cadangan Menaik taraf Kawasan Lapan Di Jalan SS 9/2, Petaling Jaya Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Petaling Jaya	367,420.00
30.	Cadangan Menaik taraf Kawasan Lapang Di Jalan SS 1/21 Petaling Jaya Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Petaling Jaya	213,333.00

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

BIL	NAMA PROJEK	KOS (RM)
31.	Cadangan Menaik taraf Kawasan Lapang Di Jalan SS 21/50, Petaling Jaya Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Petaling Jaya	444,305.00
32.	Cadangan Membekal, menghantar, memasang, menguji, mentauliah Dan Menyelenggara handheld Bersama Portable Thermal Printer Secara Sewaan Untuk Tempoh 3 Tahun Kepada MBPJ	348,000.00
33.	Cadangan Tawaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Di Kompleks Letak Kereta "C" Kompleks Letak Kereta Jalan Othman Dan Kompleks Letak Kereta Sek 14, Petaling Jaya Untuk Tempoh 2 Tahun	473,040.00
34.	Cadangan Tawaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Di Perpustakaan Dan Pusat IT Kota Damansara, Kompleks Muhibbah Kota Damansara Dan Klinik Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Seksyen 8, Petaling Jaya Untuk Tempoh 2 Tahun	551,880.00
35.	Cadangan Tawaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bersenjata Untuk Tugas Mengawal Kaunter Bayaran Ibu Pejabat MBPJ, Perkhidmatan Menghantar Dan Eskot Wang Ke Bank, Mengawal Kaunter Pandu Masuk 1 Dan 2 Dan Mengawal Kaunter Bayaran Tingkat 3 Menara MBPJ Untuk Tempoh 2 Tahun	219,928.80
36.	Cadangan Untuk Menaikkan "Median Kerb" Di Jalan Univerisiti Dari Bulatan Rothamn Hingga Persimpangan "Fly Over" Jalan Universiti, Petaling Jaya	304,650.00
37.	Cadangan Menaik taraf Jalan, Laluan Pejalan Kaki Dan Lain-lain Kerja Berkaitan Di Hadapan Sek. Keb. Bandar Sri Damansara (2) Persiaran Cempaka, Sri Damansara, Petaling Jaya	411,902.50

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

BIL	NAMA PROJEK	KOS (RM)
38.	Cadangan Menaik taraf Jalan, Bebendul Jalan Dan Lain-lain Kerja Berkaitan Di Lebuh Bandar Utama, Petaling Jaya	2,329,480.00
39.	Cadangan Membekal Road Metak Kepada Majlis Bandaraya Petaling Jaya	919,600.00
40.	Cadangan Perkhidmatan Pembersihan/Pencucian Dan Penyelenggaraan Bangunan Dewan Sivik, Majlis Bandaraya Petaling Jaya Bagi Tempoh 2 Tahun	273,600.00
41.	Cadangan Perkhidmatan Pembersihan/ Pencucian Dan Penyelenggaraan Stadium Petaling Jaya, Majlis Bandaraya Petaling Jaya Bagi Tempoh 2 Tahun	432,000.00
42.	Cadangan Perkhidmatan Pembersihan/Pencucian Dan Penyelenggaraan Kompleks Sukan Dan Kompleks Kolam Renang Kelana Jaya, Majlis Bandaraya Petaling Jaya Bagi Tempoh 2 Tahun	374,400.00
43.	Cadangan Perkhidmatan Pembersihan/ Pencucian Dan Penyelenggaraan Dewan Serba guna, Gelanggang Squash Dan Padang Bola sepak Kawasan Zon PJ Utara 1, Majlis Bandaraya Petaling Jaya Bagi Tempoh 2 Tahun	336,960.00
44.	Cadangan Perkhidmatan Penyelamat Nyawa di Kompleks Kolam Renang Kelana Jaya, Majlis Bandaraya Petaling Jaya Bagi Tempoh 2 Tahun	265,872.00
45.	Cadangan Tawaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Di Pejabat Bahagian Mekanikal Dan Elektrikal Dan Pejabat Kawal Selia Dan Stor Penguatkuasaan Dan Keselamatan Untuk Tempoh 2 Tahun	315,360.00

MAJLIS PERBANDARAAN KAJANG

BIL	NAMA PROJEK	KOS
1.	Kerja-kerja Menaik taraf Kemudahan Infrastruktur Kawasan Perindustrian Taming Jaya, Balakong	889,460.00
2.	Kerja-kerja Menaik taraf Kemudahan Infrastruktur di Kawasan Perindustrian Desa Serdang, Balakong	882,989.00
3.	Kerja-kerja Menaik taraf Kemudahan Infrastruktur Di Kawasan Perindustrian Bukit Angkat, Sungai Chua, Kajang	1,272,700.00

MAJLIS PERBANDARAAN AMPANG JAYA

BIL	NAMA PROJEK	KOS
1.	Kerja-kerja Menurap Semula Keseluruhan Flat Taman Dagang, Ampang	461,500.00
2.	Kerja-kerja Menurap Semula Serta Kerja Yang Berkaitan Di Taman Cheras Hartamas	635,544.00

MAJLIS PERBANDARAAN SEPANG

BIL	NAMA PROJEK	KOS
1.	Cadangan Menaik taraf Kemudahan Infrastruktur Kawasan Industri Meranti Jaya, Puchong	1,310,999.00
2.	Cadangan Menaik taraf Kemudahan Infrastruktur Kawasan Industri Taman Mas, Puchong	1,048,000.00

MAJLIS PERBANDARAAN KLANG

BIL	NAMA PROJEK	KOS
1.	Cadangan Pembangunan Tanah Perkuburan Islam Di Kampung Delek, Klang, Selangor	740,174.00

MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

BIL	NAMA PROJEK	KOS (RM)
1.	Cadangan Membina Dan Menyiapkan Pasar Basah Dan Kerja Berkaitan Di Atas Lot 1754, Batu 7 Sijangkang, Kuala Langat	1,228,482.80

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)

TAJUK : RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM

187. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Sehingga kini, berapa rumah ibadat bukan Islam di Selangor yang masih menghadapi masalah tanah dan perlu dipindah?

b) Sila nyatakan lokasi rumah-rumah ibadat tersebut dan lokasi yang bakal dipindah.

JAWAPAN :

a) Sehingga kini sebanyak 24 buah rumah ibadat selain Islam yang meliputi 5 Pejabat Tanah dan Daerah. Pecahan bagi rumah-rumah ibadat tersebut adalah seperti berikut:

PTD	**Jumlah Bermasalah/Perlu Di Pindah**
Sabak Bernam	2
Klang	2
Kuala Langat	15
Sepang	4
JUMLAH	**24**

b) Bagi lokasi-lokasi rumah-rumah ibadat yanag perlu dipindah adalah seperti di Lampiran A.

BIL	PEJABAT TANAH DAN DAERAH	NAMA BANGUNAN IBADAT	MASALAH / ISU	LOKASI SEDIA ADA	LOKASI AKAN DIPINDAH
1	**SABAK BERNAM**	PERSATUAN PENGANUT DEWA LEE FU THONG JOO	TERLETAK DI KAWASAN RIZAB MELAYU TANJUNG KARANG GN 1878-33	LORONG 12, BAGAN SEKINCHAN, 45100 SEKINCHAN.	BELUM DIKENALPASTI
		KUIL SRI MUNISWARAN	TERLETAK DI DALAM RIZAB JALAN.	JALAN LADANG TORKINGTON.	BELUM DIKENALPASTI
2	**KLANG**	RUMAH BERHALA HO WHO SAN KOON	PERMOHONAN PEMBERIMILIKAN TANAH DITOLAK OLEH MAJLIS KERAJAAN NEGERI (MMKN) KERANA TANAH YANG DIPOHON MERUPAKAN REZAB JALAN	TBG, 222, JALAN LANDASAN, OFF JALAN BUKIT KUDA, DAERAH KLANG.	PERSATUAN PENGURUSAN RUMAH BERHALA HO WHO SAN KOON MERAYU SUPAYA PERMOHONAN TANAH DI SEKSYEN 25, JALAN LANDASAN BANDAR KLANG YANG DITOLAK OLEH MMKN DIPERTIMBANGKAN SEMULA
		KOVIL SRI MAHA MARIAMMAN	PERMOHONAN PEMBERIMILIKAN TANAH DITANGGUH OLEH MAJLIS KERAJAAN NEGERI (MMKN)	JALAN SIJANGKANG, PEKAN PANDAMARAN, MUKIM KLANG, DAERAH KLANG.	LORONG BATU NILAM 15D, BANDAR BUKIT TINGGI, KLANG.
3	**KUALA LANGAT**	KUIL SRI PERUMAL	ATAS TANAH KERAJAAN	JKR QUARTERS KATONG	BELUM DIKENALPASTI
		KUIL SRI MAHA KANIAMMAN	ATAS TANAH KERAJAAN	LADANG TUMBUK	BELUM DIKENALPASTI
		KUIL SRI MAHA MARIAMMAN	ATAS TANAH KERAJAAN	LADANG TANJUNG DUA BELAS	BELUM DIKENALPASTI

		KUIL SRI MAHA MARIAMMAN SUBRAMANIAR	ATAS TANAH KERAJAAN	LADANG BROOKLANDS MEGASTEEL SIDE	BELUM DIKENALPASTI
		KUIL NAVALAR MAHAYALA PAGAVATHIDEWISERI KARUMARIAMAN	ATAS TANAH KERAJAAN	BROOKLAND ESTATE	BELUM DIKENALPASTI
		KUIL SRI MAHA MARIAMMAN	ATAS TANAH PEMAJU	LADANG LANDARSON JENJARUM	TAPAK TELAH DITENTUKAN OLEH PEMAJU BERHAMPIRAN TAMAN SEJAHTERA
		KUIL SRI MARIAMMAN	ATAS TANAH KERAJAAN	LADANG TELOK DATOK	BELUM DIKENALPASTI
		KUIL SRI MAHA MARIAMMAN	ATAS TANAH KERAJAAN	LADANG KAMPUNG FATIMAH LADANG ANN KIAT	BELUM DIKENALPASTI
		KUIL SRI MAHA MARIAMMAN AIAYAM	ATAS TANAH KERAJAAN	LADANG BUKIT CHEEDING	BELUM DIKENALPASTI
		KUIL SRI MUNISWARAR	ATAS TAHAH KERAJAAN	SEMPADAN TAMAN PERIANG SUNGAI MANGGIS	BELUM DIKENALPASTI
		KUIL SRI MAHA THURIAMAN	ATAS TANAH KERAJAAN	JALAN 2 JENJARUM	BELUM DIKENALPASTI
		KUIL ARULMIGU ANNAIMAHA MARIAMMAN	ATAS TANAH KERAJAAN	JALAN BANDAR LAMA TELOK PANGLIMA GARANG	BELUM DIKENALPASTI
		KUIL SRI MUNISWARAR	ATAS TANAH KERAJAAN		BELUM DIKENALPASTI
		KUIL DEWI SRI MAHA MARIAMMAN	ATAS TANAH PEMAJU	SUNGAI SEDU (DEPAN PEJABAT DAERAH K.LANGAT)	PEMAJU TELAH MENYEDIAKAN TAPAK GANTIAN BERHAMPIRAN KUBUR INDIA SUNGAI SEDU
		TOKONG SOON TEAN KONG	ATAS TANAH KERAJAAN	JALAN BUKIT JUGRA, KAMPUNG PERMATANG PASIR	BELUM DIKENALPASTI

		TOKONG SUNGAI MANGGIS	ATAS TANAH KERAJAAN PERSEKUTUAN UNTUK KEGUNAAN KUARTERS SEKOLAH	SUNGAI MANGGIS	BELUM DIKENALPASTI
		GEREJA	PENYALAHGUNAAN STATUS BANGUNAN	PANGGUNG LIDO BANTING	BELUM DIKENALPASTI
4	**SEPANG**	KUIL MAHALAKALIAMAN	BANGUNAN KUIL DIBINA DI ATAS TAPAK MASJID	BELAKANG PASAR BASAH PEKAN DENGKIL	BATU 1, JALAN AIR HITAM (BERHAMPIRAN SEKOLAH TAMIL), PEKAN DENGKIL, DAERAH SEPANG.
		KUIL MAHALAKALIAMAN	BANGUNAN KEDIAMAN DIBUAT SEBAGAI RUMAH IBADAT (KUIL)	TAMAN SELASIH, BANDAR BARU SALAK TINGGI, SEPANG, SELANGOR.	BELUM DIKENALPASTI
		TOKONG LEN WAH SAM THAI CHI	DIBINA ATAS TANAH SSIC	KAMPUNG BARU DENGKIL	1 KILOMETER DARI LOKASI SEDIA ADA (TANAH KERAJAAN)
		KUIL MAHA MARIAMAN	BANGUNAN KUIL DIBINA DI ATAS TANAH UPM.	BERSEBELAHAN UNITEN KM 7, JALAN KAJANG - PUCHONG.	BELUM DIKENALPASTI
5	**PETALING**	KUIL HINDU SRI MAHAMARIAMMAN DI SEKSYEN 11, SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.	SEKSYEN 11, SHAH ALAM.	MASIH DI DALAM PERBINCANGAN KERANA PIHAK KUIL TIDAK MAHU BERPINDAH KE LOKASI YANG TELAH DITETAPKAN OLEH PIHAK MBSA IAITU DI SEKSYEN 18, SHAH ALAM	KUIL YANG DIBINA BERADA DI ATAS TAPAK REZAB SEKOLAH

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : HANYA 0.6% SAHAJA PELAJAR BUKAN MELAYU DI BAWAH TAJAAN YAYASAN SELANGOR

188. Dari 15,000 pelajar yang tinggal di asrama-asrama Yayasan Selangor hanya seramai 90 orang, iaitu 0.6% sahaja pelajar bukan Melayu.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Apakah punca-punca berlakunya pencapaian yang amat jauh dari kuota 10% yang telah ditetapkan?

b) Mengapakah langkah-langkah mempromosikan pertambahan kemasukan pelajar-pelajar bukan Melayu yang dijalankan telah tidak berjaya mencapai kuota 10%?

c) Apakah program-program integrasi antara kaum di kalangan pelajar yang akan dilaksanakan oleh Yayasan Selangor sehingga jurang 0.6% ke 10% ini dapat diatasi?

JAWAPAN :

a) Permohonan yang diterima dari pelajar-pelajar bukan Melayu sangat sedikit, kurang dari 2%. Ini mungkin kerana syarat kemasukan dan peraturan asrama Yayasan Selangor yang ditetapkan. Hanya pelajar –pelajar yang mendapat 5A dan 4A dalam peperiksaan UPSR yang layak untuk memohon ke asrama Yayasan Selangor. Sebilangan pelajar yang ditawarkan pula menarik diri oleh kerana tidak dapat menyesuaikan diri dan lain- lain sebab.

b) Yayasan mempromosikan kemasukan pelajar melalui laman web Yayasan Selangor, siaran radio dan akhbar tempatan (Bahasa Melayu) . Pihak Yayasan Selangor juga memberi maklum kepada wakil rakyat-wakil rakyat dari kaum India dan Cina (Exco – Exco kerajaan)untuk disebarkan dan dipanjangkan borang-borang permohonan kepada pelajar-pelajar dari kalangan kaum mereka. Maklumat ini juga boleh diperolehi dari pihak sekolah dan Pejabat-pejabat Pelajaran Daerah.

c) Pelajar-pelajar Asrama Yayasan Selangor bersekolah di sekolah-sekolah ternama / terkawal di Kuala Lumpur , Petaling Jaya dan Klang, di mana terdapat ramai dan sebahagiannya majoriti terdiri dari pelajar-pelajar bukan Melayu. Pelajar-pelajar bukan Melayu mungkin perlu membiasakan diri dengan suasana dan cabaran tinggal di asrama. Ibu bapa boleh memainkan peranan memberikan galakan dan semangat kepada anak-anak mereka. Program-program akademik, dan semua aktiviti pelajar di asrama melibatkan semua pelajar dan perhatian / pengecualian diberikan terhadap kepada yang beragama lain bagi aktiviti melibatkan pelajar-pelajar Islam.

Yayasan Selangor akan melaksanakan program orientasi kepada pelajar-pelajar, khusus kepada yang baru supaya berkeyakinan dan dapat menyesuaikan diri. Program keibubapaan juga dianjurkan supaya ibu bapa menyumbang kepada pembinaan sikap positif dan motivasi di kalangan anak-anak mereka.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)

TAJUK : INFRASTRUKTUR PROJEK LRT

189. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

a) Huraikan kuasa Kerajaan Negeri dalam mengawal selia pembinaan sambungan kemudahan LRT di Selangor sedangkan syarikat milik kerajaan pusat ini seperti tidak mahu bekerjasama dengan agensi Kerajaan Negeri

b) Apakah status terkini berhubung rancangan Kerajaan Negeri yang menghubungkan seluruh Selangor dalam tempoh masa satu jam

c) Apakah status terkini berhubung bantahan penduduk berkenaan pembinaan LRT berhampiran pencawang elektrik di kawasan Putra Height Subang Jaya

JAWAPAN :

a) Untuk makluman, sebelum sesuatu pelaksanaan pembangunan atau pembinaan struktur dijalankan, syarikat pemaju perlu mendapatkan kelulusan Kebenaran Merancang (KM) daripada Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berkaitan. Walaupun pada keseluruhannya projek ini dipantau oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kewangan (MOF) dan Kementerian Pengangkutan, pematuhan terhadap syarat-syarat yang telah ditetapkan perlu dipatuhi bagi mengelakkan sebarang tindakan penguatkuasaan diambil dan ia akan sentiasa dipantau oleh Kerajaan Negeri sepanjang tempoh pelaksanaan bagi memastikan kelulusan yang diberikan itu dipatuhi sepenuhnya.

   Selain itu, Kerajaan Negeri turut akan menilai dan mempertimbangkan aspek-aspek tertentu khususnya kesesuaian jajaran laluan yang dicadangkan bagi mengurangkan pengambilan balik tanah individu dilaksanakan. Ini secara tidak langsung dapat menjaga kepentingan rakyat di samping dapat mengurangkan kos pembangunan.

b) Dalam usaha kerajaan negeri dalam memastikan kualiti hidup rakyat terjamin, satu sistem pengangkutan awam bersepadu telah dirangka bagi mengurangkan nisbah kenderaan persendirian : pengangkutan awam daripada 90:10 kepada 50:50. Langkah ini berpadanan dengan strategi keempat bajet negeri dalam menguruskan perbelanjaan dengan cekap di mana ia dapat mengurangkan kos mengawal pencemaran udara. Kerajaan negeri berhasrat untuk mewujudkan model "*One Hour Public Transportation*" di mana rakyat boleh bergerak dari satu kawasan ke kawasan yang lain dalam tempoh 60 minit sahaja.

Bagi tujuan ini, beberapa siri perbincangan telah dilakukan bersama ahli akademik, badan bukan kerajaan (NGO) dan syarikat-syarikat yang berminat dalam menambah baik sistem pengangkutan awam di negeri Selangor.

Seterusnya, kerajaan negeri bercadang untuk mewujudkan *taskforce* pengangkutan awam dan berbincang dengan Kerajaan Persekutuan untuk memperluaskan jaringan perkhidmatan LRT dan perkhidmatan awam yang lain di samping membuka peluang kepada syarikat yang berminat untuk mengemukakan cadangan dan melabur dalam penambahbaikan jaringan pengangkutan awam di negeri Selangor.

c) Bagi menyelesaikan isu bantahan penduduk berkenaan pembinaan LRT berhampiran pencawang elektrik di kawasan Putera Height Subang Jaya, pihak Kerajaan Negeri bersedia untuk membuat dialog bersama dengan penduduk sebagai langkah penyelesaian terbaik untuk kedua-dua belah pihak. Dialog ini yang akan diselaraskan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dijangka akan memberi ruang dan peluang bagi semua pihak yang terlibat di dalam projek pembangunan ini menyuarakan pandangan dan pendapat agar keperluan masyarakat setempat dan kehendak syarikat konsesi dapat dipenuhi sebaik-baiknya.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. CHEAH WING YIN
(DAMANSARA UTAMA)

TAJUK : TV SELANGOR

190. Berkenaan TV Selangor, ia merupakan suatu cara jentera Kerajaan Negeri Selangor berhubung dengan anak Selangor dan penduduk-penduduk persekitaran.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Adakah ia berkesan dalam pelaksanaannya. Siapakah (agensi/jawatankuasa) yang memantau keberkesanannya, dan pernahkah laporan masa semasa dibuatnya?

JAWAPAN :

a) Buat masa ini, TV Selangor.com bergantung kepada sistem CMS (Contents Management System) server yang digunakan dan juga analisis Google untuk sesawang berita bagi tujuan menilai prestasinya.

Menurut CMS, prestasi TV Selangor.com mencatatkan 8,278,043 capaian (HITS) sejak Mac 2009. Ia juga merekodkan sejumlah 111,308 lawatan dan ada 50,728 pelawat unik.

54% pelawat TV Selangor.com menonton siarannya di antara 30 saat hingga lebih satu jam, puratanya setiap pelawat meluangkan 11 minit dua saat (672) saat di sesawang TV Selangor.com.

Sejak dilancarkan dengan rasminya pada 19 Mei 2009, belum ada kempen promosi besar-besaran dikendalikan untuk TV Selangor.com, bagaimanapun kempen khusus akan dimulakan pada Januari 2010.

Namun berdasarkan maklum balas pelawat yang menyertai pungutan pendapat TV Selangor.com, sambutan adalah menggalakkan.

Kajian berstruktur juga sedang dijalankan dengan kerjasama penyelidik dari Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) dan Universiti Malaya (UM) berhubung capaian TV Selangor.com di kalangan rakyat Selangor khususnya dan warga maya amnya.

Ada sebuah Jawatankuasa Penasihat Editorial terdiri daripada lantikan Kerajaan Negeri dibentuk untuk memberi Input dan membimbing hala tuju TV Selangor.com.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)

TAJUK : KITAR SEMULA

191. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi melancarkan kempen kitar semula di semua PBT dalam Negeri Selangor?

JAWAPAN :

a) Untuk makluman, Kerajaan Negeri melalui PBT ada melaksanakan kempen kitar semula yang dipantau oleh Jabatan Alam Sekitar masing-masing. Setiap Pihak Berkuasa Tempatan perlu mengenal pasti kawasan atau lokasi yang sesuai untuk meletakkan tong-tong kitar semula bagi memudahkan orang ramai menggunakannya. Selain daripada itu, PBT amat mengalu-alukan kerjasama dari syarikat luar yang boleh sama-sama mengambil bahagian dalam kempen kitar semula ini selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri " Selangor Hijau Rakyat Sejahtera".

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)

TAJUK : STATUS SYARIKAT ALAM FLORA SDN BHD

192. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status terkini Syarikat Alam Flora Sdn Bhd sebagai kontraktor induk dalam kerja-kerja kutipan sampah dan pembersihan kawasan di kebanyakan tempat di Negeri Selangor.

b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menggantikan Syarikat Alam Flora dengan kontraktor-kontraktor lain seperti syarikat berkaitan Kerajaan Negeri ataupun memberi kuasa terus kepada Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor untuk menguruskan sendiri kerja-kerja kutipan sampah dan pembersihan kawasan di kawasan mereka.

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri masih lagi menggunakan khidmat Alam Flora Sdn Bhd (AFSB) sebagai kontraktor induk bagi kerja-kerja pengutipan sampah dan pembersihan awam di seluruh PBT Selangor. Kerajaan Negeri berpandangan bahawa AFSB masih mampu memberikan khidmat yang memuaskan dan prestasi kerja oleh AFSB sentiasa dipantau dan sesi perbincangan sering diadakan bagi memastikan kualiti kerja dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa.

b) Cadangan untuk menggantikan AFSB masih lagi dipertimbangkan dan Kerajaan Negeri sedang melihat semua opsyen yang ada untuk menilai sama ada khidmat AFSB masih lagi relevan atau boleh digantikan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)

TAJUK : MASJID & SURAU

193. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah jumlah masjid baru yang dirancang untuk dibangunkan pada tahun 2008.

b) Sejauh mana projek-projek tersebut disiapkan mengikut jadual

JAWAPAN :

a) Sebanyak 6 masjid baru yang dirancang untuk dibangunkan pada tahun 2010. Senarai masjid adalah seperti berikut:

BIL.	PROJEK	STATUS
DAERAH PETALING		
1.	MASJID KG. LINDUNGAN PJS 6	Proses lantikan kontraktor
2.	MASJID BUKIT JELUTONG	Kelulusan peruntukan
3.	MASJID SEKSYEN 13, SHAH ALAM	Semakan tapak
DAERAH KLANG		
4.	MASJID TMN. SRI MUDA, SEKSYEN 25, SHAH ALAM	Kelulusan peruntukan
DAERAH KUALA SELANGOR		
5.	MASJID PEKAN JERAM	Proses lantikan kontraktor
DAERAH HULU SELANGOR		
6.	MASJID GESIR (BAIKPULIH)	Proses lantikan kontraktor

b) Jadual pelaksanaan akan ditentukan selepas proses lantikan kontraktor diputuskan oleh Kerajaan Negeri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)

TAJUK : KEMISKINAN DALAM BANDAR (*URBAN POVERTY*)

194. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah peratusan kemiskinan bandar di dalam Negeri Selangor?

b) Apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri bagi menangani masalah ini?

c) Apakah rancangan jangka panjang Kerajaan Negeri di dalam membendung masalah kemiskinan bandar?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri telah menetapkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Negeri kepada RM1500 bagi seisi rumah seramai lima (5) orang. Peratus kemiskinan mencecah 30% dan masalah kemiskinan di bandar ini sentiasa diambil perhatian oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri sedang mengemas kini data kemiskinan sama ada di bandar mahupun di luar bandar. Justeru, satu kajian kemiskinan sedang dilaksanakan untuk melihat dengan lebih jelas senario dan insiden kemiskinan di Negeri Selangor.

b) Di antara usaha yang dilaksanakan adalah dengan meningkatkan produktiviti kerja dan meningkatkan kemahiran atau skil pekerja. Di dalam usaha menambah bilangan pekerja mahir, Kerajaan Negeri menyediakan bantuan Program Kemahiran Teknikal kepada lepasan sekolah untuk mendalami sijil kemahiran teknikal dan vokasional di Kolej INPENS. Bidang-bidang yang ditawarkan mampu untuk memberi peluang untuk mendapatkan pekerjaan seperti mekanik kenderaan Automotif, mekanik penyaman udara, pembuat pakaian wanita, juru kecantikan dan lain-lain. Justeru, mereka dapat menambah pendapatan isi rumah melalui skil dan kemahiran yang dimiliki untuk mendapatkan pekerjaan.

c) Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha membasmi kemiskinan melalui Program-program Pembasmian Kemiskinan yang telah dan sedang dilaksanakan. Program-program yang dilaksanakan sama ada berbentuk jangka pendek atau jangka panjang, dirangka secara khusus untuk membantu golongan miskin sama ada yang berada di bandar mahupun di luar bandar untuk keluar dari belenggu kemiskinan

Selain itu, Kerajaan Negeri melaksanakan Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) yang bertujuan untuk membantu mengurangkan beban ekonomi rakyat Negeri Selangor. Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) dilaksanakan dengan pendekatan menjaga hal-hal kebajikan rakyat Negeri Selangor tanpa mengambil kira status kaum, agama, usia dan fahaman politik. Program-program yang dilaksanakan menerusi konsep 'Merakyatkan Ekonomi Selangor' bertindak sebagai serampang dua mata di mana memulangkan semula hasil negeri kepada rakyat Negeri Selangor dan seterusnya dapat membantu meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat Negeri Selangor

khususnya bagi mereka yang tergolong dalam kumpulan berpendapatan yang rendah. Dengan perlaksanaan MES ini, perbezaan antara golongan kaya dan miskin dapat dikurangkan dan seterusnya rakyat dapat menikmati hidup yang lebih selesa dan harmoni dalam Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)

TAJUK : KAWASAN PENEMPATAN TIDAK TERANCANG

195. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah pendirian kerajaan ke atas kawasan penempatan lot tanah yang dipecah-pecahkan yang dibina rumah-rumah tanpa terancang.

b) Bagaimanakah kerajaan dapat membantu dalam menyelesaikan masalah tersebut.

JAWAPAN :

a) Berdasarkan perspektif pentadbiran tanah, peruntukan Seksyen 115 (4)(a) KTN membenarkan pemilik tanah kategori pertanian untuk menduduki tanah tersebut secara sah dengan membina sebuah bangunan kediaman tidak boleh meliputi lebih daripada 1/5 keseluruhan tanah tersebut atau 2 hektar yang mana lebih kecil. Sekiranya terdapat keadaan kegunaan tanah ini disalah guna, tindakan penguatkuasaan pelanggaran syarat tanah boleh dilaksanakan ke atas pemilik tanah terbabit untuk tujuan pemulihan tanah tersebut.

b) Rujuk jawapan di atas.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)

TAJUK : PROJEK MEMBERSIHKAN SUNGAI KLANG

196. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Bilakah projek membersihkan Sungai Klang akan dimulakan dan tempoh masa untuk membersihkan Sungai Klang?

b) Berapakah peruntukkan akan dibelanjakan dalam projek ini?

c) Apakah teknologi yang digunakan?

JAWAPAN :

a) Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah menganjurkan bengkel konsultasi awam dengan NGO dan wakil-wakil penduduk untuk mendapatkan pendapat dan pandangan mengenai Projek Sungai Klang.

Inventori guna tanah masih di dalam proses. Proses ini dibahagikan kepada tiga bahagian, dengan bahagian Klang sudah diselesaikan. Bahagian Shah Alam, Subang Jaya dan Petaling Jaya sedang dalam proses pelaksanaan, manakala bahagian Ampang Jaya akan dilaksanakan tidak lama lagi.

Kerajaan Negeri Selangor juga telah menawarkan dokumen 'Request for Business Proposals' (RFP) kepada syarikat-syarikat swasta. Sebanyak 37 syarikat telah membeli dokumen ini, dan 12 daripada syarikat-syarikat tersebut telah menghantar cadangan mereka. Cadangan-cadangan ini sedang dalam proses penilaian oleh *Taksforc*e Projek Sungai Klang dan pakar-pakar untuk pemilihan projek.

Pada masa yang sama, satu pasukan perancang profesional juga sedang dalam proses untuk membuat 'vision plan' projek ini. Pada peringkat ini, pelan sedang dibuat untuk kawasan Klang.

Program yang melibatkan orang awam akan diadakan tidak lama lagi. Kerajaan Negeri sedang bekerjasama dengan sebuah NGO yang berpengalaman luas berkenaan sungai iaitu Global Environment Centre (GEC) untuk menggalakkan penglibatan orang awam dan komuniti di dalam kerja-kerja pembersihan sungai. Pada peringkat berikutnya, Kerajaan Negeri berharap agar mendapat kerjasama sekolah-sekolah, institusi pengajian tinggi (IPT) dan setiap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang berkenaan di sepanjang Sungai Klang.

Berdasarkan jadual kerja yang disediakan oleh Sekretariat Projek, selepas penilaian, cadangan akan dipilih sebelum hujung tahun 2009 dan kerja-kerja pemuliharaan dan pembangunan dijangka akan bermula pada suku pertama 2010.

Projek Sungai Klang dijangka mengambil masa 20 tahun untuk pembersihan dan pembangunan.

b) Kerajaan Negeri Selangor akan memasukkan dana pada mulanya sebagai *start-up funding.* Ini diperuntukkan untuk laporan guna tanah di tiga zon iaitu fasa pertama di Klang, fasa kedua di Shah Alam, Subang Jaya dan Petaling Jaya, dan akhirnya fasa ketiga di Ampang Jaya. Setakat ini, RM200,000 telah diperuntukkan untuk Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), dan RM150,000 untuk Pejabat Tanah dan Galian.

Peruntukan juga dibuat untuk melakukan kempen Pembersihan Sungai Klang. Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan RM50,000 untuk Global Environment Centre (GEC), iaitu sebuah NGO yang akan bekerjasama dengan kumpulan-kumpulan komuniti, kanak-kanak dan belia untuk latihan dan pendidikan tentang kepentingan menjaga kebersihan sungai.

Kerajaan Negeri Selangor juga akan memperuntukkan wang kepada sebuah kumpulan perancang untuk membuat '*vision plan'* pembangunan di pesisir Sungai Klang. Jumlah peruntukan ini belum ditentukan lagi, walaupun kerja sudah pun bermula.

Selain daripada peruntukan ini, Kerajaan Negeri Selangor akan bekerjasama dengan pihak swasta melalui *Private Funding Initiatives* (PFIs) dan *Private-Public Partnership* (PPP). Harga sepenuhnya yang perlu dibiayai oleh Kerajaan Negeri Selangor akan tergantung kepada syarikat yang dipilih oleh Jawatankuasa Sungai Klang, kebolehan syarikat itu untuk memasukkan dana yang tertentu, dan pengurusan di antara pihak Kerajaan Negeri Selangor dan syarikat.

c) Teknologi yang akan diguna pakai adalah bergantung kepada cadangan-cadangan yang diberikan oleh syarikat-syarikat swasta yang berminat di mana penilaian masih dilaksanakan setakat ini. Disebabkan keluasan lembangan Sungai Klang itu sendiri, kemungkinan akan terdapat pelbagai jenis teknologi yang akan digunakan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : KEBAJIKAN ORANG ASLI

197. Kaum Orang Asli adalah golongan ketinggalan berbanding dengan kaum atau masyarakat yang lain.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah jumlah penempatan dan jumlah keseluruhan Orang Asli di Negeri Selangor?

b) Apakah bantuan dan khidmat nasihat yang diberi Kerajaan Negeri kepada Orang Asli?

c) Adakah Kerajaan Negeri bercadang membawa mereka ke `main stream` masyarakat atau mengekalkan mereka dengan keaslian dan menjaga kebajikan mereka?

JAWAPAN :

a)

BIL	DAERAH	KAMPUNG	SUKU KAUM			JUMLAH
			TEMUAN	MAHMERI	SEMAI	
1.	Sepang	15	2,009	713	0	2,722
2.	Kuala Langat	20	1,960	2,453	0	4,413
3.	Klang	3	0	339	0	339
4.	Hulu Langat	9	1,879	5	5	1,889
5.	Gombak	7	1,909	0	60	1,969
6.	Petaling	4	1,184	0	0	1,184
7.	Hulu Selangor	16	2,653	0	207	2,860
	JUMLAH	74	**11,594**	**3,510**	**272**	**15,376**

b) Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan tiada maklumat dari Kerajaan Negeri Selangor.

c) Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan tiada maklumat dari Kerajaan Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)

TAJUK : GALAKAN USAHAWAN BELIA

198. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Apakah perkembangan manifesto untuk menyediakan premis perniagaan yang cukup untuk rakyat?

b) Apakah bentuk-bentuk bimbingan perniagaan yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri kepada golongan belia dan beliawanis sebagaimana dinyatakan di dalam manifesto?

c) Bagaimanakah pelaksanaan dalam memberi galakkan kepada golongan ini dengan sewa minimum atau hanya perlu membayar air dan elektrik untuk dua tahun pertama seperti yang dijanjikan?

JAWAPAN :

a) Manifesto bagi galakan usahawan belia adalah dalam perlaksanaan fasa kedua. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri menggunakan program yang sedia ada bagi merancakkan penglibatan usahawan muda dalam bidang keusahawanan. Menerusi Pembangunan Usahawan, Kerajaan Negeri tidak menyediakan premis kekal kepada para usahawan tetapi Kerajaan Negeri menyediakan peluang seperti menyewa kiosk dan *booth* berdasarkan setiap kali anjuran program.

b) Kerajaan Negeri komited dalam menurunkan kadar peratusan pengangguran di negeri ini. Sehubungan itu, para belia dan beliawanis diberikan bimbingan perniagaan terutamanya berbentuk kemahiran bagi menjana pendapatan. Antara bentuk-bentuk bimbingan yang telah disediakan adalah seperti berikut :

1) Program Belia Tani (Penternakan Ikan Air Tawar)
2) Klinik Frisbee
3) Program Menjana Ekonomi Kelab Belia
4) Kursus Ampang Video *Shooting*
5) Kursus Jahitan Manik

c) Buat masa sekarang, terdapat 24 kiosk disediakan di Pasar raya Giant Shah Alam untuk disewa oleh para usahawan termasuk usahawan belia. Walau bagaimanapun kiosk tersebut hanya digunakan sebagai peluang dan platform kepada usahawan yang baru ingin menceburi bidang perniagaan. Kontrak penyewaannya hanya terhad kepada 2 tahun sahaja. Sewa yang dikenakan adalah murah dan berpatutan dan usahawan tidak perlu membayar sebarang kos air dan elektrik.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)

TAJUK : KEWUJUDAN JALAN-JALAN BERTOL DI KAWASAN PENEMPATAN BARU

199. Kewujudan jalan-jalan baru yang mempunyai tol di kawasan-kawasan penempatan baru akhir-akhir ini semakin banyak terdapat di dalam kawasan Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah usaha yang diambil oleh pihak kerajaan bagi mengawal pihak-pihak berkenaan daripada mengenakan harga tol yang melampau?

b) Apakah terdapat prosedur yang membolehkan pihak Kerajaan Negeri mengawal harga tol yang dikenakan oleh pihak konsesi / pemaju yang bertanggungjawab membina jalan raya tersebut?

JAWAPAN :

a) Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 22 Oktober 2009 telah menolak soalan ini

b) Pada ketika ini, tidak ada prosedur yang membolehkan pihak Kerajaan Negeri mengawal harga tol yang dikenakan oleh pihak konsesi kepada pengguna jalan raya di Negeri Selangor memandangkan ianya adalah di bawah bidang kuasa pihak Kerajaan Persekutuan .

Dalam hal ini, walaupun ianya di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri, perbincangan-perbincangan berkaitan akan terus diadakan di antara kedua-dua pihak dalam usaha menjaga kepentingan rakyat secara keseluruhan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : BADAN KEBAJIKAN ISTERI-ISTERI WAKIL RAKYAT SELANGOR

200. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini proses pembubaran BALKIS?

b) Sila nyatakan apakah langkah susulan yang bakal diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap permasalahan BALKIS?

JAWAPAN :

a) Mahkamah Tinggi membenarkan pihak plaintif mencabar Pendaftar Pertubuhan untuk membatalkan Pendaftaran BALKIS. Mahkamah mengarahkan penangguhan sehingga kes ini di disposkan. Pada masa yang sama mahkamah membenarkan Wawasan BALKIS terus beroperasi sehingga keputusan perundangan.

b) Sebarang tindakan susulan akan bergantung pada keputusan mahkamah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)

TAJUK : PENGANGGURAN

201. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Apakah jumlah pengangguran mengikut komposisi kaum di kalangan rakyat Negeri Selangor?

b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mengurangkan kadar pengangguran di Negeri Selangor pada masa kini?

JAWAPAN :

a) Melalui data daripada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Selangor, jumlah pemberhentian pekerja di Selangor daripada 1 Januari 2009 hingga 30 Oktober 2009 adalah seramai 5,439 orang yang terdiri daripada 4,003 pekerja tempatan manakala baki 1,436 adalah pekerja asing.

Daripada 4,003 pekerja tempatan, seramai 2,117 adalah pekerja lelaki dan 1,886 adalah pekerja perempuan, manakala bagi 1,436 pekerja asing yang terlibat, 456 adalah pekerja lelaki dan 980 adalah pekerja wanita.

Sektor pembuatan merekodkan jumlah tertinggi pemberhentian pekerja iaitu seramai 2,774 orang diikuti oleh sektor perkhidmatan seramai 792 orang. Berikut adalah statistik pemberhentian pekerja mengikut sektor :

Pemberhentian Pekerja Di Negeri Selangor Mengikut Sektor Ekonomi

BIL	SEKTOR	JUMLAH
1.	**SEKTOR UTAMA**	
	Pertanian, Pemburuan dan Perhutanan	5
	Perlombongan dan Kuari	48
	Jumlah Sektor Utama	***53***
2.	**SEKTOR PERINDUSTRIAN**	
	Pembuatan	2774
	Pembinaan	219
	Jumlah Sektor Perindustrian	***2,993***
3.	**SEKTOR PERKHIDMATAN**	
	Bekalan Elektrik, Gas dan Bekalan Air	150
	Perdagangan Borong dan Runcit, Kenderaan Bermotor, Motosikal, Barangan Persendirian, Isi Rumah	363
	Hotel dan Restoran	48
	Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi	193
	Kewangan	15
	Aktiviti Hartanah, Penyewaan dan Perniagaan	739
	Jumlah Perkhidmatan	***1,508***
4.	**PERKHIDMATAN LAIN**	
	Pentadbiran dan Pertahanan Awam, Keselamatan dan Sosial Wajib	90
	Kesihatan dan Kerja Sosial	3
	Aktiviti Perkhidmatan Komuniti, Sosial dan Persendirian Lain	792
	Jumlah Perkhidmatan Lain	***885***
	JUMLAH	**5,439**

Sumber: Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Selangor

Walau bagaimanapun, jumlah pemberhentian ini tidak dapat dikategorikan mengikut komposisi kaum, melainkan dikategorikan mengikut sektor sahaja.

b) Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam mengurangkan kadar pengangguran di Negeri Selangor ialah dengan membangunkan *Selangor Retrenchment Helpline* (SRH) , hasil kerjasama Pusat Teknologi, Maklumat dan Komunikasi (ICT) Negeri Selangor dengan syarikat Jobstreet.Com Sdn. Bhd (Jobstreet). Ia bertujuan untuk mengumpul maklumat pekerja yang diberhentikan di negeri Selangor dan dalam pada masa yang sama membantu pekerja tersebut mendapatkan peluang-peluang kerjaya yang baru melalui penyuaipadanan (*match-making*) dengan syarikat-syarikat sedia ada yang berdaftar dengan Jobstreet.

Melalui sistem ini, pekerja yang diberhentikan boleh mendaftar dengan percuma melalui laman web *www.selangor.gov.my*. Kata laluan dan kata kunci (password) akan diberi bagi memudahkan penggunaan sistem tersebut di mana-mana tempat yang mempunyai jaringan internat. Setelah pendaftaran dilakukan, sistem akan menapis (*filtering*) maklumat yang diterima dan akan dipadankan (*match-make*) dengan kekosongan jawatan di dalam syarikat-syarikat yang telah sedia ada berdaftar. Tawaran kekosongan jawatan tersebut akan dibuat melalui e-mel pengguna dan sistem pesanan ringkas (SMS) berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh pengguna.

Selain itu, menerusi program ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) turut menawarkan bantuan menerusi program sedia ada kepada mereka yang benar-benar layak. Antara bentuk bantuan yang boleh diberikan termasuklah bantuan kewangan bulanan, bantuan kewangan rawatan, bantuan sewa rumah dan bantuan pendidikan anak-anak. Mereka yang layak akan diberi bantuan mengikut kadar sedia ada serta pemantauan dalam tempoh masa enam (6) bulan.

Kerajaan Negeri turut menawarkan peluang latihan kepada pekerja yang diberhentikan atau yang berkemungkinan diberhentikan melalui institusi –institusi latihan di Negeri Selangor yang telah mendapat pengiktirafan dan pentauliahan daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia, sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia. Kos latihan akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Sumber Manusia yang akan mengambil masa satu (1) hingga enam (6) bulan mengikut modul kursus. Di samping itu, para pelatih juga akan turut diberi elaun minima sebanyak RM500.00 hingga maksimum RM800.00 sebulan bergantung kepada kelayakan status sama ada bujang ataupun telah berkahwin bagi meringankan beban menjalani kehidupan seharian. Dengan latihan yang diberikan ini membolehkan mereka diserap ke sektor yang masih memerlukan pekerja seperti sektor pelancongan, perhotelan dan perladangan. Ia juga dilihat antara langkah yang dapat mengurangkan kos operasi majikan yang terlibat sekali gus mengelakkan kemungkinan pekerja-pekerja diberhentikan.

Selain itu, Kerajaan Negeri di bawah **Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan** yang dipengerusikan oleh YB Puan Dr. Halimah Binti Ali dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri Selangor akan melaksanakan **Program Jom Kerja** di seluruh daerah di negeri Selangor dengan lokasi pertama ialah di Sekinchan, Selangor pada 7 – 8 November 2009.

Melalui program ini, syarikat-syarikat yang berminat akan mendaftar dengan pihak JTK Selangor dan menyertai program ini dengan mengadakan *walk-in interview*. Selain membantu menyediakan peluang kerjaya kepada masyarakat di Negeri Selangor khusus terhadap golongan belia dan ibu tunggal ia juga dapat membantu Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha meminimumkan gejala sosial di Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : HASIL PASIR

202. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Apakah pulangan dari segi royalti, dividen dan bayaran kepada kerajaan negeri, agensi-agensinya serta anak-anak syarikat kerajaan yang terkini sehingga suku ketiga tahun ini hasil daripada industri perlombongan sumber-sumber semulajadi?

JAWAPAN :

a) Pulangan dari segi royalti bagi suku ketiga tahun 2009 ialah RM5.69 juta (2008: RM1.53 juta dan 2009: RM4.16 juta).

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)

TAJUK : PEMBANGUNAN SEMULA BANDAR

203. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Usaha pembangunan semula bandar-bandar seperti Petaling Jaya, Kelang dan Kajang akan melibatkan isu-isu perundangan. Adakah Kerajaan Negeri sudah kenal pasti pindaan-pindaan yang perlu dalam Akta-akta dan Undang-undang Kecil bagi melicinkan usaha pembangunan semula kelak?

b) Apakah proses yang akan dilakukan dalam rancangan pembangunan semula bandar-bandar agar ia mendapat sokongan serta kejayaan?

JAWAPAN :

a) Pembangunan semula bandar merupakan salah satu daripada Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor yang telah diumumkan pada 10 Mac 2009. Kerajaan Negeri akan memberi fokus pembangunan semula bandar ini terutama di kawasan Petaling Jaya, Klang, Ampang Jaya dan Kajang memandangkan kawasan tersebut membangun dengan begitu pesat dan terdapat kawasan-kawasan lama yang telah usang dan tidak mampu untuk bersaing dengan pembangunan sekitar yang kian membangun.

Kerajaan Negeri sedang mengenal pasti kawasan untuk program pembangunan semula bandar. Sekiranya terdapat perkara yang melibatkan undang-undang, Kerajaan Negeri akan mengkaji mengenai Akta-akta dan Undang-undang yang berkaitan dengannya.

Namun demikian, setelah beberapa siri mesyuarat dan perbincangan pembangunan semula bandar yang telah diadakan, Kerajaan Negeri telah memilih kawasan Petaling Jaya sebagai fokus untuk pembangunan semula bandar. Petaling Jaya telah mengalami pertumbuhan pembangunan bermula pada tahun 1950-an dan sehingga kini keluasan kawasan Petaling Jaya meliputi 97.2 kilometer persegi dengan tampungan penduduk seramai lebih kurang 600,000 orang. Petaling Jaya yang bersebelahan dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur juga turut menerima limpahan pembangunan dan perlu bersaing untuk memastikan pembangunan yang lebih kompetitif.

Bagi merealisasikan pembangunan semula bandar di Petaling Jaya, Kerajaan Negeri telah menjemput Juru Perunding Perancang Bandar dan kepakaran-kepakaran yang berkaitan untuk bekerjasama dengan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor dan Dato' Bandar MBPJ bagi mengenal pasti kawasan terpilih di dalam Petaling Jaya dengan mengemukakan Kertas Kerja Konsep Pembangunan Semula Bandar Petaling Jaya.

Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Pembangunan Semula Bandar yang dipengerusikan oleh Y.B. Dr Cheah Wing Yin. Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri juga telah meluluskan sejumlah peruntukkan bagi pihak Jawatankuasa mengadakan Seminar Antarabangsa 'Urban Regeneration' – Towards Selangor's Sustainable Future pada 30 November hingga 1 Disember 2009. Pakar-pakar yang berkaitan dengan pembangunan semula bandar dari negara-negara luar seperti Singapura, USA, Brisbane dan Australia turut dijemput untuk berkongsi idea dan cadangan dalam usaha untuk memastikan pembangunan semula dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Bagi kawasan Klang, pihak Kerajaan Negeri melalui Pasukan Kajian Pengindahan dan Pemeliharaan Sungai Klang telah pun menjalankan Kajian Inventori dan Gunatanah bagi jajaran Sungai Klang di dalam pentadbiran Majlis Perbandaran Klang sepanjang 21 kilometer 50 meter kiri dan kanan tebing sungai.

Kerajaan Negeri begitu komited untuk melihat di kedua-dua kawasan ini iaitu Petaling Jaya dan Klang terus membangun dengan lebih terancang dan sistematik.

Secara ringkasnya, pihak Kerajaan Negeri begitu yakin dan bersungguh-sungguh untuk merealisasikan agenda pembangunan semula bandar ini dan mendapat sokongan penuh semua pihak berkepentingan.

b) Kerajaan Negeri akan mengadakan seminar untuk memberi penjelasan konsep-konsep dan falsafah-falsafah pembangunan semula bandar. Pembangunan semula bandar ke arah pembangunan mampan, nilai tambah ekonomi yang tinggi, infrastruktur dan utiliti yang lebih baik. Banyak negara lain telah melaksanakan pembangunan semula bandar seperti Singapura, Korea, Hong Kong, Japan dan Australia.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)

TAJUK : PENGURUSAN SISA PEJAL DOMESTIK

204. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Apakah dasar kerajaan terhadap pengurusan sisa pejal domestik?

b) Apakah rancangan kerajaan dalam pengurusan dan pemuliharaan tapak pelupusan sisa pejal terbuka(open dumping site) yang merupakan punca pencemaran yang serius?

c) Apakah tindakan yang diambil untuk mencegah pembuangan sisa pejal dan sisa pukal di tempat-tempat terbuka?

JAWAPAN :

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)

TAJUK : PEGAWAI KONTRAK

205. Kami difahamkan bahawa ramai yang berkhidmat lebih lima tahun dalam agensi-agensi kerajaan masih memegang jawatan sebagai pegawai (staff) kontrak.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Apakah syarat-syarat bagi memastikan seorang pekerja itu diterima dalam jawatan tetap(permanent)?

b) Apakah alasan-alasan untuk tidak menawarkan jawatan kekal pada mereka yang berkhidmat lama dengan agensi-agensi ini.

JAWAPAN :

a) Bagi permohonan jawatan tetap, individu yang berkenaan haruslah mematuhi semua syarat-syarat kelayakan skim perkhidmatan yang dipohon. Syarat-syarat yang lain juga terkandung di dalam peruntukan Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005. Namun begitu, syarat-syarat ini adalah berbeza mengikut skim perkhidmatan dan gred jawatan yang dipohon.

   Bagi jawatan Pengurusan Dan Profesional, individu terbabit mestilah mengemukakan permohonan ke Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia(SPA). Manakala bagi jawatan skim sokongan, permohonan hendaklah dibuat di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor.

b) Bagi masalah kakitangan berstatus lantikan kontrak, mereka ini adalah kumpulan kakitangan yang dilantik sebagai tambahan kepada waran perjawatan sedia ada. Memandangkan waran perjawatan sedia ada telah penuh di isi maka kumpulan kakitangan lantikan secara kontrak diambil untuk menampung beban tugas yang semakin bertambah.

   Namun begitu, kakitangan lantikan kontrak boleh memohon jawatan tetap jika terdapat kekosongan waran perjawatan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)

TAJUK : KONTRAKTOR ALAM FLORA

206. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah kontraktor Alam Flora (dilantik oleh Kerajaan Negeri sejak Mac 2008) yang telah ditukar ataupun ditamatkan oleh semua PBT kerana prestasi yang tidak memuaskan?

b) Apakah sistem ataupun KPI yang diguna pakai untuk memantau prestasi kontraktor Alam Flora ini?

c) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kos pemantauan yang dibayar kepada Alam Flora?

JAWAPAN :

a)

b) Sistem pemantauan yang digunakan untuk menilai prestasi kontraktor Alam Flora adalah seperti disenaraikan di bawah. Walaubagaimanapun, spesifikasi kerja adalah berbeza mengikut keperluan dan kemampuan kewangan setiap PBT.

Spesifikasi kutipan secara amnya adalah seperti berikut:-

- Premis kediaman 3 kali seminggu berselang dari rumah ke rumah.
- Premis perniagaan 6 kali seminggu dari kebuk sampah atau pusat tong.
- Rumah pangsa 6 kali seminggu dari pusat tong.
- Pasar awam 7 kali seminggu dari pusat tong.

Spesifikasi pembersihan awam secara amnya adalah seperti berikut:-

- Sapuan jalan di kawasan komersial/perniagaan, protokol dan utama 6 kali seminggu.
- Sapuan jalan di kawasan perumahan 2 kali sebulan.
- Sapuan padang permainan 6 kali sebulan.
- Membersih longkang di kawasan komersial/perniagaan, protokol dan utama 6 kali seminggu.
- Membersih longkang di kawasan perumahan 2 kali sebulan.
- Membersih longkang monson 2 kali sebulan.
- Potong rumput di kawasan komersial/perniagaan, protokol dan utama 2 hingga 3 kali sebulan.
- Potong rumput di kawasan perumahan 2 kali sebulan.
- Potong rumput di kawasan lapang dan taman permainan 2 hingga 3 kali sebulan.
- Membersih perhentian bas/teksi 6 kali seminggu

- Membersih perangkap sampah dan log boom 6 kali seminggu
- Membersih pasar malam mengikut setiap kali pasar malam diadakan.

c)

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)

TAJUK : TANAH PERKUBURAN

207. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah tanah perkuburan di Selangor yang telah penuh dan berapakah tanah yang baru akan dibuka untuk dijadikan tanah perkuburan?

b) Sila nyatakan lokasi-lokasi tanah perkuburan yang telah penuh serta lokasi tanah perkuburan yang bakal dibuka.

c) Siapakah yang akan Kerajaan Negeri serahkan hak pengurusan untuk mengendalikan tanah perkuburan baru tersebut?

JAWAPAN :

a) Jawapan seperti di **Lampiran A**.

b) Jawapan seperti di **Lampiran A.**

c) Bagi hak pengurusan bagi mengendalikan tanah perkuburan Islam, Kerajaan Negeri telah memutuskan melalui Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Selangor pada 31 Januari 2007 MMK ke 4/2007 menyatakan bahawa hal –hal pengurusan tanah perkuburan Islam adalah di bawah Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS) dan Pihak Berkuasa Tempatan(PBT). Bagi pengurusan tanah perkuburan bukan Islam adalah di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (penyediaan infrastruktur).

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : PROJEK PENGHUTANAN SEMULA 10,000 HEKTAR KAWASAN DI BUKIT TAREK DAN RANTAU PANJANG DI BAWAH PKPS

208. Projek ini dipajakkan kepada enam buah syarikat persendirian pada harga yang terlalu rendah seperti RM10/Ha setahun bagi tahun 1 – 6. Jika kawasan ini tidak dipajakkan kepada syarikat persendirian berkenaan selama 50 tahun, PKPS berkemungkinan mendapat kesemua pendapatan jualan getah balak dan sentang:

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Berapa banyakkah pendapatan yang hilang daripada PKPS kesan daripada pajakan 50 tahun kepada syarikat-syarikat persendirian ini?

b) Apakah asas-asas Jemaah Ahli-ahli PKPS pada masa itu untuk memberikan pajakan kepada syarikat-syarikat persendirian?

c) Apakah kerajaan berhasrat untuk mengambil alih pengurusan perhutanan semula di kawasan tersebut?

JAWAPAN :

a) Pada asalnya tanah tersebut merupakan kawasan hutan simpan milik Kerajaan Negeri Selangor yang diusahakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor untuk program penghutanan semula ladang hutan akasia. Setelah projek tersebut ditamatkan, tanah tersebut diberikan secara pajakan kepada PKPS.

PKPS memperoleh pendapatan melalui royalti balak dan hasil ladang sebanyak 4 peratus. Manakala syarikat pemajak dikehendaki membayar cukai-cukai kepada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor yang mana kadarnya ditetapkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor.

Jangkaan pulangan kepada PKPS bagi tempoh 2001-2024 adalah sebanyak RM 40,050,613/-. Jumlah ini diperoleh daripada hasil pajakan tanah, royalti balak dan royalti hasil ladang. Pendapatan ini adalah 3.7% daripada pendapatan syarikat-syarikat pemajak iaitu berjumlah RM 1,068,795,989/-

b) Asas-asas pemilihan oleh Jemaah Ahli-ahli PKPS adalah berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:-

1) Kelulusan yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor.
2) Kemampuan kewangan syarikat.
3) Sumber tenaga kerja yang ramai
4) Berpengalaman dan mempunyai pengetahuan dalam melaksanakan projek penghutanan semula.

c) Cadangan pengambilalihan pengurusan penghutanan semula ini perlu diteliti secara mendalam memandangkan PKPS dan syarikat-syarikat pemajak mempunyai dokumen perjanjian konsesi jangka panjang. PKPS bersama-sama Kerajaan Negeri sedang meneliti dan mengkaji dokumen perjanjian konsesi yang ada bagi melihat sebarang kemungkinan tindakan boleh diambil terhadap PKPS.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)

TAJUK : KEDUDUKAN KEWANGAN NEGERI

209. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

a) Perjelaskan secara terperinci sumber kewangan Kerajaan Negeri bagi melaksanakan projek pembersihan sungai Klang pada setiap fasa.

b) Terdapat aduan yang mengatakan tender ditutup terlalu cepat hingga ramai pelabur ketinggalan, apakah kerajaan bercadang membuka semula tender ini?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri Selangor akan memasukkan dana pada mulanya sebagai *start-up funding.* Ini diperuntukkan untuk laporan guna tanah di tiga zon iaitu fasa pertama di Klang, fasa kedua di Shah Alam, Subang Jaya dan Petaling Jaya, dan akhirnya fasa ketiga di Ampang Jaya. Setakat ini, RM200,000 telah diperuntukkan untuk Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), dan RM150,000 untuk Pejabat Tanah dan Galian.

Peruntukan juga dibuat untuk melakukan kempen Pembersihan Sungai Klang. Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan RM50,000 untuk Global Environment Centre (GEC), iaitu sebuah NGO yang akan bekerjasama dengan kumpulan-kumpulan komuniti, kanak-kanak dan belia untuk latihan dan pendidikan tentang kepentingan menjaga kebersihan sungai.

Kerajaan Negeri Selangor juga akan memperuntukkan wang kepada sebuah kumpulan perancang untuk membuat '*vision plan'* pembangunan di pesisir Sungai Klang. Jumlah peruntukan ini belum ditentukan lagi, walaupun kerja sudah pun bermula.

Selain daripada peruntukan ini, Kerajaan Negeri Selangor akan bekerjasama dengan pihak swasta melalui *Private Funding Initiatives* (PFIs) dan *Private-Public Partnership* (PPP). Harga sepenuhnya yang perlu dibiayai oleh Kerajaan Negeri Selangor akan tergantung kepada syarikat yang dipilih oleh Jawatankuasa Sungai Klang, kebolehan syarikat itu untuk memasukkan dana yang tertentu, dan pengurusan di antara pihak Kerajaan Negeri Selangor dan syarikat.

b) Proses yang diikuti oleh kerajaan negeri Selangor adalah mengikut proses yang biasanya diamalkan untuk tender. Sebenarnya, terdapat sebanyak 37 syarikat yang membeli dokumen untuk tender (Request for Proposal). Setakat ini tiada rancangan untuk membuka semula tender untuk projek pembersihan dan pembangunan Sungai Klang.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)

TAJUK : RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM

210. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Senaraikan jumlah rumah ibadat bukan Islam yang telah memperoleh kelulusan mengikut pecahan PBT daripada tahun 2008-2009.

a) Senaraikan jumlah peruntukan yang telah diberikan kepada rumah ibadat bukan Islam daripada tahun 2007-2009.

c) Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi memastikan bahawa perancangan tempatan akan mengambil kira keperluan rumah ibadat bukan Islam?

JAWAPAN :

a) Sehingga Disember 2009, sebanyak 78 permohonan pelupusan tanah bagi rumah-rumah ibadat telah diluluskan di dalam Mesyuarat Hal Ehwal Selain Islam Negeri Selangor. Berikut adalah pecahan mengikut daerah:-

PTD	**2008**			**2009**		
	Kuil	Tokong	Gereja	Kuil	Tokong	Gereja
Petaling	9	1	3	5	1	1
Klang	7	7	-	2	1	-
Gombak	3	-	-	2	-	2

PTD	2008			2009			
	Kuil	Tokong	Gereja	Kuil	Tokong	Gereja	Gudwara
Sepang	1	2	-	1	-	-	-
Hulu Langat	2	4	4	2	-	-	-
Hulu Selangor	-	-	-	4	-	-	3
Sabak Bernam	-	1	-	-	1	1	-
Kuala Langat	2	1	2	-	2	-	-
JUMLAH	**24**	**16**	**9**	**16**	**5**	**4**	**3**

b) Kerajaan Negeri telah mengagihkan sebanyak RM 8,095,900 juta dari tahun 2007 hingga 2009 untuk rumah ibadat selain Islam. Peruntukan ini diagihkan kepada setiap rumah ibadat selain Islam yang memohon. Peruntukan ini juga adalah untuk tujuan baik pulih bangunan sedia ada, pendidikan keagamaan dan sumbangan bagi tujuan pemindahan/dirobohkan. Berikut adalah pecahan peruntukan mengikut tahun:-

Tahun	Peruntukan
2007	RM 2,976,900.00
2008	RM 363,500.00
2009	RM 4,755,500.00
JUMLAH	**RM 8,095,900.00**

c) Kerajaan Negeri telah mensyaratkan bagi setiap projek perancangan pembangunan di sesuatu kawasan dengan majoriti penduduk seramai 2600 bukan Islam atau 5000 penduduk secara keseluruhannya perlu disediakan satu tapak sebagai rizab simpanan keagamaan bagi tujuan pembinaan rumah ibadat. Perkara ini telah ditetapkan di dalam Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD).

Sebagai tambahan, Kerajaan Negeri juga telah menetapkan garis panduan berhubung pembinaan rumah ibadat selain Islam di mana, tapak rumah-rumah ibadat tersebut tidak boleh didirikan di sekitar loji kumbahan atau pencawang TNB. Rumah-rumah ibadat tersebut juga tidak boleh didirikan di atas kawasan lapang.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)

TAJUK : JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KEMAJUAN KAMPUNG

211. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah perancangan kerajaan bagi memantapkan lagi fungsi JKKK.

b) Adakah kerajaan berhasrat menyediakan sedikit peruntukan bagi menggerakkan aktiviti JKKK.

JAWAPAN :

a) Perancangan Kerajaan Negeri dalam memantapkan lagi fungsi JKKK adalah menjalankan kursus-kursus dan seminar-seminar kepada JKKK mengikut kelemahan yang dimiliki oleh setiap JKKK dan keperluan dari Kerajaan Negeri.

b) Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM5,000,000.00 bagi mewujudkan projek-projek untuk pembangunan ekonomi luar bandar Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)

TAJUK : PERKHIDMATAN BUS KOMUNITI DI MBPJ

212. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Secara purata berapakah ramai penduduk yang menggunakan bus komuniti setiap bulan?

b) Adakah konsep bas komuniti akan dilaksanakan di PBT lain? Mengapa?

JAWAPAN :

a) Bas Komuniti ini disediakan bertujuan memberi perkhidmatan kepada golongan berpendapatan rendah warga emas secara percuma di Petaling Jaya. Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mempunyai 2 buah Bas Komuniti untuk di kawasan Utara Petaling Jaya (PJU) dan kawasan Selatan Petaling Jaya (PJS).

Purata sebulan penumpang yang menggunakan bas komuniti setiap bulan bagi kawasan PJU adalah seramai 1,000 orang penumpang dan kawasan PJS seramai 1,500 orang penumpang.

b) Kerajaan Negeri bercadang untuk memperluaskan di sekitar Lembah Klang Perkhidmatan Bas Komuniti dan semua PBT namun demikian penelitian sedang di jalankan bagi melihat impak terhadap kewangan PBT berikutan ianya melibatkan kos. Walau bagaimanapun bagi PBT yang mempunyai kewangan yang kukuh Kerajaan Negeri tiada halangan dalam pelaksanaan perkhidmatan Bas Komuniti seperti ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : PELUANG PEKERJAAN DAN HARTANAH

213. Bandar Baru Bangi mempunyai polisi mengutamakan dari segi peluang pekerjaan dan membeli hartanah kepada penduduk tempatan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Sejauh manakah pihak pengusaha hartanah terutama PKNS berunding dengan Wakil Rakyat dan Persatuan penduduk bagi memberi keutamaan penduduk setempat memiliki hartanah, khususnya premis kedai?

b) Berapakah jumlah bangunan komersil – termasuk kilang di Bandar Baru Bangi?

c) Berapakah jumlah dan peratusan pemilikan yang dijual kepada pembeli tempatan?

JAWAPAN :

a) PKNS menjual rumah secara terbuka dengan mengiklankan di media di mana , tawaran jualan dibuat secara 'siapa cepat dia dapat'. Sekiranya terdapat lebihan permintaan PKNS akan menggunakan sistem mata di mana mata tambahan diberikan kepada penduduk setempat, bumiputera, pemilikan harta pertama dan keupayaan kewangan

b) Bangunan Komersial di Bandar Baru Bangi

Bangunan (Kedai)	**Unit**	**Status Jualan**
Bumiputra	349	76 peratus
Bukan Bumiputra	112	24 peratus
Jumlah	**461**	**100 peratus**

Bangunan (Kilang)	**Kilang**	**Status Jualan**
Bumiputra	167	45 peratus
Bukan Bumiputra	205	55 peratus
Jumlah	**372**	**100 peratus**

c) Jumlah Peratusan pemilikan yang dijual kepada **pembeli tempatan ialah 95 peratus**.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)

TAJUK : PRESTASI PENGURUSAN SAMPAH (SISA PEPEJAL)

214. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri menerusi Pihak Berkuasa Tempatan untuk meningkatkan tahap pengurusan sampah (sisa pepejal) terutama di kawasan bermasalah seperti di Jalan Teratai, Meru?

b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi meningkatkan prestasi kontraktor kutipan dan pembersihan di Negeri Selangor khususnya di Daerah Klang yang menghadapi masalah pembayaran lewat?

c) Bagaimanakah Kerajaan Negeri mengagihkan kerja-kerja kutipan dan pembersihan ini supaya ia berjalan dengan baik dan telus?

JAWAPAN :

a) Kebanyakan sampah yang dibuang di kawasan ini merupakan sampah yang dibuang oleh pekerja-pekerja kilang yang berhampiran, Majlis mengambil tindakan seperti :

1. Bekerjasama dengan pekilang-pekilang yang berdekatan untuk menjaga kebersihan dengan mengadakan :-

   1.1 Taklimat kepada semua pekerja kilang terbabit tentang kepentingan menjaga kebersihan.

   1.2 Meletakkan tong sampah berdiri (standing Bin) yang akan disumbang oleh kilang Top-Glove disepanjang laluan bagi memudahkan pekerja kilang membuang sampah.

2. Menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan seperti notis dan kompaun.

b) Diantara langkah-langkah yang telah diambil ialah:

1) Berbincang dengan kontraktor agar manjalankan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan kawasan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dan sekiranya gagal, tindakan pemotongan bayaran atau penamatan kerja akan diambil.

2) Mempercepatkan proses bayaran tertunggak sekiranya semua dokumen yang diperlukan telah disediakan oleh pihak kontraktor.

3) Memastikan setiap kontraktor menghantar tuntutan bayaran dengan segera setelah mendapat Inden.

c) Pengagihan kerja kutipan dan pembersihan ini terletak sepenuhnya pada Alam Flora Sdn Bhd (AFSB). AFSB bertanggungjawab untuk menyaring syarikat-syarikat yang ingin melaksanakan kerja di PBT mengikut proses pemilihan dan kriteria yang ketat.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui PBT boleh meminta AFSB menukarkan kontraktor yang tidak melaksanakan kerja pengutipan sampah dan pembersihan awam mengikut spesifikasi kerja yang telah ditetapkan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)

TAJUK : KERJASAMA DI ANTARA JKKK DAN ADUN

215. Kerjasama yang erat di antara JKKKK dengan ADUN di kawasan yang diwakili adalah amat penting bagi memastikan maklumat pemerintahan Kerajaan Negeri sampai pada peringkat akar umbi.

a) Apakah prosedur / syarat-syarat kelayakan bagi setiap calon JKKK yang menjadi orang kanan kepada setiap ADUN di dalam sesuatu kawasan?

b) Bagaimanakah peranan seorang JKKK di dalam memastikan mereka sentiasa menyokong kepada pentadbiran ADUN kawasan tersebut?

c) Siapakah yang memantau / mengambil tindakan sekiranya JKKK di kawasan tersebut tidak mahu bekerjasama dengan ADUN kawasan tersebut?

JAWAPAN :

a) Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK) hendaklah terdiri daripada seorang Pengerusi iaitu Ketua Kampung, seorang Setiausaha, seorang Bendahari dan ahli-ahli yang lain. Jumlah keanggotaan JKKK hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya lima (5) orang dan tidak melebihi lima belas (15) orang.

Berikut adalah prosedur / syarat-syarat kelayakan bagi setiap calon JKKK :

1) Pengerusi JKKK / Ketua Kampung.
   i) Warganegara Malaysia;
   ii) Berumur di antara 30 – 65 tahun;
   iii) Hendaklah tahu membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia, kecuali bagi Pengerusi JKKK / Ketua Kampung bukan Melayu memadailah ia tahu bertutur Bahasa Melayu;
   iv) Hendaklah telah berumah tangga (beristeri) di dalam kampung itu dan telah bermastautin dalam kampung sekurang-kurangnya dua (2) tahun. Bagi kampung yang baru dibina, syarat ini boleh dilonggarkan mengikut budi bicara Pegawai Daerah;
   v) Hendaklah ia bekerja sendiri di kampung berkenaan itu ataupun menjalankan pekerjaan lain tetapi yang difikirkan masa dan tenaganya yang berpatutan bagi jawatan sebagai Pengerusi JKKK / Ketua Kampung;
   vi) Hendaklah ia seorang yang bukan kakitangan Kerajaan; dan
   vii) Hendaklah ia berkelakuan baik.

2) Ahli JKKK.
   i) Warganegara Malaysia;
   ii) Hendaklah berumur tidak kurang 21 tahun tetapi tidak lebih daripada 65 tahun;
   iii) Mempunyai peribadi yang baik, dihormati dan disegani oleh orang-orang kampung;
   iv) Mempunyai tahap kesihatan yang memuaskan untuk menjalankan tugas. Sekiranya telah berumur 50 tahun ke atas, laporan perubatan diperlukan untuk setiap lantikan;
   v) Bersih daripada apa-apa kesalahan jenayah dan apa-apa bentuk rupa kejahatan kecuali mereka yang pernah terlibat dengan jenayah telah diakui bersih oleh Pegawai Daerah dah Ahli Dewan Negeri Parti Pemerintah;
   vi) Sekurang-kurangnya tahu membaca atau menulis Bahasa Kebangsaan kecuali Ahli JKKK yang bukan Melayu dan boleh bertutur Bahasa Melayu; dan
   vii) Bermastautin di kampung tersebut secara berterusan.

b) Peranan seorang JKKK di dalam memastikan mereka sentiasa menyokong kepada pentadbiran ADUN kawasan tersebut adalah dengan memastikan segala arahan yang diarahkan oleh ADUN kawasan hendaklah diikuti atau dipatuhi oleh JKKK dengan jayanya supaya pentadbiran sesebuah kampung dapat berjalan dengan lancar seiring dengan pemerintahan Kerajaan Negeri.

c) Penghulu-penghulu Mukim adalah pegawai yang akan memantau prestasi-prestasi JKKK bagi setiap kampung di bawah jagaan mereka. Tindakan juga akan diambil oleh Penghulu Mukim terhadap JKKK sekiranya terdapat JKKK yang tidak mahu bekerjasama dengan ADUN dari kawasan yang terlibat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : PERBANDARAN SELESA DAN BERTARAF ANTARABANGSA

216. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Sila nyatakan apakah ciri-ciri utama bagi sesuatu perbandaran yang layak dikategorikan sebagai perbandaran selesa dan bertaraf antarabangsa?

b) Sila nyatakan setakat ini perbandaran manakah yang sudah memenuhi ciri-ciri tersebut?

c) Sila nyatakan apakah langkah-langkah proaktif yang bakal dilaksanakan oleh PBT untuk memastikan perbandaran di Negeri Selangor dapat mencapai tahap tersebut dalam jangka masa yang terdekat?

JAWAPAN :

a) Ciri-ciri utama atau teras sesuatu perbandaran adalah berdasarkan kepada Dasar Perbandaran Negara iaitu pembangunan perbandaran yang efisien dan mampan, pembangunan ekonomi bandar yang kukuh, dinamik dan berdaya saing, sistem pengangkutan bandar yang bersepadu, penyediaan perkhidmatan bandar, infrastruktur dan utiliti yang berkualiti, pewujudan persekitaran kehidupan yang sejahtera dan beridentiti serta tadbir urus bandar yang efektif. Dengan berlandaskan enam teras di atas usaha ke arah pencapaian matlamat perbandaran selesa dan bertaraf antarabangsa akan tercapai.

b) Setakat ini, masih belum ada perbandaran di Selangor yang diiktiraf sebagai perbandaran selesa dan bertaraf antarabangsa. Walau bagaimanapun, Perbandaran di Selangor sedang dalam proses perubahan dan penambahbaikan ke arah perbandaran selesa dan bertaraf antarabangsa. Perbandaran terbaik di Malaysia ialah Bandar raya Kuala Lumpur iaitu berada di tangga 75 seperti mana yang dilaporkan melalui Kajian ' Mercer Human Resource Consulting Quality of Living Survey' 2009.

c) Untuk memastikan perbandaran di Negeri Selangor dapat mencapai tahap tersebut dalam jangka masa yang terdekat PBT telah mengambil inisiatif dengan mengadakan hubungan kerjasama bagi melaksanakan langkah-langkah proaktif yang menjadi tanggungjawab bersama antara pelbagai kementerian, jabatan dan agensi terbabit. Agensi yang dikenal pasti perlu menterjemahkan teras atau dasar tersebut ke dalam program dan projek masing-masing seperti Program Local Agenda 21, Program Pembangunan Mampan dan lain-lain yang akan memberi implikasi kewangan untuk dijadikan sebagai asas bagi mendapatkan bajet tahunan dan Rancangan Malaysia Lima Tahun. Pemantauan pelaksanaan dasar dan peruntukan yang mencukupi perlu diadakan untuk memastikan Dasar Perbandaran Negara dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)

TAJUK : JUMLAH PARA PENDUDUK

217. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah jumlah para penduduk di Negeri Selangor setakat hari ini?

b) Berapakah jumlah penduduk mengikut kaum di Negeri Selangor setakat hari ini?

c) Berapakah jumlah penduduk Negeri Selangor yang berumur 21 tahun dan lebih di Negeri Selangor?

JAWAPAN :

a) Anggaran pertumbuhan penduduk di negeri Selangor adalah pada kadar 2.1%. Berdasarkan anggaran ini, penduduk Negeri Selangor pada tahun 2008 adalah berjumlah 5.071 juta orang dan pada tahun 2009 telah meningkat kepada 5.179 juta orang iaitu peningkatan seramai 108,000 orang penduduk.

b) Unjuran penduduk negeri Selangor pada pertengahan tahun 2009 adalah seramai 5.179 juta orang yang terdiri daripada warganegara dan bukan warganegara Malaysia. Daripada jumlah ini, kaum Bumiputera merupakan kaum majoriti dengan jumlah sebanyak 2.748 juta orang, diikuti kaum Cina dengan 1.4 juta orang, kaum India dengan 0.676 juta orang, lain-lain 0.053 juta orang dan bukan warganegara seramai 0.302 juta orang.

c) Anggaran jumlah penduduk Negeri Selangor pada tahun 2009 mengikut kumpulan umur adalah seperti di jadual berikut:

Kumpulan Umur	Jumlah
0-14	1,616,100
15 - 64	3,390,400
65+	173,100
Jumlah	**5,179,600**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : PEMBAHARUAN BANDAR

218. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Apakah perkembangan terbaru dalam program pembaharuan bandar yang bakal dilancarkan di Klang, Petaling Jaya dan Kajang?

b) Apakah KPI-KPI atau pencapaian-pencapaian yang perlu di kecapi oleh program-program ini pada akhir tahun 2010?

JAWAPAN :

a) Pembangunan semula bandar merupakan salah satu daripada Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor yang telah diumumkan pada 10 Mac 2009. Kerajaan Negeri akan memberi fokus pembangunan semula bandar ini terutama di kawasan Petaling Jaya, Klang, Ampang Jaya dan Kajang memandangkan kawasan tersebut membangun dengan begitu pesat dan terdapat kawasan-kawasan lama yang telah usang dan tidak mampu untuk bersaing dengan pembangunan sekitar yang kian membangun.

Kerajaan Negeri sedang mengenal pasti kawasan untuk program pembangunan semula bandar. Sekiranya terdapat perkara yang melibatkan undang-undang, Kerajaan Negeri akan mengkaji mengenai Akta-akta dan Undang-undang yang berkaitan dengannya.

Namun demikian, setelah beberapa siri mesyuarat dan perbincangan pembangunan semula bandar yang telah diadakan, Kerajaan Negeri telah memilih kawasan Petaling Jaya sebagai fokus untuk pembangunan semula bandar. Petaling Jaya telah mengalami pertumbuhan pembangunan bermula pada tahun 1950-an dan sehingga kini keluasan kawasan Petaling Jaya meliputi 97.2 kilometer persegi dengan tampungan penduduk seramai lebih kurang 600,000 orang. Petaling Jaya yang bersebelahan dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur juga turut menerima limpahan pembangunan dan perlu bersaing untuk memastikan pembangunan yang lebih kompetitif.

Bagi merealisasikan pembangunan semula bandar di Petaling Jaya, Kerajaan Negeri telah menjemput Juru Perunding Perancang Bandar dan kepakaran-kepakaran yang berkaitan untuk bekerjasama dengan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor dan Dato' Bandar MBPJ bagi mengenal pasti kawasan terpilih di dalam Petaling Jaya dengan mengemukakan Kertas Kerja Konsep Pembangunan Semula Bandar Petaling Jaya.

Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Pembangunan Semula Bandar yang dipengerusikan oleh Y.B. Dr Cheah Wing Yin. Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri juga telah meluluskan sejumlah peruntukkan bagi pihak Jawatankuasa mengadakan Seminar Antarabangsa

'Urban Regeneration' – Towards Selangor's Sustainable Future pada 30 November hingga 1 Disember 2009. Pakar-pakar yang berkaitan dengan pembangunan semula bandar dari negara-negara luar seperti Singapura, USA, Brisbane dan Australia turut dijemput untuk berkongsi idea dan cadangan dalam usaha untuk memastikan pembangunan semula dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Bagi kawasan Klang, pihak Kerajaan Negeri melalui Pasukan Kajian Pengindahan dan Pemeliharaan Sungai Klang telah pun menjalankan Kajian Inventori dan Gunatanah bagi jajaran Sungai Klang di dalam Pentadbiran Majlis Perbandaran Klang sepanjang 21 kilometer 50 meter kiri dan kanan tebing sungai.

Kerajaan Negeri begitu komited untuk melihat di kedua-dua kawasan ini iaitu Petaling Jaya dan Klang terus membangun dengan lebih terancang dan sistematik.

Secara ringkasnya, pihak Kerajaan Negeri begitu yakin dan bersungguh-sungguh untuk merealisasikan agenda pembangunan semula bandar ini dan mendapat sokongan penuh semua pihak berkepentingan.

b) Kerajaan Negeri sangat komited untuk menjayakan program-program yang dirancangkan khususnya untuk mencapai matlamat di dalam Laporan Halatuju Perancangan dan Pembangunan Negeri Selangor 2025 dan Pakej Rangsangan Ekonomi. Walau bagaimanapun, perancangan tersebut perlu mengambil masa dan secara berperingkat untuk mencapai sasaran sehingga tahun 2025.

Di peringkat sekarang hingga tahun 2010, komitmen Kerajaan Negeri untuk mengenal pasti kawasan-kawasan pembangunan semula bandar melalui siri perbincangan dan bengkel. Kawasan-kawasan khusus juga telah dikenal pasti di dalam Rancangan Tempatan yang disediakan bersama oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Walau bagaimanapun KPI-KPI atau pencapaian-pencapaian sebenar perlu ditentukan oleh Sekretariat Pembangunan Semula Bandar di Pejabat Dato' Menteri Besar.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)

TAJUK : BEKALAN TENAGA

219. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam pembekalan tenaga bagi menampung permintaan yang bertambah dalam Negeri Selangor?

b) Apakah usaha mempromosi dan tingkatkan kesedaran kepada penggunaan rendah karbon dalam pengangkutan, penggunaan domestik dan industri?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri Selangor sedar bahawa permintaan terhadap bekalan tenaga akan bertambah kerana negeri Selangor merupakan tumpuan aktiviti-aktiviti ekonomi seperti perkilangan, pembuatan, perkhidmatan dan perdagangan. Semua jenis industri ini memerlukan bekalan tenaga yang konsisten supaya aktiviti mereka tidak terjejas. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri Selangor telah menjalin kerjasama dengan Syarikat Q-Cell, sebuah syarikat yang menghasilkan wafer dan sel solar dari Jerman bagi menghasilkan produk berkaitan sistem solar. Syarikat ini telah menempatkan kilang-kilang di Taman Sains Selangor 2 dengan jumlah pelaburan sebanyak RM 2.6 bilion sebagai pelaburan awal. Melalui usaha ini, pembekalan tenaga boleh dijana melalui sumber tenaga alternatif.

b) Usaha terkini Kerajaan Negeri Selangor dalam mempromosi dan meningkatkan kesedaran kepada penggunaan rendah karbon dalam pengangkutan, penggunaan domestik dan industri telah pun dijalankan melalui *Selangor Conference On Alternative And Renewable Energy* 2009 (SelCARE'09) pada 15 Oktober 2009 yang bertujuan untuk :

1) Mempersiapkan Selangor untuk menjadi perintis di dalam perancangan dan pembangunan sumber tenaga alternatif dan tenaga yang diperbaharui;

2) Memahami peluang dan cabaran di dalam membangunkan sumber tenaga alternatif dan tenaga yang diperbaharui;

3) Mengenal pasti manfaat dan impak daripada penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharui dan sumber tenaga yang tidak boleh diperbaharui;

4) Mengenal pasti teknologi yang sesuai serta kos efektif di dalam membangunkan sumber tenaga alternatif dan tenaga diperbaharui di Selangor; dan

5) Menyediakan platform bagi perbincangan bertukar pendapat dan idea di antara semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung di dalam pembangunan dan pelaksanaan Dasar Tenaga Negara.

Kerajaan Negeri Selangor akan terus melaksanakan program promosi seperti ini kerana ia mampu mendedahkan dan memberi kesedaran kepada orang awam mengenai penggunaan tenaga alternatif kepada penggunaan domestik dan industri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)

TAJUK : PENGURUSAN SISA PEJAL PLASTIK

220. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Apakah dasar kerajaan Selangor dalam penggunaan beg plastik dan pembungkusan polisterin?

b) Apakah rancangan (road-map) kerajaan dalam mengurangkan penggunaan beg plastik dan bahan berpolisterin?

c) Apakah pencapaian kerajaan dalam usaha pengurangan sisa pejal beg plastik dan bahan polisterin?

JAWAPAN :

a) Kerajaan Negeri amat prihatin kepada pembangunan mampan. Oleh sebab itu, Kerajaan Negeri telah mula mengambil langkah bagi menggalakkan pengurangan bahan-bahan yang menjejaskan kualiti alam sekitar. Melalui kempen 'Hari Tanpa Beg Plastik', Kerajaan Negeri telah mengisytiharkan setiap hari Sabtu sebagai hari dimana pengguna-pengguna dikenakan bayaran 20 sen untuk setiap beg plastik yang diminta. Ini bertujuan untuk menggalakkan tabiat membawa beg sendiri semasa membeli belah. Kami berharap dalam masa yang terdekat, penggunaan beg sendiri akan menjadi amalan biasa rakyat Selangor, dan bilangan Hari Tanpa Beg Plastik dalam setiap minggu dapat ditambah lagi.

   Manakala bagi pembungkusan polisterin, pihak kerajaan juga akan menggunakan kaedah yang sama sebagai langkah pengurangan. Kerajaan Negeri juga akan mengkaji cara yang sesuai bagi meningkatkan penggunaan alternatif kepada pembungkusan polisterin yang diperbuat dari bahan yang tidak memudaratkan alam sekitar.

b) Setakat ini, Kerajaan Negeri telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan beberapa pengusaha-pengusaha pasaraya besar, kompleks membeli-belah serta peruncit mengenai kaedah-kaedah bagi mengurangkan penggunaan beg plastik di Negeri Selangor. Hasil daripada perbincangan tersebut, kesemua ahli mesyuarat telah bersetuju untuk menganjurkan Kempen 'Hari Tanpa Beg Plastik Di Negeri Selangor' pada setiap hari Sabtu dan telah berkuat kuasa pada 9 Januari 2010.

c) Kerajaan Negeri berharap menerusi kempen ini, sebanyak 20% penggunaan beg plastik dapat dikurangkan pada setiap hari sabtu.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)

TAJUK : LESEN TOL

221. Kerajaan Negeri telah menawarkan lesen Tanah Sementara (TOL) pada mereka yang ingin mengusahakan tanah kerajaan yang terbiar.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah bilangan lesen TOL yang telah diberikan kepada individu mengikut DUN?

b) Berapakah bilangan penerima lesen TOL ini yang telah menyewakan semula tanah tersebut kepada pihak ketiga?

c) Apakah tindakan yang telah diambil oleh Pejabat Daerah terhadap mereka ini?

JAWAPAN :

JAWAPAN DARIPADA PEJABAT DAERAH/TANAH SEPANG

a) Seperti di Lampiran ‘A’.

b) Seperti di Lampiran ‘A’.

c) Buat masa ini Pejabat Tanah Daerah bertindak berdasarkan kepada aduan dan sehingga kini tiada aduan berkaitan tanah-tanah TOL disewakan atau diusahakan oleh bukan Pemegang TOL.

LAMPIRAN 'A'

MAKLUMAT PENGELUARAN LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA (LPS) SELURUH SELANGOR SEHINGGA 30.09.2009

DAERAH SEPANG

Bil.	MUKIM	DUN	BIL TOL YANG DIKELUARKAN			BIL TOL YANG TELAH DISEWAKAN / GANTI USAHA
			MEMBAHARUI	TAHUN 2009	JUMLAH	
1.	Dengkil	Dengkil	322	47	369	-
2.	Sepang	Sg. Pelek	5	2	7	-
3.	Labu	Sg. Pelek	45	0	45	-

JAWAPAN DARIPADA PEJABAT DAERAH/TANAH KUALA LANGAT

a)

BILANGAN LESEN TOL YANG DIBERIKAN KEPADA INDIVIDU MENGIKUT DUN

DUN	MUKIM	BIL. LESEN DIKELUARKAN
SIJANGKANG	**TELOK PANGLIMA GARANG**	**29**
TELOK DATOK	**TANJUNG DUA BELAS**	**4**
MORIB	**MORIB / KELANANG JUGRA / BANDAR**	**29**
TG. SEPAT	**BATU LAUT**	**29**

b) Pentadbiran tidak mempunyai rekod berkenaan pemilik-pemilik TOL yang telah menyewakan lesen mereka kepada pihak ketiga.

c) Sekiranya didapati terdapat laporan kes-kes begini, lesen TOL tersebut akan dibatalkan.

MAKLUMAT PENGELUARAN LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA (LPS)
SELURUH SELANGOR SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2009

DAERAH : KUALA LANGAT

NO.	MUKIM	DUN	BIL. TOL YANG DIKELUARKAN	BIL. TOL YANG TLH DISEWA/ GANTI USAHA
1	TG. DUA BELAS	TELOK DATOK	29	1
2.	TELOK PANGLIMA GARANG	SIJANGKANG	4	TIADA
3. 4. 5. 6.	MORIB JUGRA BANDAR KELANANG	MORIB	1 8 15 5	7
7.	BATU LAUT	TG. SEPAT	29	1

JAWAPAN DARIPADA PEJABAT DAERAH/ TANAH KUALA SELANGOR

a) Bilangan penerima lesen TOL yang telah diberikan kepada individu mengikut DUN adalah seperti di **Lampiran A**.

b) Pejabat ini tiada mempunyai maklumat mengenai bilangan penerima lesen TOL yang telah menyewakan semula tanah tersebut kepada pihak ketiga.

c) Sekiranya diketahui berlakunya penerima lesen TOL yang telah menyewakan semula tanah tersebut kepada pihak ketiga, pejabat ini akan membatalkan kelulusan terdahulu dan seterusnya, meminta pengusaha baru supaya membuat permohonan TOL semula dengan mengisi borang permohonan TOL yang baru.

LAMPIRAN A

MAKLUMAT PENGELUARAN LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA (LPS) SELURUH SELANGOR SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2009

DAERAH : KUALA SELANGOR

NO.	MUKIM	DUN	BIL. TOL YANG DIKELUARKAN	BIL. TOL YANG TLH DISEWAKAN / GANTI USAHA
1.	Tanjong Karang	Sg. Burong	5	-
2.	Tanjong Karang	Permatang	6	-
3.	Kuala Selangor	Permatang	2	-
4.	Bestari Jaya	Permatang	2	-
5.	Jeram	Jeram	3	-
	JUMLAH		**18**	**-**

JAWAPAN DARIPADA PEJABAT DAERAH / TANAH GOMBAK

MAKLUMAT PENGELUARAN LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA (LPS) SELURUH SELANGOR DARIPADA TAHUN 2006 SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2009

DAERAH : GOMBAK

TAHUN	MUKIM	DUN	BIL. TOL YANG DIKELUARKAN	BIL. TOL YANG TELAH DISEWAKAN / GANTI USAHA	JUMLAH
2006	BATU	1. Batu Caves 2. Taman Templer Bukit Lanjan	4	0	4
	SETAPAK	1. Gombak Setia	0	0	0
	HULU KELANG	1. Hulu Kelang 2. Bukit Antarabangsa	3	0	3
2007	BATU	1. Batu Caves 2. Taman Templer Bukit Lanjan	42	0	42
	SETAPAK	1. Gombak Setia	1	0	1
	HULU KELANG	1. Hulu Kelang 2. Bukit Antarabangsa	13	0	13
2008	RAWANG	1. Kuang 2. Rawang	41	1	42
	BATU	1. Batu Caves 2. Taman Templer 3. Bukit Lanjan	20	0	20
	SETAPAK	1. Gombak Setia	15	0	15
	HULU KELANG	1. Hulu Kelang 2. Bukit Antarabangsa	10	0	10
2009	RAWANG	1. Kuang 2. Rawang	142	1	143
	BATU	1. Batu Caves 2. Taman Templer 3. Bukit Lanjan	20	0	20
	SETAPAK	1. Gombak Setia	0	0	0
	HULU KELANG	1. Hulu Kelang 2. Bukit Antarabangsa	0	0	0
JUMLAH			**311**	**2**	**313**

JAWAPAN DARIPADA PEJABAT DAERAH / TANAH SABAK BERNAM

a) Bilangan lesen TOL yang telah diberikan kepada individu mengikut DUN Seperti berikut:

BIL.	MUKIM	DUN	BIL. TOL YANG DIKELUARKAN	BIL. TOL YANG TLH DISEWA / GANTI USAHA
1.	Sungai Panjang	Sungai Panjang	13 lesen	TIADA
2.	Panchang Bedena	Sabak	17 lesen	TIADA
3.	Pekan Sekinchan / Pasir Panjang	Sekinchan	9 lesen	TIADA
4.	Bagan Nakhoda Omar	Sungai Air Tawar	2 lesen	TIADA
5.	Sabak	Sabak	6 lesen	TIADA

b) Bilangan penerima lesen TOL ini yang telah menyewakan semula tanah tersebut kepada pihak ketiga mengikut rekod pejabat ini tiada penyewa pihak ketiga.

c) Pejabat Tanah Sabak Bernam akan mengambil tindakan sekiranya ada aduan diterima.

JAWAPAN DARIPADA PEJABAT DAERAH / TANAH HULU SELANGOR

a) Seperti di Lampiran A.

b) Tiada.

c) Jika berlaku, Pejabat Daerah akan membatalkan TOL mereka.

LAMPIRAN A

MAKLUMAT PENGELUARAN LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA (LPS) SELURUH SELANGOR SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2009

DAERAH : HULU SELANGOR

NO.	MUKIM	DUN	BIL. TOL YANG DIKELUARKAN	BIL. TOL YANG TELAH DISEWAKAN / GANTI USAHA
1.	Hulu Yam		46	Tiada
2.	Kerling		6	Tiada
3.	Serendah		330	Tiada
4.	Kalumpang		20	Tiada
5.	Batang Kali		6	Tiada
6.	Rasa		9	Tiada
7.	Hulu Bernam		2	Tiada
8.	Amapang Pecah		2	Tiada
9.	Sungai Tinggi		-	Tiada

JAWAPAN DARIPADA PEJABAT DAERAH / TANAH HULU LANGAT

Jawapan seperti di Lampiran A

JAWAPAN DARIPADA PEJABAT DAERAH / TANAH KLANG

a) Seperti di Lampiran A

b) Sehingga kini, pentadbiran ini tidak menerima sebarang aduan mengenai penyewaan tanah Lesen Pendudukan Sementara (LPS) kepada pihak ketiga .

c) Sekiranya terdapat aduan berkenaan penyewaan tanah LPS kepada pihak ketiga, pentadbiran ini akan bertindak tegas dengan menarik balik dan membatalkan LPS mereka dan memberikan kepada mereka yang benar-benar layak dan memerlukan tanah LPS.

LAMPIRAN A

MAKLUMAT PENGELUARAN LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA (LPS)
SELURUH SELANGOR SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2009
DAERAH : HULU LANGAT

NO.	MUKIM	DUN	BIL. TOL YANG DIKELUARKAN	BIL. TOL YANG TELAH DISEWAKAN / GANTI USAHA
1.	BERANANG	SEMENYIH	1	TIADA
2.	AMPANG	LEMBAH JAYA	1	
3.	HULU LANGAT	HULU LANGAT	7	
4.	SEMENYIH	SEMENYIH	0	
5.	HULU SEMENYIH	SEMENYIH	0	
6.	KAJANG	KAJANG	1	
7.	CHERAS	BALAKONG	4	

LAMPIRAN A

MAKLUMAT BILANGAN PENGELUARAN LESEN PENDUDUKAN SEMNETARA (LPS)
SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2009 BAGI DAERAH KLANG

BIL.	MUKIM	DUN	BIL. LPS YANG DIKELUARKAN	BIL. TOL YANG TELAH DISEWAKAN/GANTIUSAHA
1	Mukim Kapar	Kota Anggerik (N.40)	7	Tiada maklumat
2	Bandar Klang	Batu Tiga (N.41)	1	sda
	Mukim Kapar		2	
3	Mukim Kapar	Meru (N.42)	45	sda
4	Mukim Kapar	Sementa (N.43)	38	sda
	Pekan Kapar		3	
	Bandar Sultan Suleiman		11	
5	Mukim Kapar	Sg. Pinang (N.44)	3	sda
	Bandar Klang		2	
6	Mukim Klang	Selat Klang (N.45)	44	sda
	Bandar Pelabuhan Klang		2	
	Mukim Kapar (Pulau Ketam)		911	
7	Mukim Klang	Pelabuhan Klang (N.46)	55	sda
8	Pekan Pandamaran	Pandamaran (N.47)	14	sda
	Bandar Klang		3	
9	Bandar Klang	Kota Alam Shah (N.48)	10	sda
10	Mukim Klang	Seri Andalas (N.49)	12	sda
11	Mukim Klang	Seri Muda (N.50)	33	sda
JUMLAH KESELURUHAN			**1,196**	sda

JAWAPAN DARIPADA PEJABAT DAERAH / TANAH PETALING

a) Bilangan TOL yang telah dikeluarkan mengikut DUN di Daerah Petaling adalah seperti berikut:-

NO	MUKIM	DUN	BIL TOL YANG DIKELUARKAN	BIL TOL YANG TLH DISEWA / GANTI USAHA
1	Sungai Buloh	Paya Jaras	230	8
2	Sungai Buloh	Kota Damansara	379	2/33
3	Sungai Buloh	Damansara Utama	44	
4	Bandar Petaling Jaya	Bukit Gasing	2	
5	Petaling	Seri Kembangan	18	
6	Sungai Buloh	Bukit Lanjan	3	
7	Petaling	Taman Medan	4	
8	Bandar Petaling Jaya	Kg Tunku	-	
9	Bandar Petaling Jaya	Seri Setia	10	
10	Bandar Shah Alam	Kota Anggerik	4	
11	Petaling	Sri Serdang	8	
12	Bandar Shah Alam	Batu Tiga	-	
13	Damansara	Seri Muda	56	20
14	Bukit Raja	Meru	57	5
15	Damansara/Petaling	Subang Jaya	17	
			832	**2/66**

Keseluruhannya, 95% tanah di Daerah Petaling merupakan tanah hak milik. Hanya 5% sahaja tanah yang terdapat di Daerah ini merupakan tanah Kerajaan dan sebahagian besarnya pula adalah merupakan kawasan lapang. Berdasarkan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor bil 1/1993, Kawasan lapang ini sememangnya tidak dibenarkan untuk dibangunkan. Walau bagaimanapun terdapat juga tanah kerajaan yang telah dikeluarkan TOL kepada individu untuk pelbagai maksud menduduki seperti tapak semaian, pertanian, tapak perniagaan, tempat meletak kenderaan, rumah kediaman persendirian dan sebagainya.

b) Berdasarkan penemuan dan siasatan melalui lawatan tapak, adalah didapati bahawa tidak sampai 1% daripada pemegang lesen TOL yang telah menyewakan semula tanah tersebut kepada pihak ketiga.

c) Pihak ketiga yang menyewa tapak daripada pemegang lesen TOL adalah dinasihatkan supaya hadir ke Pejabat Tanah bagi membolehkan mereka sendiri yang memohon Lesen TOL bagi tapak yang diusahakan itu.

MAKLUMAT TAMBAHAN

a) Pecahan aktiviti yang diusahakan dari 832 lesen TOL yang dikeluarkan adalah seperti berikut:

Bil	Aktiviti/maksud menduduki	Bilangan
1	Rumah Kediaman Persendirian	588
2	Tapak Perniagaan/Pameran	85
3	Nurseri/Landskap	4
4	Pertanian / Tanaman kontan	129
5	Gerai	9
6	Industri Ringan	17
	Jumlah	**832**

Jumlah kutipan bayaran Lesen TOL adalah seperti berikut:

No	Tahun	Kutipan
1	2007	414,156.80
2	2008	366.054.20
3	2009 (sehingga Sept)	192,787.00
	Jumlah	972,998.00

CATATAN

Kutipan bayaran TOL keseluruhan (termasuk papan iklan) sehingga September 2009 ialah RM 519,787.00

b) Maklumat mengenai pemegang lesen TOL menyewakan tanahnya kepada pihak ketiga agak sukar diperoleh. Ini kerana kebanyakan pemegang Lesen TOL pada kebiasaannya tidak memaklumkan urusan penyewaan tanah TOL mereka ke Pejabat Daerah/Tanah. Tambahan pula bukanlah menjadi satu kesalahan menyewakan tanah TOL mereka kepada pihak ketiga jika mereka (penyewa) mengusahakan aktiviti yang tidak bercanggah dengan syarat maksud menduduki.

c) Pejabat Daerah/Tanah hanya boleh mengambil tindakan membatalkan Lesen TOL jika pemegang Lesen TOL atau pihak ketiga (penyewa) melakukan pelanggaran peraturan yang dinyatakan di bawah jadual para 5 (a) di Borang 4A (Seksyen 67 Kanun Tanah Negara) – Lesen Pendudukan Sementara . Sebagai contoh, Lesen TOL yang diluluskan untuk tapak semaian tetapi diusahakan sebagai tempat meletak kereta.
Jika Pihak Berkuasa Negeri memerlukan tanah yang telah dikeluarkan TOL ini untuk pembangunan/kegunaan awam, Lesen TOL ini juga boleh dibatalkan apabila dibayar pampasan (yang akan dipersetujui atau ditentukan mengikut peruntukan-peruntukan Seksyen 434 Kanun Tanah Negara) pada bila-bila masa sebelum tarikh habis tempohnya.

CADANGAN

Adalah dicadangkan agar pihak berkuasa Negeri mengkaji kadar TOL seperti yang dikenakan di bawah Seksyen 22 Selangor Land Rules 2003 dan jika bersesuaian menaikkan kadar bayaran Lesen TOL ke satu tahap yang boleh meningkatkan lagi hasil Kerajaan Negeri. Dengan kenaikan kadar Lesen TOL ini adalah dijangka hanya individu yang benar-benar berhajat untuk mengusahakan tanah kerajaan sahaja yang akan memohon lesen TOL.

JAWAPAN DARIPADA PTG

a) Seperti di lampiran

b) Seperti di lampiran

c) Salah satu daripada syarat-syarat Lesen Pendudukan Sementara ialah ianya tidak boleh disewakan oleh pemegang lesen kepada pihak-pihak lain. Sekiranya pelanggaran syarat ini berlaku, Pejabat Tanah Daerah boleh mengambil tindakan untuk membatalkan lesen tersebut.

BILANGAN LESEN TOL YANG TELAH DIKELUARKAN MENGIKUT DUN

NO	MUKIM	DUN	BIL. LESEN TOL YANG DIKELUARKAN	BIL. LESEN TOL YANG TELAH DISEWAKAN / GANTI USAHA
PTD PETALING				
1.	Sungai Buloh	Paya Jaras	230	8
2.	Sungai Buloh	Kota Damansara	379	35
3.	Sungai Buloh	Damansara Utama	44	-
4.	Bandar Petaling Jaya	Bukit Gasing	2	-
5.	Petaling	Seri Kembangan	18	-
6.	Sungai Buloh	Bukit Lanjan	3	-
7.	Petaling	Taman Medan	4	-
8.	Bandar Petaling Jaya	Kg. Tunku	-	-
9.	Bandar Petaling Jaya	Seri Setia	10	-
10.	Bandar Shah Alam	Kota Anggerik	4	-
11.	Petaling	Sri Serdang	8	-
12.	Bandar Shah Alam	Batu Tiga	-	-
13.	Damansara	Seri Muda	56	20
14.	Bukit Raja	Meru	57	5
15.	Damansara / Petaling	Subang Jaya	17	-
PTD GOMBAK				
1.	Batu	-Batu Caves -Taman Templer -Bukit Lanjan	86	-
2.	Setapak	Gombak Setia	16	-
3.	Hulu Kelang	-Hulu Kelang -Bukit Antarabangsa	26	-
4.	Rawang	-Kuang -Rawang	183	2

BILANGAN LESEN TOL YANG TELAH DIKELUARKAN MENGIKUT DUN

NO	MUKIM	DUN	BIL. LESEN TOL YANG DIKELUARKAN	BIL. LESEN TOL YANG TELAH DISEWAKAN / GANTI USAHA
PTD KUALA LANGAT				
1.	Tg. Dua Belas	Telok Datok	29	1
2.	Telok Panglima Garang	Sijangkang	4	Tiada
3.	Morib	Morib	1	7
4.	Jugra		8	
5.	Bandar		15	
6.	Kelanang		5	
7.	Batu Laut	Tg. Sepat	29	1
PTD KLANG				
1.	Mukim Kapar	Kota Anggerik (N.40)	7	Tiada maklumat
2.	Bandar Klang Mukim Kapar	Batu Tiga (N.41)	1 2	sda
3.	Mukim Kapar	Meru (N.42)	45	sda
4.	Mukim Kapar Pekan Kapar Bandar Sultan Suleiman	Sementa (N.43)	38 3 11	sda
5.	Mukim Kapar Bandar Klang	Sg. Pinang (N.44)	3 2	sda
6.	Mukim Klang Bandar Pelabuhan Klang Mukim Kapar (Pulau Ketam)	Selat Klang (N.45)	44 2 911	sda
7.	Mukim Klang	Pelabuhan Klang (N.46)	55	sda
8.	Pekan Pandamaran Bandar Klang	Pandamaran (N.47)	14 3	sda
9.	Bandar Klang	Kota Alam Shah (N.48)	10	sda

BILANGAN LESEN TOL YANG TELAH DIKELUARKAN MENGIKUT DUN

NO	MUKIM	DUN	BIL. LESEN TOL YANG DIKELUARKAN	BIL. LESEN TOL YANG TELAH DISEWAKAN / GANTI USAHA
10.	Mukim Klang	Seri Andalas (N.49)	12	sda
11.	Mukim Klang	Seri Muda (N.50)	33	sda
		PTD KUALA SELANGOR		
1.	Tanjong Karang	Sg. Burong	5	Tiada
2.	Tanjong Karang	Permatang	6	Tiada
3.	Kuala Selangor	Permatang	2	Tiada
4.	Bestari Jaya	Permatang	2	Tiada
5.	Jeram	Jeram	3	Tiada
		PTD HULU SELANGOR		
1.	Hulu Yam		46	Tiada
2.	Kerling		6	Tiada
3.	Serendah		330	Tiada
4.	Kalumpang		20	Tiada
5.	Batang Kali		6	Tiada
6.	Rasa		9	Tiada
7.	Hulu Bernam		2	Tiada
8.	Ampang Pecah		2	Tiada
9.	Sungai Tinggi		-	Tiada

BILANGAN LESEN TOL YANG TELAH DIKELUARKAN MENGIKUT DUN

NO	MUKIM	DUN	BIL. LESEN TOL YANG DIKELUARKAN	BIL. LESEN TOL YANG TELAH DISEWAKAN / GANTI USAHA
PTD HULU LANGAT				
1.	Beranang	Semenyih	1	Tiada
2.	Ampang	Lembah Jaya	1	Tiada
3.	Hulu Langat	Hulu Langat	7	Tiada
4.	Semenyih	Semenyih	0	Tiada
5.	Hulu Semenyih	Semenyih	0	Tiada
6.	Kajang	Kajang	1	Tiada
7.	Cheras	Balakong	4	Tiada
PTD SEPANG				
1.	Dengkil	Dengkil	369	Tiada
2.	Sepang	Sg. Pelek	7	Tiada
3.	Labu	Sg. Pelek	45	Tiada
PTD SABAK BERNAM				
1.	Sungai Panjang	Sungai Panjang	13	Tiada
2.	Panchang Bedena	Sabak	13	Tiada
3.	Pekan Sekinchan	Sekinchan	4	Tiada
4.	Pasir Panjang	Sungai Panjang	3	Tiada
5.	Bagan Nakhoda Omar	Sungai Air Tawar	2	Tiada
6.	Sabak	Sabak	5	Tiada

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)

TAJUK : BELIA DAN SUKAN

222. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Nyatakan semua program yang telah dilancarkan oleh Kerajaan Negeri untuk mempromosikan belia dan sukan sejak Mac 2008 dan kos yang terlibat. Sila berikan butir-butir.

b) Bagaimanakah program tersebut membantu mempertingkatkan penglibatan belia dan prestasi sukan Negeri Selangor?

JAWAPAN :

a) Program-program yang telah dilancarkan oleh Kerajaan Negeri untuk mempromosikan belia dan sukan sejak Mac 2008 berserta kos adalah seperti berikut :

Program	Kos (RM)
1. Konvensyen Belia Negeri Selangor	60,00.00
2. Festival Of Youth	100,000.00
3. Youth In Community di Kuala Langat	20,000.00
4. Youth In Community di Ampang	20,000.00
5. Youth In Community di Sabak Bernam	20,000.00
6. Program Ihya Ramadhan Bersama Mahasiswa	10,000.00
7. Liga Futsal Jelajah Selangor Gen - S	120,000.00
8. Majlis Pelantikan Pengerusi Penggerak Belia Tempatan (PeBT)	40,000.00
9. Kursus Kepimpinan PeBT seluruh negeri Selangor	100,000.00

b) Kerajaan Negeri sentiasa menitikberatkan program-program pembangunan belia dan sukan yang berprestasi tinggi di negeri Selangor. Bagi memastikan peningkatan dan penglibatan belia di dalam program tersebut, Kerajaan Negeri mengadakan kerjasama dengan agensi dan jabatan kerajaan seperti Pejabat Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Di samping itu, Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) di setiap zon Selangor. PeBT ditubuhkan ini bertujuan membangun dan menggalakkan penglibatan belia dalam program –program anjuran Kerajaan Negeri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)

TAJUK : KESIHATAN ORANG ASLI HULU KEMENSAH

223. Pada awal tahun 2009 terdapat ramai penduduk Orang Asli di Kg Hulu Kemensah telah jatuh sakit dan demam

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Di bawah program apakah (sama ada Pusat atau Kerajaan Negeri) khidmat kesihatan Orang Asli dijalankan?

b) Adakah terdapat program-program khas penjagaan kesihatan Orang Asli yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri?

c) Apakah Kerajaan Negeri merancang untuk memberi peruntukan tambahan bagi program penjagaan kesihatan Orang Asli di Kg Hulu Kemensah?

JAWAPAN :

a) Sepanjang tahun 2009, Jabatan Hal Orang Asli bersama Bahagian Kesihatan dan perubatan JHEOA Gombak telah melajalankan pelbagai aktiviti, kempen, rawatan dan perkhidmatan kesihatan dilaksanakan di perkampungan Orang Asli ke seluruh Negara di semenanjung.

Berhubung dakwaan terdapat ramai penduduk orang Asli yang jatuh sakit dan demam sebagaimana diajukan oleh YB. ADUN Hulu Klang di KOA Hulu Kemensah. Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Selangor melalui Pegawai Hal Ehwal Orang Asli Daerah Gombak telah membuat rujukan di Hosipal JHEOA di Km 24 Gombak dan pihak Hospital Jabatan telah menghantar unit bergerak membuat lawatan dan rawatan kepada penduduk.

b) Sepanjang tahun 2009, Jabatan Hal Orang Asli Bahagian Kesihatan dan perubatan telah menjalankan dan melaksanakan pelbagai aktiviti, kempen, rawatan dan perkhidmatan kesihatan di perkampungan Orang Asli ke seluruh negara di semenanjung. Pusat Kesihatan Daerah juga menyediakan perkhidmatan Klinik Desa dan rawatan pemeriksaan Ibu-ibu mengandung dan lain lain rawatan.

c) Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan tiada maklumat dari Kerajaan Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)

TAJUK : PENUKARAN METER AIR OLEH SYABAS

224. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

a) Huraikan perkembangan terkini berkenaan status pertukaran meter pukal ke meter individu di pangsapuri-pangsapuri di seluruh Selangor?

b) Nyatakan jumlah pangsapuri terlibat dan bilangan meter yang telah ditukar mengikut daerah.

JAWAPAN :

a) Berdasarkan kepada rekod oleh SYABAS, sebanyak 2,000 akaun meter pukal terdapat di seluruh Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya.

Di bawah penyeliaan SYABAS program migrasi akaun meter pukal kepada meter individu dijalankan melalui pengedaran surat permohonan migrasi kepada semua pengurusan bangunan. Sehingga September 2009, sebanyak 1,449 surat permohonan migrasi telah dikemukakan kepada pengurusan bangunan dan hanya 842 pangsapuri yang telah membuat permohonan migrasi. Manakala yang selebihnya masih tidak memberikan sebarang jawapan.

b) Status permohonan meter pukal di pangsapuri kepada meter individu mengikut daerah adalah seperti berikut:-

Daerah	Jumlah Akaun	Permohonan Di Terima	Permohonan Diluluskan
Kuala Lumpur	27,350	183	45
Gombak	17,650	146	26
Petaling	64,168	198	53
Klang	25,409	170	33
Hulu Langat	13,714	59	21
Hulu Selangor	7,869	45	19
Sepang	8,420	23	16
Kuala Langat	972	13	7
Kuala Selangor	902	3	1
Sabak Bernam	89	2	0
Jumlah	**166,543**	**842**	**221**

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)

TAJUK : PROJEK PEMBESARAN SUNGAI RAJAH, RAWANG

225. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah sebab projek ini dihentikan dan adakah projek ini akan diteruskan?

b) Siapakah kontraktor baru yang dilantik untuk meneruskan projek tersebut dan bilakah kerja pembesaran akan diteruskan?

c) Berapakah jumlah kos yang diperuntukkan untuk projek ini secara keseluruhan dan tambahan kos untuk pelantikan kontraktor baru?

JAWAPAN :

a) Projek pembesaran Sungai Rajah ini pada dasarnya merupakan sebahagian daripada kaedah penyelesaian mengurangkan masalah banjir di kawasan Bandar Rawang, Kg. Sungai Rajah dan kawasan persekitarannya.

Di antara sebab-sebab projek ini diberhentikan adalah kerana terdapat peningkatan kos projek yang sangat tinggi di mana pada waktu itu, kos asal projek yang berjumlah RM2,667,925.00 meningkat kepada anggaran berjumlah RM3.45 juta. Ia melibatkan kos pengalihan utiliti di mana kebanyakan utiliti ini tidak dapat dikenal pasti dengan tepat semasa peringkat reka bentuk telah menyebabkan perubahan kepada reka bentuk asal. Bagi memenuhi keperluan semasa dan tanggungjawab sosial terhadap penduduk setempat dalam usaha menangani masalah banjir di kawasan tersebut, pihak Jabatan Pengairan dan Saliran akan meneruskan projek ini dengan menggunakan reka bentuk yang lebih efektif kosnya.

b) Belum ada kontraktor baru dilantik untuk meneruskan projek ini. Jabatan Pengairan dan Saliran perlu mengkaji dan menyediakan reka bentuk yang lebih ekonomikal sebelum projek ini diteruskan. Jabatan menjangka projek ini dapat diteruskan pembinaannya di dalam RMK 10.

c) Jumlah peruntukan yang diluluskan bagi harga kontrak ialah sebanyak RM2,667,925.00 manakala kos perunding sebanyak RM204,635.63. Tambahan kos untuk melantik kontraktor penyiap belum dapat dianggarkan sehingga reka bentuk alternatif selesai.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)

TAJUK : INPENS

226. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Adakah kerajaan bersedia untuk menambah kakitangan atau ahli akademi yang bukan Melayu di institut INPENS? Sila nyatakan sebab-sebab.

b) Apakah *benchmark* yang digunakan untuk menilai prestasi INPENS?

JAWAPAN :

a) Kerajaan bersedia untuk menambah kakitangan atau ahli akademi yang bukan Melayu di Kolej INPENS. Namun setiap pengambilan kakitangan adalah berdasarkan keperluan semasa. Contohnya jika terdapat kekurangan kakitangan barulah pihak kolej akan mengambil kakitangan yang baru. Pengambilan kakitangan bukan Melayu sama seperti pengambilan kakitangan Melayu iaitu harus menerusi temuduga yang dijalankan. Sekiranya layak barulah pihak kolej akan mengambil bekerja.

b) Beberapa *benchmark* digunakan untuk menilai prestasi INPENS iaitu:

1) Kemampuan Kolej untuk menjalankan kursus-kursus yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia. Semua sijil diiktiraf dan dinilai dengan baik oleh JPK.
2) Peperiksaan luaran yang dianjurkan oleh JPK biasanya mencapai 98% kelulusan.
3) Pelajar yang telah tamat belajar diterima oleh pelbagai pihak. Ada yang telah melanjutkan pengajian kepada yang lebih tinggi dan ada yang terus bekerja dalam bidang masing-masing. Sehingga kini dianggarkan seramai 2989 graduan telah dikeluarkan oleh INPENS. Kajian kepada pelajar yang tamat mendapati bahawa 70% telah bekerja dalam bidang yang dipelajari, 20% melanjutkan pelajaran dan 10% bekerja sendiri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : PEMBUANGAN SAMPAH DI SUNGAI KEMBUNG, BANGI

227. Kawasan pembuangan sampah di Sungai Kembong telah ditutup, walau bagaimanapun pembuangan sampah oleh berbagai pihak berterusan. Pencemaran bau tidak menyenangkan penduduk di Bandar Bukit Mahkota dan Bandar Seri Putra.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Mengapa pembuangan sampah di sini berterusan, walaupun kawasan ini telah diisytiharkan tutup?

b) Mengapakah pihak MPKj tidak memberi perhatian terhadap aduan?

c) Apakah jangkaan tindakan yang akan diambil?

JAWAPAN :

a) Bekas tapak pelupusan Sg. Kembong Lot 2246 diberi kebenaran oleh pihak Menteri Besar Selangor pada 25/11/2008 kepada Syarikat Core Compentencies Sdn. Bhd. bertujuan pemulihan dan pemeliharaan tapak, pembangunan program kompos, serta pembangunan tapak pelupusan sampah bagi tujuan pelupusan akhir bahan proses dari loji RDF.

b) Perhatian terhadap aduan-aduan penduduk berhampiran dan pemantauan, MPKj telah beberapa kali memberi alasan dan cadangan kepada syarikat ini bagi mengambil tindakan supaya menyelenggara kawasan ini sehingga tidak menimbulkan apa-apa pencemaran kepada penduduk.

c) Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor dan Majlis Perbandaran Nilai juga diminta untuk membantu dan mengenal pasti punca-punca lain yang menyebabkan pencemaran memandangkan kawasan ini bersebelahan dengan MPKj.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)

TAJUK : PENDIDIKAN PRA-SEKOLAH

228. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Bagaimanakah bentuk bantuan-bantuan yang dijanjikan kepada ibu bapa yang mempunyai anak kecil di nurseri dan pra-sekolah?

b) Apakah pendirian Kerajaan Negeri terhadap pusat pendidikan pra-sekolah yang dibina di atas tanah kerajaan dan apakah tindakan yang akan diambil?

c) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menyelaraskan kurikulum pembelajaran anak-anak di pra-sekolah?

JAWAPAN :

a) Pelaksanaan program bantuan kepada anak kecil di nurseri dan pra-sekolah sedang dalam kajian untuk dilaksanakan dalam Fasa III atau IV pada tahun hadapan.

b) Kerajaan Negeri mengamalkan pendekatan terbuka dan keutamaan diberikan dari segi menyediakan kemudahan pendidikan pra-sekolah untuk rakyat yang dibina di atas tanah kerajaan atas asas berikut:

1) Dipohon oleh pihak berwajib (jabatan-jabatan kerajaan seperti KEMAS) bagi penempatan di atas tanah kerajaan secara teratur dan Kerajaan Negeri akan memberi pertimbangan untuk pemberimilikan tanah tersebut berdasarkan kesesuaian tapak dipohon.

2) Dipohon oleh mana-mana NGO terbabit dan permohonan akan dipertimbangkan mengikut kes tertentu berdasarkan ulasan oleh jabatan-jabatan teknikal dan kesesuaian tapak dipohon.

c) Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 22 Oktober 2009 telah menolak soalan ini

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : EKONOMI NEGERI SELANGOR

229. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Sila jelaskan dengan perangkaan persembahan prestasi ekonomi Negeri Selangor bagi Jan hingga Jun 2009?

b) Apakah kelemahan Negeri Selangor dalam pembangunan ekonomi bagi tempoh Jan hingga Jun 2009?

c) Sila nyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi Negeri Selangor berdasarkan kelemahan-kelemahan dari Jan hingga Jun 2009?

JAWAPAN :

a) Ekonomi Negeri Selangor dianggar merekodkan penguncupan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) pada tahun 2009. Bagi keseluruhan tahun 2009, KDNK (harga malar tahun 2000) dijangka menguncup sebanyak 3.8% berbanding 4.9% pada tahun 2008. Sehaluan dengan persekitaran ekonomi dunia dan ekonomi negara yang menguncup, jumlah nilai tambah negeri bagi tahun 2009 dianggarkan menurun ke RM114,326 juta dalam harga malar berbanding RM118,862 juta pada tahun 2008. Dalam harga semasa, ia dianggarkan bernilai RM154,223 juta pada tahun 2009 berbanding RM166,192 juta pada tahun 2008. Ini menghasilkan pendapatan per kapita negeri bernilai RM22,075 pada harga malar iaitu menguncup sebanyak 5.8% daripada tahun 2008. Dalam harga semasa pula, pendapatan per kapita merosot ke RM29,778 berbanding RM32,772 pada tahun 2008. Dalam hal ini, ia membawa kepada kemerosotan taraf hidup dengan pendapatan per kapita dalam ukuran pariti kuasa beli dianggarkan merosot kepada 6.6% ke USD15,878 (2008 : USD19,116).

b) Selangor sebagai negeri yang berada di dalam negara yang mengamalkan ekonomi terbuka terjejas akibat penguncupan eksport negara yang disebabkan oleh krisis kewangan dan kemelesetan ekonomi dunia. Sehaluan dengan perkembangan ekonomi dunia dan ekonomi negara yang sedang di dalam proses pemulihan, ekonomi Selangor juga sedang mengalami proses pemulihan yang sederhana. Pemulihan ekonomi negara dijangka berlaku secara perlahan dan bakal berhadapan dengan beberapa cabaran dan halangan pemulihan. Berdasarkan analisis Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), pemulihan tidak lancar (rocky road) ini adalah berikutan daripada kelemahan dasar fiskal, perangkap kecairan dan ketidakstabilan pasaran mata wang dunia. Negara juga bakal berhadapan dengan beberapa isu global dan lokal seperti *protracted global recession* (krisis ekonomi yang berlarutan), *rise of protectionism*, pengembangan defisit fiskal, kerapuhan pasaran mata wang, kestabilan politik negara dan penularan gejala influenza H1N1.

c) Bagi memperkukuhkan dan memulihkan pertumbuhan ekonomi negeri, tumpuan masih diberikan kepada agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) yang menekankan kepada lima (5) strategi utama iaitu :

Pertama:	Merakyatkan ekonomi Selangor (MES)
Kedua:	Mempertingkat hasil pendapatan negeri
Ketiga:	Memperkasa modal insan
Keempat:	Mengurus perbelanjaan dengan cekap
Kelima:	Memantapkan pembangunan Negeri Selangor

Selain itu, pihak kerajaan sentiasa memastikan perbelanjaan dibuat secara berhemat dan '*value for money'* selain daripada memastikan tadbir urus kerajaan dan sistem penyampaian perkhidmatan berada di tahap yang cemerlang. Dalam usaha memulihkan ekonomi negeri, kerajaan juga sedang melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor dengan nilai sebanyak RM50 bilion dalam bentuk *Private Finance Initiative* (PFI). Melalui pakej ini, enam(6) bidang utama telah digariskan sebagai pemangkin pembangunan ekonomi negeri Selangor untuk jangka pendek dan jangka panjang. Enam (6) bidang tersebut ialah:

1) Pemulihan dan pembersihan sungai Klang yang melibatkan pembangunan kawasan perumahan di sepanjang sungai dan tanah rizab;

2) Perluasan sistem pengangkutan bagi seluruh negeri Selangor termasuk perluasan Sistem Transit Aliran Ringan (STAR);

3) Penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor;

4) Pembaharuan aktiviti di bandar iaitu menumpukan usaha terhadap pembangunan semula kawasan terbiar di Petaling Jaya dan Klang;

5) Pembangunan semula projek-projek perumahan yang terbengkalai; dan

6) Peningkatan hasil padi.

Melalui enam bidang ini dan strategi bajet yang holistik, Kerajaan Negeri yakin bahawa ia akan mampu menyediakan lebih 150 ribu peluang pekerjaan dan membuka banyak peluang perniagaan dan pelaburan bagi merancakkan kembali pertumbuhan ekonomi Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)

TAJUK : JENAYAH.

230. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Apakah jenis-jenis jenayah yang sering berlaku di Negeri Selangor yang mengancam rakyat Negeri Selangor?

b) Apakah jenis-jenis jenayah yang berlaku mengikut komposisi kaum di Negeri Selangor pada masa kini?

c) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk mengatasi jenis-jenis jenayah tersebut?

JAWAPAN :

a)

JENIS JENAYAH YANG SERING BERLAKU DI SELANGOR

BIL	KESALAHAN	TAHUN 2009 (JAN-SEPT)
1	BUNUH	111
2	ROGOL	522
3	SAMUN BERKAWAN S/API	21
4	SAMUN BERKAWAN TANPA S/API	5935
5	SAMUN SENJATAPI	6
6	SAMUN TANPA S/API	806
7	MENDATANGKAN CEDERA	1200
8	CURI	6485
9	CURI MOTOLORI/VAN	1689
10	CURI MOTOKAR	3228
11	CURI MOTOSIKAL	11549
12	RAGUT	1543

13	PECAH RUMAH DAN CURI SIANG HARI	3522
14	PECAH RUMAH DAN CURI MALAM HARI	4398
	JUMLAH	**41015**

b) Jenis jenayah mengikut komposisi kaum di Selangor

Secara umumnya, pesalah jenayah tidak terhad pada satu kaum sahaja. Walau bagaimanapun, bagi kes-kes ragut banyak melibatkan pesalah-pesalah Melayu/Indonesia, kes-kes pergaduhan melibatkan pesalah-pesalah daripada kaum India dan kes-kes jenayah harta benda melibatkan pesalah-pesalah Cina.

c) Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk mengatasi jenis-jenis jenayah tersebut?

- Pelbagai operasi pencegahan oleh pihak polis seperti rondaan dengan kerjasama dengan Rela dan Rukun Tetangga.

- Pelbagai operasi polis untuk menangkap penjenayah-penjenayah “Habitual”.

- Sesi dialog dengan persatuan-persatuan penduduk dan meningkatkan kerjasama rakyat dan PDRM dengan beberapa produk PDRM seperti RAKAN COP. Selain daripada itu, PDRM sentiasa mengadakan program ceramah, sesi dialog dan lain-lain usaha melalui media massa.

- Melaksanakan projek-projek untuk meningkatkan tahap disiplin di kalangan pelajar-pelajar sekolah dan remaja.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : PENGAMBILALIHAN INDUSTRI AIR

231. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Apakah perkembangan terbaru rundingan pengambilalihan industri air di Selangor dan sama ada kerajaan berhasrat untuk mengekalkan tawaran harga sebelum ini untuk meneruskan rundingan?

JAWAPAN :

a) Memandangkan SYABAS dan Puncak tidak bersetuju menerima tawaran Kerajaan Negeri Selangor, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KTTHA) berpandangan bahawa Kerajaan Negeri Selangor tidak dapat memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air mengikut Model Negeri Selangor. Lanjutan dari itu, KTTHA telah memaklumkan bahawa Jemaah Menteri telah bersetuju supaya satu Model alternatif diguna pakai dalam melaksanakan penstrukturan semula ini. Melalui Model alternatif ini, nilai yang akan ditawarkan kepada Syarikat Konsesi adalah lebih rendah kerana nilaian yang akan dibuat tidak mengambil kira elemen pulangan keuntungan sebanyak 12%. Walau bagaimanapun, Model alternatif ini masih lagi di peringkat rundingan Jawatan Kuasa Penstrukturan semula Industri Perkhidmatan Air yang diketuai oleh KTTHA di mana Kerajaan Negeri Selangor adalah merupakan ahli di dalamnya.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)

TAJUK : PENGANGKUTAN AWAM

232. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk menambah baik pengangkutan awam di negeri Selangor terutamanya di kawasan bandar di Lembah Klang terutamanya Petaling Jaya, Subang Jaya, Shah Alam dan Klang?

b) Apakah halangan yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri untuk memulakan servis pengangkutan awam seperti bas di semua PBT?

JAWAPAN :

a) Selaras dengan Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor dalam menambah baik sistem jaringan pengangkutan perkhidmatan awam di negeri Selangor, Kerajaan Negeri akan membuat beberapa siri perbincangan bersama Kerajaan Persekutuan dalam hal-hal berkaitan kelulusan jajaran yang bersesuaian dengan keadaan persekitaran, penempatan dan keperluan penduduk serta merangkumi penguatkuasaan dan pemantauan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

Kerajaan Negeri Selangor menyedari bahawa isu-isu pengangkutan awam adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan (MOT) dan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) yang memantau dan memberi kelulusan laluan perjalanan terhadap permohonan syarikat-syarikat pengangkutan awam yang berkaitan.

b) Kerajaan Negeri telah memulakan usaha-usaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan awam di Negeri Selangor. Salah satu usaha yang dinyatakan menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor yang telah diumumkan oleh Kerajaan Negeri pada bulan Mac 2009 adalah untuk meluaskan dan menyusun semula rangkaian perkhidmatan pengangkutan awam di negeri Selangor.

Dalam hal ini, Kerajaan Negeri perlu menyediakan peruntukan yang besar bagi merealisasikan idea ini. Selain itu, penurunan kuasa daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri juga perlu dilaksanakan bagi memudahkan pemantauan dan penguatkuasaan dilaksanakan memandangkan perihal pengangkutan awam adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)

TAJUK : STRATA TITLE

233. PKNS tidak mengeluarkan strata title walaupun projek rumah pangsa kos rendah sudah siap untuk diduduki dan sudah pun melebihi 10 tahun.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah projek pembangunan yang disiapkan untuk diduduki tetapi belum diberikan strata title?

b) Mengapa proses ini sangat lambat?

JAWAPAN :

JAWAPAN DARIPADA PKNS

a) Projek Rumah Pangsa Kos Rendah yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut:

Jumlah Rumah Pangsa Kos Rendah (Unit)	Telah Mendapat Strata Title	Belum Mendapat Strata Title
43,733	23,755	19,978

b) Sebelum Akta Pemaju Perumahan dikuatkuasakan ke atas PKNS pada tahun 2002, PKNS mendapatkan keistimewaan untuk membina projek kos rendah berdasarkan kelulusan pelan induk tanpa perlu melalui proses permohonan hak milik seperti pemaju-pemaju swasta yang lain. Ini adalah bertujuan untuk mempercepatkan pembangunan rumah pangsa kos rendah bagi menampung keperluan rakyat ketika itu. Namun begitu, permohonan hak milik strata ini telah pun dibuat dan memakan masa kerana ia melibatkan pelbagai peringkat dan agensi seperti Pejabat Tanah dan Galian dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia. Pada masa kini, isu ini tidak timbul lagi kerana PKNS memastikan hak milik diperoleh terlebih dahulu sebelum sesuatu pembangunan dilaksanakan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)

TAJUK : GEMPA BUMI

234. Kebelakangan ini, banyak negara jiran telah pun mengalami gempa bumi yang agak serius. Terdapat beberapa tempat di Negeri Selangor juga mengalami gegaran akibat gempa bumi di negara jiran.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kesedaran orang ramai khususnya rakyat Negeri Selangor terhadap gempa bumi?

b) Apakah langkah-langkah pencegahan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap gempa bumi?

JAWAPAN :

a) Langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap bencana gempa bumi adalah meneruskan aktiviti dengan memberi program kesedaran(public komuniti) kepada masyarakat khususnya di negeri ini supaya memahami apa jua pelan tindakan kecemasan apabila berlaku dan selain panduan Arahan MKN No 20(Dasar dan Mekanisma Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara) dan Panduan Pengurusan Krisis/Bencana Negeri Selangor sama ada secara syarahan, latih amal, diskusi/forum, taklimat , mesyuarat , kursus/seminar pameran dan sebagainya. Perkara ini boleh diselaraskan oleh MKN Negeri Selangor dengan anjuran bersama dari semua agensi/jabatan di peringkat Daerah dan Negeri. Peruntukan bagi kos program kesedaran orang ramai perlu diadakan pada setiap tahun oleh Kerajaan Negeri kepada semua agensi yang berkenaan. MKN Negeri Selangor sebagai Urusetia kepada Pengurusan Dan Bantuan Bencana Negeri boleh memberi khidmat nasihat dan merancang bersama dengan agensi-agensi berkenaan sama ada peringkat Daerah dan Negeri untuk mengendalikan demi kepentingan bersama.

b) Langkah-langkah pencegahan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap bencana gempa bumi adalah dengan semua agensi berkenaan khasnya Jabatan Mineral dan Geosains akan memantau dari masa ke semasa bagi menghadapi sebarang jua bencana di negeri ini. Di samping itu program kesedaran berbentuk ilmiah dan latihan perlu diteruskan dan dilaksanakan sebagai aktiviti tahunan supaya dapat memupuk semua lapisan masyarakat dan agensi memahami apa langkah-langkah yang perlu diambil sekiranya berlaku gempa bumi yang skala besar. Segala peraturan hendaklah berpandukan pelan tindakan kecemasan dan Arahan MKN No. 20 dan Panduan Pengurusan Krisis/Bencana Negeri Selangor apabila telah diaktivasikan sepenuhnya. Perkara ini diperlukan kos peruntukan tahunan bagi program sebegini yang dirancangkan selain dimaklumkan melalui Mesyuarat Kerajaan Negeri dan EXCO.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)

TAJUK : PENDAFTARAN KONTRAKTOR

235. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Apakah status terkini usaha pendaftaran kontraktor-kontraktor dan pembekal-pembekal oleh kerajaan Selangor dan berapa ramai kontraktor dan pembekal kredibel yang telah didaftarkan oleh kerajaan sehingga sekarang?

b) Bilakah kerajaan akan bermula mengguna kontraktor-kontraktor ini?

JAWAPAN :

a) Sehingga kini, Urus setia Pendaftaran Kontraktor sedang memasukkan semua data-data yang diperoleh dan sehingga hari ini lebih kurang 4,000 data telah dimasukkan. Data-data dimasukkan mengikut fasa dan senarai kontraktor telah dikemukakan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Selangor.

Sebelum ini Senarai Kontraktor sentiasa dikemas kini dari masa ke masa dan dikeluarkan secara bulanan. Kini, semua PTJ dan PBT dalam proses untuk menerima kata laluan untuk membolehkan mereka terus mengakses Sistem Pendaftaran Kontraktor/Pembekal Negeri Selangor.

b) Semua PTJ dan PBT telah dibekalkan Senarai Kontraktor secara bulanan bermula Julai 2009 yang lalu dan seperti dimaklumkan PTJ dan PBT akan diberikan akses terus kepada Sistem Pendaftaran Kontraktor/Pembekal Negeri Selangor tidak lama lagi. Urus setia Pendaftaran Kontraktor kini sedang bekerjasama dengan ICT Selangor untuk memberikan latihan kepada semua PTJ dan PBT berkenaan sistem ini.

Melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Selangor 5/2009, semua PBT dan PTJ telah dimaklumkan bahawa semua perolehan harus menggunakan senarai kontraktor/pembekal yang berdaftar dengan Urus setia Pendaftaran Kontraktor, Unit Perancang Ekonomi Negeri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)

TAJUK : HOTEL MILIK KERAJAAN NEGERI

236. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Senaraikan hotel yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor.

b) Ulaskan prestasi hotel-hotel ini daripada segi hasil pendapatan.

c) Apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh kerajaan bagi mengatasi keadaan hotel yang tidak menguntungkan?

JAWAPAN :

JAWAPAN DARIPADA PKNS

a) PKNS memiliki rangkaian Hotel De Palma dengan pegangan 100% ekuiti dan 40% ekuiti di Equatorial Bangi.

b) Keuntungan sebelum cukai Hotel De Palma bagi tahun 2008 adalah sebanyak RM 2.8 juta dan Equatorial Hotel adalah sebanyak RM 2.4 juta.

c) Tiada berkaitan kerana prestasi hotel PKNS menguntungkan.

JAWAPAN DARIPADA KDEB

a) Hotel-hotel dan kelab rekreasi yang dimiliki oleh KDEB adalah seperti berikut:-

- Quality Hotel Shah Alam (QHSA) - 100%
- Quality Hotel City Centre (QHCC) - 100%
- Brisdale International Hotel - 100%
- Perangsang Templer Golf Club - 100%

b)

A. QUALITY HOTEL CITY CENTRE KUALA LUMPUR
(BUTIRAN UNTUNG RUGI SEJAK TAHUN 2004 HINGGA 2008)

OPERASI HOTEL	2004 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2007 RM'000	2008 RM'000
HASIL SEWA BILIK	6,971	7,230	7,049	7,976	8,371
HASIL MAKANAN/MINUMAN	5,441	5,674	5,322	5,903	5,575
JUMLAH HASIL	13,211	13,951	13,446	14,801	14,998
UNTUNG OPERASI KASAR	3,743	3,707	3,130	3,622	3,536
UNTUNG SELEPAS CUKAI & ZAKAT	130	822	451	724	541
% KADAR PENGINAPAN	78.61%	78.47%	72.77%	77.67%	76.10%
HARGA PURATA SEWA BILIK	RM96.91	RM100.97	RM106.15	RM112.54	RM120.22

B. QUALITY HOTEL SHAH ALAM
(BUTIRAN UNTUNG RUGI SEJAK TAHUN 2004 HINGGA 2008)

HOTEL OPERATION	2004 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2007 RM'000	2008 RM'000
JUMLAH HASIL	3,273	3,364	3,632	3,681	3,777
HASIL MAKANAN/MINUMAN	4,842	4,383	4,800	5,176	5,034
JUMLAH HASIL	8,459	8,058	8,926	9,472	9,527
KEUNTUNGAN OPERASI KASAR	1,781	1,687	1,975	2,180	2,069
KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI & ZAKAT	656	203	535	431	282
% KADAR PENGINAPAN	63.96%	62.43%	64.66%	65.68%	62.15%
HARGA PURATA SEWA BILIK	RM90.79	RM95.86	RM99.93	RM99.70	RM107.81

C. BRISDALE INTERNATIONAL HOTEL SDN BHD
(BUTIRAN UNTUNG RUGI DARI TAHUN 2004 HINGGA 2008)

HOTEL OPERATION	2004 RM'000	2005 RM'000	2006 RM'000	2007 RM'000	2008 RM'000
JUMLAH HASIL	2,900	3,795	3,281	4,571	4,489
HASIL MAKANAN/MINUMAN	1,151	1,478	1,855	2,265	2,183
JUMLAH HASIL	4,507	5,393	5,906	7,143	7,063
KEUNTUNGAN OPERASI KASAR	1,485	1,790	1,791	2,132	2,108
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI & ZAKAT	4	312	(15)	636	503
PERKARA LUAR BIASA	-	-	-	322	3,953
KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI & ZAKAT	4	312	(15)	958	4,456
% KADAR PENGINAPAN	37.79%	44.07%	48.95%	57.13%	53.03%
HARGA PURATA SEWA BILIK	RM76.23	RM85.78	RM77.78	RM79.71	RM84.10

D. PERANGSANG TEMPLER GOLF CLUB
(BUTIRAN UNTUNG RUGI SEJAK TAHUN 2004 HINGGA 2008)

OPERASI KELAB	**2004 RM'000**	**2005 RM'000**	**2006 RM'000**	**2007 RM'000**	**2008 RM'000**
PENDAPATAN KEAHLIAN	2,039	2,102	1,789	1,605	1,419
PENDAPATAN MAKANAN/MINUMAN	2,153 2,293	1,929 2,520	1,698 2,132	1,730 1,797	1,834 2,285
PENDAPATAN GOLF/REKREASI	882	118	123	234	275
LAIN-LAIN PENDAPATAN					
JUMLAH PEROLEHAN	7,367	6,669	5,742	5,366	5,813
KEUNTUNGAN KASAR OPERASI	*(687)*	*(589)*	*(1,182)*	*(541)*	*(391)*
KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI	*(1,805)*	*283*	*530*	*(1,278)*	*(423)*
JUMLAH KEAHLIAN	*1,891*	*1,832*	*1,895*	*1,668*	*1,532*

c)

- Kerajaan Negeri akan memberi kebenaran kepada agensi/jabatan kerajaan untuk mengadakan majlis-majlis rasmi negeri di hotel milik Kerajaan Negeri seperti Quality Hotel Shah Alam (QHSA), Quality Hotel City Centre-Kuala Lumpur (QHCC) dan Brisdale International Hotel – Kuala Lumpur.
- Bagi memperkukuhkan perniagaan hotel, KDEB pada tahun 2007 telah melaksanakan Rasionalisasi dan Penggabungan Perangsang Templer Golf Club dan Perangsang Hotel and Properties Sdn Bhd diletakkan di bawah Cash Band (M) Bhd, 99% anak syarikat KPS. Pelaksanaan penggabungan ini selesai pada 18 Disember 2007.
- Penstrukturan korporat ke atas pegangan pelaburan di dalam tiga entiti, iaitu Perangsang Templer Golf Club, Perangsang Hotels & Properties Sdn Bhd (QHSA dan QHCC) telah meningkatkan hasil pendapatan dan keuntungan di bawah Cash Band (M) Sdn Bhd dalam tahun 2008.

Sektor Hotel	Y2007	Y2008
Hasil	**RM30.172 juta**	**RM30.175 juta**
Keuntungan /(Kerugian) Operasi	**(RM1.864 juta)**	**RM2.033 juta**
Perangsang Templer Golf Club	Y2007	Y2008
Hasil	**RM8.664 juta**	**RM8.187 juta**
Keuntungan /(Kerugian) Operasi	**(RM1.47 juta)**	**(RM0.387 juta)**

- Bagi mengukuhkan sektor hospitaliti, Cash Band (M) Bhd juga telah mengambil alih 100% kepentingan di dalam Brisdale International Hotel Sdn Bhd dalam tahun 2008.
- Beberapa Strategi pemasaran juga telah dan sedang dijalankan oleh pihak hotel seperti:-

    - Menawarkan struktur kadar sewa bilik yang menarik dan setanding (competitive and attractive) - bahagian jualan membuat analisa pesaing dan harga yang mereka tawarkan

    - Menawarkan pakej yang mengikut kehendak pelanggan - memberikan harga yang boleh diubah supaya dapat memenuhi bajet pelanggan.

    - Terlibat dalam *trade show* seperti ATF, ATM, WTM, DMTF & NATAS.

    - Meneruskan lawatan kepada pelanggan tempatan dan negara serantau

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)

TAJUK : ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

237. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Berapakah jumlah pendapatan dan perbelanjaan untuk tiga tahun yang lalu dan setakat tahun ini.

b) Apakah bentuk sumbangan kepada rakyat hasil yang diperoleh dalam jangka masa tersebut.

JAWAPAN :

a) Jumlah pendapatan dan perbelanjaan untuk tiga tahun yang lalu dan setakat tahun ini.

KDEB	**2006**	**2007**	**2008**	**2009**
Pendapatan (RM)	443,636,000	474,329,000	214,282,498	13,685,000
Perbelanjaan (RM)	393,029,000	436,414,000	179,833,956	115,822,000

PNSB	**2006**	**2007**	**2008**	**2009**
Pendapatan (RM)	26,435,022	31,614,436	42,327,205.47	20,665,196.82
Perbelanjaan (RM)	25,733,559	11,811,560	22,482,371.91	8,867,202.95

Pendidikan Industri YS	**2006**	**2007**	**2008**	**2009**
Pendapatan (RM)	5,565,000	4,791,000	94,147,000	59,649,000
Perbelanjaan (RM)	11,503,000	8,482,000	83,162,000	73,944,000

*Bagi tahun 2009 tempoh kewangan adalah setakat 30 September 2009

Tourism Selangor	**2006**	**2007**	**2008**	**2009**
Pendapatan (RM)	-	5,534,806	3,325,499	2,801,193.86
Perbelanjaan (RM)	-	5,457,790	3,760,666	2,836,501.33

Rantaian Mesra Sdn Bhd	**2006**	**2007**	**2008**	**2009**
Pendapatan (RM)	-	-	2,007,043	17,034.92
Perbelanjaan (RM)	-	-	245,972	470,670.87

SSIC Berhad	**2006**	**2007**	**2008**	**2009**
Pendapatan (RM)	-	5,003,316	5,425,644	1,115,926.89
Perbelanjaan (RM)	-	4,330,258	4,379,160	2,319,631.24

Kumpulan Semesta S/B	**2006**	**2007**	**2008**	**2009**
Pendapatan (RM)	-	-	4,824,874	9,139,486.23
Perbelanjaan (RM)	-	-	3,637,480	2,285,261.54

Bukit Beruntung Golf & Country Resort Berhad	**2006**	**2007**	**2008**	**2009**
Pendapatan (RM)	3,633,000	3,389,000	282,000	1,645,198.20
Perbelanjaan (RM)	4,913,000	4,855,000	399,000	2,363,402.37

*Bagi tahun 2009 tempoh kewangan adalah setakat 30 September 2009.

Jumlah pendapatan bagi semua anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor untuk tiga tahun yang lalu dan setakat tahun ini adalah sebanyak **RM1,479,270,380.39**

Jumlah perbelanjaan bagi semua anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor untuk tiga tahun yang lalu dan setakat tahun ini adalah sebanyak **RM1,413,338,443.21.**

b) **Kumpulan Darul Ehsan Berhad**

1) Sumbangan Program Komuniti/Kerajaan Prihatin

Sejak tahun 2001 hingga 2008, Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) telah menyumbangkan kewangan berjumlah RM5.696 juta bagi Program Kerajaan Prihatin, pembinaan rumah baru/pembaik pulih rumah golongan kurang berkemampuan

2) Program Lain di Kawasan luar Bandar

KDEB juga menaja sebanyak RM0.669 juta bagi pembinaan Pusat ICT, Projek Bahasa Inggeris dan Bantuan Cermin Mata kepada pelajar sekolah di kawasan kurang membangun dan kawasan pendalaman di Selangor.

3) Pembiayaan 20meterpadu Pertama Air Percuma kepada Rakyat Selangor

Sejak bulan Jun 2008 hingga Mei 2009, KDEB telah membiayai 20meterpadu pertama air percuma berjumlah RM122,483,199 bagi pihak rakyat Selangor kepada Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS).

Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)

1) Program Basmi Kemiskinan

Bagi tempoh masa Jan – Disember 2008 PNSB telah membelanjakan sejumlah RM1,282,979.64 bagi kerja-kerja rumah baru/membaik pulih rumah bagi rakyat miskin.

2) Program Mesra Rakyat

Bagi tempoh Jan – Disember 2008 PNSB telah memperuntukkan sejumlah RM3,182,000.00 bagi sumbangan kepada pelajar menengah/rendah, usahawan belia dan usahawan ibu tunggal serta sumbangan barangan berupa makanan kepada ibu tunggal dan orang miskin.

3) PEKAWANIS

Sumbangan kepada ibu tunggal dan warga emas dalam tempoh 07 Sept 2008 sehingga 06 Oktober 2009 PNSB telah memperuntukkan sejumlah RM251,338.62 bagi program tersebut.

Pendidikan Industri YS Sdn Bhd – Universiti Industri Selangor

1) Sekolah Angkat

Unisel kini mempunyai 9 sekolah angkat di Sembilan Daerah di seluruh negeri Selangor. Pemilihan sekolah berdasarkan prestasi atau pencapaian sekolah dalam peperiksaan yang dijalankan dan kedudukan ekonomi ibu bapa pelajar. Aktiviti yang dijalankan untuk kepentingan pelajar di Sekolah Angkat yang kebanyakan berada di kawasan luar Bandar ialah memberi tuisyen percuma, kegiatan gotong royong, lawatan ke Unisel, program motivasi dan sebagainya.

Tourism Selangor

1) Sumbangan kepada Rumah Anak-anak Yatim Taman Medan

Pada tahun 2008 Tourism Selangor memperuntukkan sejumlah RM1,000.00 untuk sumbangan kepada Rumah Anak-anak Yatim Taman Medan.

2) Dana Kebajikan dan Pendidikan YKSM

Pada tahun 2009 membelanjakan sejumlah RM1,000.00 bagi Dana Kebajikan dan Pendidikan YKSM.

Rantaian Mesra Sdn Bhd

1) Melaksanakan Skim Mesra Usia Emas

Seluruh Warga Emas dan Orang Kurang Upaya yang layak akan didaftarkan bagi memastikan mereka mendapat manfaat khairat kematian bernilai RM2500 apabila berlaku kematian.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)

TAJUK : BUKU PANDUAN UNTUK MENJUAL ARAK DI SELANGOR

238. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Apakah syarat-syarat yang perlu dipenuhi untuk menjual arak di Selangor

JAWAPAN :

a) Syarat utama untuk menjual arak di Selangor adalah untuk mendapatkan Lesen Menjual Liquor yang dikeluarkan oleh Lembaga Pelesenan Eksais Daerah di bawah kuasa yang diperuntukkan oleh Seksyen 35, Akta Eksais 1976. Di bawah Seksyen ini, Lembaga Pelesenan bagi sesuatu kawasan adalah mempunyai kuasa menurut budi bicaranya untuk mengeluarkan dan memindah milik lesen-lesen dalam kawasan itu seperti berikut:

1) Lesen Rumah Awam : Untuk jualan secara runcit liquor yang memabukkan, tidak termasuk todi untuk digunakan di dalam premis atau tempat mana liquor itu dijual;

2) Lesen Rumah Bir : Untuk jualan secara runcit bir untuk digunakan pada premis atau di mana bir itu dijual dengan syarat bahawa pemegang-pemegang lesen rumah awam hendaklah dikecualikan daripada memiliki lesen rumah bir;

3) Lesen Kedai Runcit – Untuk jualan secara runcit liquor yang memabukkan, tidak termasuk todi, untuk digunakan di tempat-tempat lain daripada premis atau di tempat di mana liquor itu dijual; dan

4) Lesen Peniaga Borong- untuk jualan secara borong liquor yang memabukkan, tidak termasuk todi.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : MASALAH PENGGANGGURAN SISWAZAH

239. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Sila senaraikan butiran terperinci jumlah siswazah IPTA/IPTS yang menganggur selepas tamat pengajian dari tahun 2007 hingga bulan Jun 2009 mengikut pecahan kaum?

b) Adakah pihak kerajaan telah mengenal pasti punca utama yang menyebabkan keadaan sedemikian berlaku dan pendekatan untuk mengatasinya?

c) Sila nyatakan setakat tahun 2007 hingga bulan Jun 2009, berapakah jumlah peluang pekerjaan telah disediakan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk para siswazah?

JAWAPAN :

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)

TAJUK : HAKMILIK TANAH BAGI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH TAMIL

240. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Apakah nama Sekolah-sekolah Rendah Tamil di Negeri Selangor yang tidak mempunyai hak milik Tanah yang kekal?

b) Mengapakah Sekolah-sekolah Tamil tersebut sehingga ke hari ini masih belum mempunyai hak milik tanah yang kekal?

c) Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan memberikan hak milik tanah yang kekal pada masa akan datang kepada Sekolah-sekolah Rendah Tamil yang tidak memiliki status hak milik tersebut?

JAWAPAN :

a) Nama sekolah-sekolah Rendah Tamil di Negeri Selangor yang tidak mempunyai hak milik tanah yang kekal adalah seperti di **Lampiran A**.

b) Sekolah-sekolah Rendah Tamil tersebut sehingga ke hari ini masih belum mempunyai hak milik tanah yang kekal kerana pelan ukur halus perlu disediakan terlebih dahulu bagi membolehkan hak milik kekal disediakan dan didaftarkan.

c) Hak milik kekal hanya akan didaftarkan setelah Pelan Ukur Halus diluluskan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan.

SENARAI NAMA-NAMA SEKOLAH RENDAH TAMIL DI NEGERI SELANGOR YANG TIDAK MEMPUNYAI HAKMILIK TANAH YANG KEKAL

BIL.	NAMA SEKOLAH	STATUS
PTD PETALING		
Tidak ada Sekolah Tamil di Daerah Petaling yang mempunyai hakmilik tanah yang kekal		
PTD KLANG		
1.	SJK(T) Ladang Batu Ampat, Jalan Kota Raja, 41000 Klang	Tidak mempunyai hakmilik kekal
2.	SJK(T) Ladang Brafferton, Ladang Brafferton, 42200 Kapar	Tidak mempunyai hakmilik kekal
3.	SJK(T) Ladang Bukit Rajah, Ladang Bukit Rajah, Jalan Meru 41050 Klang	Tidak mempunyai hakmilik kekal
4.	SJK(T) Ladang Emerald, Batu 8, Jalan Kg. Jawa, 42450 Klang	Tidak mempunyai hakmilik kekal
